



LAPORAN TAHUNAN

JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

2019

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|------|
| PERUTUSAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI | I |
| PENGURUSAN TERTINGGI JKWPKL&P | II |
| SIDANG PENGARANG | III |
| SIDANG EDITORIAL | IV |
| CARTA ORGANISASI | V |
| VISI JKWPKL&P | VI |
| MISI JKWPKL&P | VII |
| DASAR KUALITI | VIII |
| OBJEKTIF KUALITI | IX |
| PIAGAM PELANGGAN | X |
| PROFILE JKWPKL&P | XI |
| 1.0 BAHAGIAN PENGURUSAN | |
| 2.0 BAHAGIAN PERUBATAN | |
| 3.0 BAHAGIAN KESIHATAN AWAM | |
| 4.0 BAHAGIAN KUALITI DAN KESIHATAN MAKANAN | |
| 5.0 BAHAGIAN FARMASI | |
| 6.0 BAHAGIAN PERGIGIAN | |

SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG



Salam Sejahtera

Terlebih dahulu kita panjatkan rasa bersyukur kerana laporan tahunan 2019 ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada sidang Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya (JKWPKL&P) di atas penerbitan Laporan tahunan 2019 ini.

Laporan tahunan adalah merupakan dokumen penting dalam mendokumentasikan dan menerangkan objektif, peranan, fungsi, aktiviti dan pencapaian di setiap bahagian di JKWPKL&P. Semoga laporan tahunan ini boleh digunakan dan dimanfaatkan bersama untuk semua pihak.

Sepanjang tahun 2019, JKWPKL&P telah menjalankan semua aktiviti yang telah dirancang. Setiap bahagian juga telah menunjukkan prestasi pencapaian yang memberansangkan selari dengan Visi JKWPKL&P iaitu mengembleng tenaga kearah kesihatan yang lebih baik.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan yang telah diberikan oleh warga JKWPKL&P kearah mencapai kecemerlangan dan kejayaan yang berterusan kepada Jabatan ini.

Sekian Terima Kasih.

DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur dan Putrajaya

PENGURUSAN TERTINGGI JKWPKL&P



DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH
Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur Dan Putrajaya



NAZRAHTUL AINI BINTI BAHARUM
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Pengurusan)



DR. SHAHROM BINTI ISMAIL
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Perubatan)



SAZALI BIN HARUN
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Keselamatan Dan Kualiti Makanan)



DR. HJ. AMIN SAH BIN HJ. AHMAD
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Kesihatan Awam)



DR. NOORAINI BINTI OSMAN
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Pergigian)



FUZIAH BINTI ABD RASHID
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Farmasi)

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH

Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya

PENGERUSI

DR. RONIYUZAM BIN ABD MALEK

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Perubatan)

TIMBALAN PENGERUSI

DR. HJ. AMIN SAH BIN HJ. AHMAD

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Kesihatan Awam)

DR. NOORAINI BINTI OSMAN

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Pergigian)

FUZIAH BINTI ABD RASHID

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Farmasi)

NAZRAHTUL AINI BINTI BAHARUM

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Pengurusan)

SAZALI BIN HARUN

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Keselamatan Dan Kualiti Makanan)

SIDANG EDITORIAL



PENASIHAT

DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH

KETUA EDITOR

DR. RONIYUZAM BIN ABD MALEK

PENOLONG KETUA EDITOR

DR. HAJI MOHD AKMAL BIN DATO' DAHLAN

EDITOR BAHAGIAN KESIHATAN AWAM
NUR HAKIMIN BIN NORDIN

EDITOR BAHAGIAN FARMASI
MUHAMMAD FADHLI BIN ABD RAZAK
FARISHA BINTI FAUZI


EDITOR BAHAGIAN PERUBATAN
NUR AMANINA BINTI ALIAS
SITI FADZLIANA BINTI MOHD FADZIL


EDITOR BAHAGIAN PENGURUSAN
NUR TASYAHERA BINTI YUSOFF

EDITOR BAHAGIAN PERGIGIAN
MARNIZA BINTI CHE MOHAMED

EDITOR BAHAGIAN KESELAMATAN
DAN KUALITI MAKANAN
MUNIRA BINTI ZAKARIA

CARTA ORGANISASI JKWPKL&P





VISI JKWPKL&P

Mengembleng Tenaga Kearah Kesihatan Yang Lebih Baik

MISI JKWPKL&P

Menerajui dan berusaha Bersama-sama:

i. Untuk membolehkan dan memudahkan penduduk kuala lumpur

- Mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
- Menghargai kesihatan sebagai asset paling berharga
- Mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

ii. Untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi, iaitu

- Mengutamakan pelanggan
- Saksama
- Tidak membebankan
- Cekap
- Wajar mengikut teknologi
- Boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- Inovatif

iii. Dengan menekankan

- Sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
- Sifat menghormati maruah insan
- Penglibatan masyarakat

DASAR KUALITI

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada semua lapisan masyarakat dengan penekanan kepada aspek promosi, pencegahan, rawatan, dan rehabilitasi yang memenuhi sistem pengurusan kualiti dan penambahbaikan berterusan.

OBJEKTIF KUALITI

BAHAGIAN PENGURUSAN

- Sebarang pembayaran bil dan tuntutan akan dijelaskan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan.
- Sebarang aduan yang diterima di rekod dan di maklumkan untuk tindakan susulan dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan.
- Sebarang penyata perubahan mengenai pendapatan seorang pegawai (kew.8) bagi anggota lantikan baru disediakan dan dikemukakan kepada kewangan dalam tempoh 14 hari bekerja.
- Laman web JKWP KLP di kemaskini setiap minggu.

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

- Laporan pelaksanaan pemantauan indikator kepada aktiviti di bahagian kesihatan awam di bentangkan di dalam mesyuarat bahagian kesihatan awam setiap 6 bulan.

BAHAGIAN PERUBATAN

- Pemeriksaan dan laporan untuk pembaharuan lesen hospital (untuk permohonan yang diterima dalam tempoh yang ditetapkan iaitu enam (6) bulan sebelum tarikh tamat lesen) siap di kemukakan kepada cawangan kawalan amalan perubatan swasta, Kementerian Kesihatan Malaysia tiga (3) bulan sebelum tamat lesen.
- Lawatan pemantauan dilakukan oleh pasukan penyeliaan sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali.
- Memastikan semua acara yang di luluskan mempunyai pasukan perlindungan perubatan.

BAHAGIAN FARMASI

1. Penguatkuasa Farmasi

Pengeluaran lesen baru jenis A/B/C dan permit NaOH dikeluarkan dalam masa 10 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.

2. Pengurusan Farmasi

Memastikan modal insan dan perancangan latihan diuruskan secara optima mengikut keperluan selain pengurusan kewangan yang mantap mengikut peraturan yang ditetapkan.

3. Amalan Dan Perkembangan Farmasi

Memastikan perolehan dan penggunaan ubat-ubatan yang berkualiti melalui Amalan Farmasi yang berkesan bagi mempertingkatkan Perkhidmatan Farmasi di Malaysia supaya setanding dengan kemajuan Perkembangan Perkhidmatan Farmasi di Negara-negara maju.

PIAGAM PELANGGAN

| BIL | PERKARA |
|-----|--|
| 1. | <p>Pelanggan akan mula menerima perkhidmatan di klinik kesihatan/ farmasi dalam masa 30 minit selepas pendaftaran atau kad imbas:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Klinik kesihatan ii) Farmasi iii) >75% pesakit luar di klinik pergigian mendapat rawatan dalam masa 30 minit |
| 2. | <p>Di jabatan kecemasan, pelanggan akan di kategorikan mengikut keutamaan kes kepada berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Zon merah: pesakit akan di rawat serta-merta. ii) Zon kuning: pesakit akan diperiksa dalam masa 15 minit. |
| 3. | <p>Sijil kesihatan di keluarkan setelah dokumen dan maklumat lengkap diperolehi daripada syarikat yang memohon dalam masa:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) 3 hari bekerja (sekiranya produk mempunyai sijil HACCP dari kementerian kesihatan). ii) 21 hari bekerja (sekiranya produk tiada sijil HACCP). |
| 4. | <p>Sijil jualan bebas di keluarkan kepada syarikat yang memohon dalam masa 24 jam setelah dokumen dan maklumat lengkap diperolehi.</p> |
| 5. | <p>Selepas menerima permohonan baru yang lengkap daripada pelanggan;</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Lawatan ke premis pemohon bagi tujuan lesen hospital dan klinik akan dilakukan dalam masa 14 hari bekerja. ii) Pengeluaran lesen/permit baru (racun jenis A/B/E, Permit NaOH dan permit psikotropik) yang di keluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 10 hari bekerja. |
| 6. | <p>Kawalan pencegahan wabak dalam tempoh 24 jam dari tarikh notifikasi yang diterima bagi semua penyakit berjangkit.</p> |
| 7. | <p>Siasatan kes kematian akibat penyakit berjangkit adalah dalam tempoh 24 jam dari tarikh notifikasi diterima.</p> |
| 8. | <p>Pengurusan aduan pelanggan di rekod dan di maklumkan penerimaannya dalam tempoh 3 hari bekerja dan di jawab kepada pengadu tentang tindakan yang telah di buat dalam tempoh masa 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan.</p> |
| 9. | <p>Pengurusan pembayaran bil dan tuntutan di jelaskan dalam tempoh masa 14 hari daripada tarikh pengesahan kelulusan pembayaran.</p> |

PROFILE JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

PENDAHULUAN

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditubuhkan secara tidak rasmi pada Jun 2001. Memulakan operasi di Jalan Dungun, Damansara Heights, Kuala Lumpur. Berpindah ke Blok E, Bangunan Kesihatan, Jalan Cenderasari Kuala Lumpur.

Mula beroperasi pada 1 Januari 2002. Berpindah ke Blok D, Kompleks Pejabat-pejabat Kesihatan, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur. Perpindahan meliputi Bahagian Perubatan, Bahagian Pengurusan, Bahagian Kesihatan Awam dan Bahagian Farmasi, Bahagian Pergigian mengekalkan kedudukannya di Bangunan Cahaya Suria, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur.

KEPENDUDUKAN

Jadual 1: Jumlah penduduk mengikut daerah bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya 2019

| | KUALA LUMPUR | | | PUTRAJAYA | | | KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA | | |
|------------------------|--------------|-----------|-----------|-----------|-----------|--------|--------------------------|-----------|-----------|
| | Lelaki | Perempuan | Jumlah | Lelaki | Perempuan | Jumlah | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
| Jumlah populasi | 982,000 | 913,800 | 1,895,800 | 43,600 | 49,500 | 93,100 | 1,025,600 | 963,300 | 1,988,900 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


KEMUDAHAN KESIHATAN

Jadual 2: Jumlah Kemudahan Hospital di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2019

| HOSPITAL | BIL KATIL |
|-------------------------------------|-----------|
| Hospital Putrajaya | 369 |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 166 |

TARAF KESIHATAN

Jadual 3: Statistik Terpilih penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran
2. Kadar kelahiran kasar dan kadar kematian kasar bagi setiap 1,000 penduduk
3. 0 = Data tidak tersedia/ Tidak berkenaan (2019)

Jadual 4: Jumlah Kemudahan Kesihatan di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2019

| NAMA PEJABAT KESIHATAN DAERAH / KLINIK | BIL KEMUDAHAN KESIHATAN | |
|---|-------------------------|----------------------|
| | KLINIK KESIHATAN | KLINIK 1 MALAYSIA |
| PK Lembah Pantai | 2 | 7 |
| PK Cheras | 4 | 5 |
| PK Titiwangsa | 4 | 6 |
| PK Kepong | 3 | 7 |
| PKD Putrajaya | 4 | 0 |
| Pusat Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam | 1 | 0 |
| Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita Puspanita | 1 | 0 |
| Klinik Pergigian | 109 | 0 |
| Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) | 18 | 0 |

Sumber: Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

LAPORAN BAHAGIAN

Bahagian Pengurusan

Bahagian Perubatan

Bahagian Kesihatan Awam

Bahagian Kualiti Dan Kesihatan Makanan

Bahagian Farmasi

Bahagian Pergigian



BAHAGIAN PENGURUSAN


PENGENALAN

Bahagian Pengurusan bertanggungjawab memberikan khidmat sokongan kepada Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) dalam usaha menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Bahagian ini berperanan menyampaikan perkhidmatan kepada pegawai dan kakitangan bagi keseluruhan Pusat Tanggungjawab (PTj) merangkumi urusan pentadbiran, pengurusan sumber manusia dan kewangan, pengesanan dan penyeliaan projek-projek pembangunan, perolehan dan pembelian stok serta aset Jabatan, penyelarasan aktiviti-aktiviti latihan anjuran sektor awam dan swasta, serta keurussetiaan pelbagai aktiviti jabatan.

Matlamat Perkhidmatan Dan Objektif

Bahagian Pengurusan menyediakan perkhidmatan dengan matlamat untuk memastikan pengurusan pentadbiran, sumber manusia dan kewangan diuruskan dengan strategik dan berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan peraturan dan prosedur yang sedang berkuat kuasa, dengan objektif utama untuk menyediakan khidmat pengurusan yang berkualiti, cekap dan berkesan serta mesra pelanggan.



1.1 UNIT PENTADBIRAN

Secara amnya, Unit Pentadbiran bertanggungjawab ke atas urusan pentadbiran pejabat dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada semua bahagian di JKWPKL&P. Unit Pentadbiran bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

- a. Mengendalikan surat keluar masuk;
- b. Mengendalikan pengurusan fail;
- c. Menguruskan penyelenggaraan dan kebersihan pejabat;
- d. Menguruskan keselamatan pejabat;
- e. Mengendalikan laporan kehadiran;
- f. Mengendalikan pengurusan kuarters di bawah JKWPKL&P;
- g. Menguruskan agihan bekalan kenderaan;
- h. Menguruskan permohonan penggunaan kenderaan;
- i. Menguruskan majlis-majlis rasmi; dan
- j. Mengendalikan aduan di JKWPKL&P.

1.1.1 Aktiviti Unit

Jadual 1.1: Majlis-majlis rasmi Jabatan yang turut dikendalikan oleh Unit Pentadbiran pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

| BIL. | MAJLIS RASMI |
|------|--|
| 1. | Perhimpunan Bulanan |
| 2. | Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat JKWPKL&P |
| 3. | Majlis Hari Raya JKWPKL&P |
| 4. | Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang |

Unit Pentadbiran juga telah berjaya melaksanakan satu kursus pada tahun 2019 iaitu Kursus Peningkatan Kualiti Pemandu di Village Camp, Perak pada 18 hingga 20 Oktober 2019.



Rajah 1.1 Gambar-gambar sekitar pelaksanaan Kursus Peningkatan Kualiti Pemandu yang dilaksanakan di Village Camp, Perak pada 18 hingga 20 Oktober 2019.


1.2 UNIT SUMBER MANUSIA


Unit Sumber Manusia bertanggungjawab dalam memastikan segala urusan sumber manusia di JKWPKL&P dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berkualiti selaras dengan pekeliling dan peraturan perkhidmatan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Unit Sumber Manusia merangkumi tiga sub unit iaitu Sub Unit Perkhidmatan, Sub Unit Perjawatan dan HRMIS, serta Sub Unit Integriti/Prestasi.

Sehingga tahun 2019, jumlah perjawatan yang telah diluluskan di JKWPKL&P adalah sebanyak 7,181 jawatan yang dibahagikan mengikut kategori kumpulan jawatan iaitu kumpulan Pengurusan dan Profesional, kumpulan Paramedik dan Auksiliari serta kumpulan Gunasama dan Sokongan dengan jumlah pengisian sebanyak 6,750 jawatan (94%). Senarai perjawatan dan pengisian mengikut kategori adalah seperti **Jadual 1** manakala **Jadual 2** pula menunjukkan perbandingan perjawatan bagi tahun 2018 dan 2019.

Jadual 1.2: Perjawatan Mengikut Kategori

| Bil. | Kategori Kumpulan Jawatan | Bil. Perjawatan | Pengisian | | Kosong | |
|---------------------------|-----------------------------|--------------------|--------------|------------|------------|-----------|
| | | | Bil. | % | Bil. | % |
| 1. | Pengurusan Tertinggi (JUSA) | 30 | 27 | 90% | 3 | 10% |
| 2. | Profesional & Pengurusan | 1,704 | 1,582 | 93% | 122 | 7% |
| 3. | Paramedik & Auksiliari | 4,573 | 4,345 | 95% | 228 | 5% |
| 4. | Sokongan & Gunasama | 874 | 796 | 91% | 78 | 9% |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 7,181 | 6,750 | 94% | 431 | 6% |





Rajah 1.2: Perbandingan Perjawatan dan Pengisian Bagi Tahun 2018 & 2019

Bagi tahun 2019, hanya 1 KPI daripada Unit Sumber Manusia yang menyumbang kepada KPI Pengarah Kesihatan Negeri iaitu Pencapaian KPI HRMIS Ketua Jabatan JKN yang merangkumi 7 modul seperti jadual di bawah:

Jadual 1.3: Pencapaian KPI HRMIS Ketua Jabatan JKWPKL&P Tahun 2019 (Sehingga 31 Disember 2019)

| Jabatan/ Institusi/ IPKKM | Bil. Co | Perjawatan Hrmis | Data Berintegriti | SKT 2019 | LNPT 2019 | Perisytiharan Harta | Penamatan Perhidmtn | Sub Modul Cuti Rehat | Jumlah % |
|---------------------------------|---------|---------------------|----------------------|----------|-----------|------------------------|------------------------|-------------------------|----------|
| JKWPKL &P | 6,750 | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% |

Sehingga akhir Disember 2019, pencapaian KPI HRMIS bagi JKWPKL&P telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 100% sekali gus dianugerahkan Sijil Penghargaan 5 Bintang bagi Tahun 2019.

1.3 UNIT KEWANGAN

Secara amnya, Unit Kewangan bertanggungjawab dalam aspek pengurusan kewangan terutamanya dalam melaksanakan tugas-tugas seperti penyaluran waran peruntukan, penyelarasan perjanjian bagi program pengurusan dan laporan perbelanjaan mengurus dan pembangunan, pembayaran emolumen, pungutan hasil, pembayaran bil serta hal-hal yang berkaitan kewangan.

Secara keseluruhannya, unit ini bertanggungjawab dalam memastikan segala urusan pembayaran mematuhi arahan, peraturan dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa seperti ditetapkan oleh Perbendaharaan dan Jabatan Akauntan Negara.

1.3.1 Objektif Unit


Objektif Unit Kewangan adalah termasuk:

- a. Memberi sokongan kewangan kepada program dan aktiviti Jabatan melalui pelaksanaan dasar kewangan berasaskan prosedur, arahan dan pekeliling kewangan yang berkuat kuasa;
- b. Memastikan sumber kewangan Jabatan yang diamanahkan diurus dan dikawal dengan bijak dan berhemah serta menepati perjanjian program bagi anggaran belanja mengurus;
- c. Memberi perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan berkesan dalam bidang pengurusan kewangan dan akaun kepada pelanggan; dan
- d. Memantapkan prestasi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan.

1.3.2 Peruntukan Jabatan

Secara keseluruhannya, JKWPKL&P telah diperuntukkan sebanyak RM704,783,369.00 (pertambahan sebanyak RM73,938,082.00 berbanding tahun 2018 dengan kadar pertambahan sebanyak 11.72%) di bawah peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2019

yang merangkumi dasar sedia ada sebanyak RM605,828,469.00 dan sebanyak RM98,954,900.00 di bawah program khusus. Manakala, sebanyak RM20,396,926.00 diperuntukkan di bawah belanja pembangunan.



Rajah 1.4: Agihan Peruntukan Belanja Mengurus bagi Tahun 2019

1.3.3 Prestasi Perbelanjaan Mengurus


Keseluruhan prestasi belanja mengurus JKWPKL&P sehingga 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM698,558,759.00 atau 99% daripada keseluruhan peruntukan. Perbelanjaan melebihi peruntukan adalah disebabkan oleh perbelanjaan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK). Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah peruntukan dan peratusan perbelanjaan mengikut maksud perbelanjaan.

Jadual 1.4: Jumlah Peruntukan dan Peratusan Perbelanjaan Mengikut Maksud Perbelanjaan

| MAKSUD PERBELANJAAN | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) | JUMLAH PERBELAJAAN (RM) | PERATUSAN PERBELANJAAN (%) |
|------------------------------------|------------------------|-------------------------|----------------------------|
| Emolumen | 434,813,524.00 | 443,537,201.00 | 102.01 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 268,064,295.00 | 253,146,515.00 | 94.43 |
| Aset | 1,792,000.00 | 1,771,193.00 | 98.84 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 113,550.00 | 103,853.00 | 91.46 |

1.3.4 Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan

Pada keseluruhannya, JKWPKL&P telah diperuntukkan sebanyak RM20,396,926.00 untuk projek-projek pembangunan. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan JKWPKL&P sehingga 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM20,148,537.00 atau 98.78% daripada keseluruhan peruntukan. Jadual 2 menunjukkan projek yang diluluskan bagi tahun 2019.



Rajah 1.5: Agihan Peruntukan Belanja Pembangunan bagi Tahun 2019

Jadual 1.5: Jumlah Peruntukan dan Peratusan Perbelanjaan Mengikut Maksud Perbelanjaan

| BIL. | AKTVITI | | PERUNTUKAN (RM) | BELANJA (RM) | PERATUS (%) | BAKI (RM) |
|---------------|---|-------|----------------------|----------------------|--------------|-------------------|
| 1. | Ubahsuai, naiktaraf dan pembaikan | 00600 | 5,135,053.00 | 5,118,482.00 | 99.68 | 16,571.00 |
| 2. | Pembaikan & Naiktaraf Sistem Pendawaian di Fasiliti KKM | 00200 | 5,458,999.00 | 5,323,442.00 | 97.52 | 135,557.00 |
| 3. | Perolehan dan penyelenggaraan tanah | 00700 | 4,174.00 | 4,174.00 | 100.00 | 0.00 |
| 4. | Peruntukan Penyelidikan (NIH) | 00500 | 109,561.00 | 93,673.00 | 85.50 | 15,888.00 |
| 5. | Latihan dalam perkhidmatan | 00105 | 821,280.00 | 777,351.00 | 94.65 | 43,929.00 |
| 6. | Naiktaraf Peralatan Perubatan, Ambulans dan Kenderaan | 01100 | 8,627,859.00 | 8,592,465.00 | 99.59 | 35,394.00 |
| 7. | Penyelenggaraan kuarters Kementerian Kesihatan Malaysia/Projek Mesra Rakyat | 09000 | 240,000.00 | 238,950.00 | 99.56 | 1,050.00 |
| JUMLAH | | | 20,396,926.00 | 20,148,537.00 | 98.78 | 248,389.00 |

Kutipan Hasil Jabatan

Jumlah hasil keseluruhan JKWPKL&P yang diterima bagi bulan Januari hingga Disember 2019 adalah sebanyak RM 41,894,092.18 berbanding 2018 sebanyak RM30,396,250.16. Pengkelasan mengikut penjenisan kod adalah seperti Jadual 3 berikut:

Jadual1.6: Jenis-Jenis Hasil

| BIL. | PENJENISAN KOD | | JUMLAH (RM) |
|---------------------------|-----------------|--|----------------------|
| 1. | 72110 | Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit luar - Warganegara Malaysia | 518,220.40 |
| 2. | 72113 | Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit luar - Warganegara Asing | 653,714.45 |
| 3. | 72117 -72127 | Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit dalam - Warganegara Malaysia | 6,907,051.00 |
| 4. | 72131 -72145 | Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit dalam - Warganegara Asing | 455,382.00 |
| 5. | 72111 | Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan untuk pesakit luar - Warganegara Malaysia | 1,192,497.01 |
| 6. | 72114 | Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan untuk pesakit luar - Warganegara Asing | 1,727,166.55 |
| 7. | 72112 | Bayaran Perkhidmatan Pergigian untuk pesakit luar - Warganegara Malaysia | 1,454,716.50 |
| 8. | 72115 | Bayaran Perkhidmatan Pergigian untuk pesakit luar - Warganegara Asing | 68,761.50 |
| 9. | | Pelbagai Bayaran (Kompaun rokok, denggi, lesen, sewa dan lain-lain) | 28,916,582.77 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 41,894,092.18 |

1.4 UNIT PEMBANGUNAN

Unit Pembangunan berfungsi dalam merancang dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT), projek-projek di bawah peruntukan pembangunan seperti Naiktaraf, Ubahsuai dan Pembaikan (BP00600), Penyelenggaraan Kuarters KKM (BP00900), Penyelenggaraan Tanah (BP00700), serta Projek-Projek Khas.

Selain itu, Unit Pembangunan turut berfungsi dalam:

- a. Merancang dan menguruskan peruntukan pembangunan Jabatan seperti BP00203, BP00600, BP00700, BP00900, dan BP01100;
- b. Menguruskan permohonan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf klinik;
- c. Menguruskan hal ehwal penyewaan ruang pejabat di premis bukan milik Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan klinik/pejabat;
- d. Menguruskan hal ehwal penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis) di bawah pentadbiran JKWPKL&P;
- e. Memantau dan mengemaskini maklumat pelaksanaan projek pembangunan di dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPPII);
- f. Bertindak sebagai pengantara dengan agensi pelaksana pembangunan;
- g. Mengendalikan urusan berkaitan tanah di bawah seliaan JKWPKL&P;
- h. Menguruskan perolehan sebutharga kerja dan perkhidmatan taska di fasiliti di bawah pentadbiran JKWPKL&P; dan
- i. Menyelaraskan laporan kajian penilaian *outcome* projek-projek pembangunan di bawah JKWPKL&P.

Antara aktiviti Unit Pembangunan adalah termasuk:

- a. Menyelaraskan permohonan projek-projek baru dan sambungan di bawah *Rolling Plan* Ke-4 (2020) RMK-11 (RP4 2020 RMK-11);
- b. Memantau prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah RP4 RMK-11 yang telah diluluskan supaya mengikut jadual yang telah ditetapkan;

- c. Memastikan sebanyak 31 lot tanah yang telah disah milik diselia dan dipantau secara berkala;
- d. Memastikan urusan penyewaan ruang pejabat dengan syarikat dan agensi tertentu diuruskan dengan segera iaitu sebanyak 21 buah klinik di bawah JKWPKL&P seperti Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak serta Klinik Komuniti;
- e. Memastikan urusan penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis) diuruskan dengan sempurna di mana sebanyak 15 penyewa direkodkan di bawah JKWPKL&P; dan
- f. Memastikan peruntukan pembangunan dan projek di bawah BP00203, BP00600, BP00700, dan BP01100 dilaksanakan dan diuruskan mengikut perancangan dan prosedur yang ditetapkan.

1.4.1 Program/Aktiviti yang Dijalankan sepanjang Tahun 2019

- a. Lawatan ke tapak kosong untuk pembinaan Klinik Kesihatan Manjalara bersama Ahli Parlimen Segambut, YB Hannah Yeoh




- b. Lawatan tapak ke bangunan Pusat Temu Duga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jalan Cenderasari



- c. Lawatan ke tanah kosong Lot PT 2 Kg. Sg. Penchala



d. Lawatan ke tanah kosong Taman Ibu Kota, Setapak



e. Mesyuarat Tapak Klinik Kesihatan Batu Muda



f. Lawatan tapak bersama Pengarah JKWPKL&P ke klinik-klinik dan tanah-tanah di bawah seliaan JKWPKL&P

g. Mengadakan Mesyuarat Pembangunan JKWPKL&P sebanyak tiga (3) kali setahun


1.5 UNIT PEROLEHAN

Unit Perolehan bertanggungjawab dalam urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan untuk JKWPKL&P, selaras dengan objektifnya untuk:

- a. Menerangkan kepada Jabatan dan PTj tentang tatacara pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan Jabatan supaya ianya dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan; dan
- b. Memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan secara cekap, berhemah dan berintegriti mengikut tatacara dan arahan pekeling perbendaharaan terkini yang berkuat kuasa.

1.5.1 Pelan dan Sasaran Masa Hadapan

- a. Memastikan objektif dan sasaran/KPI Unit Perolehan sentiasa dicapai selaras dengan peraturan dan arahan/pekeling semasa; dan
- b. Menjadikan Unit Perolehan sebagai pusat rujukan isu-isu dan peraturan semasa dan khidmat nasihat bagi penyelesaian masalah berkaitan perolehan kepada jabatan dan PTj di bawah Jabatan ini.



1.5.2 Aktiviti Unit

Pada tahun 2019, Unit Perolehan telah menguruskan lima (5) perolehan tender dan 38 perolehan sebut harga. Rumusan pecahan tender dan sebut harga yang dikeluarkan adalah:

| Bil | Tender / Sebutharga | | | Kuantiti |
|-----|---------------------|-------------------------|---|----------|
| | Kaedah Perolehan | No. Tender / Sebutharga | Perihal Tender / Sebutharga | |
| 1. | Tender | JKWPKL&P T.1/2019 | Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata, Bersenjata & <i>Cash In Transit</i> (CIT)) di Hospital Putrajaya dan Institut Kanser Negara | 5 |
| | | JKWPKL&P T.2/2019 | Tender Perkhidmatan Pembersihan di JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P T.3/2019 | Tender Perkhidmatan untuk Pembekalan Reagen Dan Konsumabel melalui kaedah <i>Instrument Placement</i> untuk Ujian <i>Blood Count</i> " dan <i>Reticulocyte Count</i> di HPJ | |
| | | JKWPKL&P T.4/2019 | Tender Perkhidmatan Pembersihan untuk Tempoh Tiga (3) tahun di PK Putrajaya (Batal) | |
| | | JKWPKL&P T.5/2019 | Tender Perkhidmatan Pembersihan untuk Tempoh Tiga (3) tahun di PK Putrajaya | |
| | | JKWPKL&P 01/2019 | Sebutharga Membekal Bakul Makanan bagi Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan untuk JKWPKL&P | |

| Bil | Tender / Sebutharga | | | Kuantiti |
|-----|---------------------|-------------------------|---|----------|
| | Kaedah Perolehan | No. Tender / Sebutharga | Perihal Tender / Sebutharga | |
| 2. | Sebutharga | JKWPKL&P 02/2019 | Sebutharga Membekal <i>Direct HDL-Cholestrol (HDL) Reagent</i> untuk JKWPKL&P | 38 |
| | | JKWPKL&P 03/2019 | Sebutharga Membekal Bekalan Ubat <i>Cloxacillin 500mg Tablet/Kapsul</i> untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 04/2019 | Sebutharga Membekal Bekalan Ubat <i>Perindopril 4mg & Indapamide 1.25mg Tablet</i> untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 05/2019 | Sebutharga Membekal Bekalan Ubat <i>Paracetamol 250mg/5ml Syrup</i> untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 06/2019 | Sebutharga Membekal <i>Microcuvette for HB Meter</i> untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 07/2019 | Sebutharga Membekal <i>Fluorocell WDF</i> untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 08/2019 | Sebutharga Membekal Air Mineral dan Biskut untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 09/2019 | Sebutharga Membekal <i>Toner & Ink Cartridge</i> untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 10/2019 | Sebutharga Membekal Bekalan Pejabat dan Alat Tulis untuk JKWPKL&P | |


| Bil | Tender / Sebutharga | | | Kuantiti |
|-----|---------------------|-------------------------|---|----------|
| | Kaedah Perolehan | No. Tender / Sebutharga | Perihal Tender / Sebutharga | |
| | | JKWPKL&P 11/2019 | Sebutharga Membekal, Memasang, Membuat Konfigurasi, Menguji dan Mentauliah Komputer, Laptop dan Mesin Pencetak untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 12/2019 | Sebutharga Membekal, Memasang, Membuat Konfigurasi, Menguji dan Mentauliah Komputer, Laptop dan Mesin Pencetak untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 13/2019 | Sebutharga Perkhidmatan Mencetak dan Membekal Buku & Borang untuk Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P (BATAL) | |
| | | JKWPKL&P 14/2019 | Sebutharga Perkhidmatan Mencetak Dan Membekal Bunting, Kad, Fail, Risalah, Poster dan Sticker untuk Bahagian Kesihatan, JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 15/2019 | Sebutharga Perkhidmatan Mencetak dan Membekal Buku & Borang untuk Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 16/2019 | Sebutharga Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Membuat Konfigurasi, Menguji dan Mentauliah Perisian Antivirus Secara Sewaan bagi | |

| Bil | Tender / Sebutharga | | | Kuantiti |
|-----|---------------------|-------------------------|--|----------|
| | Kaedah Perolehan | No. Tender / Sebutharga | Perihal Tender / Sebutharga | |
| | | | Tempoh Selama 36 Bulan di JKWPKL&P (BATAL) | |
| | | JKWPKL&P 17/2019 | Sebutharga Perkhidmatan Sewaan Perkakasan ICT (Komputer, Komputer Riba dan Mesin Pencetak) bagi Tempoh Selama 36 Bulan di JKWPKL&P (BATAL) | |
| | | JKWPKL&P 18/2019 | Sebutharga Membekal Troli Prosedur Rawatan Pesakit dan <i>Emergency Patient Transport Trolley</i> bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |
| | | JKWPKL&P 19/2019 | Sebutharga Membekal Satu (1) Unit Mesin <i>Ultrasound</i> bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |
| | | JKWPKL&P 20/2019 | Sebutharga Membekal Alat Penimbang Berat dan Ukur Tinggi Dewasa, Penimbang Berat Bayi dan Penimbang Berat untuk Ubat bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |
| | | JKWPKL&P 21/2019 | Sebutharga Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan untuk Tempoh Dua (2) Tahun di Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya | |

| Bil | Tender / Sebutharga | | | Kuantiti |
|-----|---------------------|-------------------------|--|----------|
| | Kaedah Perolehan | No. Tender / Sebutharga | Perihal Tender / Sebutharga | |
| | | JKWPKL&P 22/2019 | Sebutharga Membekal Perabot Berasaskan Kain bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong (BATAL) | |
| | | JKWPKL&P 23/2019 | Sebutharga Membekal Peralatan Elektrik Bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |
| | | JKWPKL&P 24/2019 | Sebutharga Membekal Perabot Berasaskan Kayu bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan (BATAL) | |
| | | JKWPKL&P 25/2019 | Sebutharga Membekal Perabot Berasaskan Logam bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |
| | | JKWPKL&P 26/2019 | Sebutharga Membekal Peralatan Kelengkapan Pejabat bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |
| | | JKWPKL&P 27/2019 | Sebutharga Membekal, Memasang, Membuat Konfigurasi, Menguji dan Mentauliah Peralatan ICT Bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |
| | | JKWPKL&P 28/2019 | Sebutharga Membekal Satu (1) Unit <i>Automated Hematology Analyzer 5 Part Diff</i> | |

| Bil | Tender / Sebutharga | | | Kuantiti |
|-----|---------------------|-------------------------|--|----------|
| | Kaedah Perolehan | No. Tender / Sebutharga | Perihal Tender / Sebutharga | |
| | | | bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |
| | | JKWPKL&P 29/2019 | Sebutharga Membekal <i>Sterile Evacuated (Vacuum) Sodium Fluoride Plus Na Edta Tube 2ml</i> untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 30/2019 | Sebutharga Membekal <i>Sterile Evacuated (Vacuum) K2EDTA Tube 2ml</i> untuk JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 31/2019 | Sebutharga Perkhidmatan Sewaan Kenderaan untuk Tempoh Tiga Puluh Enam (36) Bulan di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya | |
| | | JKWPKL&P 32/2019 | Sebutharga Perkhidmatan Sewaan Perkakasan ICT (Komputer, Komputer Riba dan Mesin Pencetak) untuk Tempoh 48 Bulan di JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 33/2019 | Sebutharga Membekal Perabot Berasaskan Kain bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |
| | | JKWPKL&P 34/2019 | Sebutharga Membekal Perabot Berasaskan Kayu bagi Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |

| Bil | Tender / Sebutharga | | | Kuantiti |
|-----|---------------------|-------------------------|--|----------|
| | Kaedah Perolehan | No. Tender / Sebutharga | Perihal Tender / Sebutharga | |
| | | JKWPKL&P 35/2019 | Sebutharga Membekal <i>Automated HBA1C Analyzer</i> di Klinik Kesihatan Batu Muda, Pejabat Kesihatan Kepong | |
| | | JKWPKL&P 36/2019 | Sebutharga Membekal, Menghantar, Memasang dan Mentauliah Penghawa Dingin di JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 37/2019 | Sebutharga Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Membuat Konfigurasi, Menguji dan Mentauliah Perisian Antivirus Secara Sewaan bagi Tempoh Selama 36 Bulan di JKWPKL&P | |
| | | JKWPKL&P 38/2019 | Sebutahrga Membekal dan Memasang Penghawa Dingin Jenis <i>Split Unit</i> untuk Klinik-Klinik di Bawah Pejabat Kesihatan Lembah | |



1.6 UNIT ASET DAN STOR

Unit Aset dan Stor bertanggungjawab untuk:

- a. Menguruskan aset alih Kerajaan, melibatkan
 - i. penerimaan dan pendaftaran aset alih
 - ii. pemeriksaan aset alih
 - iii. pindahan aset alih
 - iv. pelupusan aset alih
 - v. kehilangan dan hapus kira aset alih;
- b. Menguruskan Stor Kerajaan melibatkan penerimaan dan perekodan stok, penyimpanan dan pengeluaran stok serta pemeriksaan stok; dan
- c. Menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK).

1.6.1 Aktiviti Unit

- a. Kursus Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan pada Ogos 2019 bertempat di ILP, Kuala Lumpur



1.6.2 Petunjuk Prestasi Unit

| Bil. | Petunjuk Prestasi | Pencapaian Sebenar & % Pencapaian |
|------|--|-----------------------------------|
| 1. | Menyelaras pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) Peringkat Jabatan empat (4) kali setahun. | 100% |
| 2. | Menyelaras dan menyediakan empat (4) maklum balas Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) peringkat KKM dalam tempoh 7 hari daripada tarikh terima surat. | 100% |
| 3. | Menguruskan pendaftaran Aset Alih yang diterima melalui pembelian dengan wang kerajaan, hadiah, pindahan atau proses perundangan atau perjanjian dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pengesahan penerimaan. | 100% |
| 4. | Menguruskan pemeriksaan ke atas semua aset alih (100 %) secara berperingkat setiap tahun (4 kali). | 4 kali/100% |
| 5. | Menguruskan permohonan pelupusan Aset Alih bagi kelulusan Ketua Jabatan dalam tempoh 7 hari daripada tarikh terima permohonan yang lengkap. | 100% |
| 6. | Menguruskan permohonan pemeriksaan Aset Alih bagi tujuan pelupusan oleh Lembaga Pemeriksa Pelupusan dalam tempoh 7 hari daripada tarikh terima permohonan yang lengkap. | 100% |
| 7. | Memadamkan rekod aset yang telah diluluskan hapus kira oleh KKM dalam Sistem | 100% |

| | | |
|-----|---|--------------|
| | Pengurusan Aset dan menyediakan Laporan Hapus Kira Aset Alih KEW.PA-37 ke KKM dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh terima surat kelulusan hapus kira. | |
| 8. | Memproses permohonan penerimaan sumbangan atau hadiah bagi Aset Alih dan Stok dalam tempoh 7 hari daripada tarikh terima permohonan yang lengkap. | 100% |
| 9. | Menguruskan perekodan stok yang diterima melalui pembelian dengan wang kerajaan, hadiah, pindahan atau proses perundangan atau perjanjian dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pengesahan penerimaan. | 100% |
| 10. | Menguruskan verifikasi stor ke atas semua stok (100%) sekali pada setiap tahun. | 100% |
| 11. | Memastikan kadar pusingan stok tahunan bernilai sekurang-kurangnya 4 bagi tempoh dari Januari-Disember bagi 7 jenis stor seluruh JKWPKL&P. | 5.72 143% |
| 12. | Menyedia dan mengemukakan Laporan Tahunan Aset Alih Kerajaan ke KKM sebelum 15 hari bulan Februari tahun berikutnya. | 100% |




1.7 UNIT LATIHAN DAN INOVASI

Unit ini merupakan gabungan portfolio latihan dan inovasi dengan fungsi antaranya untuk:

- Membantu melaksanakan dan memantau dasar dan strategi Latihan Dalam Perkhidmatan Jangka Pendek (Dalam Negara);
- Menyelaras dan mengendalikan kursus serta latihan kepada kakitangan Jabatan;
- Menyelaras permohonan bagi kursus swasta dan kursus bukan anjuran Jabatan termasuk Kursus Lanjutan (Pos Basik);
- Menguruskan permohonan perolehan secara pakej bagi latihan dan majlis rasmi Kerajaan; dan
- Menjadi urus setia program Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Program Kualiti Jabatan, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan Pelan Tindakan, Star Rating serta Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

Pada tahun 2019, Jabatan telah menerima sejumlah RM821,280.00 peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dengan jumlah sebanyak RM777,351.19 dibelanjakan untuk melaksanakan kursus yang telah dirancang, dengan peratus perbelanjaan sebanyak 95%.



Rajah 1.6: Maklumat Perbelanjaan LDP 2019

1.7.1 Aktiviti Unit

i. Program Transformasi Minda (PTM)

Pada tahun 2019, JKWPKL&P telah mengendalikan tiga (3) siri PTM untuk Pegawai Perubatan Siswazah UD41 manakala dua (2) siri PTM telah dikendalikan untuk Pegawai Pengurusan dan Profesional & Pelaksana peringkat Jabatan.

Jadual 1.7: Program Transformasi Minda (PTM) Pegawai Perubatan Siswazah UD41

| Bil. | Tarikh | Tempat |
|------|---------------------|--------------------------------|
| 1. | 25 Feb - 1 Mac 2019 | Oriental Crystal Hotel, Kajang |
| 2. | 22 - 26 April 2019 | D Gateway Perdana Hotel, Bangi |
| 3. | 7 - 11 Oktober 2019 | Goldcourse Hotel, Klang |

Jadual 1.8: Program Transformasi Minda Pegawai Pengurusan dan Profesional & Pelaksana

| Bil. | Tarikh | Tempat |
|------|----------------------|----------------------------------|
| 1. | 19 - 23 Julai 2019 | Glory Beach Resort, Port Dickson |
| 2. | 27 Sept - 1 Okt 2019 | Coral Bay Resort, Pulau Pangkor |

ii. Latihan Dalam Perkhidmatan

Unit Latihan telah melaksanakan beberapa kursus menggunakan peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan tahun 2019 seperti [Jadual 1.9](#).

Jadual 1.9: Latihan Dalam Perkhidmatan JKWPKL&P

| Bil. | Nama Kursus | Tarikh |
|------|---|--------------------|
| 1. | Bengkel Sub Modul Penyata Kew 8 Melalui HRMIS | 22 - 23 Julai 2019 |
| 2. | Bengkel Modul Pengurusan Cuti Melalui HRMIS | 15 -16 Julai 2019 |
| 3. | Kursus Pengurusan Risiko | 25 - 26 Sept 2019 |
| 4. | Kursus <i>Soft Skill</i> | 25 Oktober 2019 |
| 5. | Kursus Pengurusan HRMIS | 7 - 8 Nov 2019 |
| 6. | Bengkel Pemurnian ISO | 26 - 28 Nov 2019 |

iii. Urus Setia Mesyuarat/Konvensyen/Pertandingan

Jadual 1.10: Mesyuarat/Konvensyen/Pertandingan Tahun 2019

| Bil. | Nama Kursus | Tarikh |
|------|-------------------------------------|-----------------------|
| 1. | Mesyuarat JK Induk Latihan & CPD | 25 Jan & 16 Ogos 2019 |
| 2. | Mini Konvensyen KIK | 16 April |
| 3. | Mesyuarat JK Pemilihan Pos Basik | 17 Jun 2019 |
| 4. | Pertandingan Inovasi JKWPKL&P | 20 Jun 2019 |
| 5. | Mesyuarat Pengurusan Bersama PKD | 23 Ogos 2019 |
| 6. | Mesyuarat JK Pengurusan Bersama IPT | 15 Disember 2019 |

iv. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Lapan (8) projek telah dicalonkan ke Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Kementerian pada tahun 2019 sepertimana **Jadual 5** di bawah:

| FASILITI | KUMPULAN | PROJEK |
|--|-----------------|--|
| Unit Pemulihan Carakerja, Hospital Rehabilitasi Cheras | FAS3 | Magik Stick 2.0 |
| Hospital Putrajaya | LESTARI | ezResQ |
| Klinik Pergigian Setapak | DMANC | Portable Sink Momi |
| Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P | ROBODENT | Robotik Latihan Memberus Gigi (Molaroid) |
| Pejabat Kesihatan Wilayah Persekutuan Putrajaya | INSPIRASI AFWAH | Wheelchair Climb: Kesukaran Menurun Mangsa di Bangunan Tinggi Melalui Tangga |
| Jabatan Farmasi, Hospital Rehabilitasi Cheras | SINARAN | Kad Patient's Own Medicines (Poms) |
| Bahagian Kesihatan Pergigian Putrajaya | CLOUDE SKY | EDC |
| Bahagian Perkhidmatan Farmasi, JKWPKL&P | GO!7 | Go!Cert |

v. Anugerah Inovasi

Tujuh (7) projek telah dicalonkan untuk menyertai Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia 2019 sepertimana di **Jadual 6**:

| FASILITI | KATEGORI | PROJEK |
|---|--------------|--|
| Jabatan Farmasi Hospital Putrajaya | Teknologi | EZVAS |
| Klinik Kesihatan Petaling Bahagia | Proses | Quick Reference Mind Map For Primary Health Care |
| Bahagian Pergigian JKWPKL&P | Produk | MOLAROID VERSION 1-2019 |
| Unit Psikologi Kaunseling, Hospital Rehabilitasi Cheras | Perkhidmatan | PROSPEROS CLOCK |
| Pejabat Kesihatan Pergigian Kepong | Produk | XTRA HAND |
| Klinik Kesihatan Setapak | Proses | Inovatif Consent |
| Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKWPKL&P | Proses | Online Continuing Pharmacy Education (Laman Web Program CPE) |



1.8 UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT


Unit Pengurusan Maklumat sebelum ini dikenali sebagai Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah diwujudkan pada tahun 2005 dengan fungsi untuk mengurus, menyelenggara dan menyelaras prasarana ICT seperti infrastruktur, peralatan dan perisian supaya ianya dapat berjalan dengan lancar bagi menyokong objektif Jabatan, selaras dengan hala tuju mewujudkan budaya kerja ICT dalam suasana norma baharu.

Selain itu, Unit Pengurusan Maklumat turut berfungsi untuk:

- a. Mengendalikan latihan kepada penggunaan sistem yang dibekalkan;
- b. Penyelenggara dan mengemaskini laman web serta laman sosial Jabatan;
- c. Menyediakan khidmat nasihat serta bantuan teknikal ICT dari semasa ke semasa;
- d. Mengurus dan memantau pelaksanaan projek-projek ICT termasuk pelaksanaan Aplikasi Kerajaan Elektronik dan Aplikasi KKM;
- e. Menjaga keselamatan sistem maklumat kerajaan; dan
- f. Bertindak sebagai urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JP ICT).

Bagi memastikan pencapaian wawasan dan objektif yang ditetapkan, Unit Pengurusan Maklumat komited untuk:

- a. Memastikan khidmat penyelesaian masalah dan tunjuk ajar kepada pengguna PC di JKWPKL dalam masa tiga (3) jam setelah aduan diterima;
- b. Memastikan kerja penyelenggaraan yang diadakan oleh pengguna ICT diambil tindakan dalam tempoh tiga (3) hari sekiranya tidak melibatkan pihak luar; dan
- c. Memastikan laman web dikemaskini setiap tujuh (7) hari.



1.8.1 Aktiviti Unit

i. Status Pengguna Emel MyGovUC di JKWPKL&P


MyGovUC adalah perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi e-mel, persidangan video dan audio, *instant messaging* serta Sistem Pengurusan Identiti. MyGovUC dilaksanakan sebagai langkah penjimatan kos melalui komunikasi yang diintegrasikan secara kolaboratif yang mana semua sektor awam di Malaysia boleh berhubung dan menjayakan sesuatu projek melalui sistem komunikasi yang ditawarkan oleh MyGovUC. Jumlah pengguna di JKWPKL&P adalah seperti [Jadual 1.11](#) berikut:

Jadual 1.11: Jumlah Pengguna Emel MyGovUC di JKWPKL&P

| PENGGUNA | JUMLAH PENGGUNA (DISEMBER 2019) |
|---------------------------|------------------------------------|
| IBU PEJABAT JKWPKL | 748 |
| HRC | 306 |
| PK PUTRAJAYA | 444 |
| PK TITIWANGSA | 229 |
| PK LEMBAH PANTAI | 157 |
| PK CHERAS | 167 |
| PK KEPONG | 269 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 2320 |

ii. Aduan ICT

Sepanjang tahun 2019, masalah yang dilaporkan oleh pengguna berkaitan perisian/sistem aplikasi dan perkakasan adalah seperti yang digambarkan pada [Rajah 1. 7](#).



Rajah 1.7: Laporan Aduan Kerosakan ICT

iii. Pengurusan Persembahan Multimedia dan Bantuan Teknikal

Unit IT juga diberi tanggungjawab untuk menghasilkan persembahan multimedia dan memberi bantuan teknikal untuk Majlis Rasmi JKWPKL&P seperti berikut:

Jadual 1.12: Persembahan Multimedia dan Bantuan Teknikal ICT

| Bil. | Program | Tarikh | Tempat |
|------|--|--------------|---|
| 1. | Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Jasamu Dikenang | 3 April 2019 | Dewan Mestika, Institut Latihan DBKL Cheras |
| 2. | Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat JKWPKL&P | 18 Jun 2019 | Auditorium, Hospital Rehabilitasi Cheras |
| 3. | Majlis Perhimpunan Bulanan JKWPKL&P | Setiap Bulan | Foyer, JKWPKL |

iv. Kursus/Latihan ICT

Sepanjang tahun 2019, Unit Pengurusan Maklumat telah melaksanakan kursus/latihan ICT seperti Jadual 3:

Jadual 1.13: Kursus/Latihan ICT

| Bil. | Nama Kursus | Tarikh |
|------|-------------------------------|--------------|
| 1. | Seminar Dasar Keselamatan ICT | 26 Ogos 2019 |

1.9 UNIT KAUNSELING

Unit Psikologi Kaunseling (UPsK) telah ditubuhkan dan mula beroperasi dengan rasminya pada 3 Disember 2007. Unit ini dinamakan Unit Psikologi Kaunseling kerana dalam melaksanakan perkhidmatan Psikologi Kaunseling, kaunselor/Pegawai Psikologi menggunakan ilmu-ilmu dan prinsip-prinsip psikologi bagi membantu klien menangani konflik dan isu-isu berkaitan. Gabungan dua disiplin ini iaitu psikologi dan kaunseling perlu bagi menghasilkan perkhidmatan kaunseling yang efektif dan profesional.

1.9.1 Matlamat Perkhidmatan Psikologi Kaunseling

- a. Melaksanakan program pembangunan modal insan dan bekerjasama dengan Bahagian/Unit lain bagi keperluan latihan dan memperkasakan modal insan dalam kalangan penjawat awam; dan
- b. Menjalankan sesi Klinik Psikologi Kaunseling/Intervensi ke atas klien/pesakit yang dirujuk/sukarela (*walk in* – bagi kakitangan JKWPKL&P) bagi membantu penyelesaian isu & konflik yang dihadapi.

1.9.2 Objektif Perkhidmatan Psikologi Kaunseling

- a. Memberi perkhidmatan sesi Psikologi Kaunseling kepada personel Kesihatan yang memerlukan ke arah mencapai kesedaran sendiri yang optimum;
- b. Membimbing klien untuk lebih terbuka dari aspek pemikiran dan tindakan agar dapat digunakan untuk membangunkan potensi yang ada ke arah kemajuan diri dan organisasi;
- c. Merangka dan mengendalikan program/aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran diri bagi membolehkan Individu menguruskan emosi, pemikiran dan tingkah laku dengan lebih efektif; dan
- d. Membantu organisasi untuk mengenalpasti potensi diri, tahap kemahiran, keupayaan, minat, nilai serta sikap anggota melalui alat pengukur psikologi yang tertentu.

1.9.3 Pelan dan Sasaran Perkhidmatan Psikologi Kaunseling

- a. Menjadi pusat rujukan dari aspek Psikologi Kaunseling kepada semua Jabatan/Unit di JKWPKL&P; dan
- b. Meningkatkan pembangunan diri pegawai untuk mencapai tahap kefungsiian psikologi yang tinggi serta penghasilan kerja yang produktif dan berkualiti.

1.9.4 Aktiviti Unit

i. Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi

Jadual 1.14: Bilangan Kes Kaunseling Individu yang Dirujuk (Pesakit Luar) Sepanjang Tahun 2019

| BIL. | KATEGORI KES | JUMLAH KES | PERATUS |
|---------------|--------------|------------|-------------|
| 1. | Kes Baru | 63 | 56.25% |
| 2. | Kes Susulan | 49 | 43.75% |
| JUMLAH | | 112 | 100% |

Jadual 1.15: Bilangan Kes Kaunseling yang Dirujuk (Kakitangan) Sepanjang Tahun 2019

| BIL. | KATEGORI KES | JUMLAH KES | PERATUS |
|---------------|--------------|------------|-------------|
| 1. | Kes Baru | 67 | 40.12% |
| 2. | Kes Susulan | 100 | 59.88% |
| JUMLAH | | 167 | 100% |

Jadual 1.16: Bilangan Sesi Kaunseling yang Dirujuk (Pesakit Luar & Kakitangan Sepanjang Tahun 2019

| BIL. | DIAGNOSA RUJUKAN | KATEGORI KLIEN | | | |
|---------------------------|-----------------------------------|----------------|--------------|------------|--------------|
| | | PESAKIT LUAR | PERATUS | STAF | PERATUS |
| 1. | Isu Psikiatrik & Kesihatan Mental | 164 | 55.6% | 0 | 0 |
| 2. | Isu Perubatan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3. | Isu Sosial & Organisasi | 0 | 0 | 131 | 44.4% |
| JUMLAH | | 164 | 55.6% | 131 | 44.4% |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 295 | 100% | | |

Jadual 1.17: Kes Kelompok Rujukan yang Dirujuk (Kakitangan) Sepanjang Tahun 2019


2.4.5 Jumlah Pelaporan *Incident Reporting* Bagi JKWPKL&P 2019



AKTIVITI-AKTIVITI UNIT KUALITI JKWPKL

ISO 9001:2008

- ✦ Hospital Rehabilitasi Cheras telah berjaya mendapatkan pensijilan kali ke 5 ISO pada 18 Oktober 2018

AKREDITASI MSQH

- ✦ Hospital Putrajaya telah Berjaya mendapat akreditasi MSQH pada bulan April 2018

KESELAMATAN KESIHATAN PEKERJAAN

- ✦ Bengkel untuk Keselamatan Kesihatan Pekerjaan
- ✦ Data Kekerasan terhadap anggota kesihatan dan "needle prick injury"

PROGRAM BEBAS KESAKITAN

- ✦ Mesyuarat
- ✦ Bengkel Program Bebas Kesakitan bersama-sama Hospital Putrajaya



LEAN HEALTHCARE

- ✦ Hospital Putrajaya memenangi Top 3 Lean Healthcare peringkat Kebangsaan

JAWATANKUASA KAWALAN INFEKSI DAN ANTIBIOTIK

- ✦ World antibiotic awareness week 16 November 2018
- ✦ Kempen Hand Hygiene 15 Mei 2019

QUALITY MANAGER

- ✦ Bengkel Quality Manager peringkat negeri di Holiday Villa Cherating pada bulan April 2018

QUALITY ASSURANCE

- ✦ Kursus QA basic 1st cycle
- ✦ Kursus QA basic 2nd cycle




2.5 UNIT REKOD PERUBATAN

Bertanggungjawab untuk menyelaraskan Sistem Pengurusan Data dan Maklumat di peringkat negeri dan menguruskan proses penubuhan lembaga perubatan yang dipohon oleh pihak – pihak yang berkepentingan.

2.5.1 Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar

Perkhidmatan rawatan pesakit luar disediakan di hospital – hospital dan kemudahan kesihatan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Jumlah kedatangan pesakit luar ke kemudahan kesihatan awam lebih tinggi berbanding hospital iaitu sebanyak 2,085,652 pesakit berbanding 279,984 pesakit di hospital seperti di [Rajah 2.11](#) dan [Jadual 2.7](#).



Rajah 2.11 : Jumlah kedatangan pesakit luar ke klinik kesihatan dan klinik komuniti di WPKL&P, 2010 - 2019

Jadual 2.7 : Jumlah kedatangan pesakit luar ke hospital KKM di WPKL&P, 2019

| Fasiliti | Klinik Pakar | Jabatan Kecemasan | Jabatan Pesakit Luar | | Jumlah Pesakit Luar |
|------------------------------|----------------|-------------------|----------------------|-----------------|---------------------|
| | | | Klinik Khas | Pesakit Luar Am | |
| Hospital Putrajaya | 222,152 | 84,462 | 5925 | - | 312,539 |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 11,772 | - | - | - | 11,772 |
| JUMLAH | 233,924 | 84,462 | 5925 | - | 324,311 |

Perkhidmatan pesakit luar hospital disediakan di dua buah hospital di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras.

Jadual 2.8: 10 sebab utama kedatangan pesakit luar bagi kes baru bagi tahun 2019, Hospital Rehabilitasi Cheras

| No | Sebab Utama | Jumlah | % |
|----|---|------------|-------|
| 1 | Disease of the circulatory system | 508 | 28.91 |
| 2 | Diseases of the Nervous System | 293 | 16.68 |
| 3 | Injury, poisoning and certain other consequences of external causes | 256 | 14.57 |
| 4 | Disease of digestive system | 224 | 12.75 |
| 5 | Endocrine, nutritional and metabolic diseases | 153 | 8.71 |
| 6 | Diseases of the Musculoskeletal System | 111 | 6.32 |
| 7 | Factors influencing health status and | 94 | 5.35 |
| 8 | Diseases of the eye and adnexa | 67 | 3.81 |
| 9 | Mental and behavioural disorders | 28 | 1.59 |
| 10 | Symptoms, signs and abnormal clinical | 13 | 0.74 |

Jadual 2.9 menunjukkan jumlah kedatangan pesakit luar mengikut klinik pesakit, luar, klinik pakar dan unit kecemasan bagi tahun 2014 sehingga tahun 2019.

Jadual 2.9: Jumlah kedatangan pesakit luar (klinik pesakit, luar, klinik pakar dan unit kecemasan) hospital KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2014-2019

| Tahun | Jabatan Kecemasan | Klinik Pakar | Jabatan Pesakit Luar | Jumlah Pesakit Luar |
|-------|-------------------|--------------|----------------------|---------------------|
| 2014 | 66,818 | 179,600 | 4,706 | 251,124 |
| 2015 | 65,636 | 195,021 | 4,607 | 265,264 |
| 2016 | 83,258 | 208,353 | 5,689 | 297,300 |
| 2017 | 84,446 | 213,021 | 5,970 | 303,437 |
| 2018 | 86,550 | 214,068 | 5,896 | 306,514 |
| 2019 | 84,462 | 233,924 | 5,925 | 324,311 |

2.5.2 Perkhidmatan Kecemasan

Sebanyak 86,550 kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan dicatatkan pada tahun 2019 seperti di [Jadual 2.10](#). Jumlah tahun 2019 mencatatkan penurunan sebanyak 2.41% berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 2.10: Jumlah Kedatangan ke Jabatan Kecemasan 2018-2019

| Fasiliti | Jumlah kedatangan Ke Jabatan Kecemasan | | Perbezaan (%) |
|------------------------------|--|---------------|---------------|
| | 2,018 | 2,019 | |
| Hospital Putrajaya | 86,550 | 84,462 | -2.41 |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | - | - | - |
| JUMLAH | 86,550 | 84,462 | -2.41 |

Nota : Hospital Rehabilitasi Cheras tidak mempunyai Jabatan Kecemasan

Jadual 2.11: Jumlah Kedatangan pesakit mengikut kod di Jabatan kecemasan Hospital Putrajaya, 2019

| Fasiliti | Kedatangan Mengikut Kategori Zon | | | Kedatangan Mengikut Jenis Kes | | | JUMLAH |
|------------------------------|----------------------------------|---------------|---------------|-------------------------------|-----------------------|-----------------|---------------|
| | Merah | Kuning | Hijau | Disiplin Utama | Pusat Krisis Setempat | Bukan Kecemasan | |
| Hospital Putrajaya | 1,531 | 16,797 | 54,456 | 72,369 | 415 | 11,678 | 84,462 |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | - | - | - | - | - | - | - |
| JUMLAH | 1,531 | 16,797 | 54,456 | 72,369 | 415 | 11,678 | 84,462 |

2.5.3 Perkhidmatan Klinik Pakar

Kedatangan pesakit ke Klinik Pakar secara keseluruhannya meningkat sebanyak 233,924 pesakit pada tahun 2019 berbanding pada tahun 2018 yang mencatatkan 214,068 pesakit seperti di [Jadual 2.12](#)

| Fasiliti | Jumlah kedatangan Ke Klinik Pakar | | Perbezaan (%) |
|------------------------------|-----------------------------------|----------------|---------------|
| | 2018 | 2019 | |
| Hospital Putrajaya | 203,559 | 222,152 | 9.13 |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 10,509 | 11,772 | 12.02 |
| JUMLAH | 214,068 | 233,924 | 9.28 |

Jadual 2.12: Kedatangan Pesakit Ke Klinik Pakar Di Hospital KKM WPKL&P, 2018 - 2019

Jadual 2.13: 10 Sebab Utama Kedatangan Pesakit Mengikut Subkepakaran Ke Klinik Pakar Di Hospital KKM WPKL&P, 2019

| KEPAKARAN | 2019 |
|-------------------------|--------|
| Perubatan Am | 35,055 |
| Bedah Am | 28,545 |
| Ortopedik | 28,501 |
| Oftalmologi | 21,743 |
| Pediatrik | 21,917 |
| Obstetrik | 16,312 |
| Dermatologi | 13,699 |
| Otorinolarngologi (ENT) | 13,663 |
| Ginekologi | 7,578 |
| Pergigian | 7,405 |

2.5.4 Perkhidmatan Rawatan Pesakit Dalam

Kemasukan ke hospital

Jadual 2.14 menunjukkan peningkatan bilangan kemasukan pesakit ke hospital pada tahun 2019 iaitu 33,553 pesakit berbanding 32,088 pesakit bagi tahun 2018.

Jadual 2.14: Bilangan Kemasukan ke Hospital KKM di WPKL&P, 2019

| Hospital | Bilangan Kemasukan | | Perbezaan (%) |
|------------------------------|--------------------|---------------|---------------|
| | 2018 | 2019 | |
| Hospital Putrajaya | 30,926 | 32,264 | 4.33 |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 1,162 | 1,289 | 10.93 |
| JUMLAH | 32,088 | 33,553 | 4.57 |


Jadual 2.15 dan Jadual 2.16 menunjukkan sepuluh (10) sebab utama kemasukan pesakit di hospital kerajaan di WPKL&P pada tahun 2019

Jadual 2.15: 10 Sebab Utama Kemasukan Pesakit Hospital Putrajaya Tahun 2019

| NO | SEBAB UTAMA | JUMLAH | % |
|----|---|--------|-------|
| 1 | Chapter XV : Pregnancy, Childbirth And The Puerperium (O00-O99) | 10,674 | 33.61 |
| 2 | Chapter XVI : Certain Conditions Originating In The Perinatal Period (P00-P96) | 5,315 | 16.73 |
| 3 | Chapter X : Diseases Of The Respiratory System (J00-J99) | 3,461 | 10.90 |
| 4 | Chapter I : Certain Infectious And Parasitic Diseases (A00-B99) | 2,343 | 7.38 |
| 5 | Chapter IX : Diseases Of The Circulatory System (I00-I99) | 1,461 | 4.60 |
| 6 | Chapter XIX : Injury, Poisoning And Certain Other Consequences Of External Causes (S00-T98) | 1,229 | 3.87 |
| 7 | Chapter XI : Diseases Of The Digestive System (K00-K93) | 1,159 | 3.65 |
| 8 | Chapter XIV : Diseases Of The Genitourinary System (N00-N99) | 1,123 | 3.54 |
| 9 | Chapter IV : Endocrine, Nutritional And Metabolic Diseases (E00-E90) | 1,053 | 3.32 |
| 10 | Chapter II : Neoplasms (C00-D48) | 858 | 2.70 |

Jadual 2.16: 10 Sebab Utama Kemasukan Pesakit di Hospital Rehabilitasi Cheras, 2019

| NO | SEBAB UTAMA | JUMLAH | % |
|----|---|--------|-------|
| 1 | Chapter IX : Diseases of The Circulatory System (I00-I99) | 428 | 33.33 |
| 2 | Chapter VI : Diseases of The Nervous System (G00-G99) | 364 | 28.35 |
| 3 | Chapter XIX : Injury, Poisoning and Certain Other Consequences of External Causes (S00-T98) | 142 | 11.06 |
| 4 | Chapter XXI : Factors Influencing Health Status and Contact With Health Services (Z00-Z99) | 138 | 10.75 |
| 5 | Chapter XVIII : Symptoms, Signs And Abnormal Clinical and Laboratory Findings, Not Elsewhere Classified (R00-R99) | 57 | 4.44 |
| 6 | Chapter XVII : Congenital Malformation, Deformations and Chromosomal Abnormalities (Q00-Q99) | 42 | 3.27 |
| 7 | Chapter V : Mental and Behavioural Disorders (F00-F99) | 21 | 1.64 |
| 8 | Chapter I : Certain Infectious and Parasitic Diseases (A00-B99) | 20 | 1.56 |
| 9 | Chapter II : Neoplasms (C00-D48) | 14 | 1.09 |
| 10 | Chapter XIII : Diseases of The Musculoskeletal System and Connective Tissue (M00-M99) | 12 | 0.93 |



Jadual 2.17: 10 Sebab Utama Kematian Hospital Putrajaya Tahun 2018

| NO | SEBAB UTAMA | JUMLAH | % |
|----|---|--------|-------|
| 1 | Chapter IX : Diseases of The Circulatory System (I00-I99) | 87 | 20.91 |
| 2 | Chapter IV : Endocrine, Nutritional and Metabolic Diseases (E00-E90) | 70 | 16.83 |
| 3 | Chapter X : Diseases of The Respiratory System (J00-J99) | 70 | 16.83 |
| 4 | Chapter II : Neoplasms (C00-D48) | 64 | 15.38 |
| 5 | Chapter I : Certain Infectious and Parasitic Diseases (A00-B99) | 34 | 8.17 |
| 6 | Chapter XI : Diseases of The Digestive System (K00-K93) | 22 | 5.29 |
| 7 | Chapter XVIII : Symptoms, Signs and Abnormal Clinical and Laboratory Findings, Not Elsewhere Classified (R00-R99) | 15 | 3.61 |
| 8 | Chapter XIV : Diseases of The Genitourinary System (N00-N99) | 12 | 2.88 |
| 9 | Chapter XVI : Certain Conditions Originating In The Perinatal Period (P00-P96) | 11 | 2.64 |
| 10 | Chapter XVII : Congenital Malformation, Deformations and Chromosomal Abnormalities (Q00-Q99) | 8 | 1.92 |

Kadar penggunaan katil / Bed Occupancy rate (BOR)

Jadual 2.18 menunjukkan kadar penggunaan katil (BOR) tertinggi adalah 73.29% bagi Hospital Putrajaya untuk tahun 2019. BOR bagi tahun 2018 menunjukkan penurunan berikutan Hospital Putrajaya mempunyai penambahan dari segi jumlah katil rasmi dan operasi.

Jadual 2.18: Kadar penggunaan katil (BOR) di Hospital KKM WPKL&P

| Hospital | Kadar Penggunaan Katil (BOR) | |
|------------------------------|------------------------------|--------|
| | 2018 | 2019 |
| Hospital Putrajaya | 58.78% | 73.29% |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 38.69% | 39.44% |

Purata masa tinggal hospital (ALOS)

Jadual 2.19 menunjukkan pencapaian ALOS bagi tahun 2019. ALOS yang paling tinggi adalah 14.82 hari di Hospital Rehabilitasi Cheras dimana rawatan utamanya adalah rawatan pemulihan.

Jadual 2.19: Statistik pesakit dalam di Hospital KKM, WPKL&P,2019

| Hospital | Katil Operasi | Jumlah Kemasukan | Purata Kemasukan Harian | Jumlah Discaj | Jumlah Hari Pesakit | Jumlah Kematian | *ALOS |
|------------------------------|---------------|------------------|-------------------------|---------------|---------------------|-----------------|--------------|
| Hospital Putrajaya | 391 | 32,264 | 88.39 | 32,200 | 106,204 | 416 | 3.30 |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 132 | 1,289 | 3.53 | 1,282 | 19,000 | 0 | 14.82 |
| JUMLAH | 602 | 33,553 | 91.92 | 33482 | 125,204 | 416 | 18.12 |

2.5.5 Perkhidmatan makmal

Jumlah Perkhidmatan makmal pada tahun 2019 ditunjukkan pada Jadual 18 dan Jadual 19 dimana jumlah keseluruhan ujian yang dijalankan bagi hospital-hospital dan klinik kesihatan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 521,430 ujian.

Jadual 2.20: Bilangan Ujian Makmal di Hospital KKM, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2019

| Hospital | Jenis Ujian | | | | | | Jumlah |
|------------------------------|-------------------------------|-----------------------------|--------------------------|--------------------------------|---------------------|---------------------|----------------|
| | Patologi Kimia (Biochemistry) | Mikrobiologi (Microbiology) | Hematologi (Haematology) | Histopatologi (Histopathology) | Sitologi (Cytology) | Forensik (Forensic) | |
| Hospital Putrajaya | 316020 | 34416 | 115576 | 4593 | 1910 | 0 | 472515 |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 43007 | 0 | 5908 | 0 | 0 | 0 | 48915 |
| JUMLAH | 359,027 | 34,416 | 121,484 | 4,593 | 1,910 | 0 | 521,430 |

Jadual 2.21: Bilangan Ujian Makmal di Klinik Kesihatan KKM, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2019

| Pejabat Kesihatan Daerah | Jenis Ujian | | | | | | Jumlah |
|--------------------------|-------------------------------|-----------------------------|--------------------------|--------------------------------|---------------------|---------------------|------------------|
| | Patologi Kimia (Biochemistry) | Mikrobiologi (Microbiology) | Hematologi (Haematology) | Histopatologi (Histopathology) | Sitologi (Cytology) | Forensik (Forensic) | |
| Lembah Pantai | 602,743 | 16,864 | 102,691 | - | - | - | 722,298 |
| Titivangsa | 714,905 | 35,596 | 223,311 | - | - | - | 973,812 |
| Cheras | 491,107 | 20,613 | 120,567 | - | - | - | 632,287 |
| Kepong | 731,609 | 23,001 | 132,908 | - | - | - | 887,518 |
| Putrajaya | 495,572 | 20,092 | 109,562 | - | - | - | 625,226 |
| JUMLAH | 3,035,936 | 116,166 | 689,039 | - | - | - | 3,841,141 |

2.5.6 Perkhidmatan pengimejan diagnostik

Jadual 2.22 dan Jadual 2.23 menunjukkan jumlah perkhidmatan pengimejan diagnostik yang dilakukan di hospital – hospital kerajaan dan klinik kesihatan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Jadual 2.22: Jumlah perkhidmatan pengimejan diagnostik di hospital – hospital kerajaan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2019

| Hospital | Jenis Perkhidmatan Pengimejan | |
|------------------------------|-------------------------------|---------------|
| | Pemeriksaan Am | Lain - Lain |
| Hospital Putrajaya | 76,527 | 20,085 |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 2,003 | 362 |
| JUMLAH | 80,533 | 20,447 |

Jadual 2.23: Jumlah perkhidmatan pengimejan diagnostik di klinik kesihatan kerajaan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2019

| Klinik Kesihatan | Jenis Perkhidmatan Pengimejan | |
|------------------|-------------------------------|-------------|
| | Pemeriksaan Am | Lain - Lain |
| KK Tanglin | 0 | 0 |
| KK Jinjang | 7927 | 0 |
| KK Cheras | 8797 | 0 |
| KK Putrajaya | 15581 | 6800 |
| JUMLAH | 32305 | 6800 |

2.5.7 Permohonan laporan perubatan

Jumlah permohonan laporan perubatan menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Pada tahun 2019 jumlah permohonan laporan perubatan adalah sebanyak 5,834 permohonan. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menguruskan permohonan laporan perubatan yang melibatkan klinik kesihatan, klinik ibu dan anak dan klinik 1 malaysia di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.


Jadual 2.24: Jumlah Permohonan Laporan Perubatan Di Fasiliti KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya Bagi Tahun 2016 – 2019

| FASILITI | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|-------------------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| Hospital Putrajaya | 3,438 | 3,679 | 3,610 | 4870 |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 236 | 280 | 321 | 353 |
| Jabatan Kesihatan WP KL & Putrajaya | 452 | 542 | 547 | 611 |
| JUMLAH | 4,126 | 4,501 | 4,478 | 5,834 |

2.5.8 Permohonan Penubuhan Lembaga Perubatan

Lembaga perubatan ditubuhkan berpandukan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 18/2010 bertarikh 4 Jun 2010. Permohonan diterima dari pelbagai agensi termasuk agensi swasta dan badan berkanun. Pada tahun 2019, sejumlah 110 permohonan penubuhan lembaga perubatan diterima oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya.

Rajah 2.12 : Bilangan penubuhan lembaga perubatan di di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya Bagi Tahun 2014 – 2019



2.5.9 Pencapaian KPI dan NIA

Jadual 2.25 sehingga Jadual 2.28 menunjukkan pencapaian KPI dan NIA bagi rekod perubatan di hospital – hospital KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2019.


Jadual 2.25: Peratusan Laporan Perubatan Yang Disediakan Mengikut Tempoh Yang Di Tetapkan.

| Hospital | Performance Achieved (Standard $\geq 90\%$) | | | | |
|------------------------------|--|---------------|---------------|---------------|---------------|
| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| Hospital Putrajaya | 94.75% | 91% | 88.12% | 94% | 92.63% |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 98.61% | 99% | 98.93% | 96% | 98.15% |
| KESELURUHAN | 96.68% | 95.00% | 93.53% | 95.07% | 95.39% |

*State & Specialist Hospitals; < 4 weeks
Others hospitals < 2 weeks (%)

Jadual 2.26: Peratusan Rekod Perubatan Di Hantar Dalam Tempoh 72 Jam Waktu Bekerja Selepas Discaj.

| Hospital | Performance Achieved (Standard $\geq 90\%$) | | | | |
|------------------------------|--|---------------|---------------|---------------|---------------|
| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| Hospital Putrajaya | 99.48% | 99.52% | 98.58% | 98.94% | 100% |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 98.37% | 95.38% | 98.91% | 98.45% | 98.21% |
| KESELURUHAN | 98.93% | 97.45% | 98.75% | 98.70% | 99.10% |



Jadual 2.27: Peratusan Permohonan Lengkap Laporan Perubahan Yang Di Hantar Kepada Pegawai Perubahan Dalam Tempoh Yang Di Tetapkan.

| Hospital | Performance Achieved (Standard $\geq 90\%$) | | | | |
|------------------------------|--|-------------|------------|------------|---------------|
| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| Hospital Putrajaya | 100% | 100% | 87.71% | 97.45% | 94.90% |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% |
| KESELURUHAN | 100% | 100% | 94% | 99% | 97.45% |

Jadual 2.28: Peratusan Rekod Perubahan Untuk Temu Janji Klinik Pakar Yang Di Kesan Dalam Tempoh 3 Hari Bekerja.

| Hospital | Performance Achieved (Standard $\geq 90\%$) | | | | |
|------------------------------|--|---------------|----------------|----------------|----------------|
| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| Hospital Putrajaya | IT HOSPITAL | IT HOSPITAL | IT HOSPITAL | IT HOSPITAL | IT HOSPITAL |
| Hospital Rehabilitasi Cheras | 99.78% | 95.38% | 100% | 100% | 100% |
| KESELURUHAN | 99.78% | 95.38% | 100.00% | 100.00% | 100.00% |



2.6 UNIT PENGURUSAN HOSPITAL

Unit ini bertanggungjawab untuk memantau aktiviti bagi 2 buah hospital dibawah JKWPKL&P iaitu Hospital Putrajaya (HPJ) dan Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) dengan memastikan servis klinikal serta pelbagai aktiviti berkaitan pengurusan program perubatan, kejururawatan, dan penyeliaan hospital berjalan lancar seiring dengan sasaran yang ditetapkan berdasarkan Pelan Tindakan Program Perubatan untuk tahun semasa.

Unit Pengurusan Hospital

- Menjalankan pemantauan/ penyeliaan aktiviti perkhidmatan perubatan
- Menyelaras keperluan peruntukan dan perjawatan HPJ dan HRC
- Memantau tindakan terhadap aduan yang diterima
- Merancang dan menguruskan operasi hospital baru

2.6.1 Aktiviti Unit

Pemantauan hospital

Pemantauan hospital dirancang sebanyak 4 kali setahun bagi setiap hospital mengikut objektif ISO yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, pemantauan hospital juga dilakukan bagi keperluan penyelesaian isu berbangkit, aduan, kadar jangkitan yang naik mendadak dan sebagainya. Penjadualan lawatan dibuat semasa perancangan takwim sepanjang tahun. Perbincangan antara ahli pasukan diadakan sebelum lawatan pemantauan dibuat.

Pasukan dibahagi kepada 3 kumpulan berasingan bagi memantau dari sudut yang berbeza. Pemantauan di wad diketuai oleh penyelia jururawat bagi melihat sudut kejururawatan dan jagaan pesakit. Manakala doctor lebih tertumpu kepada aktiviti doktor siswazah, kutipan hasil, aduan semasa dan juga perjalanan klinik pakar.

Penolong pegawai perubatan membuat pemantau di jabatan kecemasan dan bahagian forensik serta meneliti peralatan di bawah seliaan syarikat konsensi dan juga

ambulan. Laporan dibuat dan tindakan susulan dibuat pada isu yang memerlukan perhatian dan maklumbalas dari pihak hospital.

Penambahbaikan sentiasa dijalankan supaya perkhidmatan lebih efisien dan efektif untuk mencapai kepuasan pelanggan serta meningkatkan taraf perkhidmatan di Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras.

Jadual 2.29: Jadual Pemantauan Hospital Bagi Tahun 2019

| BIL | HOSPITAL PUTRAJAYA | TARIKH | HOSPITAL REHABILITASI CHERAS | TARIKH |
|-----|---|------------|--|-----------|
| 1 | Klinik Pakar Surgikal Dan Klinik Pakar Ortopedik | 16.1. 2019 | Unit CRP Unit Kawalan Infeksi & 2a | 15.1.2019 |
| 2 | Oral Surgery TCM Diagnosti Imaging | 8.5. 2019 | Unit Teknologi Rehab Unit Rawatan Harian | 7.5.2019 |
| 3 | Unit Teknologi Maklumat Jabatan Patologi Jabatan Sosial Perubatan | 5.11.2019 | Unit Pendidikan Pesakit Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan <i>Clinical Research Centre</i> <i>Diabetic Resource Centre</i> | 4.11.2019 |
| 4 | Klinik ENT Klinik Psikiatrik Klinik Oftalmologi | 24.12.2019 | Wad 1B Mortuari Jabatan Xray | 26.12.19 |

Penyelaras Pengurusan Aduan dan Kes Medico-legal

Mesyuarat Medikolegal/Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Bebas diadakan bagi menyiasat kes-kes medikolegal, menyemak dan mengkaji semua laporan yang berlaku di hospital –hospital dan kemukakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri, serta CML KKM dengan ulasan serta implikasinya mengenai pengurusan kes-kes tersebut, serta mengambil Tindakan Penambahbaikan dan Tindakan Pencegahan terhadap aduan yang diterima. Pada tahun 2019, terdapat sebanyak 30 kes aduan 29 aduan kompleks dan 1 aduan biasa. Manakala 14 kes medico legal yang berlaku di hospital Putrajaya.

Mengadakan Perbincangan Doktor Siswazah Bersama Pengarah JKWPKL&P

Perbincangan ini berlangsung dua kali setahun, untuk tahun 2019 diadakan pada 8 Mac 2019 dan 18 September 2019 di auditorium Hospital Putrajaya, seramai 70 orang Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) bagi memberi peluang kepada PPS untuk membangkitkan masalah yang dihadapi sepanjang tempoh latihan amali secara terus kepada PKN dan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. Disamping itu, PKN juga memberi kaunseling serta kata-kata perangsang/motivasi kepada PPS supaya komited dan cemerlang dalam menjalankan tugas disamping menambahkan ilmu pengetahuan.

Mengadakan Mesyuarat Tahunan

Mesyuarat Pakar-Pakar Bersama Pengarah/ TPKNP JKWPKL&P

- Diadakan setiap dua kali setahun pada 8 Mac 2019 dan 18 September 2019 di bilik Mesyuarat Pengurusan. Mesyuarat ini diadakan diantara pakar-pakar hospital, klinik kesihatan dan PKN bagi membincangkan permasalahan yang dihadapi oleh pakar-pakar semasa menjalankan tugas, masalah yang melibatkan Pegawai Perubatan Siswazah, Pegawai Perubatan dan anggota kesihatan yang lain.

Mesyuarat Teknikal Perubatan

- Mesyuarat Teknikal Perubatan Negeri JKWPKL&P diadakan sekali setahun dan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Perubatan JKWPKL&P pada 3 Oktober 2019 di bilik Mesyuarat Perubatan JKWPKL&P. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan permasalahan yang berlaku di kedua-dua buah hospital yang dihadiri oleh Pengarah hospital, Timbalan Pengarah dan ketua-ketua unit.

Mesyuarat Buku Log PPK

- Mesyuarat Buku Log PPK dilaksanakan pada 27 Ogos 2019 bagi membincangkan pemarkahan, dan pencapaian latihan amali di hospital. Mesyuarat ini diadakan setiap kali selepas kursus PPK tahap 1 dan tahap 2.

- Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Latihan Peningkatan PPK dilaksanakan bagi membincangkan peruntukan kewangan bagi menganjurkan kursus, dan maklumbalas keberkesanan kursus yang dijalankan diperingkat pelaksanaan.

Mesyuarat Medikolegal/Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Bebas

- Diadakan bagi menyiasat kes-kes medikolegal, menyemak dan mengkaji semua laporan yang berlaku di hospital-hospital dan kemukakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri, serta CML KKM dengan ulasan serta implikasinya mengenai pengurusan kes-kes tersebut, serta mengambil Tindakan Penambahbaikan dan Tindakan Pencegahan terhadap aduan yang diterima.

Latihan dan Kursus Yang Dijalankan

1. Kursus wajib KKM

Kursus peningkatan tahap kecekapan pembantu perawatan kesihatan (PPK)

Tahap 1

Kursus ini diadakan sekali setahun bagi melatih PPK bagi prosedur tahap 1 yang telah dirancang oleh KKM dan menjalankan latihan amali di Hospital. Kursus ini adalah bagi memenuhi spesifikasi tugas sebenar PPK. Di samping itu, kursus ini juga dapat memperluaskan tugas dan tanggungjawab PPK supaya lebih efisien dalam memberikan sumbangan kearah meningkatkan mutu perkhidmatan penjagaan pesakit.

Kursus peningkatan tahap kecekapan pembantu perawatan kesihatan (PPK)

Tahap 2

Kursus ini adalah bagi memenuhi silibus yang ditetapkan oleh KKM dan tambahan tugas PPK dalam membantu perawatan pesakit.

Kursus Basic Life Support

Memberi pendedahan kes sebenar dan latihan kepada anggota bukan paramedic.

2. Kursus asas jabatan

Kursus Pengurusan Aduan

Kursus ini diadakan pada 21-23 Ogos di Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang, kursus ini memberi pendedahan dan melatih anggota dibawah naungan JKWPKL&P dalam pengendalian aduan dan mengenalpasti kes-kes potensi medico-legal dan tindakan yang perlu dilakukan sebelum terjadinya aduan dan penyelesaian aduan.



Kursus Perawatan Luka

Kursus ini dijalankan di HPJ dan penyertaan adalah dari anggota HPJ, HRC dan Kesihatan Awam. Kursus ini diadakan bagi meningkatkan kerjasama antara HPJ, HRC dan Klinik Kesihatan dibawah JKWPKL&P dalam bidang perawatan luka. Disamping itu, juga dapat meningkatkan pengetahuan serta memberi pendedahan mengenai teknologi terkini dalam bidang perawatan dan material dressing yang boleh didapati di Malaysia.

Kursus One Stop Crisis Center


Kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan tentang cara pengendalian mangsa OSCC di hospital amnya dan di Jabatan Kecemasan dan Trauma khususnya. Menerangkan cara pengendalian dan pengurusan specimen serta bahan bukti pesakit OSCC. Menerangkan kepada anggota kesihatan yang terlibat berkaitan isu medikolegal serta akta dan undang-undang yang digunapakai di Malaysia. Di samping itu juga memberi pendedahan tentang kepentingan dan peranan kumpulan sokongan dalam mengendalikan kes-kes ini.

Kursus Local Perceptor (LP)

Kursus ini biasanya dijalankan sekali dalam 2 tahun untuk melatih anggota yang dipilih sebagai Local Perceptor dengan memberi penekanan peranan dan tanggungjawab Local Perceptor dalam latihan peningkatan PPK. Pada tahun ini, kursus ini telah dijalankan di Hotel Akar Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kursus ini telah melibatkan seramai 40 orang peserta yang terdiri dari jawatan penolong pegawai perubatan dan jururawat yang cukup berpengalaman dan berkaliber dalam melatih PPK. Selain daripada penekanan terhadap modul- modul yang terdapat dalam buku log PPK para peserta turut diberikan ceramah dari penceramah motivasi mengenai pengenalan karakter bagi memudahkan para peserta meengenalpasti cara bimbingan terbaik untuk PPK.

Aktiviti OrganTransplant

Aktiviti ini dijalankan bagi mempromosikan cara hidup sihat untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Meningkatkan pengetahuan derma organ dari sudut agama dan pengendalian jenazah. Memberi pendedahan kepada ahli anggota kesihatan apa itu derma organ.





BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

PENGENALAN

Bahagian Kesihatan Awam merupakan bahagian yang terbesar di bawah pentadbiran Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P). Terdapat 11 cawangan dan 5 Pejabat Kesihatan Daerah di bawah struktur organisasi Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P. Bahagian Kesihatan Awam bertanggungjawab untuk membantu individu dan komuniti mencapai tahap kesihatan yang optima dengan menyediakan penjagaan kesihatan asas. Bagi mencapai misi ini, pelbagai perkhidmatan disediakan seperti kawalan, pencegahan dan rawatan penyakit, perkhidmatan rehabilitasi serta promosi kesihatan supaya ianya menjadi suatu amalan di kalangan individu dan masyarakat.

Piagam Bahagian Kesihatan Awam

Bersatu tenaga dalam perkongsian pintar ke arah mewujudkan penduduk yang sihat sejahtera melalui

- Promosi kesihatan yang berterusan
- Pencegahan dan kawalan penyakit yang efektif
- Penyediaan perkhidmatan rawatan dan pemulihan yang saksama, inovatif, perhatin, berkualiti dan mampu dimiliki


Fungsi Bahagian Kesihatan Awam

- Membantu individu dan komuniti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optimum melalui penyediaan penjagaan kesihatan asas.
- Menggalakkan amalan kesihatan di kalangan setiap individu dan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
- Menyediakan perkhidmatan pencegahan, promotif, kuratif dan rehabilitatif secara integrasi di semua peringkat perkhidmatan kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

3.1 CAWANGAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM

Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam bertanggungjawab dalam pengurusan keperluan sumber di Bahagian Kesihatan Awam termasuk sumber manusia, peralatan dan infrastruktur bagi meningkatkan taraf kemudahan perkhidmatan kesihatan. Ia juga berperanan dalam pengurusan perkembangan profesional dan halatuju anggota serta menyelaraskan dan memantau aktiviti berkaitan kualiti di Bahagian Kesihatan Awam.

3.1.1 Sumber Manusia Bahagian Kesihatan Awam




** Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 - 56), seramai 294 orang adalah Pegawai Perubatan Apung Gred UD44 - 54 bagi menampung keperluan perkhidmatan yang meningkat

Rajah 3.1: Sumber Manusia Mengikut Gred Perjawatan Bahagian Kesihatan Awam
JKWP&P, 2019

3.1.2 Program Kualiti Bahagian Kesihatan Awam

- i. **Petunjuk Prestasi Utama Pengarah Kesihatan Negeri (PKN) & Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Program Kesihatan Awam TPKN (KA) Tahun 2019**

Bagi tahun 2019, terdapat 12 indikator bagi KPI PKN, dan 12 indikator bagi KPI TPKN(KA). Rajah 3.2 menunjukkan senarai indikator dan pencapaian.




Rajah 3.2: Pencapaian KPI PKN Dan TPKN (KA), JKWPKL&P, 2019

ii. QA / NIA Program Kesihatan Awam

Pada tahun 2019, 9 daripada 12 sasaran *National Indicator Approach* (NIA) telah tercapai seperti di **Rajah 3.3**. Tindakan penambahbaikan telah diambil bagi indikator yang tidak mencapai sasaran.


| | | |
|--|---|---|
| 91.3% | 6.4 | 80.7% |
| Kadar Pertukaran Kahak (Sasaran: >90%) | Kadar Insiden Kes Tertusuk Jarum (per 1,000 Anggota Kesihatan) (Sasaran: 0) | Indeks Kawalan Wabak Denggi (<i>Dengue Outbreak Control Index</i>) (Sasaran: 100%) |
| 90.0% | 0 | 94.7 |
| Indeks Masa Notifikasi Denggi (<i>Dengue Notification Time Index</i>) (Sasaran: 100%) | Kematian Malaria (Sasaran: 0) | Kadar Insiden Jaundis Neonatal Teruk (per 10,000 kelahiran hidup) (Sasaran: <50/ 10,000 ELB) |
| 82.0% | 93.0% | 99.9% |
| Pengendalian Kes Asma Wajar (Sasaran: Melebihi tahun sebelum) | Klinik Kawanku (Sasaran: $\geq 80\%$) | Pencapaian Ketetapan Masa Ujian <i>Full Blood Count</i> (Sasaran: $\geq 95\%$) |
| 0.8% | 33.0% | 3.4% |
| Kadar Penolakan Filem X-Ray (Sasaran: <2.5%) | Peratus Diabetes Terkawal Berdasarkan Tahap HbA1c (Sasaran: $\geq 30\%$) | Peratus ibu hamil anemia (Hb <11 g/dl pada minggu ke 36 kehamilan) (Sasaran: <7.2%) |

Rajah 3.3: Pencapaian NIA Program Kesihatan Awam, JKWP&P, 2019



3.1.3 Latihan Dalam Perkhidmatan

Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang dikhususkan dalam Program Kesihatan Awam JKWPKL&P bagi tahun 2019 telah digunakan sepenuhnya untuk penganjuran kursus dan latihan seperti di **Rajah 3.4**.



Rajah 3.4: Pelaksanaan Dasar Latihan (Dasar 7 Hari Setahun) Program Kesihatan Awam, JKWPKL&P, 2019

3.1.4 Unit Inspektorat Dan Perundangan Negeri (UIPN)

a) Bilangan Operasi Setiap Undang-Undang

Jadual 3.1: Bilangan Operasi Setiap Undang-Undang

| OPERASI PENGUATKUASAAN | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|---------------------------|------|------|------|------|------|
| Bil. Operasi Akta Makanan | 109 | 107 | 78 | 198 | 186 |
| Bil. Operasi PPKHT 2004 | 191 | 291 | 371 | 424 | 476 |
| Bil. Operasi APSPP 1975 | 62 | 96 | 147 | 176 | 113 |
| Bil. Operasi APPPB 1988 | 0 | 0 | 1 | 8 | 10 |
| Bil. Operasi bersepadu | 36 | 23 | 9 | 26 | 46 |

Jadual 3.1 menunjukkan jumlah operasi yang telah dijalankan mengikut Akta dan Undang-Undang Kesihatan Awam dari tahun 2015 sehingga 2019. Terdapat juga operasi secara bersepadu yang dijalankan dengan penglibatan daripada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan juga agensi-agensi lain seperti CIDB dan juga PDRM.

b) Aktiviti Penguatkuasaan Mengikut Undang-Undang

Jadual 3.2: Senarai Aktiviti Penguatkuasaan Mengikut Undang-Undang

| PENGUATKUASAAN (AKTA MAKANAN 1983) | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|---|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Bil Notis Sek 32B Dikeluarkan | 97 | 195 | 341 | 605 | 804 |
| Bil kompaun Dikeluarkan | 40 | 106 | 206 | 325 | 559 |
| Bil Kompaun Dibayar | 36 | 106 | 265 | 329 | 436 |
| Nilai Bayaran (RM) | 20,000 | 49,300 | 112,925 | 259,300 | 334,767 |
| Bil Kes Di Daftar Mahkamah | 21 | 9 | 19 | 41 | 31 |
| Bil Di Denda | 6 | 12 | 14 | 21 | 20 |
| Nilai Denda (RM) | 10,700 | 131,000 | 129,000 | 199,000 | 28,800 |
| Bil Kes DNAA | 3 | 4 | 0 | 1 | 5 |
| Bil Kes DNA | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |

Senarai aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 serta Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 daripada tahun 2015 sehingga 2019 adalah seperti di **Jadual 3.2**. Jadual juga menunjukkan bilangan kompaun yang dikeluarkan dan dibayar, serta nilai yang berjaya dikutip sepanjang tahun tersebut.

Jadual 3.3: Senarai Aktiviti Penguatkuasaan APSP 1975

| PENGUATKUASAAN (APSP 1975) | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|---------------------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Bil Notis Sek 6 Dikeluarkan | 533 | 446 | 739 | 741 | 398 |
| Bil kompaun Dikeluarkan | 246 | 152 | 384 | 350 | 247 |
| Bil Kompaun Dibayar | 177 | 137 | 204 | 244 | 121 |
| Nilai Bayaran (RM) | 51,250 | 54,800 | 60,300 | 73,705 | 39,685 |
| Bil Kes Di Daftar Mahkamah | 21 | 9 | 19 | 41 | 31 |
| Bil Di Denda | 6 | 12 | 14 | 21 | 20 |
| Nilai Denda (RM) | 10,700 | 131,000 | 129,000 | 199,000 | 28,800 |
| Bil Kes DNAA | 3 | 4 | 0 | 1 | 5 |

Jadual 3.3 menunjukkan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 selama 5 tahun bermula 2015 sehingga 2019.

Jadual 3.4: Senarai Aktiviti Penguatkuasaan PPKHT 2004

| PENGUATKUASAAN (PPKHT 2004) | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|--------------------------------|---------|--------|---------|---------|--------|
| Bil Notis Sek 32B Dikeluarkan | 1321 | 1172 | 1218 | 1843 | 47 |
| Bil kompaun Dikeluarkan | 774 | 587 | 1001 | 1424 | 62 |
| Bil Kompaun Dibayar | 706 | 566 | 973 | 1489 | 62 |
| Nilai Bayaran (RM) | 105,702 | 81,055 | 128,175 | 220,695 | 11,950 |
| Bil Kes Di Daftar Mahkamah | 688 | 343 | 364 | 307 | 90 |
| Bil Di Denda | 175 | 52 | 285 | 246 | 17 |
| Nilai Denda (RM) | 17,460 | 24,050 | 27,750 | 17,650 | 10,740 |

Bagi kes pendakwaan di mahkamah bagi PPKHT 2004, sebanyak 90 kes telah didaftarkan bagi tahun 2019; sebanyak 17 kes telah didenda dengan nilai denda sebanyak RM10,740 telah dikutip. Data kes 2019 PPKHT 2004 menurun disebabkan pada tahun tersebut adalah tahun “educational enforcement” mengenai larangan merokok di premis makanan namun aktiviti penguatkuasaan masih berjalan di tempat larangan merokok yang lain.

Jadual 3.5 Senarai Perbicaraan Di Mahkamah

| Bil | Kes | Mahkamah | Kesalahan | Keputusan | Catatan |
|-----|-----------------------|--------------|-----------------------|-------------------|---------------------------|
| 1 | Twenty-Twenty Sdn Bhd | Kuala Lumpur | Sek 13B(2)(e) AM 1983 | Gagal Prima Facie | Rayuan ke Mahkamah Tinggi |
| 2 | Grand Target Sdn Bhd | Putrajaya | Sek 13B(2)(f) AM 1983 | Gagal Prima Facie | Rayuan ke Mahkamah Tinggi |

Terdapat 2 kes perbicaraan pada tahun 2019 yang mana melibatkan kesalahan di bawah Akta Makanan 1983. Dalam kes melawan Twenty-Twenty Sdn Bhd dan juga Grand Target Sdn Bhd, pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie namun kedua dua kes telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara bagi tindakan rayuan di peringkat Mahkamah Tinggi.

3.2 CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (CDC)

3.2.1 Unit Kawalan Penyakit Berjangkit

1. Penyakit Berjangkit

Penyakit Cegahan Vaksin


A. Campak (Measles)

Sebanyak 791 kes Measles telah dilaporkan di WPKL & Putrajaya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 53 kes telah didaftarkan sebagai kes Measles, manakala 738 kes diabaikan kerana keputusan ujian makmal adalah negatif atau tidak menepati kriteria klinikal. Perincian kes yang didaftarkan ialah 49 kes telah disahkan Measles melalui ujian makmal dan 4 kes melalui diagnosa klinikal oleh pakar klinikal. Taburan kes mengikut kawasan operasi Pejabat Kesihatan (PK) adalah seperti **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6: Taburan kes Measles mengikut Pejabat Kesihatan di WPKL & Putrajaya tahun 2019

| Pejabat Kesihatan | Kes Measles | | Jumlah | Wabak |
|-------------------|---------------|--------------------|-----------|----------|
| | Lab Confirmed | Clinical Confirmed | | |
| Lembah Pantai | 4 | 0 | 4 | 0 |
| Kepong | 12 | 0 | 12 | 2 |
| Cheras | 8 | 1 | 9 | 0 |
| Titiwangsa | 14 | 1 | 15 | 0 |
| Putrajaya | 11 | 2 | 13 | 1 |
| Jumlah | 49 | 4 | 53 | 3 |

Berbanding tahun 2018, terdapat penurunan jumlah kes sebanyak 116 kes (68.6%) dan penurunan insiden Measles sebanyak 89.5% bagi tahun 2019 seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 3.5**.



Rajah 3.5 Jumlah kes dan insiden Measles di WPKL & Putrajaya pada tahun 2014-2019

Daripada sejumlah 53 kes yang didaftarkan, 28 kes (53%) adalah mereka yang berumur di bawah 1 tahun, sebanyak 17 kes (32%) berumur antara 1 sehingga 6 tahun dan 8 kes (15%) berumur melebihi 6 tahun. Sebanyak 32 kes (60.4%) adalah di kalangan lelaki manakala 21 kes (39.6%) adalah perempuan. Sebanyak 36 kes (68%) telah menerima imunisasi, manakala 9 kes tidak mengambil imunisasi (17%), 6 kes (11%) terdiri daripada kanak-kanak yang masih belum layak menerima imunisasi dan 2 kes (4%) tidak mengetahui status imunisasi mereka. Bagi kes yang telah layak menerima imunisasi, 9 kes (18.7%) masih belum mengambil imunisasi semasa mereka mendapat jangkitan Measles.

Sebanyak tiga (3) kejadian wabak Measles telah dilaporkan, iaitu dua (2) wabak di bawah kawasan operasi PK Kepong dan satu (1) wabak di PKD Putrajaya. Tiada kematian berkaitan wabak ini. Risiko yang dikenalpasti menyebabkan jangkitan dan wabak ialah status imunisasi kes yang tidak lengkap. Maka, selain daripada aktiviti kawalan dan pencegahan, Program Imunisasi Tambahan (*Supplementary Immunisation Activity, SIA*) telah dilaksanakan di kawasan wabak untuk meningkatkan liputan imunisasi di kawasan ini.

B. Poliomyelitis /Acute Flaccid Paralysis (AFP)


Tiada kes jangkitan Polio dilaporkan pada tahun 2019. Manakala terdapat 6 kes AFP telah dilaporkan dengan perincian kes seperti di **Jadual 3.7**. Sebanyak 4 kes (66%) diklasifikasi sebagai *discard 1*. Aktiviti promosi kesihatan berkenaan kepentingan melaporkan kes AFP dan pengambilan sampel najis dalam masa 14 hari selepas onsets paralisis telah dilaksanakan di semua fasiliti kesihatan di WPKL & Putrajaya bagi meningkatkan kualiti surveilans AFP.

Jadual 3.7: Menunjukkan taburan pelaporan kes AFP mengikut PK pada tahun 2019

| Pejabat Kesihatan (PK) | Bil. Kes AFP | Klasifikasi | | |
|------------------------|--------------|-------------|-----------|-----------|
| | | Discard 1 | Discard 2 | Discard 3 |
| Cheras | 1 | 1 | 0 | 0 |
| Lembah Pantai | 2 | 2 | 0 | 0 |
| Kepong | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Putrajaya | 1 | 0 | 1 | 0 |
| Titivangsa | 2 | 1 | 0 | 1 |
| Jumlah | 6 | 4 | 1 | 1 |

C. Pertussis

Rajah 3.6 menunjukkan penurunan jumlah kes Pertussis pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Penurunan kes ini berkemungkinan berpunca daripada aktiviti pengesanan keciciran imunisasi yang dilakukan melalui program SIA measles.



Rajah 3.6: Jumlah kes Pertussis di WPKL & Putrajaya pada tahun 2014 hingga 2019.

D. Hepatitis B

Sebanyak 387 kes disahkan Hepatitis B telah dinotifikasi, yang mana sebanyak 210 kes (54.2%) adalah warganegara Malaysia manakala 177 kes (45.7%) adalah warga asing. Di kalangan warganegara, 37 kes (17.6%) adalah kes warganegara yang dilahirkan selepas tahun 1989, iaitu bermulanya polisi pemberian imunisasi Hepatitis B untuk semua bayi sejeurus kelahiran.

E. Neonatal Tetanus

Sebanyak 2 kes Neonatal tetanus dilaporkan, iaitu masing-masing satu kes oleh PK Cheras dan PK Kepong. Kedua-dua kes ini melibatkan warga asing yang bersalin di rumah dan dikendalikan oleh mereka yang tidak bertauliah. Kedua-dua kes telah menunjukkan simptom demam, tidak mahu menyusu dan sawan pada hari ke-9 kelahiran. Berikutan kes ini, JKWPKL & P telah meningkatkan promosi dan pendidikan kesihatan kepada golongan berisiko beserta edaran risalah kesihatan untuk mencegah kejadian sama daripada berulang.


F. Lain-lain penyakit cegahan vaksin

Tiada kes Difteria dilaporkan bagi tahun 2019, juga tiada pelaporan wabak bagi lain-lain penyakit cegahan vaksin yang perlu dinotifikasi mengikut Akta Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Penyakit Bawaan Makanan Dan Air (FWBD)

A. Keracunan Makanan

Bilangan kes keracunan makanan yang dilaporkan adalah sebanyak 704 kes, iaitu penurunan kes sebanyak 3% berbanding tahun 2018 (726 kes). Sebanyak 34 wabak keracunan makanan dilaporkan dengan 5 episod melibatkan sekolah. Kejadian wabak di sekolah menunjukkan peningkatan sebanyak 64% (14 buah sekolah) berbanding tahun 2018. Juga, terdapat 3 buah sekolah yang melaporkan kejadian episod keracunan makanan berulang dalam tempoh 3 tahun dari tahun 2017 sehingga tahun 2019. Pendidikan kesihatan berkenaan pencegahan dan pengurangan risiko kepada keracunan makanan telah diberikan kepada sekolah-sekolah tersebut bagi memastikan tidak lagi berlaku wabak keracunan makanan.



Rajah 3.7: Bilangan Kes Keracunan Makanan di WPKL & Putrajaya, 2012-2019

B. Lain-lain Penyakit Bawaan Makanan dan Air

Sebanyak 183 kes Tifoid dinotifikasi sepanjang tahun 2019, namun hanya 7 kes disahkan oleh ujian makmal, iaitu penurunan kes sebanyak 56% berbanding 2018. Namun tiada wabak dilaporkan. Sebanyak 32 kes Disentri dilaporkan iaitu 10 kes dari PK Cheras, 13 kes dari PK Kepong, 4 kes dari PK Lembah Pantai dan 5 kes dari PK Titiwangsa. Namun, tiada wabak dilaporkan. Sebanyak 10 kes Hepatitis A dilaporkan dan tidak melibatkan kejadian wabak.

Penyakit Zoonosis

A. Leptospirosis


Pada tahun 2019, daripada 175 kes Leptospirosis yang telah didaftarkan, sebanyak 37 kes adalah *lab-confirmed* (21.1%) iaitu peningkatan kes sebanyak 50.8% berbanding tahun 2018 (116 kes). Satu kejadian wabak Leptospirosis telah berlaku di bawah kawasan operasi Pejabat Kesihatan Lembah Pantai, melibatkan sebanyak 73 kes, di mana 15 kes adalah *lab-confirmed* (positif MAT). Jangkitan disyaki berpunca daripada infestasi rodent yang ada di kawasan asrama berikutan sampel tanah adalah positif untuk *Leptospira spp.* Langkah kawalan dan pencegahan wabak telah diambil dan tiada kematian dilaporkan.

B. Lain-lain penyakit zoonosis

Tiada kes Rabies dilaporkan pada tahun 2019. Bagi kejadian gigitan anjing, sebanyak 35 kes gigitan anjing dilaporkan di WPKL & Putrajaya. Selain daripada itu, sebanyak 5 kes Melioidosis dan 1 kes Brucellosis telah dilaporkan.


Penyakit Hand Foot & Mouth Disease (HFMD)

Kumulatif kes HFMD di WPKL dan Putrajaya pada 2019 adalah berkurangan sebanyak 48.9% berbanding tahun 2018 iaitu 4,238 kes didaftarkan pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya 8,300 kes.



Rajah 3.8: Perbandingan kes HFMD bagi tahun 2018 dan 2019 mengikut minggu epid di WPKL & Putrajaya

Sebanyak 180 wabak HFMD dilaporkan dengan jumlah wabak tertinggi berlaku di kawasan operasi PK Titiwangsa dan PK Putrajaya dengan masing-masing 48 wabak, diikuti oleh PK Kepong dengan 35 wabak, 29 wabak di PK Lembah Pantai dan 20 wabak di PK Cheras. Sebanyak 42.2% wabak berlaku di rumah persendirian seperti di **Rajah 3.9**.




Rajah 3.9: Taburan wabak kes HFMD mengikut premis pada tahun 2019


3.2.2 Unit Tibi & Kusta

Notifikasi dan Kadar Insiden Tibi

Pada tahun 2019 terdapat sebanyak 1,998 kes Tuberkulosis (TB) dengan kadar insiden 101 per 100,000 penduduk. Data menunjukkan penurunan sebanyak 0.94% berbanding tahun 2018 iaitu 2,017 kes dengan kadar insiden 105 per 100,000 penduduk.




Rajah 3.10: Bilangan Kes TB Dilaporkan, JKWPKL&P, 2007-2019




Rajah 3.11: Kadar Insiden Penyakit TB Per 100,000 Penduduk di WPKL&P, 2007 – 2019

Pada tahun 2019, secara purata bilangan kes TB yang dilaporkan setiap bulan adalah 167/bulan. Terdapat penurunan jika dibandingkan dengan purata 168/bulan kes yang dilaporkan pada tahun 2018




Rajah 3.12: Perbandingan Bilangan Daftar Notifikasi Kes TB Berdasarkan Bulan Epid di WPKL & Putrajaya, 2017 – 2019

Majoriti kes TB adalah di kalangan warganegara (82.23%) berbanding dengan kes di kalangan bukan warganegara (Rajah 3.13). Rajah 3.14 menunjukkan subdiagnosis semua kes tibi bagi tahun 2019 di mana 54.5% adalah kes *Pulmonary TB Smear Positive*




Rajah 3.13: Bilangan Kes TB Mengikut Warganegara (WN) dan Bukan WN di WPKL & Putrajaya, 2019




Rajah 3.14: Bilangan Kes TB Mengikut Sub Diagnosis, WPKL & Putrajaya, 2019

Pada tahun 2019, bilangan kes tuberkulosis paling tinggi dilaporkan di kumpulan umur 25-34 tahun iaitu 22%, dikuti oleh kes di kumpulan umur 35-44 tahun (Rajah 3.15)

Rajah 3.15: Pecahan Pesakit TB Mengikut Umur di WPKL & Putrajaya, 2019




Kes *Drug Resistance* (DR-TB) yang di laporkan adalah 32 kes atau 1.6% daripada jumlah keseluruhan kes tuberkulosis yang dilaporkan pada tahun 2019.




Rajah 3.16: Bilangan Kes *Drug Resistance* (DR-TB) WPKL & Putrajaya, 2010-2019

Jangkitan Tuberkulosis di Kalangan Kanak-Kanak

Sasaran kes TB di kalangan kanak-kanak adalah kurang dari lima (5) peratus daripada jumlah kes penyakit tersebut yang dilaporkan untuk tahun semasa. Sepanjang tahun 2019, terdapat sebanyak 56 (2.8%) kes TB di kalangan kanak-kanak. Jumlah ini menunjukkan kenaikan (0.05) peratus jika dibandingkan dengan 55 kes TB di kalangan kanak-kanak yang di laporkan pada tahun 2018. Kanak-kanak berumur satu (1) hingga enam (6) tahun merupakan penyumbang tertinggi dengan 19 kes bersamaan 33.9% kepada keseluruhan kes TB kanak-kanak tahun 2019.



Rajah 3.17: Bilangan Kes TB Kanak-Kanak di WPKL & Putrajaya, 2007 – 2019




Rajah 3.18: Pecahan Kes TB Kanak-kanak Mengikut Umur di WPKL & Putrajaya, 2019

Notifikasi Kes Kusta


Pada tahun 2019, sejumlah sebelas (11) kes kusta telah dilaporkan di JKWPKL&P berbanding Lapan (8) kes pada tahun 2018. Sejak tahun 2014 sehingga tahun 2019, bilangan kes kusta yang dilaporkan di JKWPKL&P adalah di antara tujuh (7) hingga 12 kes setiap tahun. Rajah 2.15 menunjukkan bilangan kes kusta paling tinggi di laporkan di daerah Kepong pada tahun 2014, 2017 dan 2018.

BIL KES KUSTA 2014 - 2019




Rajah 3.19: Bilangan Kes Kusta mengikut Pejabat Kesihatan, WPKL & Putrajaya, 2014 – 2019

Secara umum, untuk tujuan rawatan penyakit kusta dibahagikan kepada paucibacillary atau multibacillary. **Rajah 3.20** menunjukkan bahawa majority kes kusta yang dilaporkan sejak tahun 2014 adalah jenis multibacillary.



Rajah 3.20: Bilangan Kes Kusta Mengikut Sub Diagnosis Di WPKL & Putrajaya, 2014 – 2019

Majoriti kes yang dilaporkan pada tahun 2019 adalah di kalangan bukan warganegara. Jesteru itu, kumulatif kes yang dilaporkan sejak tahun 2014 sehingga tahun 2019 adalah tinggi di kalangan bukan warganegara iaitu 32 kes di kalangan bukan warganegara dibandingkan dengan 22 kes di kalangan warganegara (**Rajah 3.21**).




Rajah 3.21: Bilangan Kes Kusta Mengikut Warganegara, WPKL & Putrajaya, 2014- 2019

3.2.3 Unit HIV & STI


Epidemiologi HIV

Pada tahun 2019, sebanyak 428 kes baru HIV dicatatkan di WPKL & Putrajaya, peningkatan kes sebanyak 4.7% berbanding tahun 2018. Sebanyak 211 kes AIDS dilaporkan pada 2019, peningkatan sebanyak 70% berbanding tahun sebelumnya. Kematian HIV pula mencatatkan sejumlah 40 orang pada 2019 (Rajah 3.22). Golongan umur yang tertinggi bagi kes HIV baru adalah di kalangan 20-29 tahun (50% kes HIV baru), diikuti umur 30-39 (30%) (Rajah 3.23). Majoriti jangkitan HIV adalah melalui jangkitan seksual (*men who have sex with men*, heteroseksual dan biseksual) iaitu sebanyak 97% berbanding cara jangkitan lain (Rajah 3.24).


BILANGAN KES BARU HIV, AIDS DAN KEMATIAN HIV, 2019-2019



Rajah 3.22: Bilangan Kes Baru HIV, AIDS dan Kematian HIV dari 2009-2019




Rajah 3.23: Taburan Kes Baru HIV Mengikut Kumpulan Umur, 2019



Rajah 3.24: Taburan Kes Baru HIV Mengikut Cara Jangkitan, 2019


Program Saringan

Secara keseluruhannya, sebanyak 282,687 saringan HIV dilakukan pada 2019 meliputi saringan ibu mengandung, pra-perkahwinan, sukarela, tanpa nama, TB, bank darah dan *modified syndromic approach* (MSA) (Rajah 3.25). Daripada jumlah ini, sebanyak 668 (0.24%) saringan HIV adalah reaktif.



Rajah 3.25: Jumlah Saringan HIV Yang Dijalankan Dari Tahun 2015-2019

Harm Reduction



Rajah 3.26: Bilangan Klien Aktif Bagi Program Methadone Mengikut Fasiliti Kesihatan

Secara keseluruhannya, terdapat 6,572 klien yang berdaftar bagi program methadone di Kuala Lumpur & Putrajaya, namun hanya seramai 1,492 (22.7%) daripada mereka yang masih aktif (Rajah 3.26). Daripada jumlah tersebut, 87 orang (5.8%) klien methadone adalah HIV positif, dan sebanyak 88.5% daripada mereka sudahpun menerima rawatan antiretroviral.

Prevention of Mother to Child Transmission (PMTCT) Programme

Bagi program PMTCT, seramai 17 kes HIV positif dicatatkan dalam kalangan ibu mengandung pada tahun 2019, namun tiada bayi yang dijangkiti HIV melalui transmisi vertikal (Jadual 3.8). Bagi kes ibu yang dijangkiti sifilis, seramai tujuh (7) kes dikesan dan terdapat dua (2) *probable* kes *congenital syphilis* direkodkan pada tahun 2019 (Jadual 3.9).

Jadual 3.8: Pencapaian Program PMTCT HIV, JKWPKL&P 2015-2019


| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|---------------------------------|------|------|------|------|------|
| IBU POSITIF HIV | 14 | 16 | 18 | 12 | 17 |
| WARGANEGARA | 8 | 5 | 12 | 7 | 11 |
| BUKAN WARGANEGARA | 6 | 11 | 6 | 5 | 6 |
| BAYI POSITIF HIV | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| VERTICAL RATE (%) | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| VERTICAL RATE/C100,000LB | 3.49 | 0 | 0 | 0 | 0 |

Jadual 3.9: Pencapaian program PMTCT Sifilis, JKWPKL&P 2015-2019

| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|---------------------------------------|-------|-------|-------|-------|-------|
| IBU TPHA POSITIF | 10 | 8 | 11 | 12 | 7 |
| WARGANEGARA | 5 | 7 | 8 | 11 | 7 |
| BUKAN WARGANEGARA | 5 | 1 | 3 | 1 | 0 |
| CONGENITAL SYPHILIS | 0 | 2 | 0 | 0 | 2 |
| KELAHIRAN HIDUP | 30164 | 25472 | 41882 | 41818 | 40557 |
| CONGENITAL SYPHILIS/ 100,000LB | 0 | 7.85 | 0 | 0 | 4.93 |

Sexually Transmitted Infections (STI)


Terdapat pertambahan kes STI pada tahun 2019, iaitu sebanyak 7.4% berbanding tahun sebelumnya. Kes sifilis telah menunjukkan peningkatan kes sejak dari tahun 2016 sehingga 2019 (Rajah 3.27).



Rajah 3.27: Bilangan kes STI dari tahun 2015 – 2019

Hepatitis C


Bagi kes hepatitis C, terdapat peningkatan kes sebanyak 27% berbanding tahun 2018 (Rajah 3.28) berikutan pelaksanaan ujian saringan Hepatitis C di klinik kesihatan terpilih di Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2019, iaitu Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, Klinik Kesihatan Setapak, Klinik Kesihatan Jinjang, Klinik Kesihatan Cheras dan Klinik Kesihatan Presint 9.




Rajah 3.28: Bilangan kes Hepatitis C dari tahun 2015 – 2019

Key Performance Index (KPI)

Pencapaian Kadar Notifikasi Kes Baru HIV yang merupakan indikator KPI Pengarah Kesihatan Negeri bagi tahun 2019 dengan sasaran <10.5 per 100,000 penduduk adalah 22.5 per 100,000 penduduk (Rajah 3.29). Faktor penyumbang utama kepada ketidakcapaian ini disebabkan oleh peningkatan kes melalui transmisi seksual.



Rajah 3.29: Perbandingan Pencapaian KPI bagi WPKL & P dan Malaysia dari 2009 – 2019



Rajah 3.30: Pencapaian KPI Bagi Setiap Daerah Bagi Tahun 2019

Di peringkat daerah pula, kesemua daerah mencatatkan pencapaian melebihi 10.5 per 100,000 penduduk. Daerah Cheras mencatatkan kadar notifikasi kes baru HIV yang tertinggi iaitu 29.1 per 100,000 penduduk diikuti daerah Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong dan Putrajaya (Rajah 3.30).

Projek Khas Dan Penerbitan


Projek Kuala Lumpur City Getting to Zero 2020 – Bandaraya Kuala Lumpur Ke Arah Sifar HIV 2020 (KLG TZ) telah dilancarkan pada bulan Disember 2015, di mana daerah Cheras menjadi daerah pertama yang melaksanakan projek ini. Pada tahun 2018, Projek KLG TZ diperluaskan ke daerah Titiwangsa. Setelah tiga tahun pelaksanaan, projek *KLGTZ* kini memasuki fasa kedua iaitu perluasan ke seluruh WPKL pada tahun 2019 dan dikenali sebagai “*KLGTZ 2.0*”. Buku Pelan Tindakan Projek Bandaraya Kuala Lumpur Menuju Sifar HIV 2.0 telah diterbitkan pada tahun 2019. Buku ini adalah untuk memudahkan semua agensi dan NGO yang terlibat melaksanakan program yang berkaitan.

3.3 CAWANGAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR (CPBV)

CPBV bertanggungjawab untuk memastikan kadar kes dan wabak denggi dapat dikurangkan termasuk kematian denggi. Penyakit bawaan vektor lain yang perlu dilaksanakan pencegahan merangkumi Malaria, Chikungunya, Tifus, *Plague*, *Yellow Fever* dan *Japanese Encephalitis* agar tidak menjadi masalah kesihatan awam di Kuala Lumpur dan Putrajaya.


3.3.1 Denggi

Tahun 2019 telah mencatatkan kumulatif kes denggi tertinggi dalam sejarah WPKL & Putrajaya. Peningkatan yang sangat ketara ini bermula pada penghujung 2018 dan situasi yang sama turut berlaku di hampir semua negeri di Malaysia termasuklah di negara jiran seperti Singapura, Filipina, Kemboja, Vietnam, Laos, Thailand dan Indonesia. Kes denggi yang dilaporkan pada tahun 2019 di WPKL&P menunjukkan peningkatan 2 kali ganda berbanding tahun 2018. Sejumlah 15,424 kes dengan 10 kematian telah dilaporkan berbanding 7,591 kes pada tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 7,833 kes (103.1%). Pejabat Kesihatan (PK) yang melaporkan kes tertinggi adalah PK Titiwangsa dengan 4,602 kes (29.8%) diikuti dengan PK Kepong 4,165 kes (27%), PK Lembah Pantai 3,244 kes (21%), PK Cheras 2,418 kes (15.6%), dan PK Putrajaya 1068 kes (6.9%). Kadar insiden kes Denggi di WPKL&P pada tahun 2019 adalah 722 per 100,000 penduduk dengan kadar kes kematian 0.06% ([Rajah 3.31](#) dan [Rajah 3.32](#)).



Sumber: Data KKM dan JKWPKL&P

Rajah 3.31 Trend Kes dan Kematian Denggi di WPKL & P, 2006-2019



Sumber: Data KKM dan JKWPKL&P

Rajah 3.32: Tren Kes Denggi Yang Dilaporkan Mengikut Minggu Epid di WPKL&P, Tahun 2019 Berbanding 2018 dan Median 5 Tahun

Jumlah kematian kes denggi yang dilaporkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 10 kes, menurun 1 kes (9.09%) berbanding 11 kematian pada tahun sebelumnya. PK Kepong dan PK Titiwangsa merekodkan jumlah kematian tertinggi dengan masing-masing 3 kematian diikuti PK Putrajaya dan PK Lembah Pantai (2 kematian). Perbandingan kumulatif kes denggi WPKL&P mengikut pejabat kesihatan bagi 2018 dan 2019 adalah seperti di [Jadual 3.10](#).

Jadual 3.10: Perbandingan Kes dan Kematian Denggi Mengikut Pejabat Kesihatan di WPKL&P, 2018 dan 2019

| Bil | Pejabat Kesihatan | Jumlah terkumpul kes denggi sehingga minggu epid 52 | | Perbandingan kenaikan/ Penurunan kes pada tahun 2018 dan 2019 |
|-------------------------------------|-------------------|---|--------------------|---|
| | | 2018 | 2019 | |
| 1 | Cheras | 1,759 (4) | 2,418 (0) | +37.4% |
| 2 | Kepong | 1,418 (1) | 3,244 (2) | +128.7% |
| 3 | Lembah Pantai | 1,893 (2) | 4,165 (3) | +118.8% |
| 4 | Titiwangsa | 2,068 (4) | 4,602 (3) | +120.0% |
| 5 | Putrajaya | 453 (0) | 1,068 (2) | +135.7% |
| Kuala Lumpur & Putrajaya | | 7,591 (11) | 15,424 (10) | +103.1% |

Nota: () Bilangan Kematian. Sumber: Sistem edengueV2

Sebanyak 2,410 wabak denggi dilaporkan di WPKL&P sepanjang tahun 2019, meningkat 1,262 wabak (109.9%) berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu 1,148 wabak. Daripada jumlah tersebut, 272 wabak merupakan wabak tak terkawal (WTK) dan 177 wabak telah menjadi lokaliti Hotspot. PK Titiwangsa (743 wabak) telah melaporkan wabak tertinggi, diikuti PK Kepong (611 wabak), PK Lembah Pantai (522 wabak), PK Cheras (385 wabak) dan PKD Putrajaya (149 wabak) (Jadual 3.11).


Jadual 3.11: Bilangan Wabak Denggi Mengikut Pejabat Kesihatan di WPKL&P, 2019

| Bil. | Pejabat Kesihatan | Wabak | | Kumulatif Wabak |
|------|-------------------|----------------|----------------------|--------------------|
| | | Wabak Terkawal | Wabak Tidak Terkawal | |
| 1 | Cheras | 311 | 74 (43) | 385 (43) |
| 2 | Kepong | 465 | 57 (32) | 522 (32) |
| 3 | Lembah Pantai | 533 | 78 (49) | 611 (49) |
| 4 | Titiwangsa | 705 | 38 (34) | 743 (34) |
| 5 | Putrajaya | 124 | 25 (19) | 149 (19) |
| | JUMLAH | 2,138 | 272 (177) | 2,410 (177) |

Nota: () Bilangan lokaliti hotspot. Sumber: Sistem edengueV2

Analisis Virologi

Untuk tahun 2019, sebanyak 496 sampel yang diuji di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) menunjukkan keputusan serotaip positif di mana 99 sampel (19.9%) positif DEN-1, 210 sampel (42.3%) positif DEN-2, 170 sampel (34.3%) positif DEN-3 dan 17 sampel (3.4%) positif DEN 4 (Rajah 3.33). Serotaip dominan adalah DEN-2, diikuti oleh DEN-3.




Sumber: Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK)

Rajah 3.33: Serotaip Denggi di WPKL&P, 2013-2019

3.3.2 Malaria

Pada tahun 2019, sebanyak 11 kes malaria telah dilaporkan di WPKL&P, penurunan sebanyak 7 kes (38.8 %) berbanding tahun 2018 (18 kes). Kesemua kes merupakan jangkitan import dari luar negara. Bilangan kes malaria tertinggi dilaporkan di PK Titiwangsa (5 kes), diikuti PK Kepong (3 kes), PK Cheras (2 kes) dan PK Lembah Pantai (1 kes). Tiada kematian malaria dilaporkan di WPKL&P untuk tahun 2019 (Rajah 3.4). Daripada 11 kes import malaria yang dilaporkan, 9 kes melibatkan warga asing iaitu warganegara Pakistan (3 kes), Nigeria (1 kes), Sudan (1 kes), Uganda (1 kes), Tanzania (1 kes), Australia (1 kes), dan Algeria (1 kes). 2 kes warganegara Malaysia pula bekerja di luar negara, iaitu 1 dari Papua, Indonesia dan 1 dari Afrika. Pecahan mengikut spesies menunjukkan jangkitan Plasmodium falciparum merupakan spesies parasit tertinggi iaitu sebanyak 6 kes diikuti Plasmodium vivax 5 kes. Tiada kes zoonotik malaria dicatatkan.



Sumber: Vekpro JKWPKL&P

Rajah 3.34: Kes Malaria di WPKL&P, 2010-2019

- **Filariasis Limfatik:** Tiada kes dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2019.
- **Tifus:** Tiada kes dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2019.
- **Japanese Encephalitis (JE):** Tiada kes dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2019.
- **Chikungunya:** Tiada kes dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2019.
- **Zika:** Tiada kes dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2019.

3.3.3 Kawalan Denggi

Aktiviti kawalan denggi dijalankan secara berjadual dan berterusan. Sepanjang tahun 2019, prestasi pencapaian aktiviti kawalan vektor adalah baik. Jadual 3.12 menunjukkan pencapaian aktiviti kawalan pembiakan nyamuk Aedes bagi tahun berturut-turut


Pencapaian bilangan premis diperiksa bagi tahun 2019 adalah sebanyak 518,643 premis, meningkat 74% berbanding 297,717 premis pada tahun 2018. Sejumlah 1,086,826 premis disemur kabus, meningkat 84% berbanding 590,491 premis pada tahun 2018. Selain itu, sejumlah 181,017 premis telah dibubuh Abate atau dilaksanakan *larvaciding*, meningkat 5% berbanding 171,680 premis pada tahun 2018.

Jadual 3.12: Pencapaian Aktiviti Kawalan Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, JKWPKL&P, 2018 dan 2019

| Aktiviti Kawalan Denggi | 2018 | 2019 |
|--|---------|-----------|
| Bil. Premis Diperiksa | 297,717 | 518,643 |
| Bil. Premis Disemur Kabus | 590,491 | 1,086,826 |
| Bil. Premis Dibubuh/semur <i>larvaciding</i> | 171,680 | 181,017 |


Sumber: Sistem *edengueV2*

Berdasarkan penemuan semasa aktiviti penghapusan tempat pembiakan dan siasatan entomologi dijalankan, 81% spesies larva yang ditemui adalah *Aedes albopictus* berbanding 19% *Aedes aegypti* (Rajah 3.35). Jenis premis yang paling kerap ditemui pembiakan pula adalah dalam kategori tumpuan awam sebanyak 60.7%, diikuti tapak binaan (42.5%), tanah perkuburan (33.3%), kilang/ gudang (14.9%) dan rumah kongsi (7.4%) (Rajah 3.36). Jenis pembiakan yang utama yang utama pada tahun 2019 adalah bekas plastik (17.8%), tangki air (11.6%), air terjun hiasan (10.9%), tangki septic (10.3%) dan kanvas (9%) di mana peratusan positif pembiakan pemeriksaan bekas-bekas ini adalah tinggi berbanding bekas-bekas lain yang diperiksa (Rajah 3.37).




Sumber: Sistem *edengueV2*

Rajah 3.35: Peratusan *Aedes albopictus* Dan *Aedes aegypti* Di WPKL&P, 2019



Sumber: Sistem edengueV2, *Reten Penguatkuasaan APSP 1975

Rajah 3.36: Jenis Premis Dengan Pembiakan Aedes di WPKL&P, 2019



Sumber: Sistem edengueV2, *Reten Penguatkuasaan APSP 1975

Rajah 3.37: Jenis Bekas Pembiakan Dan Peratusan Berdasarkan Bekas Positif Di WPKL&P, 2019

3.3.4 Unit Entomologi Dan Pest

Aktiviti Entomologi dan Pest

Sepanjang tahun 2019, sejumlah 393 aktiviti Penyiasatan Entomologi [*Entomology Investigation (EI)*]; 300 dan Penilaian Risiko Entomologi [*Entomology Risk Assessment (ERA)*]; 93 telah dijalankan bagi menentukan kehadiran dan intensiti vektor dan pest. Objektif aktiviti adalah untuk mengenalpasti tahap risiko entomologi dan pest di lokality yang dijalankan siasatan atau penilaian risiko serta memberikan cadangan penambahbaikan untuk aktiviti yang sepatutnya dijalankan oleh pihak yang terlibat. Aktiviti kajian entomologi juga dijalankan meliputi pemasangan ovitrap sentinel, ovitrap 48 jam dan MyMat; 25 aktiviti. Turut dijalankan adalah aktiviti pengesanan virus denggi

dalam nyamuk (VDIM); 5. Pembahagian aktiviti yang dijalankan mengikut kategori adalah seperti **Jadual 3.13**.

Jadual 3.13 Bilangan Aktiviti Entomologi Dan Pest Meliputi Entomology Investigation (EI), Entomology Risk Assessment (ERA), Kajian Entomologi Dan Aduan, JKWPKL&P, 2019

| Daerah | EI | | | | Jum EI | Jum ERA | Jum EI & ERA | Kajian Entomologi | | | |
|---------------|------|---------|------------------|------------|--------|---------|--------------|-------------------|------|-----------|----|
| | Mati | Hotspot | Wabak (WTK & WT) | Aduan Pest | | | | Ovitrap | VDIM | Bio-assay | IR |
| Titiwangsa | 3 | 39 | 21 | 5 | 68 | 20 | 88 | 9 | 2 | 0 | 0 |
| Cheras | 0 | 48 | 17 | 1 | 66 | 15 | 81 | 8 | 1 | 1 | 1 |
| Lembah Pantai | 2 | 32 | 16 | 8 | 58 | 29 | 87 | 6 | 0 | 0 | 0 |
| Kepong | 3 | 54 | 11 | 0 | 68 | 15 | 83 | 2 | 1 | 0 | 0 |
| Putrajaya | 2 | 21 | 17 | 0 | 40 | 14 | 54 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| WPKL&P | 10 | 194 | 82 | 14 | 300 | 93 | 393 | 25 | 5 | 1 | 1 |

Operasi Pelepasan Telur Nyamuk *Aedes Aegypti* Berwolbachia

WPKL telah terpilih sebagai perintis kepada pelaksanaan Operasi Pelepasan Telur Nyamuk *Aedes aegypti* berWolbachia bagi Fasa 1 bersama dengan negeri Selangor. Sebanyak tiga (3) lokaliti terlibat iaitu di Pangsapuri Sri Penara dan PPR Desa Tun Razak di bawah PKD Cheras serta Apartmen Sri Rakyat di bawah PKD Lembah Pantai. Operasi ini melibatkan penglibatan daripada pelbagai pihak di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, PKD dan juga peranan komuniti setempat. Operasi bermula pada 7 Julai 2019 dengan Majlis *Kick-Off* di Apartmen Sri Rakyat telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Operasi dijalankan dengan pemasangan *release container* (RC) bersama dengan telur *Aedes aegypti* berWolbachia mengikut batch (15 hari/batch). Penilaian operasi adalah berdasarkan kepada peratus penetasan telur (>90%), peratus kejayaan menjadi *Aedes* dewasa (>80%) dan peratus frekuensi Nyamuk berWolbachia (>80%) dua kali berturutan. Sehingga akhir tahun 2019, peratus frekuensi nyamuk berWolbachia terkini di Pangsapuri Sri Penara (67.76%), PPR Desa Tun Razak (24.03%) dan Apartmen Sri Rakyat (42.31%).

Perancangan bagi tiga (3) lokaliti baharu bagi Fasa 2 juga telah dijalankan dengan Penempatan Angkatan Tentera Desa Setia Wira, Apartmen Presint 14 Sub 7 dan Apartmen Presint 14 Sub 12 telah dipilih. Operasi pelepasan telur bagi ketiga-tiga lokaliti ini bermula pada Januari tahun 2020.



Demonstrasi penyediaan RC dengan telur
Aedes aegypti Berwolbachia



Serahan RC kepada penduduk


3.4 CAWANGAN SURVELAN

3.4.1 Wabak Penyakit Berjangkit


Jadual 3.14: Perbandingan Kumulatif Wabak Penyakit Berjangkit (Selain Denggi), WPKL&P, 2018-2019

| PENYAKIT | KUMULATIF WABAK 2019 | KUMULATIF WABAK 2018 |
|--------------------|----------------------|----------------------|
| HFMD | 180 | 367 |
| KERACUNAN MAKANAN | 34 | 38 |
| ILI/INFLUENZA/URTI | 28 | 8 |
| CHICKEN POX | 22 | 12 |
| MUMPS | 16 | 9 |
| MEASLES | 3 | 11 |
| PERTUSIS | 2 | 7 |
| NEONATAL TETANUS | 2 | 0 |
| CONJUNCTIVITIS | 1 | 3 |
| ROTAVIRUS | 1 | 1 |
| LEPTOSPIROSIS | 1 | 0 |
| MENINGOCOCCAL | 1 | 1 |
| AGE | 1 | 0 |
| HEPATITIS A | 1 | 0 |
| KOLERA | 0 | 1 |
| DISENTRI | 0 | 1 |
| SCABIES | 0 | 1 |
| JUMLAH | 293 | 460 |

Sepanjang tahun 2019, selain daripada wabak Denggi, sebanyak 293 wabak penyakit berjangkit dilaporkan di WPKL & Putrajaya. PK Titiwangsa telah mencatatkan bilangan wabak terbanyak (74 wabak), diikuti oleh PKD Putrajaya (71 wabak), PK Kepong (62 wabak), PK Lembah Pantai (46 wabak) dan PK Cheras (40 wabak). Secara keseluruhan, jumlah wabak yang dilaporkan telah menurun sebanyak 167 wabak (36.3% penurunan) berbanding tahun 2018 (Jadual 3.14 dan Rajah 3.38).




Rajah 3.38: Kejadian Wabak Penyakit Berjangkit (Selain Denggi) Mengikut Pejabat Kesihatan, WPKL&P, 2012-2019



Rajah 3.39: Kejadian Wabak Penyakit Berjangkit (Selain Denggi) di WPKL&P, 2012-2019


Influenza-like Illness(ILI) dan Severe Acute Respiratory Infection (SARI)

Kadar konsultasi ILI di klinik-klinik kesihatan di WPKL & Putrajaya pada tahun 2019 adalah antara 0.112 hingga 0.445. Tren ini didapati masih sama sejak tahun 2016 (Rajah 3.40).



Rajah 3.40: Kadar Konsultasi ILI, WPKL&P, 2012-2019


Walau bagaimanapun, pada tahun 2019, Kuala Lumpur dan Putrajaya telah melaporkan 28 wabak berkaitan *Influenza-like Illness* (ILI) iaitu peningkatan sebanyak 300% berbanding tahun 2018 dimana hanya 7 wabak ILI telah dilaporkan. (Rajah 3.41)



Rajah 3.41: Taburan Wabak ILI Mengikut Kategori Tempat Kejadian di WPKL&P


Gastroenteritis Akut (AGE)

Keseluruhannya, tren bilangan kes AGE adalah dilihat hampir sama berbanding tahun yang lalu (Rajah 3.42). Walaubagaimanapun, jumlah kumulatif kes AGE yang dilaporkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 15,640 kes berbanding tahun 2018 dengan jumlah 14,456 kes iaitu peningkatan sebanyak 8%.



Rajah 3.42: Bilangan Kes Gastroenteritis Akut (AGE) yang dilaporkan di WPKL&P, 2012-2019


Namun, kejadian wabak keracunan makanan didapati menurun hampir 10.5% daripada 38 kejadian wabak pada 2018 kepada 34 kejadian wabak pada tahun 2019. (Rajah 3.43)




Rajah 3.43: Taburan Wabak Keracunan Makanan Mengikut Kategori Tempat Kejadian di WPKL&P Pada Tahun 2019

Pemeriksaan Kesehatan Bakal Haji

Pada tahun 2019, sejumlah 1,699 orang bakal jemaah haji yang berdaftar dengan Lembaga Tabung Haji Kuala Lumpur & Putrajaya telah menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kesihatan dan klinik swasta di sekitar WPKL&P.




Rajah 3.44: Bakal Jemaah Haji Mengikut Jantina Tahun 1440H/2019M di WPKL&P



Rajah 3.45: Bakal Jemaah Mengikut Kumpulan Umur tahun 1440H/2019M di WPKL&P

Sebanyak 948 orang (56%) daripada bakal jemaah merupakan golongan perempuan (Rajah 3.44) dengan majoriti bakal jemaah keseluruhannya berumur dalam lingkungan 40 hingga 59 tahun (60%). (Rajah 3.45)




Daripada jumlah tersebut, 46% telah lulus pemeriksaan kesihatan dan 54% telah lulus dengan rawatan dan terdapat 2 bakal Jemaah yang tidak lulus pemeriksaan kesihatan pada tahun 1439H/2019M. (Rajah 3.46).

Rajah 3.46: Hasil Pemeriksaan Kesihatan Bakal Jemaah Haji Tahun 1440H/2019M di WPKL&P

3.4.2 Saringan Kesihatan Pekerja Asing (FOMEMA)


Pada tahun 2019, Tuberkulosis (penemuan X-ray dada yang tidak normal) adalah penyakit berjangkit yang paling banyak dikesan (844 kes, 55.9%) diikuti Hepatitis B (395 kes, 26.2%), Sifilis (138 kes, 9.2%), HIV (130 kes, 8.6%) dan Malaria (2 kes, 0.1%). Untuk penyakit tidak berjangkit, kategori lain-lain yang terdiri daripada penyakit Jantung,

penyakit Kencing Manis, Darah Tinggi dan Buah Pinggang adalah tertinggi (3227 kes, 99.8%) diikuti penyakit Psikiatri (4 kes, 0.12%), Epilepsi (1 kes, 0.03%) dan kanser (1 kes,



Rajah 3.47: Sebab-sebab 'Tidak Sesuai Bekerja Di Malaysia' di Kalangan Pekerja Asing WPKL&P, 2018-2019


Pada tahun 2019, sebanyak 291 klinik yang telah didapati gagal menotifikasi penyakit Hep B, Sifilis, dan Malaria (Rajah 3.48).



Rajah 3.48: Jumlah Klinik yang Gagal Menotifikasi Penyakit Hepatitis B, Sifilis, Dan Malaria Serta Jumlah Klinik Yang Telah Diambil Tindakan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)

Import dan Eksport Mayat, Tisu Manusia dan Organisma


Pada tahun 2019, 1,811 permit import dan eksport mayat telah dikeluarkan daripada WPKL & Putrajaya dengan peningkatan sebanyak 1.3% berbanding 1,775 permit pada tahun 2018. Rajah 3.49 menunjukkan tren jumlah mayat yang diimport dan dieksport di



Rajah 3.49: Jumlah Mayat yang Diimport dan Dieksport, WPKL&P, 2018-2019

KL & Putrajaya pada tahun 2018 – 2019.


Pada tahun 2019, sebanyak 350 permit import dan eksport tisu, organisma dan bahan patogenik telah dikeluarkan pada tahun 2019 (Rajah 3.50).



Rajah 3.50: Jumlah Tisu, Organisma dan Bahan Patogenik yang Diimport dan Dieksport, WPKL&P, 2019

Pembentangan / Penerbitan

- i. Pembentangan poster bertajuk ‘An Overview of Outbreaks in KL & Putrajaya, 2018’ di 6th Asia Pacific Conference on Public Health, Pulau Pinang.
- ii. Pembentangan poster bertajuk “Review of Tuberculosis cases in Kuala Lumpur & Putrajaya Federal Territory, 2017-2018” di 6th Asia Pacific Conference on Public Health, Pulau Pinang




3.5 CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD)

Cawangan NCD bertanggungjawab menyelaras aktiviti berkaitan pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit iaitu Diabetes, Hipertensi, Kanser, Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN), Kesihatan Mental, Penyalahgunaan Substans serta Keganasan dan Kecederaan.


3.5.1 Pencegahan dan Kawalan Diabetes

Pada tahun 2019, jumlah pesakit diabetes yang menerima rawatan di klinik kesihatan di bawah seliaan JKWPKL&P adalah seramai 36,745 orang iaitu seramai 21,018 perempuan dan 15,727 lelaki. Seramai 24,701 klien telah menjalani saringan diabetes di klinik kesihatan dan seramai 4,295 (17.3%) orang telah didiagnos diabetes.

Pencapaian kawalan diabetes merupakan salah satu KPI yang dipantau di klinik kesihatan, dengan sasaran lebih daripada 30% pesakit diabetes di klinik kesihatan mencapai sasaran $HbA1c \leq 6.5\%$. Pada tahun 2019, JKWPKL&P telah berjaya mencapai sasaran dan pencapaian telah meningkat sebanyak 3.29%. Pencapaian KPI diabetes dan pencapaian tekanan darah yang mencapai sasaran $\leq 135/75$ mmHg di kalangan pesakit diabetes seperti di [Rajah 3.51](#) dan [Rajah 3.52](#).




Rajah 3.51: Perbandingan Pencapaian KPI Diabetes ($HbA1c \leq 6.5$) Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2017 – 2019




Rajah 3.52: Pbandingan Pencapaian Tekanan Darah $\leq 135/75$ mmHg Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2017 - 2019

3.5.2 Program Pencegahan dan Kawalan Kesihatan Mental


Sepanjang tahun 2019, seramai 6,690 (30 saringan / KK / Bulan = 6,120) pelanggan telah menjalani saringan DASS (*Depression, Anxiety, Stress Scale*). Saringan telah difokuskan kepada pesakit-pesakit kronik dan *high risk group*. Intervensi diberikan jika klien didapati mengalami stress, anizeti dan kemurungan. Terdapat peningkatan kes baru kesihatan mental pada tahun 2019 iaitu seramai 835, jika dibandingkan pada tahun 2018, 641 kes. Peningkatan kes ini disebabkan oleh peningkatan kompetensi staf klinik memberi rawatan kepada pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental (Rajah 3.53).



Rajah 3.53: Bilangan Kes Baru Kesihatan Mental di JKWPKL&P (2013-2019)




Rajah 3.54: Peratus Masalah Kesihatan Mental Kategori Teruk Dan Sangat Teruk Tahun 2019




Rajah 3.55: Bilangan Kes Baru Kesihatan Mental 2019 mengikut Klinik Kesihatan di JKWPKLP

3.5.3 Program Saringan dan Intervensi Alkohol di Klinik Kesihatan dan Komuniti

Sepanjang tahun 2019, seramai 1,172 klien telah menjalani saringan audit 10 (sasaran tahunan: 612). Daripada jumlah tersebut, 172 klien mempunyai saringan audit 10 melebihi skor 7 dan dilaksanakan intervensi. Secara keseluruhan, hanya seramai 2 klien yang lengkap menjalani saringan audit 10 kali kedua.



Rajah 3.56: Bilangan Saringan Alkohol peringkat JKWPKLP (2014-2019)




Rajah 3.57: Bilangan Saringan Alkohol Mengikut Klinik Kesihatan JKWPKL, 2019

3.5.4 Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)

Program KOSPEN adalah sebuah program yang memperkasakan penduduk setempat untuk menjadi *health agent of change* di tempat masing-masing. Program ini bermula pada tahun 2013 dan skop utama adalah Saringan Kesihatan, Pemakanan Sihat, Pengurusan Berat Badan, Tidak Merokok dan Gaya Hidup Aktif. Skop tambahan adalah kesihatan mental, hidup sihat tanpa alkohol dan pencegahan kanser. Pada hujung tahun 2019, sebuah pemurnian telah dilakukan di mana lokaliti yang tidak aktif dan enggan meneruskan program KOSPEN digugurkan, menjadikan jumlah baru lokaliti KOSPEN sebanyak 42 dari 54 lokaliti sebelum ini.

Saringan Kesihatan

Sehingga akhir tahun 2019, seramai 14,694 orang telah disaring oleh sukarelawan KOSPEN yang terlatih. Empat (4) aspek utama saringan faktor NCD dinilai adalah seperti di dalam graf di bawah. Rujukan dibuat ke klinik kesihatan terdekat bagi intervensi sewajarnya.



Rajah 3.58: Pencapaian Saringan KOSPEN Bagi Faktor Risiko NCD, JKWPKL, Sehingga Disember 2019 (n=14,694)

Rumah Bebas Asap Rokok (RBAR)

Pada tahun 2019, sebanyak 470 buah rumah telah bersetuju dijadikan RBAR. Lokaliti Fasa 4B Presint 8, Putrajaya dan Lokaliti KRT Taman Melati BLOK F, Titiwangsa dijadikan sebagai Lokaliti Bebas Asap Rokok.

Program Pengurusan Berat Badan

Lima (5) lokaliti di KL dan Putrajaya telah menjalankan Program Pengurusan Berat Badan (PBB) KOSPEN selama 6 bulan di mana tiga sasaran pencapaian ditetapkan oleh pihak KKM. Majlis penutup dan penyampaian hadiah Program PBB KOSPEN 2019 telah diadakan di De Palma Eco Resort, Kuala Selangor.


Jadual 3.15: Pencapaian Program Pengurusan Berat Badan KOSPEN 2019

| BILANGAN PROGRAM | PENCAPAIAN JABATAN KESIHATAN WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA | | | | | |
|------------------|--|---------|--|---------|---|---------|
| | SASARAN 1: 60% PESERTA KEKAL DI AKHIR PROGRAM | | SASARAN 2: 30% PESERTA TURUN BERAT BADAN | | SASARAN 3: >10% PESERTA TURUN BERAT BADAN 5-10% | |
| | BILANGAN | PERATUS | BILANGAN | PERATUS | BILANGAN | PERATUS |
| 5 | 66/92 | 77.7% | 47/66 | 71.2% | 20/66 | 30.3% |

3.5.4 Program Pencegahan dan Kawalan Kanser

Program Saringan Kanser Kolorektal


Menurut Laporan Registri Kanser Kebangsaan 2012 – 2016, kanser kolorektal merupakan kanser kedua tertinggi di Malaysia. Program saringan kanser kolorektal telah dijalankan di 17 buah klinik kesihatan dan 4 buah klinik komuniti ke atas klien asimptomatik berumur 50 – 70 tahun menggunakan kit *immunological faecal occult blood test* (iFOBT) ke atas sampel najis.



Rajah 3.59: Jumlah Saringan Dan Pecahan Penemuan Kolonoskopi Kes Positif Ifoft Yang Dirujuk, 2019

Registri Kanser Kebangsaan

JKWPKL&P membuat jerayawara secara berkala ke atas *Data Source Providers* (DSP) kerajaan dan swasta bagi meningkatkan kesedaran DSP tentang keperluan menghantar notifikasi kes-kes kanser. Sebanyak 3103 kes kanser baru didaftarkan dalam sistem *CanReg5* sepanjang 2019 di KL dan Putrajaya.




Rajah 3.60: Bilangan 10 Kes Kanser Tertinggi Di WPKL & Putrajaya, 2019 (sehingga 4 September 2020)

Data Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan

Pada tahun 2019, jumlah kes yang diterima (kes kematian 2018) oleh JKWPKL&P adalah sebanyak 2092 kes. Berikut adalah data verifikasi kematian seperti **Rajah 3.61** dan **Rajah 3.62**.



Rajah 3.61: Pencapaian Data Verifikasi Kematian Yang Disahkan Mengikut ICD 10 Di Kuala Lumpur Dan Putrajaya



Rajah 3.63: Data Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan Dalam Proses Verifikasi Data Di Kuala Lumpur Dan Putrajaya

Program Kawalan Tembakau

Unit kawalan tembakau di bawah unit NCD bertanggungjawab dalam mempromosi hidup sihat tanpa asap rokok dan pemantau perkhidmatan berhenti merokok.

Blue Ribbon Campaign (BRC)


Kempen Blue Ribbon adalah pengiktirafan dan penghargaan terhadap pihak yang telah memberikan sumbangan kepada inisiatif melahirkan persekitaran bebas asap rokok.

Tahun 2018 terdapat 20 permohonan pencalonan dan hasilnya sebanyak **8 premis** layak diberi penganugerahan Blue Ribbon Kebangsaan

Bagi tahun 2019, terdapat peningkatan permohonan pencalonan BRC ke 33 dimana **10 premis** layak diberi penganugerahan



Kadar Berjaya Berhenti Rokok 2019



Rajah 3.64: Peratus Kadar Berhenti Merokok 2017-2019 di klinik kesihatan, hospital kerajaan dan fasiliti swasta


Konferens-6TH Asia Pacific Conference on Public Health

Smoking Prevalence Among Healthcare Personnel in Health Department of Kuala Lumpur dan Putrajaya. Prevalen perokok di kalangan 2,910 kakitangan JKWPKL adalah 7.1%; 4.2% perokok biasa, 0.6% pengguna vape dan 2.3% pengguna kedua – duanya. Prevalen perokok di kalangan kakitangan lelaki dan perempuan menunjukkan perbezaan ketara (29.3% vs 0.4%).


3.6 UNIT KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR (KPAS)

3.6.1 Penggunaan Careplan

Peluasan penggunaan careplan telah digunakan oleh perkhidmatan sokongan seperti Jurupuluh Perubatan Fisioterapi, Jurupuluh Perubatan Cara Kerja, Pegawai Dietetik, dan Pegawai Sains Pemakanan, serta Pegawai Farmasi. Infografik A menunjukkan jumlah penggunaan careplan mengikut 5 buah fasiliti.



Rajah 3.65: Pencapaian Penggunaan Careplan vs Visit, 2019



Rajah 3.66: Pencapaian Keseluruhan Penggunaan Careplan vs Visit JKWPKL&P, 2019

3.6.2 Panel Penasihat Klinik Kesihatan (PPKK)

Majlis Watikah Perlantikan Ahli Panel Penasihat Klinik Kesihatan telah diadakan pada 31 Mei 2019 di Foyer JKWPKL & P. Keahlian baru PPKK penggal 2019-2020 adalah sebanyak 225 orang. Setiap PPKK menerima peruntukan sebanyak RM 5,000 setiap tahun untuk melaksanakan aktiviti kesihatan yang disalurkan melalui akaun terus PPKK atau pun waran.

3.6.3 Perkhidmatan Makmal Patologi

Sejumlah **3,495,170** ujian telah dilakukan dalam tahun 2019. Ujian-ujian ini terdiri dari disiplin Patologi kimia, Hematologi dan Mikrobiologi. Peningkatan peratusan berbanding tahun **2018** ialah sebanyak **5.7%**.

Jadual 3.16: Perbandingan Peningkatan Beban Kerja Dari Tahun 2017-2019

| TAHUN | 2017 | 2018 | 2019 |
|--------------------|------------------|------------------|------------------|
| Jumlah beban kerja | 2,937,825 | 3,305,752 | 3,495,170 |
| Peningkatan % | - | 12.5 | 5.7 |

Jadual 3.17: Beban Kerja Makmal Mengikut Displin Tahun 2019

| KK | Jan - Dis 2019 | | |
|---------------------|------------------|---------------|----------------|
| | Patologi Kimia | Microbiologi | Hematologi |
| KK Tanglin | 519,231 | 8,715 | 62,798 |
| KK Petaling Bahagia | 31,617 | 2,177 | 11,521 |
| KK Jinjang | 605,294 | 6,185 | 45,448 |
| KK Batu | 42,008 | 5,272 | 29,105 |
| KK Sentul | 31,526 | 5,993 | 24,962 |
| KK Cheras | 372,467 | 11,802 | 51,900 |
| KK Cheras Baru | 15,994 | 2,387 | 10,725 |
| KK Sg. Besi | 51,632 | 2,263 | 30,564 |
| KK Kuala Lumpur | 564,506 | 21,294 | 122,589 |
| KK Setapak | 51,233 | 5,056 | 37,056 |
| KK Kg Pandan | 32,453 | 2,929 | 14,015 |
| KK Dato Keramat | 23,591 | 787 | 11,746 |
| KK Putrajaya P9 | 254,373 | 9,744 | 62,549 |
| KK Putrajaya P18 | 226,120 | 7,972 | 41,675 |
| KK Putrajaya P11 | 10,651 | 1,707 | 4,110 |
| KK Putrajaya P14 | 5,208 | 669 | 1,551 |
| JUMLAH | 2,837,904 | 94,952 | 562,314 |

3.7 CAWANGAN KESIHATAN KELUARGA

3.7.1 Perkhidmatan Kesihatan Ibu

Penjagaan Kesihatan ibu merangkumi penjagaan serta pemantauan kesihatan ibu dan bayi sepanjang kehamilan, semasa bersalin dan selepas kelahiran. Jumlah kedatangan antenatal baharu dilihat berkurangan dari 72,753 kes pada tahun 2017 kepada 49,352 kes pada tahun 2019. Liputan suntikan ATT Dos 2 dan Dos Tambahan meningkat dari 102.5% kepada 104.5% pada tahun 2019. Majoriti kelahiran di WP KL dan Putrajaya adalah kelahiran selamat. Namun begitu, hanya 71.2% ibu diberi perawatan posnatal oleh anggota kesihatan di mana 86.6% dari ibu-ibu ini diberi lebih dari 2 kali perawatan dalam masa 7 hari posnatal.


Jadual 3.18: Liputan Penjagaan Ibu Hamil di KL & Putrajaya, Tahun 2014 - 2019

| | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|---|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Anggaran ibu hamil | 34,169 | 34,169 | 38,866 | 32,956 | 31,164 | 29,881 |
| Jumlah kedatangan antenatal baharu (%) | 46,067 (134.8) | 54,547 (168.1) | 58,872 (151.5) | 72,753 (220.2) | 52,163 (168.8) | 49,352 (165.2) |
| Jumlah kedatangan antenatal ke fasiliti klinik kerajaan | 278,911 | 236,981 | 243,569 | 256,523 | 238,518 | 236,199 |
| Purata lawatan antenatal bagi setiap ibu | 10.9 | 9.1 | 9.4 | 9.8 | 9.6 | 9.7 |
| Peratus klien membuat lawatan antenatal awal (≤ 12 minggu kehamilan) | 79.8% | 76.7% | 83.1% | 85.4% | 85.8% | 86% |
| Peratus klien diperiksa oleh Pegawai Perubatan ketika pemeriksaan antenatal pertama | 97.8% | 98.5% | 98.4% | 99.5% | 99.96% | 100% |
| Liputan imunisasi tetanus bagi antenatal | 71.8% | 85.8% | 86.1% | 114.2% | 102.5% | 104.5% |
| Jumlah kelahiran | 24,491 | 25,596 | 25,643 | 24,950 | 23,522 | 23,510 |
| Kelahiran selamat | 99.88% | 99.91% | 99.92% | 99.79% | 99.72% | 99.71% |
| Liputan perawatan posnatal | 81.1% | 77.2% | 74.6% | 75% | 71.6% | 71.2% |
| Peratus ibu diberi perawatan posnatal ≥ 2 kali dalam masa 7 hari | - | - | - | - | 82.1% | 86.6% |

3.7.2 Perkhidmatan Pra-Kehamilan atau *Pre-Pregnancy Care (PPC)*

Perkhidmatan pra-kehamilan atau PPC bertujuan untuk mengenalpasti wanita berisiko dalam umur reproduktif dan memberi intervensi bagi memastikan tahap kesihatan yang optimum sebelum kehamilan. Perkhidmatan PPC yang lebih menyeluruh dan sistematik telah dimulakan di setiap Klinik Kesihatan sejak bulan Jun 2019.

Jumlah Klien Berdaftar PPC bagi (Jun-Dis) 2019: 1,807




Rajah 3.67: Pengambilan Kontraseptif mengikut kategori bagi Pelanggan PPC 2019


Jadual 3.19: Indikator bagi Perkhidmatan Perancang Keluarga Tahun 2018 - 2019

| INDIKATOR | PENGAMAL BARU | PENGAMAL AKTIF |
|---------------------------|----------------|----------------|
| SASARAN | 6,278 | 8,733 |
| PENCAPAIAN TAHUN 2018 (%) | 7,629 (121.5%) | 9,032 (103.4%) |
| PENCAPAIAN TAHUN 2019 (%) | 7,389 (117.7%) | 9,475 (108.5%) |

Kematian Ibu Mengandung



Rajah 3.68: Kematian Ibu Mengandung Semua Penyebab Bagi WPKL Tahun 2015-2019



Rajah 3.69: Kematian Ibu Mengandung Semua Penyebab bagi WP Putrajaya Tahun 2015-2019

Kematian ibu mengandung bagi WP Kuala Lumpur berkurang pada tahun 2019 berbanding 2018 seperti dalam Paparan 5. Pada tahun 2019, daripada 8 kes, 5 kes adalah warganegara, 7 kes *preventable*, 5 kes *direct* dan 3 kes *indirect*. WP Putrajaya tidak mempunyai kes kematian pada tahun 2019.

3.7.3 Perkhidmatan Kesihatan Wanita

Saringan Kanser Serviks Dan Payudara


Di JKWPKL&P, Program Saringan Kanser Serviks menggunakan Ujian HPV DNA secara pengambilan sendiri telah mula dijalankan pada bulan Julai 2019 bagi wanita dewasa berumur 30 hingga 49 tahun. Bagi wanita dalam lingkungan umur lain, ujian konvensional Pap smear digunakan.

Jadual 3.20: Pengambilan dan Keputusan Pap Smear di KL & Putrajaya Tahun 2019

| Pejabat Kesihatan Daerah | Sasaran Pap Smear Di Semua Agensi (30-65 Tahun) | Pengambilan Pap Smear Semua Agensi | | Peratus Smear Tidak Memuaskan (Sasaran <2.5%) | Peratus Smear Ketiadaan Sel Endoservikal (Sasaran <20%) |
|--------------------------|---|------------------------------------|-------------|---|---|
| | | Bil | % | | |
| Kepong | 11,987 | 4,166 | 34.8 | 3.7 | 33.5 |
| Lembah Pantai | 8,134 | 5,922 | 72.8 | 4.4 | 39.9 |
| Titiwangsa | 16,675 | 7,197 | 43.2 | 3.2 | 26.8 |
| Cheras | 8,990 | 7,562 | 84.1 | 3.0 | 29.2 |
| Putrajaya | 2,305 | 1,497 | 64.9 | 4.9 | 22.3 |
| JKWPKL & P | 48,091 | 26,344 | 54.8 | 3.6 | 30.8 |

Jadual 3.21: Pengambilan Sendiri Ujian HPV di KL & Putrajaya, Jul 2019 hingga Jan 2020


| Pejabat Kesihatan Daerah | Sasaran Pengambilan Ujian HPV | Pengambilan Ujian HPV | |
|--------------------------|-------------------------------|-----------------------|--------------|
| | | Bil | % |
| Kepong | 2,200 | 2,001 | 91.0 |
| Lembah Pantai | 2,200 | 1,670 | 75.9 |
| Titiwangsa | 2,200 | 1,650 | 75.0 |
| Cheras | 3,200 | 2,343 | 73.2 |
| Putrajaya | 4,184 | 3,750 | 89.6 |
| JKWPKL & P | 10,784 | 11,414 | 105.8 |



Rajah 3.70: Keputusan Ujian HPV di KL & Putrajaya, Julai 2019 hingga Januari 2020

Pengambilan Pap smear pada tahun 2019 berkurangan berbanding tahun sebelumnya kerana sebahagian daripada kumpulan sasaran Pap smear telah ditukar kepada kaedah ujian HPV DNA. Sehingga Januari 2020, sebanyak 11,414 ujian HPV telah diambil dan majoriti keputusan adalah HPV tidak dikesan.


Liputan Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) bagi Program Saringan Kanser Payudara juga berkurangan pada tahun 2019. Anggota kesihatan di klinik telah diberikan sasaran tersendiri untuk tahun 2020 supaya liputan PKP dapat ditingkatkan.



Rajah 3.71: Liputan PKP di KL & Putrajaya, Tahun 2015 - 2019


3.7.4 Perkhidmatan Kesihatan Bayi Dan Kanak-Kanak

Kedatangan Bayi dan Kanak-Kanak ke Fasiliti Kesihatan



Tahun 2019 menunjukkan peningkatan kepada kedatangan kanak-kanak berumur 1 hingga 5 tahun tetapi sedikit penurunan pada kedatangan bayi berumur bawah 1 tahun (Rajah 3.72).


Purata kedatangan bayi dan kanak-kanak untuk kedua-dua lingkungan umur menunjukkan sedikit peningkatan seperti dalam Rajah 3.73. Namun begitu, purata kedatangan bagi kanak-kanak berumur 1 hingga 5 tahun tidak mencapai sasaran purata 9 kali lawatan.




Rajah 3.72 & 3.73: Tren Bilangan Dan Purata Kedatangan Bayi Dan Kanak-Kanak Berumur <5 Tahun Di Fasiliti Kesihatan Di WPKL & Putrajaya, 2019

Imunisasi Bayi dan Kanak-Kanak


Liputan imunisasi Hepatitis Dos 3, MMR Dos 2 dan DTaP/HiB/Polio Dos 3 bagi semua daerah menunjukkan peningkatan kecuali PKD Titiwangsa. Namun begitu secara keseluruhan, WPKL&P mencapai sasaran liputan imunisasi melebihi 95% (Rajah 3.74, Rajah 3.75 dan Rajah 3.76).



Rajah 3.74: Liputan Imunisasi Hepatitis B Dos 3 di WPKL & Putrajaya, 2019




Rajah 3.75: Liputan Imunisasi DTaP/HiB/Polio Dos 3 Di WPKL & Putrajaya 2019



Rajah 3.76: Liputan Imunisasi MMR Dos 2 di WPKL & Putrajaya 2019

Kematian Bayi dan Kanak-kanak


Kadar kematian bayi bawah 1 tahun menunjukkan peningkatan di WP Putrajaya dan penurunan di WP Kuala Lumpur (Rajah 3.77). Walaupun terdapat penurunan, WP Kuala Lumpur masih belum mencapai sasaran kadar kematian 3.2 untuk bayi bawah 1 tahun. Untuk kadar kematian kanak-kanak bawah 5 tahun, WP Kuala Lumpur menunjukkan penurunan dan WP Putrajaya menunjukkan peningkatan (Rajah 3.78).



Rajah 3.77 & 3.88: Kadar Kematian Bayi Bawah 1 dan 5 Tahun Di WPKL & Putrajaya, 2019

Kanak-Kanak Berkeperluan Khas

Tahun 2019 menunjukkan sedikit penurunan dalam pengesanan kanak-kanak berkeperluan khas berbanding tahun 2018 (Rajah 3.89).



Rajah 3.89: Pengesanan Kanak-Kanak Berkeperluan Khas Bawah 1 Tahun Di WPKL & Putrajaya, 2019

3.7.5 Perkhidmatan Kesihatan Sekolah

Jadual 3.22 menunjukkan bilangan dan peratus murid sekolah yang diperiksa oleh jururawat dan pegawai perubatan. Antara masalah morbiditi yang dikesan melalui pemeriksaan ditunjukkan di Rajah 3.90.

Jadual 3.22: Bilangan dan Peratus Murid Sekolah diperiksa oleh Jururawat dan Pegawai Perubatan Di WPKL & Putrajaya, 2019


| | ENROLMEN | % DIPERIKSA JURURAWAT | % DIPERIKSA PEG.PERUBATAN |
|-------------|----------|-----------------------|---------------------------|
| Pra-sekolah | 24,354 | 98.6 | 92.1 |
| Tahun 1 | 27,866 | 99.0 | 98.0 |
| Tahun 6 | 22,716 | 99.9 | 97.6 |
| Tingkatan 3 | 21,514 | 99.8 | 94.4 |

| | | | |
|--|---|--|--|
| 6319 (6.6%) Kurang Berat Badan | 8585 (9%) Risiko Berlebihan Berat Badan | 7664 (8%) Berlebihan Berat Badan | 3038 (3.2%) Masalah Penglihatan 1015 (1%) Jangkitan Kutu 358 (0.4%) Kecacatan Tulang Rangka/Fizikal |
|--|---|--|--|


Rajah 3.90: Peratus Masalah Morbiditi Yang Dikesan di WPKL & Putrajaya, 2019

Imunisasi Murid Sekolah

Liputan imunisasi untuk DT/MR (Tahun 1) dan ATT (Tingkatan 3) melebihi sasaran 95% yang ditetapkan (Rajah 3.91). Bagi imunisasi HPV pula, sasaran 100% tidak tercapai kerana terdapat 3 murid yang mengalami kesan sampingan selepas dos pertama dan 7 murid yang tidak dapat dikesan kerana berpindah ke luar negara (Rajah 3.92).




Rajah 3.9: 1Liputan Imunisasi DT/MR & ATT di WP KL & Putrajaya, 2019




Rajah 3.92 Liputan Imunisasi HPV Dos 1 & 2 di WP KL & Putrajaya, 2019

Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4

Saringan talasemia untuk murid Tingkatan 4 telah mula dijalankan di Malaysia sejak tahun 2016. Pada tahun 2018, ianya telah dijadikan salah satu daripada indikator Pengarah Kesihatan Negeri (sasaran: 60% murid tingkatan 4 menjalani ujian saringan talasemia). JKWPKL&P telah berjaya mencapai sasaran ini dengan tren peningkatan sejak tahun 2017 (Rajah 3.93). Pada tahun 2019, hasil saringan menunjukkan 3.5% murid adalah pembawa talasemia dengan majoritinya adalah pembawa HbE (Rajah 3.94).



Rajah 3.93: Peratus Liputan Saringan Talasemia di Kalangan Murid Tingkatan 4 Di WPKL & Putrajaya, 2017-2019



Rajah 3.94: Pecahan Diagnosis Akhir Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 Di WPKL & Putrajaya, 2019

3.8 CAWANGAN PEMAKANAN

3.8.1 Penunjuk Prestasi Utama

| Bil. | Penunjuk Prestasi Utama | Sasaran | Pencapaian |
|------|---|---------|------------|
| | | 2019 | 2019 |
| 1 | Peratus kanak-kanak kurang berat badan dalam PPKZM yang meningkat berat badan berdasarkan standard pertumbuhan WHO 2016 | ≥ 60.0% | 85.0% |
| 2 | Peratus anemia di kalangan ibu hamil pada ± 36 minggu kehamilan | < 7.0% | 3.4% |
| 3 | Peratus bayi yang berumur enam bulan yang menyusu susu ibu secara eksklusif | 68.0% | 78.9% |
| 4 | Peratus hospital yang mengekalkan status hospital rakan bayi | 90.0% | 100.0% |
| 5 | Peratus kanak-kanak bawah lima tahun yang kurang berat badan | ≤ 2.2% | 0.6% |

3.8.2 Pembentangan

Pembentangan poster di “6th Asia Pacific Conference on Public Health (APCPH). Senarai poster seperti berikut:

- i. Study on weight management program Trim & Fir and intervention among police officers in royal Malaysia police Kuala Lumpur
- ii. Incidence and predictors of mortality among elderly population in Malaysia: A community-based longitudinal study
- iii. Neonatal outcomes in women with gestational diabetes mellitus in kepong district in 2015



3,8.3 Aktiviti/ Program/ Latihan/ Kursus

Antara aktiviti/ program yang dijalankan sepanjang tahun 2019:

- i. Program Pemulihan Pemakanan Kanak-kanak Bandar
- ii. Program Pengurusan Berat Badan Trim n Fit
- iii. Program Pengurusan Berat Badan di kalangan pelajar sekolah rendah (Program Celik Nutrisi)
- iv. Program Pengurusan Berat Badan di kalangan pelajar sekolah menengah (Program Nutri 4-teen)
- v. Sesi dialog pemakanan bayi dan kanak-kanak bersama ibu bapa
- vi. Sambutan Bulan Pemakanan
- vii. Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu
- viii. Roadshow anemia di kalangan pelajar sekolah

Senarai latihan/ kursus yang dijalankan sepanjang tahun 2019:

- i. Latihan Penilaian Pertumbuhan dan Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak (4in1)
- ii. Seminar Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak
- iii. Taklimat pengurusan ibu hamil anemia
- iv. Latihan Training of Trainers Pemantauan Tataetika Pemakanan Bayi dan Produk Berkaitan
- v. Latihan catering sihat



3.9 CAWANGAN PENDIDIKAN KESIHATAN


3.9.1 Penunjuk Prestasi Utama

Jadual 3.23: Pencapaian Penunjuk Prestasi Utama Cawangan Pendidikan Kesihatan, 2019

| BIL. | PERKARA | PENCAPAIAN |
|------|--|---|
| 1. | Penggunaan aplikasi BookDoc Activ dalam kalangan anggota kesihatan. | Peratusan pengaktifan aplikasi BookDoc sehingga 31 Disember 2019 berjumlah 99.8% <i>Bronze</i> = 3080 orang <i>Silver</i> = 840 orang <i>Gold</i> = 210 orang <i>Platinum</i> = 31 orang Jumlah = 4161 (62.3%) mempunyai <i>tier</i> |
| 2 | Mempromosi kesihatan melalui setting klinik kesihatan - <i>Health Promoting Clinic</i> | 16/17 klinik kesihatan tealh diiktiraf sebagai HPC sehingga tahun 2019 (94.1%) |
| 3. | Melaksanakan intervensi pengurusan berat badan di Pusat Promosi Kesihatan Komuniti menggunakan modul <i>Ifiter</i> . | (i) 11/15 (73.33%) peserta kekal hingga ke akhir intervensi (ii) 9/11 (81.82%) peserta kekal hingga ke akhir intervensi dapat meningkatkan tahap kecergasan. (iii) 9/11 peserta (81.82%) peserta berjaya menurunkan berat badan di akhir intervensi (iv) 3/11 peserta (27.7%) peserta berjaya menurunkan berat badan daripada badan asal. |
| 4 | Aktiviti pendidikan kesihatan untuk murid Tunas Doktor Muda | 72.3% murid berumur 5 dan 6 tahun telah mencapai tahap menguasai bagi 5 tingkahlaku berisiko untuk tempoh Jan-Okt 2019. (i) Mencuci tangan dengan betul selepas bermain, keluar dari tandas, sebelum makan dan selepas batuk/bersin (ii) Menggosok gigi dengan betul (iii) Makan pelbagai jenis makanan (iv) Membuang sampah di tempat yang betul (v) Tahu mengenai sentuhan OK dan Tak OK |
| 5 | Aktiviti pendidikan kesihatan untuk murid sekolah ImFree | 95% murid sekolah ImFree kekal tidak merokok dan 95% murid sekolah ImFree kekal niat tidak merokok. (2 rintis, 14 perluasan) *data dari IM4 |
| 6 | Perluaskan amalan cara hidup sihat melalui setting hospital. | <u>Hospital Putrajaya</u> Menetapkan quit date-8 orang Yang berjaya berhenti merokok- 4 orang Peratusan berjaya= 50.0% <u>Hospital Rehabilitasi</u> Menetapkan quit date-8 orang Yang berjaya berhenti merokok- 5 orang Peratusan berjaya= 62.5% |
| 7 | Menjalankan aktiviti pendidikan HIV/AIDS di sekolah menengah | 109/109 (100%) sekolah telah diberi maklumat berkaitan HIV/AIDS melalui aktiviti pameran dan ceramah pendidikan HIV/AIDS di sekolah menengah sepanjang tahun 2019. |

3.9.2 Pencapaian, Penglibatan & Sumbangan

Jadual 3.24: Senarai Pencapaian, Penglibatan dan Sumbangan Sepanjang 2019

| BIL. | PENCAPAIAN |
|------|---|
| 1 | <p>Nama program: Move More KL Challenge (MoMo KL Challenge)</p> <p>Tarikh: 1 Februari hinggalah 31 Disember 2019</p> <p>Tempat: JKWPKLP</p> <p>Kumpulan sasaran: semua pegawai dan anggota kesihatan, JKWPKLP</p> <p>Bilangan: 1260 peserta</p> <p>Pencapaian: Penganjuran program ini bagi meningkatkan tahap aktiviti fizikal dalam kalangan warga kerja Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya serta mengubah corak tingkahlaku untuk mula bergerak bagi melahirkan generasi sihat dan aktif bermula. 10 pemenang telah dikenalpasti berdasarkan jumlah bacaan pergerakan tertinggi direkodkan dalam tempoh program dilaksanakan.</p>  |
| 2 | <p>Nama program: Kempen <i>Big W.A.L.K "When Active Living Kicks"</i> Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia Peringkat Kebangsaan</p> <p>Tarikh: 7 April 2019</p> <p>Tempat: Dataran DBKL.</p> <p>Kumpulan sasaran: semua lapisan masyarakat</p> <p>Bilangan: 5860 orang</p> <p>Pencapaian: Sambutan dan penyertaan paling meriah dari segi penganjuran.</p> |
| 3 | <p>Nama program: Kempen Nafas Baru Bermula Ramadan</p> <p>Tarikh: 3 Mei 2019</p> <p>Tempat: Foyer, JKWPKLP</p> <p>Kumpulan sasaran: Pegawai dan anggota JKWPKLP terutama yang merokok</p> <p>Bilangan: 140</p> <p>Pencapaian: Sambutan pada tahun 2019 diadakan di dengan membuka kaunter Khidmat Berhenti Merokok dan pameran TAK NAK rokok.</p> |
| 4 | <p>Nama program: Program Ekspresi Anak Remaja Lestari (PEARL)</p> <p>Tarikh: 21-23 Oktober 2019</p> <p>Tempat: Impian Rimba Resort, Hulu Selangor</p> <p>Kumpulan sasaran: pelajar yang mempunyai tingkah laku berisiko di mana program rintis melibatkan dua buah sekolah SMK Seri Tasik dan SMK Padang Tembak</p> <p>Bilangan: 80 orang</p> <p>Pencapaian: Merupakan satu program bagi membentuk resilien di antara WP Kuala Lumpur antara negeri yang telah dipilih untuk melaksanakan program ini dan melibatkan beberapa rakan strategik yang turut sama-sama membantu bagi merealisasikan PEARL ini. Antara agensi yang terlibat Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Agama Islam Malaysia, Agensi Dadah Kebangsaan Malaysia, Jabatan Pendidikan WPKL, dan Penyelaras Program PROSTAR.</p> |

3.9.3 Penerbitan & Pembentangan

Sepanjang tahun 2019, Cawangan ini telah menghadiri 2 pembentangan kajian dan 1 penerbitan jurnal seperti di [Jadual 3.25](#).

Jadual 3.25: Senarai Penerbitan dan Penglibatan Dalam Aktiviti Kajian, 2019

| PROGRAM/SEMINAR | TARIKH & TEMPAT | TAJUK & KATEGORI PERTANDINGAN | PENCAPAIAN |
|---|---|--|---|
| <i>22nd Family Medicine Scientific Conference</i> | 31 Julai hingga 3 Ogos 2019 bertempat di Borneo Convention Centre | <i>Town Hall Meeting: Knowledge On Hand Foot Mouth Disease (HFMD) Among Educators In Kuala Lumpur.</i> | |
| Penerbitan jurnal kesihatan | - | <i>Predisposing, Reinforcing & Enabling Factors: Predictors Of Implementation On Physical Activity Among Healthcare Staff in JKWPKP.</i> | <i>Best Poster Presentation-category Program Evaluation</i> |
| <i>Level of Knowledge, belief and altruism towards organ donation among final year students in the Faculty of Medicine at Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.</i> | - | <i>Penerbitan EPRA International Journal – Multidiciplinary Research</i> | <i>Journal International</i> |



3.10 CAWANGAN KEJURUTERAAN KESIHATAN AWAM

3.10.1 Unit Kawalan Mutu Air Minum (KMAM)

Pada tahun 2019, 2 buah loji rawatan air dengan 218 stesen pensampelan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya telah dipantau dengan pengambilan sejumlah 4,299 sampel air atau 97.1% daripada jumlah sasaran tahunan. Sampel-sampel air ini meliputi sampel untuk semua kategori sebagaimana **Jadual 3.26**. Aktiviti persampelan gagal mencapai sasaran disebabkan oleh faktor hujan lebat, kebocoran paip air dan tiada air semasa pengambilan sampel dijalankan.

Jadual 3.26: Prestasi Persampelan Kualiti Air Minum Mengikut Kumpulan Ujian, JKWPKL&P, 2019

| KUMPULAN | CADANGAN | PENCAPAIAN | % PENCAPAIAN |
|------------------------------------|----------|------------|--------------|
| Kumpulan I (Fizikal & Bakteria) | 3,149 | 3,095 | 98.30% |
| Kumpulan II (Kimia) | 682 | 641 | 94.00% |
| Kumpulan III (Logam Berat) | 304 | 288 | 94.70% |
| Kumpulan IV (Pesticides) | 164 | 152 | 92.70% |

Analisis oleh Jabatan Kimia Malaysia menunjukkan terdapat pelanggaran Aluminium 0.70%, pelanggaran baki klorin 0.82%, pelanggaran kekeruhan 0.18%. Bagi parameter kombinasi baki klorin dan E.Coli tiada pelanggaran. Pelanggaran parameter sepanjang tahun 2019 ditunjukkan dalam **Jadual 3.27**.

Jadual 3.27: Pelanggaran Parameter Bagi Percontohan Air Bekalan Air Awam, JKWPKL&P, 2019

| Kumpulan | Jumlah Sampel | Sampel Melangga | Parameter |
|-------------|---------------|-----------------|----------------|
| Kumpulan I | 2803 | 27 | Total Coliform |
| | | 3 | E.Coli |
| | | 23 | Baki klorin |
| | | 3 | pH |
| | | 5 | Kekeruhan |
| Kumpulan II | 568 | 6 | Fluoride |
| | | 4 | Alumnium |
| | | 2 | Ferum |
| | | 8 | Manganese |
| Kumpulan | 262 | Tiada | Tiada |
| Kumpulan | 144 | Tiada | Tiada |

Jadual 3.28: Pencapaian Program Jaminan Kualiti (QAP) Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan, JKWPKL&P, 2019

| PKD | <i>E.COLI</i> & BAKI KLOORIN (QAP<0.1%) | <i>E.COLI</i> (QAP<0.35%) | KEKERUHAN (QAP< 2.0%) | BAKI KLOORIN (QAP<1.85%) | ALUMINIUM (QAP<10.2%) |
|---------------|---|---------------------------|-----------------------|--------------------------|-----------------------|
| PK Kepong | 0.00% | 0.00% | 0.00% | 0.00% | 0.00% |
| PK Titiwangs | 0.00% | 0.00% | 0.00% | 1.05% | 0.00% |
| PKD Putrajaya | 0.00% | 0.44% | 1.08% | 3.46% | 1.54% |
| DBKL | 0.00% | 0.09% | 0.00% | 0.27% | 0.04% |

Jadual 3.28 di atas menunjukkan pencapaian QAP kualiti air terawat bagi tahun 2018 mengikut PKD dan DBKL. Tiada pelanggaran QAP bagi semua parameter yang ditetapkan.

3.10.2 Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK)

Pelaksanaan program Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) bagi 7 buah klinik terlibat iaitu Klinik Kesihatan Tanglin, Klinik Kesihatan Cheras, Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, Klinik Kesihatan Jinjang, Klinik Kesihatan Presint 9, Klinik Kesihatan Presint 18 dan Klinik Pergigian Sentul diteruskan dengan perolehan kontrak baru bagi tempoh 3 tahun bermula 1hb Jun 2019 sehingga 31hb Mei 2022.



3.11 CAWANGAN KAWALSELIA RADIASI PERUBATAN

3.11.1 Pemantauan Aktiviti Program Penjaminan Mutu (QAP) Bagi Perkhidmatan Radiologi Kesihatan

Bilangan pemeriksaan X-ray yang dijalankan

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan terhadap bilangan pemeriksaan X-ray yang dijalankan di Pejabat Kesihatan Daerah (Jadual 3.29).

Jadual 3.29: Bilangan Pemeriksaan X-Ray Di Pejabat Kesihatan Daerah, JKWPKL&P, 2014 – 2019

| Daerah | Bilangan Pemeriksaan X-ray | | | | |
|---------------|----------------------------|---------------|---------------|--------------|--------------|
| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018** | 2019 |
| Lembah Pantai | 4,808 | 0* | 0* | 0* | 0* |
| Kepong | 6,226 | 6,781 | 6,977 | 6447 | 7927 |
| Cheras | 8,250 | 9,202 | 6,840 | 7589 | 6961 |
| Putrajaya | 12,278 | 15,225 | 16,882 | 11094 | 14956 |
| Titivangsa | - | - | 16,269 | 28010 | 25273 |
| Jumlah | 31,562 | 31,208 | 46,968 | 53140 | 55117 |

*Mesin X-ray telah rosak dan semua pesakit dirujuk ke HKL (2016) dan KKKL (2017)

** KKKL mula beroperasi pada April 2017

Analisa Kadar Penolakan Filem X-ray di Klinik Kesihatan

Analisa kadar penolakan filem adalah salah satu aktiviti di bawah QAP yang telah dikeluarkan oleh Cawangan Pembangunan Kesihatan Keluarga (CPKK), JKWPKL&P dan standard yang perlu dicapai tidak melebihi 2.5%. Pada tahun 2019, kriteria penilaian bagi semua KK adalah seperti di [Jadual 3.29](#).

Terdapat beberapa kriteria penilaian dan penambahbaikan yang mesti diikuti berdasarkan Audit Imej Kualiti bagi mematuhi perkhidmatan Radiologi di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (AKTA 304) bagi maksud Perubatan. Kriteria penilaian tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 3.29: Kriteria Penilaian Kadar Penolakan Filem X-Ray Di Klinik Kesihatan, JKWPKL&P 2014 – 2019

| Bil | Kriteria Penilaian | Ulasan |
|-----|--------------------------------------|-----------------------------|
| 1. | Identifikasi Pesakit | Id Tidak Jelas |
| 2. | Penanda Anatomi | Lokasi Penanda Tidak sesuai |
| 3. | Teknik Pemposian | Tiada Kolimasi |
| 4. | Faktor dedahan | Lebihan dedahan (DAP) |
| 5. | Bilik Gelap dan Prosedur Pemprosesan | Lain-lain artifek |

**kesemua kriteria hendaklah dielakkan supaya tiada kesilapan yang dilakukan khasnya untuk kes medico-legal*


3.11.2 Premis Berlesen/Berdaftar

Statistik premis yang berlesen/berdaftar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya berdasarkan Rekod Sistem RADIA KKM bagi tahun 2015 – 2019 ditunjukkan dalam [Jadual 3.30](#).

Jadual 3.30: Bilangan Premis Berlesen/ Berdaftar Di WPKL & Putrajaya, 2015 – 2019

| Bil | Jenis Premis | Bilangan Premis | | | | |
|---------------|---|-----------------|------------|------------|------------|------------|
| | | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| 1 | Hospital/ Hospital Universiti/ ATM | 28 | 28 | 32 | 49 | 53 |
| 2 | Klinik Kesihatan/ Pengamal Perubatan Am (GP's)/ Radiologi | 200 | 192 | 194 | 194 | 187 |
| 3 | Klinik Pergigian | 310 | 330 | 346 | 349 | 464 |
| 4 | Jabatan/ Pusat Radioterapi | 8 | 6 | 7 | 9 | 9 |
| 5 | Jabatan/ Pusat Perubatan Nuklear | 8 | 8 | 9 | 12 | 12 |
| 6 | Klinik Haiwan | 18 | 19 | 17 | 17 | 17 |
| Jumlah | | 570 | 583 | 605 | 630 | 742 |

Terdapat peningkatan bilangan jenis radas penyinaran dan jenis bahan Radioaktif yang berlesen (premis swasta) dan berdaftar (premis kerajaan) antara tahun 2018 dan 2019 seperti di dalam **Rajah 3.95**.



Rajah 3.95: Bilangan Jenis Radas Penyinaran dan Bahan Radioaktif Yang Berlesen dan Berdaftar Di WPKL & Putrajaya, 2018 dan 2019



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

Pengenalan dan Latar Belakang Bahagian

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), di bawah Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah Bahagian yang bertanggungjawab ke atas keselamatan makanan di negara ini. Setiap aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya serta Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan-Peraturan Juruanalisis Makanan 2013.

Matlamat Perkhidmatan dan Objektif

- i. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantai bekalan makanan dalam melindungi orang awam terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan;
- ii. Objektif penubuhan Bahagian ini juga adalah untuk memastikan agar penyediaan, penjualan dan penyimpanan semua bahan makanan adalah selamat dan bersih.

Pelan dan Sasaran Masa Depan

- i. Penubuhan Bahagian ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memperkukuhkan keselamatan makanan di sepanjang rantai bekalan makanan di negara ini.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)


1. Sebanyak lima (5) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) telah dilatakan sebagai KPI Pengarah Kesihatan Negeri dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya seperti berikut:

2. Bilangan premis pengilangan makanan berdaftar dalam sistem FoSIM Domestik mendapat pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)
3. Peratus premis makanan di fasiliti kerajaan yang mendapat pengiktirafan BeSS
4. Peratus sekolah di bawah KPM yang berlaku episod keracunan makanan
5. Peratus produk makanan yang dipantau mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985
6. Peratus penolakan produk makanan eksport yang dikeluarkan Sijil Kesihatan.

AKTIVITI DI BAWAH SEKSYEN-SEKSYEN BKKM

Terdapat empat (4) seksyen dan satu (1) unit di bawah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan iaitu:

- i. Seksyen Pematuhan Domestik;
- ii. Seksyen Surveillance, Pelesenan dan BeSS);
- iii. Seksyen Kawalan Eksport dan Industri Domestik;
- iv. Seksyen Perancangan Strategik, Pensijilan dan Institusi; dan
- v. Unit Pengurusan.



SENARAI PENCAPAIAN KPI PENGARAH KESIHATAN NEGERI 2019

JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

1. PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

| BIL | INDIKATOR | NATIONAL STANDARD REFERENCE | APPLIED STANDARD FOR STATE | NUMERATOR /NUMBER | DENOMINATOR | CURRENT PERFORMANCE | ULASAN |
|------|--|-----------------------------|----------------------------|-------------------|-------------|---------------------|----------|
| i. | Bilangan premis pengilangan makanan berdaftar dalam sistem FoSIM Domestik mendapat Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) | ≥ 1330 Premis | 28 | 28 | TIADA | 28 | TERCAPAI |
| ii. | Peratus Premis Makanan di Fasiliti Kerajaan Yang Mendapat Pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS) | ≥ 70% | ≥ 70% | 108 | 94 | 114.9% | TERCAPAI |
| iii. | Peratus sekolah di bawah KPM yang berlaku episod keracunan makanan | ≤ 1.50% | ≤ 1.50% | 3 | 323 | 0.93% | TERCAPAI |
| iv. | Peratus produk makanan yang dipantau mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 | ≥ 96% | ≥ 96% | 99 | 103 | 96.1% | TERCAPAI |
| v. | Peratus penolakan produk makanan eksport yang dikeluarkan Sijil Kesihatan | ≤1.0% | ≤1.0% | 0 | 1088 | 0% | TERCAPAI |


4.1 SEKSYEN PEMATUHAN DOMESTIK

4.1.1 Pemeriksaan Premis Makanan

Pada tahun 2019, sebanyak 3562 jumlah premis makanan telah diperiksa. Premis makanan yang diperiksa melibatkan pemeriksaan di restoran, kedai makan, gerai, kantin sekolah, dapur asrama sekolah, kantin dan dapur hospital, kafeteria di IPTA/IPTS dan di bangunan premis kerajaan, medan selera di Hentian Rehat dan Rawat(R&R), penjaja, kilang dan lain-lain premis.

Jadual 4.1: Pencapaian Aktiviti Pemeriksaan Premis Makanan 2017 – 2019


| PERKARA | TAHUN | | |
|-----------------------------------|-------|------|------|
| | 2017 | 2018 | 2019 |
| Jumlah pemeriksaan premis makanan | 4135 | 4272 | 3562 |
| Jumlah penutupan premis makanan | 101 | 144 | 229 |



Rajah 4.1: Pencapaian Aktiviti Pemeriksaan Premis Makanan Tahun 2017 – 2019

4.1.2 Pensampelan Makanan

Bagi aktiviti pensampelan makanan, sebanyak **1777** sampel makanan telah diambil pada tahun 2019. Sampel makanan mengikut parameter serta kadar pelanggaran adalah ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 4.2: Trend Persampelan Tahun 2017 – 2019

Jadual 4.2: Jumlah Sampel Makanan Serta Jumlah Pelanggaran Tahun 2017 – 2019

| PERKARA | TAHUN | | |
|--------------------|-------|------|------|
| | 2017 | 2018 | 2019 |
| Jumlah Sampel | 1533 | 1732 | 1777 |
| Jumlah Pelanggaran | 10 | 94 | 81 |


4.1.3 Aduan Makanan

Sebanyak **298** aduan diterima pada tahun 2019. Jenis aduan yang paling banyak diterima ialah berkenaan premis iaitu 178 aduan. Manakala sebanyak 120 aduan telah diterima berkenaan untuk pelbagai faktor yang dapat dilihat melalui jadual di bawah.

Jadual 4.3: Trend Aduan Tahun 2017 - 2019


| JENIS ADUAN | TAHUN | | |
|--------------|-------|------|------|
| | 2017 | 2018 | 2019 |
| Aduan Premis | 112 | 156 | 178 |
| Aduan Produk | 91 | 105 | 120 |

TREND ADUAN TAHUN 2017 - 2019



Rajah 4.3: Trend Aduan Tahun 2017 - 2019

JENIS-JENIS ADUAN TAHUN 2019



Rajah 4.4: Jenis-jenis Aduan Yang Telah Selesai Mengikut Kategori



4.2 SEKSYEN PEMATUHAN DOMESTIK (SURVEILAN, PELESENAN DAN BeSS)

4.2.1 Aktiviti Pensampelan Surveilan

Pada tahun 2019, terdapat beberapa aktiviti pensampelan surveilan makanan dijalankan berdasarkan isu-isu semasa. Hal ini adalah penting bagi memastikan makanan terbabit yang dijual di pasaran domestik adalah selamat untuk dimakan. Secara keseluruhan, sebanyak tujuh (7) aktiviti surveilan telah dijalankan. Antara aktiviti pengawasan makanan yang telah dijalankan adalah:

Jadual 4.4: Aktiviti-Aktiviti Pensampelan Surveilan Pada Tahun 2019

| JENIS SURVEILAN | BILANGAN | |
|---|-------------------------------------|-------------|
| | PARAMETER ANALISIS | BIL. SAMPEL |
| 1. Surveilan Terancang ST 02/2019: Pengawasan Tahap Pencemaran <i>Salmonella</i> dan <i>E.coli</i> serta <i>Antimicrobial Resistance</i> (AMR) di dalam Ikan Dan Daging Segar Di Pasaran Tempatan | <i>E. coli</i> <i>Salmonella</i> | 60 |
| 2. Surveilan Terancang ST 04/2019: Pengawasan Tahap Kandungan Aspartame dalam Flavoured Milk Drinks / Flavoured Drinks | Aspartame | 13 |
| 3. Surveilan Terancang ST 06/2019: Pengawasan Tahap <i>Maleic Acid</i> Dalam Produk Makanan Berkanji di Pasaran Tempatan | Maleic Acid | 20 |
| 4. Surveilan Terancang ST 07/2019: Pengawasan Tahap Kandungan Iodin dalam Garam Beriodin | Iodin | 10 |
| 5. Surveilan Terancang ST 09/2019: Pengawasan Tahap Pencemaran <i>Aflatoksin</i> dan <i>Okratoksin</i> di dalam Makanan di Pasaran Tempatan | Aflatoksin Okratoksin | 12 |
| 6. Projek <i>Total Diet Study</i> (TDS) | Logam Berat dan Aditif | 147 |

| JENIS SURVEILAN | BILANGAN | |
|---|--------------------|-------------|
| | PARAMETER ANALISIS | BIL. SAMPEL |
| | Makanan | |
| 7. Kajian Status Keselamatan Makanan Popular <i>Signature Dish</i> Sedia untuk dimakan yang Berisiko Tinggi Mengikut Negeri | Mikrobiologi | 50 |

4.2.2 Pengiktirafan BeSS 2019

Bagi mengiktiraf premis-premis yang menjual makanan sedia dimakan yang mematuhi peraturan Akta Makanan 1985, satu pengiktirafan dikeluarkan kepada premis tersebut iaitu Bersih, Selamat & Sihat (BeSS). Pada tahun 2019, sebanyak 102 bilangan pengiktirafan telah diberikan kepada premis makanan di Kuala Lumpur dan Putrajaya.



4.3 SEKSYEN KAWALAN EKSPORT DAN INDUSTRI DOMESTIK


4.3.1 Kawalan rasmi

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan turut melaksanakan kawalan rasmi dalam rantaian bekalan eskport bagi memastikan eskport makanan adalah selamat dan mematuhi keperluan keselamatan makanan negara pengimport.

Terdapat dua (2) jenis sijil yang dikeluarkan iaitu Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas. Proses pengeluaran sijil-sijil ini adalah tertakluk kepada prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jadual 4.5: Jumlah Pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas Bagi Tahun 2017 - 2019

| JENIS SIJIL | TAHUN | | |
|-----------------------|-------|------|------|
| | 2017 | 2018 | 2019 |
| Sijil Kesihatan | 608 | 809 | 1088 |
| Sijil Penjualan Bebas | 205 | 388 | 327 |



Rajah 4.5: Pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas Bagi Tahun 2017 - 2019

4.3.2. Pendaftaran *MyFood Tag*

Pendaftaran ini adalah sebagai satu mekanisma kawalan keselamatan makanan di sepanjang rantai. Selain itu, pendaftaran ini juga adalah sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada premis makanan yang memenuhi kriteria keselamatan makanan di sepanjang peringkat rantai makanan berdasarkan aktiviti pengendalian makanan secara spesifik. Premis makanan yang memenuhi kriteria ditetapkan berdasarkan garis panduan ini akan diberikan nombor Pendaftaran *MyFood Tag*.

Jadual 4.6: Jumlah yang lulus Pendaftaran *MyFood Tag* mengikut Kategori bagi Tahun 2018-2019

| KATEGORI | TAHUN | |
|----------------------------|-------|------|
| | 2018 | 2019 |
| Premis Pemprosesan Makanan | 4 | 17 |
| Kenderaan Pengangkutan | 64 | 5 |

4.3.3 Pensijilan *Trust MyCatering*

Pensijilan ini diwujudkan bagi mengiktiraf pengusaha katering makanan yang menyumbang kepada perkembangan industri makanan negara serta mewujudkan persaingan sihat untuk industri katering makanan dalam menghasilkan makanan yang selamat.

Jadual 4.7: Jumlah pengusaha yang telah mendapat Pensijilan *Trust MyCatering* bagi Tahun 2018-2019

| KATEGORI KATERING | TAHUN | |
|-------------------|-------|------|
| | 2018 | 2019 |
| Kecil & Sederhana | 2 | - |
| Mass Katering | 2 | 2 |

4.4 SEKSYEN PERANCANGAN STRATEGIK, PENSIJILAN DAN INSTITUSI

4.4.1 Bengkel Keselamatan Makanan

Bengkel Keselamatan Makanan di kantin bertujuan meningkatkan tahap kebersihan dan keselamatan makanan yang disediakan di kantin. Pihak pengusaha kantin perlu menjalankan pemeriksaan sendiri bagi mengelakkan risiko berlakunya kejadian keracunan makanan.

Bagi meningkatkan pemahaman, beberapa siri bengkel keselamatan makanan telah dijalankan seperti [Jadual 4.8](#).

Jadual 4.8: Bilangan Siri Bengkel Pemantapan KENDIRI

| BIL | PERKARA | TARIKH |
|------|--|-----------|
| i | Bengkel Keselamatan Makanan bagi Pengusaha Kantin Baharu di bawah seliaan Pejabat Pendidikan Wilayah Keramat | 17.1.2019 |
| ii | Bengkel Pengurusan Bahan Mentah dan Keselamatan Makanan bagi Pembantu Pengurusan Murid KEMAS | 26.2.2019 |
| iii | Latihan Katering Sihat – Keselamatan Makanan kepada Pengusaha dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid | 20.3.2019 |
| iv | Bengkel Keselamatan Makanan bagi Pengusaha Kantin dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di bawah seliaan Pejabat Pendidikan Wilayah Keramat | 25.3.2019 |
| v | Latihan Katering Sihat – Keselamatan Makanan kepada Pengusaha dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PPW Bangsar Pudu) | 30.3.2019 |
| vi | Bengkel Keselamatan Makanan bagi Pengusaha Kantin Baharu di bawah seliaan Pejabat Pendidikan Wilayah Sentul | 2.4.2019 |
| vii | Bengkel Pemantapan Keselamatan Makanan kepada Pembantu Pengurusan Murid – Pra Sekolah (PPW Keramat dan Sentul) | 18.6.2019 |
| viii | Bengkel Pemantapan Keselamatan Makanan kepada Pembantu Pengurusan Murid – Pra Sekolah (PPW Bangsar dan Pudu) | 19.6.2019 |
| ix | Wawancara Keselamatan Makanan kepada Pengusaha dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) | 6.11.2019 |



Aktiviti Bengkel Pengurusan Bahan Mentah dan Keselamatan Makanan bagi Pembantu Pengurusan Murid KEMAS



Aktiviti pakaian pengendali yang betul



Perbincangan gerak kerja secara berkumpulan



4.4.2 ProKEM

Program Keselamatan Makanan (ProKEM) Dapur Asrama dibangunkan bagi menambahbaik Program Pemeriksaan Sendiri (KENDIRI) di dapur asrama sekolah. Ia bertujuan untuk menggariskan keperluan kebersihan dan keselamatan makanan yang lebih bersistem melalui amalan baik bagi memastikan penyediaan makanan di dapur asrama bersih dan selamat.

ProKEM ini terdiri daripada **8 komponen utama** yang akan dilaksanakan dan dinilai oleh juru audit. Satu (1) Taklimat dan bengkel ProKEM telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 23 – 24 Oktober 2019 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki. Kesemua 13 kontraktor dan penyelia asrama dari Sekolah asrama harian telah menghadiri Taklimat dan bengkel ini. Pada tahun 2019, terdapat dua (2) buah sekolah telah mendapat pengiktirafan ProKEM iaitu:

- i. Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki; dan
- ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya.

4.4.3 Skuad Germ Buster Sekolah

Skuad Germ Buster telah ditubuhkan bagi memberi pemahaman berkenaan asas makanan selamat dan bersih serta faktor-faktor kejadian keracunan makanan kepada para pelajar sekolah. Di dalam program Skuad Germ Buster ini, para pelajar telah didedahkan dengan menggunakan pendekatan mudah iaitu dengan menggunakan konsep “Lihat, Hidu dan Rasa” dalam memilih makanan. Selain taklimat tips keselamatan makanan, pelbagai aktiviti interaktif juga turut dijalankan.

Skuad ini bekerjasama dengan Bahagian lain dalam komponen kesihatan bagi memantapkan lagi pengisian dan maklumat yang diberikan kepada warga sekolah. Antara bahagian yang terlibat adalah, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Bahagian Pergigian, Bahagian Farmasi, Bahagian Kesihatan Awam melalui Cawangan Pendidikan Kesihatan, Cawangan Vektor dan Cawangan Pemakanan.



Jadual 4.9: Siri Jelajah Skuad Germ Buster di Sekolah-Sekolah Terpilih

| BIL | PEJABAT KESIHATAN | PERKARA | TARIKH |
|-------|------------------------------------|---------------------------------|------------|
| i | Pejabat Kesihatan Lembah Pantai | SK Convent Bukit Nanas 1 | 14.2.2019 |
| ii | | SK Bandar Baru Seri Petaling 1 | 4.3.2019 |
| iii | | SK Seri Setia | 13.3.2019 |
| iv | | SJKC Chong Fah Phit | 4.4.2019 |
| v | | SK (L) Jalan Batu | 11.4.2019 |
| vi | Pejabat Kesihatan Kepong | SJKC Sentul | 5.4.2019 |
| vii | | SK Sentul 1 | 25.4.2019 |
| viii | | SK Seri Kepong | 2.5.2019 |
| ix | | SK Kepong Baru | 4.7.2019 |
| x | | SJKT Ladang Edinburgh | 20.8.2019 |
| xi | Pejabat Kesihatan Titiwangsa | SJKT Fletcher | 14.3.2019 |
| xii | | SK Taman Melati | 22.3.2019 |
| xiii | | SK Taman Maluri | 9.4.2019 |
| xiv | | SK Danau Kota | 22.4.2019 |
| xv | Pejabat Kesihatan Cheras | Sek Men Intergrasi Sains Tahfiz | 12.4.2019 |
| xvi | | Sekolah Sukan Bukit Jalil | 15.4.2019 |
| xvii | | SK Jalan Pasar 1 | 12.6.2019 |
| xviii | | SK Seri Cheras | 9.7.2019 |
| xix | | SK Taman Midah 2 | 23.7.2019 |
| xx | Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya | SK PP 11 (3) | 22.10.2019 |
| xxi | | SK PP 18 (1) | 30.10.2019 |
| xxii | | SK PP 9 (2) | 12.11.2019 |
| xxiii | | SK PP 14 (1) | 14.11.2019 |

Gambar Sekitar Aktiviti Skwad Germ Buster



Ceramah Germ Buster oleh Pegawai Teknologi Makanan




Sebahagian permainan keselamatan makanan yang dilaksanakan

4.5 PROGRAM LATIHAN PENGENDALI MAKANAN (LPM)

Program latihan pengendali makanan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada semua pengendali makanan dalam aspek kebersihan dan keselamatan makanan, kebersihan diri dan premis makanan yang bersih dan seterusnya mengurangkan kejadian keracunan makanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sehingga 2019, terdapat **27** Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) telah diiktiraf dan sebanyak **21,936** pengendali makanan telah dilatih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Jadual 4.10: Bilangan Pengendali Makanan yang dilatih Sekolah Latihan Pengendali Makanan 2017 - 2019

| PERKARA | TAHUN | | |
|--|--------|--------|--------|
| | 2017 | 2018 | 2019 |
| Jumlah Pengendali Makanan yang telah dilatih | 20,615 | 25,475 | 21,936 |



Rajah 4.6: Bilangan Pengendali Makanan yang dilatih oleh Sekolah Latihan Pengendali Makanan 2017 – 2019

4.5.1 Pensijilan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM)

Semua premis yang terlibat didalam pengilangan makanan wajib mempunyai Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) sebagaimana dinyatakan didalam Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan mengeluarkan tiga (3) jenis persijilan PJKM iaitu Persijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), Amalan Pengilangan yang Baik (GMP) dan *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP).

Jadual 4.11: Data bilangan premis yang telah diberi pensijilan dan pengiktirafan di Kuala Lumpur dan Putrajaya tahun 2019

| BIL | PERKARA | BIL PENSIJILAN / PENGIKTIRAFAN |
|-----|---|--------------------------------|
| i | Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) | 101 |
| ii | <i>Good Manufacturing Practices</i> (GMP) | 21 |
| iii | <i>Hazard Analysis Critical Control Point</i> (HACCP) | 17 |

4.6 Program Promosi dan Pendidikan Keselamatan Makanan

Perancangannya adalah dengan melaksanakan Program Promosi Keselamatan Makanan Secara “*Out Reach*” kepada Kumpulan Sasaran Industri/Pengusaha Makanan/Konsumer di mana ianya akan meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan makanan sebagai satu keutamaan dan meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran mengenai *Food Safety First* (FSF)

Pada tahun 2019, United Nation (UN) telah mengisytiharkan 7Jun sebagai Hari ‘*World Food Safety Day*’ buat pertama kalinya di mana kempen ‘*Support World Food Safety Day*’ juga telah di lancarkan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dunia tentang kepentingan keselamatan makanan.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:

4.6.1 Promosi Jalanan (*Street Campaign*) *World Food Safety Day* Sempena Iftar @ KL 2019

Program ini dijalankan pada 25 Mei 2019 merupakan promosi kepada Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia yang dijalankan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (BKMM, JKWPKL&P) kepada pengunjung dan orang ramai semasa berbuka puasa di Dataran Merdeka sempena Iftar @KL 2019.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah pengedaran Kit Keselamatan Makanan sempena bulan Ramadan, pengedaran risalah kepada pengunjung serta rakaman video ucapan Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia untuk tujuan promosi.

Barisan AJK yang bertugas



Edaran kit promosi Keselamatan Makanan kepada pengunjung

4.6.2 Street Campaign Program Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2019 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (BKMM, JKWPKL&P) juga mengambil inisiatif dalam mengadakan *Street Campaign* Program Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2019 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 3 Ogos 2019 yang bertempat di Dataran Tapak *Food Truck* Wangsa Melawati, Wangsa Maju Kuala Lumpur.

Program ini bermula pada pukul 8.00 malam yang dirasmikan oleh YB Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Ahli Parlimen Wangsa Maju) dan antara pengisian aktiviti yang dijalankan adalah pameran keselamatan makanan, Zumba, flash mob sokongan Hari Keselamatan Makanan Sedunia dan jualan dari *Food Truck*.



Penyampaian CD Panduan Keselamatan Makanan kepada Pemilik



Acara Zumba semasa Pelancaran WSFD

4.6.3 Aktiviti Promosi dan Pameran Keselamatan Makanan Bersama Agensi Luar



Kenduri Rakyat dan Karnival Sukan Wilayah Persekutuan



Program *Youth Business Expo* 2019 Peringkat WPKL



Program Singgah Santai @
Perpustakaan Negara



Kempen Hidup Aktif: Big Walk
Sempena Kuala Lumpur


**4.6.4 Aktiviti Promosi dan Pameran Keselamatan Makanan Bersama Pihak Jabatan /
Pejabat Kesihatan / Agensi Kesihatan / Komuniti**



Fit Malaysia @ BTR 2019 Car
Free Morning Putrajaya



Program KAWAN @ My
Community Care Parlimen



Karnival Marhabah Surau Al-
Husna 2019

4.7 UNIT PENGURUSAN

4.7.1 Program Khas:

Majlis Anugerah Keselamatan dan Kualiti Makanan 2019 Peringkat WPKL&Putrajaya

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) telah mengadakan Majlis Anugerah Keselamatan dan Kualiti Makanan 2019 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 11 November 2019 di Hotel Everly, Putrajaya.

Objektif Majlis adalah untuk memberi penghargaan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam memberi sumbangan bermakna dalam skop keselamatan dan kualiti makanan. Antaranya adalah seperti berikut:

- Penyampaian Sijil Pengiktirafan PROKEM;
- Penyampaian Pengiktirafan Premis “Makanan Selamat Tanggungjawab Industri” (MeSTI);
- Penyampaian Pengiktirafan Premis “Bersih, Selamat dan Sihat” (BeSS);
- Persembahan Video BeSS-T;
- Penyampaian Pengiktirafan Premis “Bersih, Selamat dan Sihat” (BeSS) (SBP);
- Penyampaian Sijil Penghargaan Khas Media;
- Penyampaian Anugerah Pengurusan Keselamatan Makanan Terbaik
- Persembahan Video *BeSS of The Chef*; dan
- *Kick off: BeSS of The Chef.*



Suasana di dalam dewan semasa majlis perasmian



Aktiviti pendaftaran sebelum majlis bermula

4.8 INOVASI

Peryertaan INOVASI Peringkat Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

- i. Ezi MeSTI
- ii. MJA on The GO
- iii. Santai BeSS



Semua Peserta daripada BKKM, JKWPKL&P

Gambar 12: MJA On The GO mendapat Tempat Kedua Kategori Teknologi




BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

Pengenalan dan Latar Belakang

Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (BPF JKWPKL&P) bertanggungjawab ke atas pengurusan, perancangan dan pembangunan perkhidmatan farmasi di JKWPKL&P dalam memastikan ubat-ubatan adalah berkualiti dan mencukupi untuk keperluan semua fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di W.P. Kuala Lumpur dan Putrajaya. BPF JKWPKL&P meliputi tiga aktiviti utama iaitu Pengurusan Farmasi, Amalan dan Perkembangan Farmasi, dan Penguatkuasaan Farmasi.

Objektif utama Bahagian Perkhidmatan Farmasi adalah seperti berikut:

- Merancang dan menyelaraskan keperluan modal insan yang optima, termasuk latihan disamping membelanjakan peruntukan secara berhemah.
- Mengoptimalkan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal yang mesra dan berhemah kepada pesakit melalui perkhidmatan yang terbaik dan profesional.
- Memastikan pengilangan, pengimportan, penjualan, pembekalan, pengendalian dan penggunaan ubat-ubatan, sediaan-sediaan farmaseutikal dan produk-produk kesihatan adalah berkualiti, selamat dan berkesan mengikut Undang-Undang Farmasi yang dikuatkuasakan iaitu:
 - **Akta Racun 1952** dan Peraturan-Peraturannya
 - **Akta Jualan Dadah 1952**
 - **Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956**
 - **Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951** dan peraturannya
 - **Akta Dadah Berbahaya 1952** dan Peraturan-Peraturannya
 - **Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984**

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

5.1 CAWANGAN PENGURUSAN FARMASI


Cawangan Pengurusan Farmasi terbahagi kepada 3 seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Profesyen, Seksyen Infrastruktur dan Informatik dan Seksyen Kualiti dan Penyelidikan & Pembangunan.

Fungsi Cawangan Pengurusan Farmasi:


- i. Merancang keperluan sumber manusia, penempatan dan pengisian anggota secara optima di semua fasiliti JKWPKL&P.
- ii. Merancang, menyelaras dan memantau latihan dan aktiviti CPD semua anggota farmasi BPF di hospital dan farmasi klinik kesihatan bagi meningkatkan kompetensi dalam melaksanakan tugas.
- iii. Merancang dan menyelaras aktiviti pengurusan farmasi termasuk aset dan kenderaan.
- iv. Merancang, mengurus dan memantau serta menganalisa perbelanjaan kewangan Farmasi JKWPKL&P.
- v. Menyelaras dan memantau sistem inisiatif kualiti perkhidmatan farmasi seperti, KPI, QAP, KIK, EKSA, Inovasi, ISO dan kajian R&D jabatan supaya dapat dicapai mengikut piawaian yang ditetapkan.
- vi. Merancang dan memantau projek BP06 dan pembangunan infrastruktur farmasi di semua fasiliti BPF JKWPKL&P termasuk hospital dan klinik kesihatan.
- vii. Merancang dan menyelaras dan termasuk keperluan latihan ICT jabatan farmasi.
- viii. Memberi khidmat sokongan teknikal, keperluan prasarana, penyelenggaraan peralatan, rangkaian berkaitan ICT dan sistem PHIS
- ix. Penyebaran maklumat farmasi melalui laman web.
- x. Menyelaras laporan tahunan, buletin dan laporan statistik jabatan farmasi.

5.1.1 Statistik Anggota Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF)

Statistik warga kerja farmasi di BPF termasuk di fasiliti jagaan BPF JKWPKL&P adalah seperti di rajah berikut:



Rajah 5.1: Peratus Pengisian Anggota di Fasiliti Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKWPKL&P Mengikut Jawatan.



Rajah 5.2: Pecahan Anggota Di Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKWPKL&P Mengikut Cawangan Dan Gred.

*CPF – Cawangan Penguatkuasa Farmasi, PF – Cawangan Pengurusan Farmasi, A&P – Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi

5.1.2 Latihan Dan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)

a. Peruntukan

Program Farmasi telah diperuntukkan sebanyak **RM51,000** dibawah aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).

b. Kursus dalaman

Sepanjang tahun 2019, sebanyak **22** sesi latihan termasuk kursus, persidangan, bengkel dan pembelajaran berterusan telah diadakan.

c. Perbelanjaan

Perbelanjaan sebenar pengendalian kursus, persidangan dan bengkel bagi tahun 2019 ialah sebanyak **RM 50,977** atau **99.9%** daripada jumlah peruntukan latihan. (Jadual 5.1).

d. Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)

Pencapaian CPD bagi Program Farmasi pada tahun 2019 seperti di [Jadual 5.2](#).

Jadual 5.1: Prestasi Perbelanjaan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Bagi Tahun 2014 Sehingga 2019

| PERUNTUKAN LDP (RM) | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2019 | |
|-----------------------------|--------|--------|-----------|-----------|--------|--------|
| Jumlah peruntukan | 70,000 | 70,000 | 70,000 | 35,000 | 23,335 | 51,000 |
| Jumlah perbelanjaan | 69,698 | 70,000 | 68,903.42 | 34,878.64 | 23,274 | 50,977 |
| Peratus perbelanjaan | 99.6% | 100% | 98.4% | 99.7% | 99.7% | 99.9% |

| PENCAPAIAN PROGRAM CPD | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|---|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Bahagian Perkhidmatan Farmasi | 64 (100%) | 64 (100%) | 63 (100%) | 58 (100%) | 64 (100%) | 61 (100%) |
| Hospital | 99 (100%) | 104 (100%) | 93 (100%) | 97 (100%) | 94 (100%) | 116 (100%) |
| Pejabat Kesihatan Daerah & Klinik Kesihatan | 123 (100%) | 118 (100%) | 121 (100%) | 146 (100%) | 146 (100%) | 179 (100%) |
| Farmasi Logistik Kesihatan Awam | 4 (100%) | 4 (100%) | 2 (100%) | TIADA | TIADA | TIADA |

Jadual 5.2: Jadual menunjukkan bilangan Pegawai Farmasi mencapai mata minima 40 mata bagi tahun 2014 sehingga 2019

5.1.3 Aktiviti Cawangan Pengurusan Farmasi


Sesi latihan yang telah dilaksanakan oleh Cawangan Pengurusan sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:



5.1.4 Key Performance Indicator (KPI)


Cawangan Pengurusan Farmasi bertanggungjawab memantau 10 KPI utama BPF JKWPKL&P bagi tahun 2019. Kesemua sasaran KPI utama dicapai dengan jayanya bagi tahun 2019.

KPI 1: Bilangan Pembentangan Hasil Penyelidikan dan Inisiatif Kualiti & Inovasi Farmasi di Peringkat Tempatan dan Antarabangsa
[Sasaran: 13]



30/13

KPI 2: Peratus fasiliti KKM yang berjaya mencapai paras simpanan stok ubat yang optimum (1-3 bulan)
[Sasaran: $\geq 90\%$]



92.9%
(6.5/7)

KPI 3: Peratus preskripsi susulan yang didispens melalui Perkhidmatan Tambah Nilai (VAS) berbanding preskripsi susulan diterima
[Sasaran: $\geq 20\%$]



25.2%
(12,8168/50,7773)

KPI 4: Peratus fasiliti farmasi yang diaudit oleh Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) mendapat tahap pematuhan baik
[Sasaran: $\geq 60\%$]



90.9%
(10/11)

KPI 5: Bilangan Pelaporan Adverse Drug Reaction (ADR) dan Adverse Event Following Immunization (AEFI).

[Sasaran: 625]



807/125

KPI 6: Peratus pencapaian aktiviti kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit seperti yang ditetapkan

[Sasaran: 60,000]



82,217/60,000

KPI 7: Peratus klinik kesihatan yang mencapai kepatuhan penuh bagi kriteria amalan keselamatan pengubatan yang ditetapkan

[Sasaran: $\geq 80\%$]



100%
(17/17)

KPI 8: Peratus pencapaian pengambilan sejarah pengubatan pesakit semasa kemasukan ke wad seperti yang ditetapkan

[Sasaran: 13,000]



13,902/13,000

KPI 9: Peratus serbuan yang berjaya untuk diambil tindakan penguatkuasaan daripada jumlah serbuan yang dijalankan

[Sasaran: 100%]



106.9%
(13,902/13,000)

KPI 10: Peratus pengeluaran lesen/permit baharu yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari bekerja

[Sasaran: $\geq 90\%$]



100%
(276/276)

5.1.5 Pengurusan Aset

Seksyen Infrastruktur dan Informatik Cawangan Pengurusan Farmasi bertanggungjawab untuk mengurus dan melaporkan kedudukan semasa aset pada setiap suku tahun. Laporan bagi tahun 2019 adalah seperti di Jadual 3.

Secara amnya, kedudukan aset alih bernilai rendah bertambah pada suku tahun pertama, kedua dan keempat. Kedudukan harta modal pula mempunyai pertambahan pada suku tahun keempat. Pelupusan aset alih telah dijalankan pada suku tahun keempat bernilai RM50. Tiada kehilangan aset alih dilaporkan sepanjang tahun 2019.


Jadual 5.3: Laporan Kedudukan Semasa Aset Tahun 2019

| Tahun 2019 | Kedudukan Harta Modal | | Kedudukan Aset Alih Bernilai Rendah | | Pelupusan Aset Alih | Kehilangan Aset Alih | |
|-------------------------|-----------------------|---------------------------|-------------------------------------|----------------------|----------------------|--------------------------------------|-------------------|
| | Kuantiti | Nilai Perolehan Asal (RM) | Kuantiti | Nilai Perolehan Asal | Hasil Pelupusan (RM) | Nilai Perolehan Asal Hapus Kira (RM) | Nilai Surcaj (RM) |
| Baki Dibawa ke hadapan | 124 | 1,155,334.52 | 877 | 339,706.95 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| Suku Tahun Pertama | - | 0.00 | 3 | 2,910.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| Suku Tahun Kedua | - | 0.00 | 1 | 550.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| Suku Tahun Ketiga | - | 0.00 | - | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| Suku Tahun Keempat | 1 | 6,980.00 | 4 | 630.00 | 50.00 | 0.00 | 0.00 |
| Jum. Besar Tahun Semasa | 1 | 6,980.00 | 8 | 4,090.00 | 50.00 | 0.00 | 0.00 |
| Jum. Keseluruhan | 125 | 1,162,314.52 | 885 | 343,796.95 | | | |

5.1.6 Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Jawatankuasa EKSA bagi Zon Farmasi BPF JKWPKL&P telah menjalankan Audit Silang JKWPKL&P pertama pada 3 Julai 2019 dan Audit Silang JKWPKL&P kedua pada 3 Oktober 2019.

Pematuhan Amalan EKSA di Zon Farmasi adalah memuaskan. Hasil audit mendapati kakitangan farmasi menunjukkan komitmen untuk melaksanakan EKSA di mana pencapaian pemuatuhan amalan EKSA menunjukkan peningkatan dari 91.3% kepada 96.5%.



Graf 5.3: Peratus pencapaian audit EKSA bagi Zon Farmasi pada Tahun 2019. Pencapaian audit EKSA menunjukkan peningkatan sepanjang tahun 2019.

Pada Hari Anugerah EKSA Tahun 2019 yang dilangsungkan bersama Perhimpunan Bulan Februari Tahun 2019 JKWPKL&P, anggota Bahagian Perkhidmatan Farmasi telah berjaya merangkul Anugerah Hasil Kreativiti Terbaik EKSA Peringkat JKWPKL&P Tahun 2019.



Gambar 1: En Thian Soon Yew Dari Cawangan A&P menerima plak dan sijil bagi Anugerah Hasil Kreativiti Terbaik EKSA Peringkat JKWPKL&P Tahun 2019.

5.1.7 Pencapaian Aktiviti Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Dan Kualiti Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKWPKL&P Bagi Tahun 2019

Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi (KIKF) 2019 telah diadakan pada 5-7 Ogos 2019 di Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru bertemakan “Inovasi Lestari Aspirasi Kecemerlangan Farmasi”. Sebanyak 8 kategori telah dipertandingkan iaitu KIK (Penciptaan), KIK (Penambahbaikan), QA (Lisan), QA (Poster), Inovasi (Produk), Inovasi (Proses), Inovasi (Perkhidmatan) dan Inovasi (Teknologi).

Bahagian Farmasi JKWPKL&P telah terlibat dalam KIKF 2019 dengan menghantar beberapa orang pencalonan daripada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) dan Hospital Putrajaya (HPJ).

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi JKWPKL&P mendapat tempat ke-3 bagi Anugerah Pengurusan Aktiviti Penyaringan Iklan Perubatan (MadSA) dalam KIKF2019.



Jabatan Farmasi Hospital Putrajaya mendapat tempat ke-3 bagi Anugerah Perkhidmatan Kaunseling Ubat-ubatan di Fasilitas Kesihatan KKM dalam KIKF2019.

Jadual 5.4: Senarai pembentangan penyelidikan yang berjaya merangkul anugerah dalam konvensyen dan persidangan anjuran JKWPKL&P pada tahun 2019:

| Bil | Tajuk | Penyertaan |
|-----|--|--|
| 1 | Tempat ketiga: <i>Adherence to Changes in Anti-Diabetic Medications Regimen during Ramadan among Diabetes Patient in Outpatient Setting of Putrajaya Hospital</i> | 4 th JKWPKL&P & 2 nd HRC Research Day 2019 (8 Ogos 2019) |
| 2 | Johan: <i>Cost-Effectiveness of Respiratory Medication Therapy Adherence Clinic (RMTAC) on Asthma Patients in Kuala Lumpur & Putrajaya</i> | Persidangan Farmasi ke-9 Tahun 2019 Peringkat JKWPKL&P (8 – 10 November 2019) |
| 3 | Naib Johan: <i>Evaluation of Efficacy and Safety between Early and Late Caffeine Therapy on Clinical Outcomes in Preterm Infants with Apnoea of Prematurity (AOP)</i> | |
| 4 | Tempat ketiga: <i>Comparison of Gemfibrozil and Fenofibrate in Patients with Dyslipidemia in Hospital Putrajaya</i> | |

Jadual 5.5: Senarai kajian yang diterbitkan di dalam Pharmacy Research Reports 2019 oleh Bahagian Farmasi JKWPKL&P:

| Bil. | Tajuk |
|------|--|
| 1 | Review on the Usage of Oral Medications for Spasticity in a Rehabilitation Hospital in Kuala Lumpur <i>Wong Shieh Teng, Lee Lin Jia, Yuzlina Muhamad Yunus</i> |
| 2 | Carbapenem and Cephalosporin Antibiotics Usage in Cheras Rehabilitation Hospital <i>Syazzana Dzulkifli, Noor Hafizah Tajuddin, Wong Shieh Teng, Dashini Jaganathan, Yuzlina Muhamad Yunus</i> |


Senarai projek-projek farmasi yang menyertai konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Inovasi dan Quality Assurance Programme (QAP) anjuran JKWPKL&P , Peringkat Kebangsaan Farmasi KKM dan Peringkat kebangsaan KKM pada tahun 2019:

| Bil | Tajuk | Penyertaan |
|----------------|--|--|
| QAP | | |
| 1 | <i>Improving Drug Supply to Sub-store in Logistic Pharmacy Hospital Putrajaya</i> | <ul style="list-style-type: none"> • Mini Konvensyen QA ke-5 Peringkat JKWPKL&P 2019 (20 Mac 2019) |
| 2 | Mengurangkan Bilangan Ubat-ubatan Lambat Bergerak (<i>Slow Moving</i>) di Jabatan Farmasi Hospital Rehabilitasi Cheras | |
| KIK | | |
| 3 | Go!Cert | <ul style="list-style-type: none"> • Mini Konvensyen KIK Peringkat JKWPKL&P Tahun 2019 (16 April 2019) • Penilaian dan Pemeriksaan Dokumen Pertandingan KIK Peringkat Kebangsaan KKM Tahun 2019 (17 - 18 Julai 2019) |
| 4 | Kad ' <i>Patient's Own Medicines</i> ' (POMs) | |
| INOVASI | | |
| 5 | EzVAS | <ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan Anugerah Inovasi KKM Peringkat JKWPKL&P Tahun 2019 (20 Jun 2019) • Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019 (KIKF2019) (5 - 7 Ogos 2019) • Anugerah Inovasi KKM 2019 - Sesi Saringan Penilaian Projek Inovasi Kategori Teknologi (20 Ogos 2019) |
| 6 | <i>Online Continuing Pharmacy Education</i> (Laman Web Program CPF) | <ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan Anugerah Inovasi KKM Peringkat JKWPKL&P Tahun 2019 (20 Jun 2019) |

5.1.8 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian kepuasan pelanggan telah dijalankan pada bulan Mei hingga Disember 2019. Sebanyak **26** maklumbalas telah diterima oleh BPF JKWPKL&P.

- i. 92% pelanggan berurusan dengan tujuan mengambil lesen/permit. 4% bertujuan menghantar surat maklumbalas manakala 4% lagi berurusan bagi membatalkan Lesen A.
- ii. Rumusan maklumbalas pelanggan adalah seperti berikut:



Graf 5.4: Peratusan Responden Yang Berpendapat Memuaskan Dan Sangat Memuaskan Bagi Empat Kategori Kajian.

- iii. Secara keseluruhannya, perkhidmatan yang diberikan BPF JKWPKL&P adalah **MEMUASKAN**.

5.2 CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi (A&P) secara umumnya merancang, menyelia dan memantau Perkhidmatan Farmasi di semua fasiliti kesihatan di JKWPKL&P yang merangkumi **2** buah hospital dan **20** buah klinik kesihatan di bawah **5** buah Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

Fungsi Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi:

- Merancang, menyelaraskan serta memperkembangkan perkhidmatan farmasi berkaitan aspek klinikal dan teknikal, logistik farmaseutikal, perolehan serta agihan peruntukan ubat, bukan ubat, vaksin dan reagen.
- Merancang dan menyelaraskan amalan dan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal bagi memastikan farmakoterapi pesakit yang selamat, berkesan serta mencapai kesan terapeutik optimum di hospital dan klinik kesihatan.
- Pemantauan kualiti perkhidmatan farmasi dengan menjalankan Audit Dalaman Amalan Farmasi (ADAF), memantau aktiviti Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*), program *Quality Assurance* (QAP) dan Piagam Pelanggan serta menggalakkan penglibatan dalam program-program peningkatan kualiti lain yang dijalankan di peringkat negeri dan KKM.
- Pemantauan isu-isu berkaitan komponen farmasi dalam aplikasi sistem *Information and Communications Technologies* (ICT) dan pelaksanaan *Pharmacy Information System/Clinic Pharmacy System* (PhIS/CPS) serta pembangunan infrastruktur di semua fasiliti farmasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.
- Menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan penggunaan ubat yang berkualiti dan pendidikan tentang penggunaan ubat-ubatan secara rasional.
- Memberi pendidikan kepada orang awam mengenai cara penggunaan ubat berkualiti supaya kefahaman dan pengetahuan mengenai ubat-ubatan ditingkatkan bagi menggalakkan kepatuhan dan mendapatkan hasil rawatan yang baik.
- Menyedia akses dan maklumat ubat-ubatan yang tepat, tidak berat sebelah dan relevan untuk disebarkan kepada orang awam melalui sebaran risalah, laman web dan media masa.

- Pemantauan latihan dan aktiviti berkaitan keselamatan pengubatan dan pelaporan kesan ubat yang tidak diingini (*adverse drug reaction*).
- Menyelaras dan memantau aktiviti serta audit berkaitan Pengurusan Rangkaian Sejuk (*cold chain*) di fasiliti JKWPKL&P.
- Menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti Tambah Nilai Farmasi/*Value Added Services (VAS)* dan menjalankan aktiviti-aktiviti kualiti seperti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan *Quality Assurance (QA)*.
- Penyeliaan secara berkala ke hospital dan klinik kesihatan untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti serta tadbir urus yang baik bagi sektor farmaseutikal tempatan melalui amalan *Good Governance for Medicine (GGM)*.




5.2.1 Perkhidmatan Bahagian Farmasi Jkwpkl&P

Perkhidmatan Pesakit Luar

1. Preskripsi diterima oleh unit pesakit luar


Secara amnya, jumlah preskripsi yang diterima oleh farmasi pesakit luar menunjukkan pola peningkatan dari tahun ke tahun sejak 2015 hingga 2019.



Graf 5.5: Bilangan Preskripsi Yang Diterima Oleh Unit Farmasi Pesakit Luar di JKWPKL&P Dari Tahun 2015-2019.

2. Perkhidmatan Kaunseling Ubat


Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan adalah perlu dalam memastikan pesakit memahami indikasi ubat, kesan sampingan dan cara pengambilan ubat-ubatan. Graf menunjukkan peningkatan bilangan kaunseling yang telah dijalankan dari 2015-2019.



Graf 5.6: Bilangan Kaunseling Individu dan Berkumpulan Bagi Pesakit Luar Yang Telah Dilaksanakan di Fasiliti JKWPKL&P Dari Tahun 2015-20

3. Perkhidmatan Tambah Nilai / *Value Added Service (VAS)*

Unit Farmasi di hospital dan klinik kesihatan di bawah JKWPKL&P turut menawarkan perkhidmatan *VAS*. Antara perkhidmatan *VAS* yang ditawarkan adalah sistem pendispensan ubat bersepadu (SPUB), ubat melalui pos (UMP), sistem temujanji, Medibox, pusat pembekalan ubat setempat (PPUSS), farmasi pandu lalu (*drive-thru*) dan *Park & Take*. Terdapat peningkatan penggunaan *VAS* pada 2019 dan mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun tersebut iaitu lebih daripada 20% bilangan preskripsi susulan menggunakan *VAS*.



Graf 5.7: Peratusan Preskripsi Susulan Yang Didispens Melalui Perkhidmatan *VAS* Di Fasiliti JKWPKL&P Dari Tahun 2016-2019


Program Rawatan Methadone

Program Rawatan Methadone di JKWPKL&P ditawarkan di beberapa fasiliti termasuk klinik kesihatan, klinik swasta dan pusat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Senarai fasiliti yang menawarkan Program Rawatan Methadone di JKWPKL&P adalah seperti di jadual 5.6. Berikut adalah graf bilangan pesakit methadone berdaftar dan aktif dari tahun 2016 hingga tahun 2019:


Jadual 5.6: Senarai Fasiliti di JKWPKL&P Yang Menawarkan Program Rawatan Methadone pada Tahun 2019.

| Bil | Senarai Fasiliti | | |
|-----|------------------------|---------------|------------------------------|
| | Klinik Kesihatan | Agensi AADK | Klinik Swasta |
| 1 | KK Batu | C&C Sg Besi | Klinik Dr Mahmud (Kg Pandan) |
| 2 | KK Jinjang | CCSC Kerinchi | Klinik Dr Mahmud (Selayang) |
| 3 | KK Sentul | CCSC San Peng | |
| 4 | KK Cheras | | |
| 5 | KK Petaling Bahagia | | |
| 6 | KK Tanglin | | |
| 7 | KK Setapak | | |
| 8 | KK Kuala Lumpur | | |
| 9 | KK Putrajaya Presint 9 | | |

**Bilangan Pesakit Berdaftar
2016 - 2019**



**Bilangan Pesakit Aktif
2016 - 2019**




Graf 5.8: Bilangan Pesakit Berdaftar Dan Pesakit Aktif Methadone di JKWPKL&P bagi Tahun 2016-2019.

Walaupun terdapat peningkatan bilangan pesakit berdaftar, bilangan pesakit aktif agak stabil kerana terdapat pesakit yang meninggal atau cicir daripada program ini.


5.2.2 Perkhidmatan Pesakit Dalam

Terdapat dua buah hospital di JKWPKL&P iaitu Hospital Putrajaya (HPJ) dan Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC). Graf berikut memaparkan bilangan preskripsi yang diterima oleh unit farmasi pesakit dalam bermula tahun 2016 hingga tahun 2019. Penurunan mendadak bagi bilangan preskripsi di HRC adalah disebabkan oleh penggunaan format pengiraan yang baru.




Graf 5.9: Bilangan Preskripsi Yang Diterima oleh Unit Farmasi Pesakit Dalam Hospital di JKWPKL&P Dari Tahun 2015-2019.

Terdapat dua jenis perkhidmatan kaunseling ditawarkan oleh unit farmasi pesakit dalam iaitu kaunseling individu dan kaunseling berkumpulan. Kaunseling individu untuk pesakit dalam adalah dijalankan secara *bedside*.




Graf 5.10: Bilangan Kaunseling Individu dan Berkumpulan Yang Dilaksanakan oleh Unit Farmasi Pesakit Dalam di Hospital JKWPKL&P dari 2015-2019.

HPJ dan HRC turut menjalankan pendispensan discaj secara bedside. Ini membolehkan pesakit mendapatkan ubat discaj tanpa menunggu di kaunter.



Graf 5.11: Bilangan Bedside Dispensing Yang Dilaksanakan oleh Unit Farmasi Pesakit Dalam di Hospital JKWPKL&P dari 2015-2019.


*Petunjuk




5.2.4 Perkhidmatan Maklumat (Drug Information Service (DIS))

Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKWPKL&P turut menyediakan perkhidmatan maklumat ubat di semua hospital dan klinik kesihatan. Unit ini berfungsi untuk menjawab segala persoalan mengenai ubat dan racun yang diajukan oleh golongan profesional kesihatan dan orang awam berdasarkan *Evidence Based Medicine* (EBM).

Sehubungan dengan itu, setiap fasiliti dilengkapi dengan kemudahan *MIMS Gateway*, *Micromedex* dan buku-buku rujukan lain bagi memberi maklumat yang betul.



Graf 5.12: Bilangan Pertanyaan Yang Diterima dan Dijawab oleh Unit DIS di Fasiliti Kesihatan JKWPKL&P dari 2016-2019.




Graf 5.13: Bilangan Laporan ADR oleh Unit DIS Di Fasiliti Kesihatan JKWPKL&P Dari Tahun 2016-2019

Unit DIS juga berfungsi untuk melaporkan Kesan Kemudaratan Advers Ubatan (*Adverse Drug Reaction [ADR]*) secara aktif di JKWPKL&P. Terdapat peningkatan pelaporan ADR dari tahun 2016 - 2019 berikutan peningkatan kesedaran untuk melaporkan ADR. Berbanding Tahun 2016, pelaporan ADR meningkat sebanyak 49.4%

5.2.5 Pencapaian *Quality Assurance Programme (QAP)* Cawangan Amalan & Perkembangan Farmasi

QAP 1: Peratusan preskripsi salah diisi dan kesilapan dikesan sebelum didispens (Standard: 0%)

Perkhidmatan pendispensan ubat adalah fungsi penting jabatan farmasi di hospital dan klinik kesihatan. Petunjuk ini dikembangkan untuk mengukur dan memantau kejadian kesalahan semasa proses penyediaan ubat. Ini juga untuk memastikan pemberian ubat yang tepat kepada pesakit dari segi jenis ubat, kuantiti, kekerapan dan dos.



QAP 1: Peratusan preskripsi salah diisi dan kesilapan dikesan sebelum didispens bagi tahun 2019


Ulasan ketidakcapaian:

Berdasarkan survey ringkas yang dijalankan, faktor utama punca ketidakcapaian adalah anggota tidak fokus kerana perlu *multi-tasking*.

Salah satu tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan adalah staf diberi satu minit rehat setiap jam. Selain itu, *Central Dispensing Control (CQDC)* yang merupakan satu lagi tapisan penyemakan turut dilaksanakan bagi fasiliti yang sesuai. Pada suku terakhir tahun 2019, peratus kesilapan telah menurun daripada 0.036% (Jul-Sep 2019) kepada 0.0265% (Okt-Dis 2019).

QAP 2: Peratusan kes toksikologi ditafsirkan dan dikomunikasikan dalam masa dua jam kepada Unit/Dr yang memohon (Standard: 100%)

Respons / pelaporan yang tepat dan cepat adalah salah satu faktor utama dalam menentukan kualiti perkhidmatan farmakokinetik klinikal. Oleh itu, pemantauan terhadap waktu yang diperlukan untuk mendapatkan keputusan darah dan cadangan untuk disampaikan kepada doktor / unit yang meminta adalah penting.




Ulasan ketidakcapaian:

Kerosakan mesin di Jabatan Patologi menyebabkan keputusan sampel darah lambat dikeluarkan. Masalah ini telah diselesaikan dan tidak ada kekurangan dalam prestasi pada separuh kedua tahun 2019.

QAP 2: Peratusan kes toksikologi ditafsirkan dan dikomunikasikan dalam masa dua jam kepada Unit/Dr yang memohon

QAP 3: Peratusan nilai stok yang dilupuskan dan dihapus kira kepada nilai stok yang dikendalikan setiap tahun. (Standard: 0%)

Penunjuk ini diwujudkan untuk memantau jumlah dan jenis stok yang dilupuskan setiap tahun dan mengenalpasti sebab stok dilupuskan supaya tindakan pembetulan dan pencegahan dapat diambil untuk meningkatkan kecekapan pengurusan stok. Bagi pencapaian 2019, tiada stok dilupuskan dan dihapus kira di fasiliti JKWP&P.



QAP 3: Peratusan nilai stok yang dilupuskan dan dihapus kira kepada nilai stok yang dikendalikan setiap tahun.

5.2.6 Aktiviti Cawang Amalan & Perkembangan Farmasi

1 *Kursus Tatacara Pengurusan Stor*
22 Jan 2019

Bengkel Pengukuhan Rawatan & Kaunseling Methadone JKWPKL&P
18 - 19 Feb 2019

2 *Bengkel Pengukuhan Diabetes Medication Therapy Adherence Clinic (DMTAC)*
4 April 2020

3 *Bengkel Training of Trainers Duta Kenali Ubat Anda Zon Tengah 2019*
26-28 Mac 2019

4 *Wawancara Radio BFM mengenai Vape: Myth versus Facts*
17 Jun 2019

5 *Wawancara Rancangan Bicara Diari Rawat mengenai Klinik Berhenti Merokok*
9 Mei 2019

6 *Kursus Pemantapan PhIS*
2 - 4 Julai 2019

7 *Wawancara Radio Asyik FM mengenai Vape: Mitos versus Fakta*
18 Jun 2019

8 *Wawancara Rancangan Assalamualaikum TV Al-hijrah mengenai Pengambilan dan Penyimpanan Ubat*
11 Nov 2019

9 *Majlis Perasmian Program Minggu Konsultasi Ubat-Ubatan JKWPKL&P kolaborasi Bersama Duta Kenali Ubat Anda di PPR Taman Wahyu*
17 Ogos 2019

10 *Wawancara Assalamualaikum TV Al-hijrah mengenai Pengambilan dan Penyimpanan Ubat*
11 Nov 2019

5.3 CAWANGAN PENGUATKUASAAN FARMASI

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Kuala Lumpur (CPFKL) terbahagi kepada 4 seksyen yang terdiri daripada Seksyen Pelesenan, Seksyen Perisikan & Operasi, Seksyen Siasatan dan Pendakwaan dan Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi.

5.3.1 Fungsi Unit di CPFKL adalah seperti berikut:

Seksyen Pelesenan

- Memproses Lesen Racun Jenis A/B/E, Permit NaOH dan Permit *Methadone* di bawah Akta Racun 1952.
- Memeriksa premis-premis yang berlesen dengan CPFKL dan premis-premis berdaftar seperti hospital swasta, klinik perubatan dan klinik pergigian.
- Menjalankan pemeriksaan pengendalian racun ke atas premis berdaftar iaitu klinik-klinik dan hospital swasta.
- Menjalankan pemeriksaan produk ke atas premis tidak berlesen.

Seksyen Perisikan & Operasi


- Menyiasat dan mengesahkan setiap aduan dan maklumat yang diterima.
- Melakukan serbuan ke atas semua premis perniagaan termasuklah premis ubat tradisional, kedai ubat, salun kecantikan, kedai barang-barang *hardware*, farmasi retail, klinik perubatan serta rumah kediaman yang didapati menjalankan penjualan ubat-ubat tidak berdaftar, penjualan produk mengandungi racun oleh individu yang tidak dilesenkan serta produk kosmetik tidak bernetifikasi.
- Mengawal selia informasi berbentuk elektronik bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat, betul dan benar.

Seksyen Siasatan Dan Pendakwaan

- Mengkoordinasi, menjalankan dan memantau aktiviti siasatan.
- Mengkoordinasi, menjalankan dan memantau aktiviti pendakwaan.
- Mengkoordinasi, menjalankan dan memantau aktiviti pengendalian eksihibit.

Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan

- Menyelaraskan penyiasatan kes iklan yang melanggar Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan menyelaraskan saringan dan pemantauan iklan di media dan saringan iklan di premis pemeriksaan.
- Menyelaraskan dan menganalisa data informatik penguatkuasaan farmasi.
- Mengkoordinasi aktiviti R&D dan inovasi penguatkuasaan farmasi.
- Menjalankan pemantauan terhadap kawalan sumber penguatkuasa farmasi (kewangan, perjawatan dan latihan).
- Mengurus selia aktiviti seperti aktiviti pameran, ceramah dan dialog bersama-sama pembekal produk-produk kesihatan untuk meningkatkan tahap pengetahuan pengeluar produk kesihatan tentang keperluan pendaftaran produk.




5.3.2 Pencapaian *Quality Assurance Programme (QAP)* Cawangan Penguatkuasaan Farmasi


Keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan amat dititikberatkan. Oleh itu, QAP bukan sahaja mengukur kuantiti yang berjaya dilaksanakan, tetapi telah memasukkan elemen masa untuk memastikan tugas yang diarahkan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

QAP diukur melalui 4 indikator dan melibatkan tindakan Seksyen Perisikan & Operasi, Seksyen Siasatan dan Perundangan, dan Seksyen Pelesenan. Rajah di bawah menunjukkan pencapaian QAP bagi tahun 2019. CPF berjaya mencapai semua piawaian yang ditetapkan dengan 2 daripada 4 indikator QAP mencatat 100%.


QAP 4: Pengesahan dan pemberian maklumbalas aduan berkaitan pelanggaran Akta Farmasi dalam tempoh masa 2 minggu **(Standard: 100%)**.




QAP 5: Risikan yang diselesaikan dalam tempoh masa 2 bulan selepas Arahan Serbuan dikeluarkan **(Standard: 95%)**.



QAP 6: Penyelesaian kertas siasatan dalam masa 4 bulan
(Standard: 85%)



QAP 7: Tindakan susulan diambil dalam masa 3 bulan selepas pemeriksaan di premis
(Standard: 98%)



5.3.3 Aktiviti Cawangan Penguatkuasaan Farmasi





BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN

PENGENALAN


Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (BKP WPKL&P) ditubuhkan pada 1 Januari 2001. BKP JKWPKL&P diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) yang beribu pejabat di Tingkat 2, Bangunan Cahaya Suria sebelum berpindah ke Pejabat Pentadbiran, Kompleks Kesihatan Wilayah Persekutuan, Jalan Cenderasari pada 16 Mac 2006.

Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya merupakan pusat tanggungjawab perkhidmatan pergigian seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, yang terdiri daripada 5 Pejabat Kesihatan Pergigian (PKP) dengan jumlah keluasan 291.52 km persegi bagi seramai 1,796,200 orang penduduk (rujuk seperti di Jadual 1).

Jadual 7.1: Keluasan Kawasan dan Jumlah Penduduk di Kuala Lumpur dan Putrajaya Tahun 2019

| Wilayah Persekutuan | PKP | Kawasan Parlimen | Keluasan (km ² persegi) | Jumlah Keluasan (km persegi) | Jumlah Penduduk (orang) |
|---------------------|---------------|------------------|------------------------------------|------------------------------|-------------------------|
| Kuala Lumpur | Lembah Pantai | Lembah Pantai | 21.36 | 242.21 | 191,070 |
| | | Seputeh | 21.17 | | |
| | | Bukit Bintang | 15.95 | | |
| | Kepong | Kepong | 11.73 | | |
| | | Segambut | 50.97 | | |
| | | Batu | 20.93 | | |
| | Titivangsa | Titivangsa | 14.41 | | |
| | | Wangsa Maju | 15.96 | | |
| | | Setiawangsa | 16.94 | | |
| | Cheras | Cheras | 14.47 | | |
| Bandar Tun Razak | | 38.32 | | | |
| Putrajaya | Putrajaya | Putrajaya | 49.31 | 49.31 | 94,600 |


*Sumber data: Laman Web *Department of Statistics Malaysia*



Rajah 7.1: Klinik-klinik Pergigian (KP) di WP Kuala Lumpur & Putrajaya Mengikut PKP


- | | |
|------------------------|--------------------------|
| 1. KP Cahaya Suria | 11. KP PULAPOL |
| 2. KP UTC Pudu Sentral | 12. KP Kuala Lumpur |
| 3. KP Tanglin | 13. KP Dato Keramat |
| 4. KP Bangsar | 14. KP Kg. Pandan |
| 5. KP Petaling Bahagia | 15. KP Cheras |
| 6. KP Jinjang | 16. KP Bandar Tun Razak |
| 7. KP Batu | 17. KP Cheras Baru |
| 8. KP Sentul | 18. KP Putrajaya Presint |
| 9. KP Mini UTC Sentul | 9 |
| 10. KP Setapak | 19. KP Putrajaya Presint |
| | 18 |
| | 20. KP Puspanitapuri |

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN, JAB. KESIHATAN W.P KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA



CARTA FASILITI BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN, JAB. KESIHATAN W.P KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN JKWPKL & PUTRAJAYA



CARTA FUNGI JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA

JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA

PENGURUSAN

Merancang dan mengurus keperluan pengurusan sumber manusia kewangan, pembangunan, ICT, perkhidmatan kaunseling dan hal-hal pentadbiran di JKWPKL&P secara cekap, teratur dan berkesan mengikut peraturan yang telah ditetapkan bagi menyokong jabatan dalam

BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN

Melaksanakan dasar dan perancangan program kesihatan pergigian melalui perkhidmatan penggalakan pencegahan, rawatan, pemulihan dan kolaboratif pelbagai agensi bagi membolehkan masyarakat mencapai kualiti hidup yang optimum.

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

1. Membantu individu dan komuniti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optimum melalui penyediaan penjagaan kesihatan asas.
2. Menggalakkan amalan kesihatan di kalangan setiap individu dan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
3. Menyediakan perkhidmatan pencegahan, promotif, kuratif dan rehabilitatif secara integrasi di semua peringkat perkhidmatan kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

BAHAGIAN PERUBATAN

Merancang, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan semua aktiviti program rawatan perubatan bagi fasiliti kesihatan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang berada di bawah seliaan Bahagian Perubatan, JKWPKL&P iaitu meliputi aspek perbelanjaan kewangan dan urusan pentadbiran, aktiviti kepastian kualiti (QAP), Petunjuk Prestasi Utama (KPI), menyelaras aktiviti perlindungan perubatan untuk acara dan majlis rasmi peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa, juga membuat pemantauan pengurusan data dan maklumat laporan perubatan, serta mengawal selia fasiliti kesihatan dan jagaan kesihatan swasta berpandukan standard yang diperuntukkan dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan swasta 1998 dan peraturannya.

BAHAGIAN FARMASI

Memastikan penjualan, pembekalan, pengendalian dan penggunaan ubat-ubatan, sediaan farmaseutikal dan produk kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, adalah berkualiti, selamat dan berkesan mengikut undang-undang dan peraturan semasa.

UNIT PENGURUSAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Merancang dan mengurus keperluan Profesion Penolong Pegawai Perubatan dari aspek perkembangan profesion, standard perkhidmatan dan penyediaan yang ditetapkan.


BAHAGIAN KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN

Bertanggungjawab memastikan keselamatan dan kualiti makanan melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan bagi seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya supaya orang ramai dilindungi daripada bahaya dari aspek kesihatan dan penipuan pada penyimpanan, penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan makanan; serta memudahkan perdagangan makanan.

UNIT KEJURURAWATAN

Bertanggungjawab ke atas pengurusan perancangan dan pembangunan perkhidmatan profesion Kejururawatan di JKWPKL & Putrajaya dengan mematuhi *Code of Professional Conduct* Kejururawatan serta merujuk Akta Jururawat 1950.

CARTA FUNGSI BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN JAB. KES. WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA



PENGURUSAN SUMBER

6.1 PENGURUSAN KEWANGAN

6.1.1 Pengenalan

Pada tahun 2019, Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P telah menerima sebanyak **RM 70,201,075.78** (Jadual 7.2). Peruntukan kewangan untuk Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (BKP JKWPKL&P) adalah melalui sumber berikut:

Jadual 6.2: Peruntukan dan Perbelanjaan 2019

| Aktiviti | Kod Objek | Peruntukan Asal (RM) | Peruntukan Dipinda (RM) | Perbelanjaan Sebenar (RM) | % Perbelanjaan |
|---|-----------------|----------------------|-------------------------|---------------------------|----------------|
| 040100 (Pengurusan) | 10000/ 20000 | 2,941,700.00 | 2,834,225.41 | 2,900,310.92 | 102.33% |
| 040200 (Pergigian Primer) | 10000/ 20000 | 36,435,360.00 | 36,369,730.75 | 37,583,933.87 | 103.34% |
| 040300 (Masyarakat) | 10000/ 20000 | 2,414,300.00 | 2,382,883.84 | 2,382,883.84 | 100% |
| 040400 (Kepakaran) | 10000/ 20000 | 9,672,500.00 | 9,650,236.02 | 10,386,479.76 | 107.63% |
| Sumber Peruntukan Pembangunan | | | | | |
| 00105 (Latihan) | 20000 | 94,500.00 | 94,500.00 | 94,499.80 | 99.99% |
| 00600 (Ubahsuai, Naik Taraf & Pembaikan) | 20000 | 18,000.00 | 18,000.00 | 18,000.00 | 100% |
| 01100 (Peralatan dan Kenderaan) | 35000 | 1,067,338.69 | 1,067,338.69 | 1,042,671.49 | 97.69% |
| 01100 (MEET) | 20000 | 5,432,324.14 | 2,895,033.16 | 2,888,165.11 | 99.76% |
| 02031 (Pembinaan Klinik Batu Muda) | 20000 | 1,124,821.00 | 1,124,821.00 | 1,057,442.96 | 94.01% |
| Sumber Peruntukan Mengurus | | | | | |
| 080600 | 10000 | 169,210.95 | 160,878.85 | 160,878.85 | 100% |


| | | | | | |
|--------------------------------------|-------|----------------------|----------------------|----------------------|---------------|
| (Perkhidmatan Sokongan Klinik) | 20000 | | | | |
| 080800 (Pengoperasian Fasiliti Baru) | 20000 | 856,200.00 | 854,406.55 | 854,406.55 | 100% |
| 080900 (Perolehan Aset) | 35000 | 5,990.00 | 5,990.00 | 5,990.00 | 100% |
| 010300 (Kewangan) | 35000 | 9,787.00 | 9,787.00 | 9,787.00 | 100% |
| 030300 (Kawalan Penyakit) | 20000 | 6,250.00 | 6,250.00 | 6,250.00 | 100% |
| 080200 (Emolumen kakitangan kontrak) | 20000 | 9,952,794.00 | 9,548,643.20 | 9,548,643.20 | 100% |
| Jumlah | | 70,201,075.78 | 67,022,724.47 | 68,940,343.35 | 102.86 |

6.1.2 Statistik

Jadual 6.3 menunjukkan perbandingan peruntukan yang diperolehi BKP JKWP&P dari tahun 2014 hingga 2019. Didapati peningkatan peruntukan sebanyak 28.36% (RM 14,809,505.92) berbanding 2018.

Jadual 6.3 : Peruntukan yang dipinda, BKP JKWP&P 2014-2019

| TAHUN | JUMLAH PERUNTUKAN YANG DIPINDA |
|-------|--------------------------------|
| 2014 | 44,559,108.93 |
| 2015 | 51,198,334.34 |
| 2016 | 52,055,372.17 |
| 2017 | 52,912,410.00 |
| 2018 | 52,213,218.55 |
| 2019 | 67,022,724.47 |



Rajah 6.2 : Perbandingan Peruntukan Kewangan dari Tahun 2014 hingga 2019

6.1.3 Kesimpulan

Secara keseluruhan, BKP JKWPKL&P telah membelanjakan 98.20% (RM 68,940,343.35 berbaki 1,260,732.43) dari peruntukan yang diterima. Ia masih belum mencapai Sasaran Kerja Tahunan TPK(G) yang ditetapkan (100%) dan boleh ditambahbaik untuk tahun-tahun akan datang.

6.2 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

6.2.1 Pengurusan Sumber Manusia

Personel Pergigian di Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P terdiri daripada Pakar Pergigian, Pegawai Pergigian, Aukiliari & Paramedik Pergigian (Juruterapi Pergigian, Juruteknologi Pergigian dan Pembantu Pembedahan Pergigian dan Pembantu Perawatan Kesihatan) dan Kumpulan Sokongan (Penolong Akauntan, Pembantu Tadbir, Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan). Sehingga 31 Disember 2019, terdapat 916 perjawatan untuk Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P dan sebanyak 835 (91.16%) pengisian perjawatan telah diisi (rujuk Jadual 4).

Jadual 6.4: Perjawatan BKP JKWPKL & P Mengikut Kategori (Sehingga 31 Disember 2019)

| KATEGORI JAWATAN | BILANGAN JAWATAN | ISI | KOSONG | % KOSONG |
|---|------------------|-----|--------|----------|
| Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian); Pegawai Pergigian Kesihatan Awam, Pegawai Pergigian Gred UG56 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| Pakar Pergigian (Jusa B/Jusa C) | 8 | 5 | 3 | 37.5 |
| Pakar Pergigian (UG44/UG48/UG52/UG54/UG56) | 23 | 21 | 2 | 8.70 |
| Pegawai Pergigian (UG41/UG44/UG48/UG52/UG54) | 201 | 188 | 13 | 6.47 |
| Juruterapi Pergigian (U40/U38/U36/U32/U29) | 143 | 130 | 13 | 9.09 |
| Juruteknologi Pergigian (U40/U28/U36/U32/U29) | 47 | 43 | 4 | 8.51 |
| Pembantu Pembedahan Pergigian (U24/U22/U19) | 247 | 230 | 17 | 6.88 |
| Setiausaha Pejabat (N32/N27/N22/N19) | 2 | 1 | 1 | 50.0 |
| Penolong Akauntan (W29/W32) (KUP) | 6 | 6 | 0 | 0 |
| Pembantu Tadbir (P/O) & (Kew) (N22/N19/W19) | 45 | 37 | 8 | 17.78 |
| Pembantu Perawatan Kesihatan (U14/U11) | 155 | 142 | 13 | 8.39 |
| Pemandu Kenderaan (H11/H14) | 36 | 29 | 7 | 19.44 |
| Pembantu Operasi (N11/N14) | 2 | 2 | 0 | 0 |
| Jumlah Keseluruhan | 916 | 835 | 81 | 8.84 |

Mulai tahun 2017 terdapat pelantikan secara kontrak bagi jawatan Pegawai Pergigian Gred UG41 yang diberi tempoh kontrak selama tiga (3) tahun. Pelantikan jawatan ini tidak melibatkan sebarang penambahan jawatan baru tetapi hanya melibatkan penambahan jumlah pengisian (*body*) sahaja (Jadual 6.5).

Pada tahun 2019, terdapat pelantikan tetap dari kalangan lantikan kontrak yang layak memenuhi syarat-syarat pelantikan tetap yang dikeluarkan BSM KKM. Seramai sepuluh (10) orang Pegawai Pergigian UG41 menerima tawaran pelantikan tetap berkenaan dan telah melapor diri di luar WPKL & P.

Jadual 6.5: Pegawai Pergigian (Kontrak) tahun 2017 sehingga 2019

| KATEGORI JAWATAN | BILANGAN JAWATAN | ISI | KOSONG |
|--|------------------|-----|--------|
| Pegawai Pergigian (Kontrak) - 09.01.2017 | 0 | 10 | 0 |
| Pegawai Pergigian (Kontrak) - 22.05.2017 | 0 | 9 | 0 |
| Pegawai Pergigian (Kontrak) - 13.11.2017 | 0 | 8 | 0 |
| Pegawai Pergigian (Kontrak) - 26.02.2018 | 0 | 30 | 0 |
| Pegawai Pergigian (Kontrak) - 16.07.2018 | 0 | 11 | 0 |
| Pegawai Pergigian (Kontrak) - 15.10.2018 | 0 | 9 | 0 |
| Pegawai Pergigian (Kontrak) - 11.03.2019 | 0 | 32 | 0 |
| Pegawai Pergigian (Kontrak) - 01.07.2019 | 0 | 25 | 0 |
| Pegawai Pergigian (Kontrak) - 14.10.2019 | 0 | 15 | 0 |
| Jumlah Keseluruhan | 0 | 149 | 0 |

| KATEGORI JAWATAN | BILANGAN JAWATAN | ISI | KOSONG |
|--|------------------|-----|--------|
| Juruteknologi Pergigian (Kontrak) - 18.03.2019 | 0 | 2 | 0 |
| Jumlah Keseluruhan | 0 | 2 | 0 |

| KATEGORI JAWATAN | BILANGAN JAWATAN | ISI | KOSONG |
|--|------------------|-----|--------|
| Pembantu Pembedahan Pergigian (Kontrak) - 18.03.2019 | 0 | 5 | 0 |
| Pembantu Pembedahan Pergigian (Kontrak) - 01.07.2019 | 0 | 4 | 0 |
| Jumlah Keseluruhan | 0 | 9 | 0 |

Jadual 6.6: Personel Pergigian di BKP JKWPKL&P Tahun 2015–2019

| TAHUN | 2015 | | | 2016 | | | 2017 | | | 2018 | | | 2019 | | |
|--------------------------------------|------------|------------|--------------|------------|------------|-------------|------------|------------|-------------|------------|------------|--------------|------------|------------|--------------|
| | P | I | % K | P | I | % K | P | I | % K | P | I | % K | P | I | % K |
| Pegawai Pergigian / Pakar Pergigian | 168 | 143 | 14.88 | 167 | 157 | 5.99 | 175 | 171 | 2.29 | 230 | 211 | 8.26 | 233 | 215 | 7.73 |
| Pegawai Pergigian (Lantikan Kontrak) | | | | | | | 0 | 81 | - | 0 | 65 | - | - | 73 | - |
| Juruterapi Pergigian | 145 | 123 | 15.17 | 145 | 124 | 14.48 | 143 | 140 | 2.10 | 143 | 138 | 3.50 | 143 | 130 | 9.09 |
| Juruteknologi Pergigian | 47 | 45 | 4.26 | 47 | 46 | 2.13 | 47 | 43 | 8.51 | 47 | 42 | 10.64 | 47 | 43 | 8.51 |
| Pembantu Pembedahan Pergigian | 246 | 207 | 15.85 | 242 | 213 | 11.98 | 242 | 227 | 6.20 | 247 | 235 | 4.86 | 247 | 230 | 6.88 |
| Pembantu Perawatan Kesihatan | 158 | 146 | 7.59 | 158 | 148 | 6.33 | 158 | 138 | 11.54 | 155 | 132 | 14.84 | 155 | 142 | 8.39 |
| Pemandu Kenderaan | 36 | 35 | 2.78 | 36 | 31 | 13.89 | 36 | 31 | 13.89 | 36 | 30 | 16.67 | 36 | 29 | 19.44 |
| Jumlah | 800 | 699 | 12.63 | 795 | 719 | 9.56 | 801 | 750 | 7.16 | 913 | 788 | 13.69 | 913 | 789 | 13.58 |

Petunjuk:

P – Post

I – Isi

K – Kosong

6.2.1 Pengurusan Latihan Dalam Perkhidmatan

Pengurusan latihan dalam perkhidmatan melibatkan semua anggota di bawah seliaan Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (BKP JKWPKL&P). Ia merangkumi latihan peringkat dalaman yang dianjurkan di peringkat klinik pergigian dan Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) TPK(G) serta latihan luaran. Latihan ini bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran secara berterusan kepada semua anggota agar sentiasa memberikan perkhidmatan yang cekap, profesional dan terbaik kepada pelanggan.

Latihan yang telah dihadiri oleh Pegawai Pergigian, Juruterapi Pergigian dan Juruteknologi Pergigian perlu direkodkan dalam satu program pembelajaran berterusan

sistematik atas talian iaitu *Continuing Professional Development* (MyCPD). Pemantauan latihan bagi kategori lain adalah melalui rekod latihan WPKL-BKP(G)-BK31 (Rekod Latihan Anggota). Bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Pergigian pula, mata CPD pada tahun 2018 akan dikumpul sehingga tahun 2020 untuk permohonan *Annual Practising Certificate* (APC). Walaubagaimanapun, kedatangan latihan semua anggota perlu dipantau secara berkala melalui WPKL-BKP(G)-BK31 oleh Ketua Unit/Pegawai Pergigian Yang Menjaga (PPYM) seperti keperluan MS ISO 9001:2015.


Jadual 6.7: Kategori Aktiviti dan Mata CPD

| KATEGORI | DESKRIPSI AKTIVITI CPD | MATA CPD | MAXIMUM POINTS FOR ANNUAL CONSIDERATION |
|----------|--|--|---|
| A1 | Menghadiri Kongres / Konferens / Konvensyen / (Tempatan /Antarabangsa) | 20 mata/aktiviti | 20 |
| A2 | Menghadiri Persidangan Sainifik (<i>Scientific Meeting</i>) Oleh Akademi / Universiti / Kolej / Persatuan / Institusi / Kementerian Kesihatan Malaysia dan Agensi Berkaitan. a) Kurang dari 2 jam b) 2-4 jam c) 5-8 jam d) 2 hari e) 3 hari atau lebih | 1 mata/aktiviti 2 mata/aktiviti 3 mata/aktiviti 6 mata/aktiviti 10 mata/aktiviti | 20 |
| A3 | Menghadiri Bengkel/ Kursus/ <i>Fellowships</i> / Latihan Sangkutan Dan Lain-Lain (Termasuk Amali dan Kursus Kemahiran). a) Setengah hari (2-4 jam) b) 1 hari (5-8 jam) c) 2 hari penuh d) 3 hari atau lebih e) <i>Skill accredited structure courses by specific disciplines</i> f) Lawatan Sambil Belajar | Mata/aktiviti 4 mata/aktiviti 6 mata/aktiviti 10 mata/aktiviti 15 mata/aktiviti 20 mata/aktiviti 5 mata/aktiviti | 30 |
| A4 | Menghadiri Sesi Latihan Perubatan Secara | 1 mata/ jam | 20 |

| KATEGORI | DESKRIPSI AKTIVITI CPD | MATA CPD | MAXIMUM POINTS FOR ANNUAL CONSIDERATION |
|----------|---|---|---|
| | Berterusan (CME) / Aktiviti Professional Lain : <i>Topic Seminar, Forum, Ceramah, Formal Grand Ward/Teaching Rounds, Clinic Attendance, Mesyuarat Klinikal Hospital, Konferen Video, Tayangan Video, Nota Reflektif, Morbidity and Mortality Reviews, Epidemiological Review.</i> | | |
| A5 | Pembentangan Kertas Kerja/ Mesyuarat/ Acara Rasmi a) <i>Plenary lectures / long paper (>45 minutes) Free paper/short paper</i> b) <i>Other lectures/ talks e.g visiting lecture, hospital clinical meeting, CME sessions, Public meeting, Giving talk/public advise/ Lectures to NGO/ radio or TV talk/ Technical briefing/updates</i> | 10 mata 5 mata | 20 |
| A6 | Penerbitan Artikel Dalam Jurnal/ Bab Dalam Buku/ Laporan a) <i>Jurnal berindeks/ Peer Journal Review</i> b) <i>Jurnal tidak berindeks</i> c) <i>Bab dalam buku</i> d) <i>Lain-lain penulisan</i> | 20 mata 10 mata 10 mata 10 mata | 30 |
| A7 | Pembelajaran Kendiri / Pembelajaran Berkumpulan / Kajian Kes / Pembelajaran Jarak Jauh | 1 mata / paper/ tajuk atau sesi | 20 |
| A8 | CME Atas Talian (CME online) | 1 mata / article atau sesi | 20 |
| A9 | Menghadiri Kursus <i>Post-Basic</i> Atau Kursus Lanjutan Lain Yang Berkaitan a. 2 Minggu b. 4 Minggu c. 3 Bulan d. 6 Bulan e. 1 Tahun | 10 mata 12 mata 15 mata 20 mata 30 mata | 30 |
| A10 | a) <i>Degree, Master Programs, postgraduate programs (for each stage of examination passed)</i> b) <i>PHD/DrPH</i> | 50 mata 50 mata 50 mata | 50 |

| KATEGORI | DESKRIPSI AKTIVITI CPD | MATA CPD | MAXIMUM POINTS FOR ANNUAL CONSIDERATION |
|----------|---|---|---|
| | c) <i>Advanced Diploma/ Subspecialty training</i> | | |
| A11 | Penglibatan Sebagai Jawatankuasa Atau Ahli Projek | 5 mata/aktiviti | 20 |
| B1 | Pembabitan Dalam Penyediaan Jurnal, Laporan Teknikal, Buletin, Majalah, Lain-Lain Dokumen Terbitan a) <i>Editor</i> b) <i>Member of Editorial Board</i> c) <i>Referee / Reviewer (per article)</i> | 10 mata/aktiviti 5 mata/aktiviti 5 mata/aktiviti | 10 |
| B2 | Aktiviti Sokongan Lain Yang Berkaitan Dengan Pembangunan Peribadi Dan Peningkatan Diri a) Peringkat Tempatan/Local b) Peringkat Negeri c) Peringkat Kebangsaan d) Peringkat Antarabangsa | 2 mata/aktiviti 3 mata/aktiviti 5 mata/aktiviti 10 mata/aktiviti | 10 |

Trending /Status



Rajah 6.3 : Perbandingan Pencapaian Keseluruhan Prestasi Latihan Dalam Perkhidmatan Tahun 2017- 2019

Jadual 6.8: Perbandingan Pemantauan Perkembangan Sumber Manusia Tahun 2017-2019

| TAHUN | 2017 | 2018 | 2019 |
|--|----------------|------|------|
| Petunjuk Prestasi Utama (KPI 18) : Peratus peruntukan tahunan latihan dalam perkhidmatan (LDP) Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKP KKM) selesai dibelanja pada minggu pertama bulan Disember. | KPI TAHUN 2018 | 100% | 100% |
| Memastikan 100% anggota pergigian telah menjalani latihan 7 hari setahun | 75.8% | 100% | 100% |
| Memastikan laporan perbelanjaan LDP dihantar ke Unit Latihan, JKWPKL dan PKP KKM pada 10 hb setiap bulan. | 100% | 100% | 100% |

Jadual 6.9 : Ringkasan Laporan Latihan Dalam Perkhidmatan Tahun 2019

| LATIHAN YANG TELAH DILAKSANAKAN | BILANGAN LATIHAN | | |
|---------------------------------|------------------|------------|------------|
| | TAHUN 2017 | TAHUN 2018 | TAHUN 2019 |
| Latihan Dalaman (A) | 47 | 27 | 48 |
| Latihan Luaran (B) | - | 1 | 4 |
| Jumlah Latihan (A+B) | 47 | 28 | 52 |

Jadual 6.10: Ringkasan Laporan Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan Tahun 2017-2019

| TAHUN | PERUNTUKAN DITERIMA | PERBELANJAAN DAN TANGGUNGAN | | BAKI | |
|-------|---------------------|-----------------------------|-------|-------|------|
| | | (RM) | % | (RM) | % |
| 2017 | 48,000.00 | 47920.00 | 99.8% | 80.00 | 0.2% |
| 2018 | 26,000.00 | 25,996.00 | 99.9% | 4.00 | 0.1% |
| 2019 | 94,500.00 | 94,499.00 | 99.9% | 0.20 | 0.1% |

BKP JKWPKL&P telah menerima peruntukan latihan dalam perkhidmatan yang berbeza bagi tahun 2017 sehingga tahun 2019. Walaubagaimanapun, 99% peruntukan yang diterima telah digunakan sepenuhnya untuk pelaksanaan latihan anggota.

Jadual 6.11 : Senarai Kursus/Latihan Yang Diadakan Pada Tahun 2019

| BIL | SENARAI LATIHAN | TARIKH DILAKSANAKAN |
|---------------------------|--|---------------------|
| A. Latihan Dalaman | | |
| 1. | Kursus Kesedaran Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dalam Amalan Pergigian | 5 Mac 2019 |
| 2. | Bengkel Pengenalan dan Kalibrasi <i>Restorative Index of Treatment Need (RDITN)</i> | 12 Mac 2019 |
| 3. | <i>Awareness ICDAS Sesi 1 Part 1</i> | 18 Mac 2019 |
| 4. | <i>Awareness ICDAS Sesi 1 Part 2</i> | 19 Mac 2019 |
| 5. | Kursus Restodontik: <i>Tooth Preparation for A Crown: Let's Make It Sound and Safe</i> | 3-4 April 2019 |
| 6. | Kursus Medikolegal dan <i>Ethics</i> di Kalangan Pegawai Pergigian | 9-10 April 2019 |
| 7. | Kursus Pemantapan Pembantu Pembedahan Pergigian | 9 April 2019 |
| 8. | Bengkel <i>The Way Forward</i> Juruterapi Pergigian | 10 April 2019 |
| 9. | Kalibrasi ICDAS Sesi 2 | 9-10 April 2019 |
| 10. | Tanggungjawab Sebagai Pembantu Tadbir Dalam Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia | 11-12 April 2019 |
| 11. | Kursus Pemantapan Perkhidmatan Program Pergigian Warga Emas | 15 April 2019 |
| 12. | Kursus Pemurnian Kualiti Data | 16 April 2019 |
| 13. | Bengkel <i>Revisiting Periodontal Disease: Detection and Early Treatment</i> Sesi 1 | 16 April 2019 |
| 14. | Bengkel <i>Revisiting Periodontal Disease: Detection and Early Treatment</i> Sesi 2 | 18 April 2019 |
| 15. | Bengkel Pemantapan Pembantu Perawatan Kesihatan | 18 April 2019 |
| 16. | Kursus Pemantapan Perkhidmatan Pergigian Golongan Keperluan Khas (GKK) | 22 April 2019 |
| 17. | Kursus Budaya Korporat | 23-24 April 2019 |
| 18. | Akauntabiliti dalam Pengurusan Kewangan | 25-26 April 2019 |
| 19. | Kursus <i>Needle Stick Injury</i> | 18 Jun 2019 |
| 20. | <i>Awareness ICDAS Sesi 2</i> | 16-17 Julai 2019 |

| BIL | SENARAI LATIHAN | TARIKH DILAKSANAKAN |
|------------|---|----------------------------|
| 21. | Kursus Peningkatan Perkhidmatan Ortodontik Pegawai Pergigian – Fasa I | 17-18 Julai 2019 |
| 22. | Kalibrasi ICDAS Sesi 2 | 23-24 Julai 2019 |
| 23. | Kursus Penyelarasan Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan | 1 Ogos 2019 |
| 24. | Kursus JD (MyPortfolio) | 5-6 Ogos 2019 |
| 25. | Bengkel Orientasi Pembantu Perawatan Kesihatan | 5 Ogos 2019 |
| 26. | Kursus Pemantapan Pegawai Penguatkuasa Pergigian JKWPKL&P Tahun 2019 | 8 Ogos 2019 |
| 27. | Seminar Protokol Rujukan | 20 Ogos 2019 |
| 28. | Kursus Peningkatan Perkhidmatan Ortodontik Juruterapi Pergigian dan Kumpulan Sokongan | 21-22 Ogos 2019 |
| 29. | Kursus Pemantapan Anggota Periodontik Bahagian Kesihatan Pergigian WPKL&P | 21 Ogos 2019 |
| 30. | Kursus Pemantapan Anggota Periodontik | 21 Ogos 2019 |
| 31. | Kursus Kumpulan Inovasi Kreatif | 1 September 2019 |
| 32. | Kursus Pengurusan Unit Periodontik: <i>Document Review</i> | 3-5 September 2019 |
| 33. | Kursus Pemantapan Kepakaran Pergigian Restoratif | 4-5 September 2019 |
| 34. | Kursus Kesedaran Masyarakat Promosi Kesihatan Pergigian Tahunan 2019 | 8 September 2019 |
| 35. | Pengurusan Pentadbiran dan Motivasi | 3-5 Oktober 2019 |
| 36. | Kursus Pembangunan Minda <i>Self Realization</i> | 6-8 Oktober 2019 |
| 37. | Kursus <i>Delivery of High Quality Patient Care - Dedicated Team Approach</i> | 7 Oktober 2019 |
| 38. | Kursus <i>Dental Emergency in Medically Compromised Patients</i> | 8 Oktober 2019 |
| 39. | Bengkel Penyelidikan: <i>From Zero to Hero</i> | 7-8 Oktober 2019 |
| 40. | Bengkel Kesihatan Pergigian Bagi Kelab Doktor Muda Sekolah WPKL&P | 8 Oktober 2019 |

| BIL | SENARAI LATIHAN | TARIKH DILAKSANAKAN |
|--------------------------|---|----------------------|
| 41. | Kursus Inovasi Menjana Kreativiti | 14 Oktober 2019 |
| 42. | Taklimat Pegawai Pergigian Daerah dan Pegawai Pergigian Yang Menjaga | 21-22 Oktober 2019 |
| 43. | Kursus Pemantapan dan Garis Panduan <i>Fluoride Varnish</i> | 24 Oktober 2019 |
| 44. | Bengkel Modul HRMIS | 25 Oktober 2019 |
| 45. | Kursus Pemantapan Juruteknologi Pergigian | 28-29 Oktober 2019 |
| 46. | <i>Training of Trainers Oral Cancer @ Kenalpasti Lesi Kanser</i> | 30 Oktober 2019 |
| 47. | Kursus Pemantapan Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2019 | 11 November 2019 |
| 48. | Taklimat Keterampilan Diri dan Personaliti | 15 November 2019 |
| B. Latihan Luaran | | |
| 49. | Kursus Ilmu Keluarga atau Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) 1 Dan 2; Anjuran LPPKN | 21-21 Februari 2019 |
| 50. | <i>Vienna Strasbourg Osteosynthesis Research Group (S.O.R.G) Course on Temporomandibular Joint Surgery</i> | 6-9 September 2019 |
| 51. | <i>The 9th Asian Conference of Oral Health Promotion for School Children (ACOHPS)</i> | 20-21 September 2019 |
| 52. | <i>The 13th Asian Pacific Society of Periodontology (APSP) Meeting ASEAN Pacific Society Of Periodontology</i> | 28-29 September 2019 |

Cadangan Penambahbaikan/Pembetulan

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 52 latihan telah berjaya diadakan. Latihan ini meliputi keseluruhan jenis latihan iaitu fungsional dan generik. Berikut adalah cadangan penambahbaikan bagi latihan dalam perkhidmatan :

1. Melaksanakan *Training Needs Analysis* dengan baik di peringkat klinik bagi menganalisa keperluan latihan anggota.
2. *Continuous Dental Education* (CDE) peringkat klinik perlu dilakukan mengikut jadual dan memberi peluang kepada Pegawai Pergigian Lantikan Kontrak UG41 bagi memenuhi komponen B2 mereka dan keperluan latihan bagi kumpulan sokongan yang lain.
3. Mengamalkan dasar berkursus 7 hari setahun seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). (Kehadiran 6 jam CDE bersamaan 1 hari berkursus)
4. Keberkesanan latihan yang dilaksanakan boleh diukur menggunakan format Laporan Analisis *Pre* dan *Post Test*, Laporan Analisis Bahan Kursus/Kerja Berkumpulan serta Laporan Analisis Bahan Aktiviti *Hands-on*.

CAWANGAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK KESIHATAN PERGIGIAN

6.3 EPIDEMIOLOGI DAN PENYELIDIKAN KESIHATAN PERGIGIAN

6.3.1 Pengenalan

Salah satu teras Rancangan Malaysia yang Kesebelas (*RMK-11*) 2016 hingga 2020 adalah memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama di mana penekanan diberikan dalam memperbaiki kesejahteraan masyarakat. Sembilan (9) strategi telah diperkenalkan antaranya, strategi yang berkaitan kesihatan. Epidemiologi dan Penyelidikan Kesihatan Pergigian adalah elemen di dalam strategi memperkasakan '*Healthcare Delivery System*'.

6.3.2 Keputusan Data

Jadual 6.12: Pencapaian Tahun 2017 & 2018 dan Tahun 2019

| Pencapaian | | | |
|---|---------------|---------------|---------------|
| | 2017 | 2018 | 2019 |
| 1. Pemantauan dan Penilaian | | | |
| <i>a) Number of active research project per year: 3</i> | 10 | 14 | 17 |
| <i>b) Presentation oral / poster: 3</i> | 3 | 16 | 7 |
| <i>c) Publication: 1</i> | 3 | 3 | 9 |
| 2. CDE | 100% (N=3) | 100% (N=3) | 100% (N=3) |
| 3. Seminar / Latihan / Bengkel | 6 | 7 | 8 |
| 4. Mesyuarat AJK HSR | 2 | 3 | 3 |
| 5. Hari Kaji Selidik / Bengkel Kaji Selidik | - | 1 | 1 |
| 6. Kolaborasi | 2 | 3 | 3 |

Jadual 6.13: Takwim Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kaji Selidik Negeri 2019

| Bil Mesyuarat | Bulan | Tarikh |
|-----------------|---------------|----------------------|
| 1 / 2019 | Mac | 27 Mac (Rabu) |
| 2 / 2019 | Julai | 3 Julai (Rabu) |
| - | 7 - 8 Oktober | Bengkel Kaji Selidik |
| 3 / 2019 | November | 27 November (Rabu) |

Jadual 6.14: Pemantauan Projek *Health System Research (HSR)* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2019

| <i>NO</i> | <i>Study Title</i> | <i>PI</i> | <i>NMRR ID</i> | <i>MREC</i> |
|--|---|------------------------------|------------------------|------------------|
| KEPAKARAN PERGIGIAN KESIHATAN AWAM (10) | | | | |
| 1 | <i>Impact of Oral Health on Quality of Life (QoL) of Toddler and Their Families</i> | Dr Siti Zuriana MZ | NMRR-18- 901-40126 | 20/6/18 |
| 2 | <i>The Happiness Level in Work / Life of Dental Staff in Oral Health Division Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya</i> | Dr Lydia Mason | NMRR-19- 166-46879 | <i>Completed</i> |
| 3 | <i>Knowledge, Attitude, and Practice towards Needle Stick and Sharp Injuries (NSSI) among New Dental Officers (NDOs) in Federal Territory of Kuala Lumpur & Putrajaya</i> | Dr Nurul Nadia | NMRR-19- 1221-47919 | - |
| 4 | <i>Improving Education of Tooth Brushing Technique among School Children</i> | Dr Siti Zuriana MZ | NMRR-19- 543-47047 | 11/9/19 |
| 5 | <i>Oral Health Related Quality of Life (OHRQoL) in Cheras Young Adults: A Pilot Study</i> | Datin Dr Zaliza | NMRR-19- 1221-47919 | 17/7/19 |
| 6 | <i>Barriers to Utilisation of Ministry of Health (MOH) Antenatal Dental Service (ADS) in Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya</i> | Dr Nurul Iman | NMRR-19- 47923 | 24/1/20 |
| 7 | <i>Stress Among Dental Surgery Assistants in Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya</i> | Dr Hafizah | NMRR-19- 1788-47921 | - |
| 8 | <i>Reasons for Smoking among Government Secondary School Students in Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Lembah Pantai)</i> | Dr Che Julia Binti Jailan | - | - |

| | | | | |
|---|--|-----------------------------|----------------------------------|---|
| 9 | <i>Challenge of implementation of BPE among adult patients in 5 pilot dental clinics in federal Territory Kuala Lumpur & Putrajaya (Putrajaya)</i> | Dr Nurul Iwanie binti Ibnu | - | - |
| 10 | <i>Social Media Impacts On Patients' Awareness Towards Oral Health</i> | Dr Norhazimah bt Khairuddin | - | - |
| KEPAKARAN PERGIGIAN RESTORATIF (2) | | | | |
| 1. | <i>Awareness, Perception, and Satisfaction on Endodontic Treatment among Patients in Primary Dental Clinics in Zon Kepong</i> | Dr Intan Azimah | NMRR-19-5475-47920 | - |
| 2. | <i>Achieving NOHP goal of 20 functional teeth among Malaysian: comparing OHRQoL of patients with RCT versus tooth extraction.</i> | Dr Balkis bt Ghazali | NMRR-17-3485-37374 | - |
| 3. | <i>Open Hollow Obturator For Hemimaxillectomy Patient: A case report</i> | Dr. Yim Kah Yian | Case Study NMRR-19-1685-48987 | - |
| 4. | <i>Management of Discolored Non-Vital Anterior Tooth, Post Trauma: A Case Report</i> | Dr. Yim Kah Yian | Case Study NMRR-19-2103 | - |
| KEPAKARAN PERGIGIAN ORTODONTIK (3) | | | | |
| 1. | <i>Management of Class II Division 1 malocclusion using Twin block Functional Appliance. A Case Report</i> | Dr Tan Xin Yi | Case Study | - |

| | | | | |
|------------------------------------|--|--------------------------|------------------------|---------|
| 2. | <i>Obstructive Sleep Apnea (OSA) treated with combined Orthodontic and Orthognathic Surgery. A Case Report</i> | Naadira Jamaluddin | <i>Case Study</i> | - |
| 3. | <i>Assessing the Validity of the Socio-Dental Model to assess Orthodontic Treatment Need for the Malaysian Adolescent.</i> | Dr M.Zambri M.Makhbul | NMRR-16- 896-30028 | 13/7/16 |
| 4. | <i>The Effectiveness of the Forsus Fatigue Resistance Device versus the Twin Block Appliance in Treating Class 2 Division 1 Malocclusion: A Multi Centre Randomised Controlled Trial</i> | Dr Prethiba | | |
| 5. | <i>Impact of Orthodontic Treatment on the Oral Health Related Quality of Life of Adolescents</i> | Dr M.Zambri M.Makhbul | NMRR-16- 866-30029 | 6/6/16 |
| KEPAKARAN MAXILLOFACIAL (2) | | | | |
| 1. | <i>Incidence of Distal Cervical Caries in Mandibular Second Molar Due to Impacted Third Molar: A Case-Control Study</i> | Dr Shobina Sivanganam | NMRR-18- 3171-42704 | - |
| 2. | <i>Evaluating Peri-operative Effect of Music Listening on Anxiety Level in Patient Undergoing Surgical Removal of Impacted Lower Third Molar Under Local Anaesthesia</i> | Dr Kamal | NMRR-18- 769-39884 | - |

Jadual 6.15: Pemantauan Pembentangan Oral / Poster di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2019

| <i>NO</i> | <i>Study Title</i> | <i>Oral/ poster</i> | <i>PI</i> | <i>Event</i> |
|-----------|---|-------------------------|-----------------|--|
| 1 | <i>Psychological Profile and Oral Health Related Quality of Life (OHRQoL) among Chronic Periodontitis Patients in UKM</i> | Poster | Dr Farah Wahida | <i>Oral Health Research Conference 2019</i> |
| 2 | <i>The Happiness Level in Work / Life of Dental Staff in Oral Health Division Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya</i> | Oral | Dr Lydia Mason | |
| 3 | <i>Management of Class II Division I Malocclusion using Twin Block Functional Appliance: A Case Report</i> | Oral | Dr Tan Xi Ni | |
| 4 | <i>Management of Discoloured Non-Vital Anterior Tooth, Post Trauma: A Case Report</i> | Oral | Dr Yim Kah Yian | |
| 5 | <i>Obstructive Sleep Apnea (OSA) Treated with Combined Orthodontic and Orthognathic Surgery: A Case Report</i> | Poster | Dr Naadira | |
| 6 | <i>An Option to Restore Vertical Dimension with Overdenture: A Case Report</i> | Poster | Dr Hazwani | |
| 7 | <i>Open Hollow Obturator For Hemimaxillectomy Patient : A case report</i> | Oral | Dr Yim Kah Yian | <i>4th JKWPKL&P Research Day And 2nd Hrc Research Day 2019</i> |

Jadual 6.16: Pemantauan Penerbitan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2019

| NO | Study Title | Author(S) | Journal Name | Peer Reviewed Y/N |
|----|--|------------------------------|---|-------------------|
| 1 | <i>Re-audit of the Quality of Lateral Cephalometric Radiographs for Orthodontic Treatment</i> | Nina Baizura, Makhbul, M.Z.M | <i>Technical Report 2018</i> | Y |
| 2 | <i>Improving Education of Tooth Brushing Training among School Children</i> | Siti Zuriana MZ | <i>Sustainable Oral Health Through Innovative Solutions</i> | N |
| 3 | Jangan Abaikan Penjagaan Gigi Susu Si Kecil | Siti Zuriana MZ | Majalah InTrend | N |
| 4 | <i>Dental Icon: The Proud Volunteers in Oral Health Programme FT of Kuala Lumpur & Putrajaya</i> | Siti Zuriana MZ | <i>Compendium of abstracts 2018</i> | N |
| 5 | <i>Dedicated Team in Dental: An Example of the Esteemed Community Services among Dental Staff in Promoting Oral Health Care in FT Kuala Lumpur & Putrajaya</i> | Siti Zuriana MZ | <i>Compendium of abstracts 2018</i> | N |
| 6 | <i>Dedicated Team in Oral Health Promotion Activities – Why Do We Need Them</i> | Siti Zuriana MZ | <i>Compendium of abstracts 2018</i> | N |
| 7 | <i>Correction of Class II Malocclusion in Adolescent Patient with Forsus Fatigue Resistant Device</i> | Mohd Zambri MM | <i>Compendium of abstracts 2018</i> | N |
| 8 | <i>Vertical Play of Straight Wire Appliance Aids Correction of Gummy Smile and Bimaxillary Incisor Proclination with Mini Implant Anchorage</i> | Mohd Zambri MM | <i>Compendium of abstracts 2018</i> | N |
| 9 | <i>Obstructive Sleep Apnea (OSA) Treated With Combine Orthodontic and Orthognatic Surgery: A Case Report</i> | Mohd Zambri MM | <i>Compendium of abstracts 2018</i> | N |

6.3.3 Trending / Status

Jadual 6.17: WPKL/Putrajaya - Status Projek HSR Tahun 2015 - 2019

| No | Indikator | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|----|--|------|------|------|------|------|
| 1 | Number of active research projects per year (New/ On-going/ Completed) | 13 | 14 | 10 | 14 | 17 |
| 2 | Presentation Oral/Poster | 2 | 3 | 3 | 16 | 7 |
| 3 | Publication | 0 | 1 | 3 | 3 | 9 |

Jadual 6.18: Status Projek HSR Tahun 2019

| No | Indikator | Target | | Tanggungjawab |
|----|---|------------|--------|------------------------|
| | | KEBANGSAAN | NEGERI | |
| 1 | Number of active research projects per year | 3 | 17 | HSR Advisory Committee |
| 2 | Presentation Oral/Poster | 3 | 7 | HSR Advisory Committee |
| 3 | Publication | 1 | 9 | HSR Advisory Committee |

Jadual 6.19: Penunjuk Prestasi utama (KPI) HSR Tahun 2019

| No | Indikator | Standard | Pencapaian 2017-2019 | | | SIQ (Y/T) |
|----|---|----------|----------------------|----|--------|-----------|
| 1 | Peratus Kajian (Kajian Penyelidikan/ Kualiti/ ISR) yang Dihasilkan Dalam Tempoh Dua (2) Tahun (2017-2018) | ≥ 80% | Nominator | 17 | 283.3% | Tidak |
| | | | Denominator | 6 | | |

6.3.4 Penemuan

1. Peratus kajian yang telah dihasilkan dalam tempoh dua (2) tahun (2017-2018) adalah melebihi *standard* yang ditetapkan dengan 17/6 kajian (283.3%).
2. Bilangan kajian yang aktif pada tahun 2019 adalah sebanyak tujuh belas (17) meningkat berbanding tahun 2018 dengan empat belas (14) kajian sahaja.
3. Sembilan (9) penerbitan telah diterbitkan di bawah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan dari tahun 2018.
4. Walaubagaimanapun, pembentangan oral/poster pada tahun 2019 menurun kepada tujuh (7) pembentangan berbanding tahun 2018 sebanyak enam belas (16) pembentangan. Ini kerana pada tahun 2018, BKP JKWPKL&P telah menganjurkan Hari Kaji Selidik peringkat BKP JKWPKL&P dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga pergigian.

6.3.5 Kelemahan

Warga pergigian kurang mengambil bahagian dalam pembentangan. Hal ini adalah kerana kurang keyakinan diri untuk menjalankan kaji selidik dikalangan warga pergigian.

6.3.5 Cadangan Penambahbaikan/Pembetulan

1. Memperuntukan perbelanjaan untuk penyelidikan bagi menggalakkan penglibatan di kalangan warga pergigian.
2. Melibatkan anggota dari semua gred/kategori bagi pelaksanaan Kaji Selidik NOHSA 2020 sebagai salah satu galakan bagi penyertaan dalam penyelidikan dikalangan Pegawai dan anggota sokongan 1.
3. Berkolaborasi dengan *CRC* bagi mengikuti kursus anjuran pusat itu seperti berikut:
 - a) *Writing proposal*
 - b) *NMRR Registration*
 - c) *Questionnaire validation*
 - d) *GCP*
 - e) *Basic SPSS/Intermediate SPSS/Advance SPSS*
 - f) *Publication workshop*
 - g) *Effective Oral and Poster Presentation Workshop*

6.3.6 Kesimpulan

Saranan yang diterima daripada Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia adalah memperbanyakkan penyelidikan berkaitan dengan kesihatan pergigian orang asli dan aktiviti promosi kesihatan pergigian. Sehubungan itu, Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya sentiasa berusaha menggalakkan serta meningkatkan kesedaran warga pergigian terhadap kepentingan menjalankan kaji selidik. Hasil kaji selidik bukan sahaja bertujuan untuk diterbitkan tetapi yang paling utama adalah untuk menambahbaik perkhidmatan kesihatan pergigian.

6.4 KEPAKARAN KESIHATAN PERGIGIAN

6.4.1 Perkhidmatan Kepekaran Bedah Mulut Dan Maksilofasial


Klinik Pakar Bedah Mulut yang terletak di Aras G Hospital Putrajaya mula beroperasi pada 1 September 2001, namun masa itu komponen pergigian tidak terdapat di dalam sistem THIS (*Total Hospital Information System*). Pakar Pergigian Bedah Mulut telah ditempatkan untuk membangun dan melengkapkan klinik dan Sistem HIS Pergigian. *Trial run* sistem telah dibuat pada tahun 2002 dan mula menerima pesakit sepenuhnya. Bedah Mulut merupakan salah satu perkhidmatan kepekaran dalam Perkhidmatan Kesihatan Pergigian. Jabatan Bedah Mulut Hospital Putrajaya yang beroperasi sebagai *hospital-based clinic* merupakan pusat rujukan kes trauma dan bukan trauma yang melibatkan bahagian maksilofasial dan mulut.

Jadual 6.19: Senarai Nama Pakar Pergigian Bedah Mulut dan Maksilofasial (*OMFS*) Tahun 2019

| BIL | NAMA | JAWATAN | GREED |
|-----|-------------------------|---|-------|
| 1 | Dr Norhayati binti Omar | Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial & Ketua Jabatan Klinik Bedah Mulut | UG56 |
| 2 | Dr Fadzira Binti Maarof | Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial | UG56 |

Objektif Jabatan

1. Memberikan rawatan pencegahan, kecemasan dan definitif dan pemulihan kepada pesakit yang memerlukan agar mencapai taraf kesihatan yang memuaskan untuk menjalankan kehidupan seharian.
2. Menyediakan latihan dalam bidang kepekaran pembedahan pergigian kepada pegawai pergigian, paramedik dan lain-lain anggota.
3. Menggalakkan perkongsian ilmu melalui penyelidikan dan pembelajaran berterusan.



Rajah 6.4 : Kedatangan Pesakit Dalam & Luar ke Klinik Bedah Mulut Tahun 2015 hingga 2019

Kedatangan pesakit luar dan dalam ke Klinik Bedah Mulut pada tahun 2019 ada sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 23% bagi pesakit dalam dan 1% bagi pesakit luar.

Jadual 6.20: Taburan Kedatangan ke Klinik Pakar Bedah Mulut Mengikut Umur Tahun 2015 hingga 2019

| UMUR (TAHUN) | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|--------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| 0-1 | 55 | 96 | 99 | 125 | 177 |
| 1-4 | 104 | 109 | 180 | 214 | 227 |
| 5-6 | 79 | 52 | 77 | 108 | 80 |
| 7-12 | 101 | 97 | 129 | 193 | 207 |
| 13-17 | 205 | 254 | 285 | 233 | 269 |
| 18-29 | 1755 | 1971 | 2253 | 2101 | 2003 |
| 30-59 | 2326 | 2589 | 3034 | 3039 | 2878 |
| 60 keatas | 504 | 443 | 552 | 572 | 575 |
| Jumlah | 5129 | 5611 | 6609 | 6585 | 6416 |


Kumpulan pesakit berusia dalam lingkungan 30 sehingga 59 tahun adalah yang terbanyak dirawat di Klinik Pakar Bedah Mulut Hospital Putrajaya.

Jadual 6.21: Bilangan Prosedur / Ujian (Tertinggi) Bagi Tahun 2015 hingga 2019

| BIL | PROSEDUR / UJIAN | PENCAPAIAN | | | | |
|-----|--|------------|------|------|------|------|
| | | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| 1 | Pembedahan <i>Dentoalveolar/ MOS</i> | 711 | 664 | 901 | 824 | 897 |
| 2 | Trauma | | | | | |
| | i. Rawatan kecederaan tulang | 127 | 146 | 103 | 89 | 114 |
| | ii. Rawatan kecederaan tisu lembut & rawatan kecederaan gigi | 122 | 150 | 517 | 602 | 601 |
| 3 | Restoratif / Preventif | 659 | 593 | 571 | 611 | 1110 |
| 4 | Pengambilan Radiograf Luar Mulut (<i>Conebeam</i>) | 1078 | 1223 | 1413 | 1357 | 1297 |

Jadual 6.21 menunjukkan peningkatan yang ketara bagi prosedur preventif dan restoratif iaitu sebanyak empat puluh lima (45). Manakala tidak banyak perbezaan bagi rawatan trauma dan kecederaan tisu lembut. Prosedur Pengambilan Radiograf Luar Mulut pula menurun sebanyak 4.4%.

Rawatan Pembedahan Dengan Pembiusan Am 2015-2019



Rajah 6.5: Bilangan Rawatan Pembedahan Dengan Pembiusan Am Tahun 2015 hingga 2019

Rajah 6.5 menunjukkan pada tahun 2019 jumlah rawatan dengan pembiusan am menurun sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya. Jadual rawatan pembedahan dengan pembiusan am dilakukan setiap hari Selasa dan hari Sabtu minggu ke empat (4) setiap bulan. Ada juga ada kes kecemasan yang memerlukan rawatan dibuat dengan segera, tanpa mengikut jadual yang ditetapkan.

Aktiviti

Jadual 6.22: Aktiviti Jabatan Bedah Mulut Januari hingga Disember 2019

| TARIKH | AKTIVITI & RINGKASAN |
|---------------------------|---|
| Januari- Disember 2018 | Mesyuarat Jabatan - Sebanyak 4 kali mesyuarat jabatan diadakan |
| Januari- Disember 2019 | <i>Attachment</i> Pegawai Lantikan kontrak UG 41 4 orang Pegawai Pergigian Lantikan Kontrak UG 41 menjalani <i>attachment</i> di Jabatan Bedah Mulut bagi kepakaran <i>Oral & Maxillofacial</i> |
| Januari- Disember 2019 | ' <i>BUWAT</i> ' (<i>Buying Waiting Time</i>) Pihak jabatan menyokong program <i>BUWAT</i> yang telah dikelola oleh Unit Pendidikan |
| Januari- Disember 2019 | <ul style="list-style-type: none"> • Kursus /Bengkel/ Konferen - Sebanyak 212 kursus, seminar, bengkel, konferen, dihadiri oleh setiap kategori anggota sepanjang tahun 2019 • CDE - 12 topic CDE diadakan, semua anggota Jabatan Bedah Mulut dari setiap kategori terlibat |
| 24 April 2019 | Kursus Anjuran Jabatan Bedah Mulut 1. ' <i>Basic Suturing Workshop</i> ' <ul style="list-style-type: none"> ➤ Peserta: 25 orang (Pegawai Pergigian) ➤ Tempat : Bilik Mesyuarat klinik Bedah Mulut Hospital Putrajaya |
| 7 Okt 2019 | 2. ' <i>The Motivation Days</i> ' <ul style="list-style-type: none"> ➤ Peserta: 28 orang semua anggota klinik Pakar Bedah Mulut |

| | |
|-------------------|--|
| 8 Okt 2019 | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tempat : Bilik Seminar Hospital Putrajaya <p>3. 'Clinical Skill'</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Peserta: 25 orang (Pegawai Pergigian) ➤ Tempat : Bilik Seminar Hospital Putrajaya |
| 29/4/2019 | Majlis Persaraan Pem.Pemb.Pergigian Pn. Adminah Binti Ahmad Shapai di <i>Palm Garden</i> |
| 19/7/2019 | Hari Keluarga Pergigian Zon Putrajaya |
| 3/9/2019 | Perhimpunan Bulanan Hospital Putrajaya - Jabatan Bedah Mulut menjadi hos |
| 24/11/2019 | Acara Tahunan - Pertandingan Bowling antara Jabatan Bedah Mulut Lembah Klang |

Cabaran Dan Tindakan Penambahbaikan

| CABARAN | TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN |
|--|---|
| Ruang di Klinik Pakar Bedah Mulut adalah kecil berbanding dengan bilangan anggota yang semakin bertambah. Pergerakan anggota terbatas dengan keadaan ruang yang agak kecil dan boleh mengundang kepada risiko kemalangan. | Info mengenai ergonomik disampaikan dari masa ke semasa. Kursus-kursus berkaitan juga dirancang dan digalakkan bagi semua anggota untuk hadir bagi mengelakkan kemalangan di kawasan bertugas. |
| Pertambahan sebanyak 15% kedatangan pesakit baru dan ulangan berbanding dengan tahun sebelumnya, menyebabkan tempoh menunggu untuk temujanji rawatan akan lebih lama. | Bagi melancarkan perkhidmatan kepada pesakit, semua bilik operasi adalah diwartakan sebagai bilik gunasama pada keadaan-keadaan tertentu terutamanya waktu kecemasan. Pengkhususan bilik kepada individu yang menjaga dan pegawai yang bertugas adalah mengikut jadual tugas yang telah dibuat. |

Menjalinkan hubungan yang rapat dengan pihak kesihatan perubatan, farmasi dan lain-lain unit di hospital.

Memperkembangkan sistem komunikasi dalaman terutamanya dikalangan anggota dan juga komunikasi luaran dengan klinik-klinik pergigian berhampiran bagi melancarkan perjalanan perkhidmatan, terutamanya apabila terdapat kekangan anggota bertugas.

6.4.2 Perkhidmatan Kepakaran Ortodontik

Ortodontik adalah salah satu bidang pergigian yang menitikberatkan pertumbuhan muka, perkembangan gigi dan oklusi serta diagnosis, rawatan pintasan dan rawatan maloklusi. Di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL & P), terdapat sembilan (9) Pakar Ortodontik di lima (5) buah klinik yang menawarkan rawatan Ortodontik kepada pesakit yang meliputi Kuala Lumpur, Putrajaya dan sebahagian kawasan di Selangor.

Aktiviti utama (skop) perkhidmatan kepakaran Ortodontik adalah memberi perkhidmatan perundingan kepada pesakit yang dirujuk ke Unit Ortodontik dan memberi rawatan kepada yang memerlukan. Oleh kerana permintaan untuk rawatan Ortodontik yang tinggi, hanya pesakit yang mempunyai "*Index of Orthodontic Need*" (Keperluan Rawatan Ortodontik) (IOTN) yang tinggi iaitu IOTN 4 dan 5 diterima untuk menjalani rawatan.

Keutamaan diberikan kepada pesakit yang memerlukan rawatan pintasan, modifikasi kepada tumbesaran tulang rahang dan kes-kes kecederaan kepada pergigian (*dental trauma*). Pesakit lain akan dimasukkan ke dalam senarai menunggu. Selain itu, rujukan kes rawatan aktif juga diterima dari seluruh negara ke Unit Ortodontik dibawah JKWPKL & P kerana kebanyakan pesakit Ortodontik merupakan penuntut di Universiti / Kolej di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Selain dari tugas klinikal, Pakar Ortodontik juga perlu menganjurkan latihan / kursus, menjalankan penyelidikan dan melakukan tugas-tugas pentadbiran.

Jadual 6.23: Senarai Nama Pakar Pergiian Ortodontik JWPKL & P Tahun 2019

| BIL | NAMA | JAWATAN | GRED | TEMPAT BERTUGAS |
|------------|--|--|-------------|------------------------|
| 1 | Dr Hjh Rashidah bt Dato' Hj Burhanudin | Ketua Kepakaran & Pakar Perunding Kanan Ortodontik | Jusa A | KP Cahaya Suria |
| 2 | Dr Ruslan bin Dato' Sulaiman | Pakar Perunding Ortodontik | Jusa B | KP Presint 18 |
| 3 | Dr Maria Jirom Gere (telah bersara pada 22 April 2019) | Pakar Perunding Ortodontik | Jusa C | KP Bangsar |
| 4 | Dr Prethiba A/P Yugaraj | Ketua Kepakaran Ortodontik JKWPKL & P | UG54 | KP Bangsar |
| 5 | Dr Nina Baizura bt Abdul Aziz | Pakar Ortodontik | UG54 | KP Cahaya Suria |
| 6 | Dr Nora Rizka bt Mohamad | Pakar Ortodontik | UG54 | KP Setapak |
| 7 | Dr Emy Haniza Zuriani bt Mamat Ariffin | Pakar Ortodontik | UG54 | KP Setapak |
| 8 | Dr Mohd Zambri bin Mohamed Makhbul | Pakar Ortodontik | UG54 | KP Cahaya Suria |
| 9 | Dr Lyddia bt Saffai | Pakar Ortodontik | UG54 | KP Bangsar |
| 10 | Dr Wan Salbiah bt Wan Abdul Razak (berpindah dari Raub, Pahang pada 9 September 2019) | Pakar Ortodontik | UG54 | KP Kuala Lumpur |

Objektif


1. Memberi rawatan Ortodontik yang komprehensif dengan cekap dan berkesan kepada pesakit yang dirujuk dan didapati memerlukan rawatan Ortodontik.
2. Keutamaan rawatan diberikan kepada pelajar sekolah yang berumur 18 tahun ke bawah atau pesakit yang didapati memerlukan rawatan pelbagai disiplin.

Statistik

Jadual 6.24 : Senarai Menunggu Rawatan Ortodontik Mengikut Unit Ortodontik Sehingga Tahun 2019

| UNIT ORTODONTIK | BILANGAN PAKAR | SENARAI MENUNGGU | |
|-------------------------|----------------|------------------|------|
| | | 2018 | 2019 |
| KP Cahaya Suria | 3 | 366 | 352 |
| KP Bangsar | 2 | 574 | 524 |
| KP Dato' Keramat | 2 | 439 | 409 |
| KP Putrajaya Presint 18 | 1 | 224 | 405 |
| KP Kuala Lumpur | 1 | 30 | 0 |

peningkatan senarai menunggu Ortodontik di WPKL & P menunjukkan terdapat keperluan untuk penambahan sumber manusia.




Rajah 6.6 : Bilangan Pesakit Rujukan Tahun 2015-2019

Terdapat penurunan rujukan sebanyak 36% di KP Bangsar, 10% KP Dato' Keramat, 4% KP Presint 18 dan 2% KP Kuala Lumpur berbanding tahun 2018. Walaubagaimanapun, KP Cahaya Surya menunjukkan peningkatan sebanyak 17% berbanding tahun 2018.

Berkenaan dengan isu rujukan, strategi dan cadangan adalah:

1. Memberi penekanan kepada Pegawai Pergigian serta Jururawat Pergigian untuk mengenalpasti kes-kes yang memerlukan rawatan pemintasan dan rawatan modifikasi tumbesaran tulang rahang semasa membuat saringan pesakit di sekolah-sekolah.
2. Merujuk kes tersebut di atas bertepatan masa.




Rajah 6.7: Kedatangan pesakit ke Unit Ortodontik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2015-2019

Secara keseluruhan jumlah kedatangan pesakit telah bertambah sebanyak 3.5% dalam tahun 2019 (23564) berbanding dengan tahun 2018 (22762). Ini disebabkan pertambahan pesakit ulangan sebanyak 3.6% dan baru sebanyak 2.9%.

Jadual 6.25 : Kedatangan Pesakit Mengikut Umur Tahun 2014–2019

| KATEGORI PESAKIT | BILANGAN PESAKIT BARU | | | | | BILANGAN PESAKIT ULANGAN | | | | |
|------------------|-----------------------|------|------|------|------|--------------------------|-------|-------|-------|-------|
| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| <6 tahun | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 7-12 tahun | 213 | 265 | 275 | 257 | 257 | 434 | 447 | 400 | 498 | 501 |
| 13-17 tahun | 1660 | 1792 | 2106 | 1825 | 1747 | 4635 | 4703 | 4507 | 5149 | 4770 |
| 18-29 tahun | 2697 | 2760 | 3293 | 3096 | 3321 | 8614 | 8413 | 8852 | 11438 | 12461 |
| 30-59 tahun | 54 | 78 | 106 | 117 | 127 | 142 | 185 | 284 | 382 | 379 |
| >18 tahun | 2751 | 2838 | 3399 | 3213 | 3448 | 8756 | 8598 | 9136 | 11820 | 12840 |
| Jumlah | 4625 | 4895 | 5780 | 5295 | 5453 | 13826 | 13749 | 14043 | 17467 | 18111 |


Kebanyakan pesakit diterima semasa umur kurang daripada 18 tahun, mereka terpaksa menunggu 2-5 tahun untuk giliran memulakan rawatan aktif kerana senarai menunggu yang agak lama.



Rajah 6.8 : Bilangan Pesakit Mengikut Jenis Maloklusi Dalam Tahun 2015–2019

Mengikut jenis maloklusi, pesakit paling ramai adalah Class II Div 1 dan paling sedikit Class II Div 2. Jika bersesuaian, pesakit yang mempunyai maloklusi Class II boleh diberi rawatan modifikasi tumbesaran tulang rahang menggunakan aplians fungsi jika dirujuk bertepatan masa (*timely referral*), iaitu 10-12 tahun bagi kanak-kanak perempuan dan 12-14 tahun bagi kanak-kanak lelaki.

| a. Beban Perundingan 1 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|-------|------|------|------|------|------|------|-----|-----|-----|-----|-----|------|------|-----|-----|-----|-----|------|-----|-----|-----|-----|-----|------|----|-----|-----|-----|-----|--|
| <p>a. Beban kerja Perundingan 1</p> <table border="1"> <caption>Data for a. Beban kerja Perundingan 1</caption> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>KPCL</th> <th>KPPJ</th> <th>KPDK</th> <th>KPB</th> <th>KPCS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2016</td> <td>144</td> <td>454</td> <td>112</td> <td>112</td> <td>454</td> </tr> <tr> <td>2017</td> <td>372</td> <td>269</td> <td>212</td> <td>166</td> <td>166</td> </tr> <tr> <td>2018</td> <td>339</td> <td>263</td> <td>154</td> <td>284</td> <td>284</td> </tr> <tr> <td>2019</td> <td>98</td> <td>227</td> <td>98</td> <td>325</td> <td>325</td> </tr> </tbody> </table> | Tahun | KPCL | KPPJ | KPDK | KPB | KPCS | 2016 | 144 | 454 | 112 | 112 | 454 | 2017 | 372 | 269 | 212 | 166 | 166 | 2018 | 339 | 263 | 154 | 284 | 284 | 2019 | 98 | 227 | 98 | 325 | 325 | <p>Beban kerja Perundingan 1 meningkat 17% di KP Cahaya Suria, manakala untuk empat klinik lain, beban kerja perundingan 1 menurun.</p> |
| Tahun | KPCL | KPPJ | KPDK | KPB | KPCS | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2016 | 144 | 454 | 112 | 112 | 454 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2017 | 372 | 269 | 212 | 166 | 166 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2018 | 339 | 263 | 154 | 284 | 284 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2019 | 98 | 227 | 98 | 325 | 325 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| b. Beban Kerja Perundingan 2 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <p>b. Jumlah beban kerja Perundingan 2</p> <table border="1"> <caption>Data for b. Jumlah beban kerja Perundingan 2</caption> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>KPCL</th> <th>KPPJ</th> <th>KPDK</th> <th>KPB</th> <th>KPCS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2016</td> <td>222</td> <td>113</td> <td>116</td> <td>349</td> <td>349</td> </tr> <tr> <td>2017</td> <td>22</td> <td>248</td> <td>132</td> <td>279</td> <td>279</td> </tr> <tr> <td>2018</td> <td>210</td> <td>239</td> <td>166</td> <td>253</td> <td>253</td> </tr> <tr> <td>2019</td> <td>17</td> <td>118</td> <td>163</td> <td>315</td> <td>315</td> </tr> </tbody> </table> | Tahun | KPCL | KPPJ | KPDK | KPB | KPCS | 2016 | 222 | 113 | 116 | 349 | 349 | 2017 | 22 | 248 | 132 | 279 | 279 | 2018 | 210 | 239 | 166 | 253 | 253 | 2019 | 17 | 118 | 163 | 315 | 315 | <p>Beban kerja bagi Perundingan 2 meningkat di 1.8% di KP Bangsar dan 24% di KP Cahaya Suria. Beban kerja perundingan 2 didapati menurun 50% di KP Dato' Keramat, 17% di KP Presint 18 dan 22% di KP Kuala Lumpur.</p> |
| Tahun | KPCL | KPPJ | KPDK | KPB | KPCS | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2016 | 222 | 113 | 116 | 349 | 349 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2017 | 22 | 248 | 132 | 279 | 279 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2018 | 210 | 239 | 166 | 253 | 253 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2019 | 17 | 118 | 163 | 315 | 315 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| c. Beban Kerja Aplians Tetap | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <p>c. Beban kerja aplians tetap</p> <table border="1"> <caption>Data for c. Beban kerja aplians tetap</caption> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>KPCL</th> <th>KPPJ</th> <th>KPDK</th> <th>KPB</th> <th>KPCS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2016</td> <td>901</td> <td>133</td> <td>75</td> <td>419</td> <td>419</td> </tr> <tr> <td>2017</td> <td>1030</td> <td>226</td> <td>220</td> <td>104</td> <td>448</td> </tr> <tr> <td>2018</td> <td>313</td> <td>404</td> <td>154</td> <td>445</td> <td>445</td> </tr> <tr> <td>2019</td> <td>2</td> <td>243</td> <td>277</td> <td>471</td> <td>471</td> </tr> </tbody> </table> | Tahun | KPCL | KPPJ | KPDK | KPB | KPCS | 2016 | 901 | 133 | 75 | 419 | 419 | 2017 | 1030 | 226 | 220 | 104 | 448 | 2018 | 313 | 404 | 154 | 445 | 445 | 2019 | 2 | 243 | 277 | 471 | 471 | <p>Beban kerja aplians tetap meningkat di 2 unit ortodontik iaitu 5% di KPCS dan 79% di KPB, manakala menurun di KP P18 sebanyak 13% KPCL sebanyak 93% dan KPDK sebanyak 39%.</p> |
| Tahun | KPCL | KPPJ | KPDK | KPB | KPCS | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2016 | 901 | 133 | 75 | 419 | 419 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2017 | 1030 | 226 | 220 | 104 | 448 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2018 | 313 | 404 | 154 | 445 | 445 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2019 | 2 | 243 | 277 | 471 | 471 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| d. Beban Kerja Pesakit Tamat Rawatan Aktif | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |



Secara keseluruhan bilangan pesakit tamat rawatan aktif meningkat pada tahun 2019 berbanding 2018. Ini disebabkan peningkatan sebanyak 9% di KP Cahaya Suria, 24% di KP Bangsar, dan 87% di KP Putrajaya Presint 18. Di KP Kuala Lumpur didapati menurun kerana tiada kes yang tamat rawatan pada 2019.

Rajah 6.9 : Beban Kerja Pakar di Unit Ortodontik Tahun 2016 - 2019

Aktiviti

| AKTIVITI | | | | |
|----------|--|--|-----------------------------------|--|
| 1. | Kursus | | | |
| Bil | Nama Aktiviti | Tarikh & Tempat | Kumpulan Sasaran | Penyelaras |
| 1 | Kursus Peningkatan Perkhidmatan Ortodontik Bagi Pegawai Pergigian – Fasa I | Bilik Mesyuarat KP Cahaya Suria 17-18 Julai 2019 | Pegawai Pergigian Tahun Pertama | Dr Prethiba Yugaraj dan Dr Lyddia Saffai |
| 2 | Kursus Peningkatan Perkhidmatan Ortodontik Bagi Kumpulan Sokongan | Bilik Mesyuarat Biroatanegara, Jalan Belamy 21-22 Ogos 2019 | Kumpulan Sokongan Unit Ortodontik | Dr Nora Rizka dan Dr Emy Haniza |
| 3 | Sesi <i>combine clinic</i> | | | |
| | Memberi perkhidmatan perundingan dan perancangan rawatan kepada kes-kes kompleks yang dirujuk melalui sesi <i>Combine Clinic</i> seperti berikut : | a. Jabatan Bedah Mulut, Hospital Kuala Lumpur b. Jabatan Bedah Mulut, Hospital Selayang c. Jabatan Plastik & Rekonstruktif, Hospital Kuala Lumpur d. Jabatan Pergigian Pediatrik, Institut Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur | | |

| | | | |
|----|---|--|---|
| | | e. Unit Ortodontik / Periodontik / Restoratif, Klinik Pergigian Cahaya Suria | |
| 4 | Melatih Pegawai Pergigian "Attachment" | | |
| | Pegawai Pergigian berkenaan telah lulus sekurang-kurangnya <i>MFDS Part I</i> atau <i>MOrth Part 1</i> dan dalam proses memohon tempat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Ortodontik. | KP Cahaya Suria | Dr Naadira Jamaludin (PPUG48) Dr Tung Li Ying (PPUG44) Dr Tan Xin Yi (PPUG48) Dr Ashraf Adily bin Gazainy (PPUG44) |
| | | KP Presint 18 | Dr Leong Yoke Ling (PPUG44) Dr Suzanne Husun (PPUG48) Dr Nusaibah Mutmainah(PPUG48) |
| | | KP Dato' Keramat | Dr Nik Ruzanna |
| | | KP Bangsar | Dr Emira Syafina bte Abd Aziz |
| | | KP Kuala Lumpur | Tiada |
| 5 | Seminar Protokol Rujukan | | |
| | Dr Prethiba Yugaraj telah dijemput sebagai penceramah dalam Kursus Protokol Rujukan anjuran Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan WPKL dan Putrajaya pada 20 Ogos 2019 di Bilik Seminar Klinik Kesihatan Kuala Lumpur | | |
| 6. | Hari Kualiti dan Kaji Selidik anjuran Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan WPKL dan Putrajaya pada 24-25 April 2019 di Eastin Hotel KL | | |
| | Pegawai pergigian " <i>attachment</i> " dari Unit Ortodontik, Klinik Pergigian Cahaya Suria telah membentangkan poster mereka yang bertajuk <ul style="list-style-type: none"> • "<i>Obstructive Sleep Apnea treated with combined Orthodontic and Orthognatic Surgery. A Case Report</i>" oleh Dr Naadira Jamaluddin • "<i>Management of Class II Division 1 malocclusion using Twin Block Functional Appliance. A Case Report</i>" oleh Dr Tan Xin Yi | | |
| 7. | Penyertaan Pakar dalam rancangan forum dan sesi temubual | | |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Sesi bual bicara di TV 1 Program Selamat Pagi Malaysia. Inginkan Gigi tersusun- apakah risikonya? pada 4 Mac 2019 oleh Dr Mohd Zambri bin Mohamed Makhbul | | |

| | |
|---|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> • Temubual <i>Facebook Live</i> Anjuran Program Kesihatan Pergigian KKM. Inginkan gigi tersusun cantik? Apakah risikonya? pada 22 April 2019 oleh Dr Nina Baizura bt Abdul Aziz sebagai ahli panel • Forum Kesihatan Pergigian dan <i>Facebook Live</i> Dr Gigi.... Pastikan Yang Ori! sempena Minggu Promosi Kesihatan Pergigian di AEON Mall Setiawangsa pada 8 September 2019 melibatkan Dr Prethiba Yugaraj sebagai ahli panel. |
| 8 | <i>World Orthodontic Health Day</i> |
| | <i>World Orthodontic Health Day</i> telah disambut pada 15 April 2019 oleh semua Unit Ortodontik KP Bangsar, KP Cahaya Suria, KP Datuk Keramat dan KP Putrajaya. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pertandingan mewarna untuk murid murid tadika, pertandingan mencipta slogan dengan penyertaan daripada pesakit ortodontik, dan pameran maloklusi, alat rawatan ortodontik, alat penjagaan ortodontik dan <i>fake braces</i> . |
| 9 | Hari Promosi Pergigian JKWPKL & Putrajaya di AEON Mall, Setiawangsa pada 8 September 2019 |
| | Penyertaan dalam pameran dan booth unit ortodontik iaitu "Tanyalah Doktor Gigi Yang Ori" yang disertai oleh pegawai pergigian iaitu Dr.Emira Syafina dan Dr.Suzanne Husun. |



Cabaran Dan Tindakan Penambahbaikan

| CABARAN | TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN |
|---|--|
| Kekurangan Pegawai Pergigian tetap, Juruterapi Pergigian Pos Basik Ortodontik sepenuh masa dan Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP) serta senarai menunggu yang panjang melebihi tiga (3) tahun. | Memohon Pegawai Pergigian " <i>attachment</i> " tetap dan penambahan kakitangan sokongan. |
| Ketiadaan Juruteknologi (JT) Pergigian Pos Basik di semua Unit Ortodontik di WPKL dan Putrajaya. | Memohon agar lebih ramai Juruteknologi (JT) Pergigian Pos Basik Ortodontik agar masa menunggu untuk aplians dapat dipendekkan dan kualiti aplians ortodontik dapat ditingkatkan. |
| Kekurangan atau kerosakan " <i>dental chair</i> " di beberapa Unit Ortodontik. | Kerusi pergigian yang sering rosak telah dimohon untuk dilupus agar penggantian " <i>dental chair</i> " yang baru dapat dilaksanakan. |
| Kekurangan ruang untuk penyimpanan model kajian ortodontik untuk semua Unit Ortodontik. | Menaiktaraf ruangan pejabat dan surgery rawatan mengikut spesifikasi. |

6.4.3 Unit Kepakaran Pergigian Periodontik

Unit Kepakaran Periodontik WP Kuala Lumpur & Putrajaya terdiri daripada Unit Periodontik yang bertempat di empat(4) lokasi iaitu:

1. Unit Pakar Periodontik, Klinik Pergigian Cahaya : beroperasi sejak 1987
Suria (KPCS)
2. Unit Pakar Periodontik, Klinik Pergigian : beroperasi pada April 2013
Cheras(KPC)
3. Unit Pakar Periodontik, Klinik Pergigian Presint : beroperasi pada bulan Ogos
18(P18) Putrajaya 2015
4. Unit Pakar Periodontik, Klinik Pergigian Kuala Lumpur (KPKL) : memulakan beroperasi
pada Mei 2017

Ketua Kepakaran Periodontik Kebangsaan adalah Dr Norhani bt Abd. Rani, manakala Ketua Kepakaran Periodontik Negeri WP Kuala Lumpur & Putrajaya adalah Dr Izrawatie Mardiana bt Shapeen. Beliau telah ditukarkan daripada Klinik Pergigian Cheras ke KPCS berkuatkuasa 17.10.2019 tetapi ditangguhkan kepada 04.11.2019. Pada tarikh pertukaran dan penangguhan yang sama, Dr Poonitha a/p Gengatharan daripada KP Kuala Pilah bertukar masuk ke KP Cheras. Dr Uma a/p Subramniam daripada KP Cahaya Suria pula ke KP Kuala Pilah pada 04.11.2019. Terkini bilangan Pakar Periodontik di WPKL & P kekal tujuh orang.

Jadual 6.26: Senarai Nama Pakar Pergigian Periodontik WPKL & Putrajaya Tahun 2019

| BIL | NAMA | JAWATAN | GRED | TEMPAT BERTUGAS |
|-----|----------------------------------|--|-------------|------------------------------|
| 1. | Dr Norhani bt Abd Rani | Ketua Kepakaran Periodontik Kebangsaan | Gred Khas B | Unit Pakar Periodontik, KPCS |
| 2. | Dr Izrawatie Mardiana bt Shapeen | Ketua Kepakaran Periodontik Negeri | UG56 | Unit Pakar Periodontik, KPCS |
| 3. | Dr Izni Iwani bt Majid | Pakar Periodontik | UG54 | Unit Pakar Periodontik, KPCS |

| | | | | |
|----|---------------------------------------|-------------------|------|---|
| 4. | Dr Renukanth a/l P.Cheta Raman | Pakar Periodontik | UG56 | Unit Pakar Periodontik, KPKL |
| 5. | Dr Sharifah Maznah bt Wan Mohammed | Pakar Periodontik | UG56 | Unit Pakar Periodontik Presint 18 Putrajaya |
| 6. | Dr Ainul Haliza bt Ab Malek | Pakar Periodontik | UG54 | Unit Pakar Periodontik Presint 18 Putrajaya |
| 7. | Dr Poonitha a/p Gengatharan | Pakar Periodontik | UG54 | Unit Pakar Periodontik KP Cheras |

Objektif

1. Mencegah dan mengurangkan bebanan penyakit periodontium di kalangan rakyat.
2. Menggalakkan dan memperbaiki sistem penjagaan kesihatan periodontium.

Statistik




Rajah 6.10 : Jumlah Kedatangan Pesakit Ke Unit Periodontik WPKL & P Tahun 2015–2019

Infografik di atas menunjukkan kedatangan pesakit ke Unit Kepakaran Periodontik WPKL&P selama lima (5) tahun. Secara keseluruhannya, jumlah kedatangan pesakit semakin meningkat dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun terdapat penurunan kedatangan pesakit sebanyak 13.4% pada tahun 2017. Ini adalah disebabkan proses perpindahan KPCS ke bangunan UTC Pudu Sentral pada tahun tersebut. Tahun 2017 merupakan tahun di mana Unit Pakar Periodontik WPKL&P beroperasi sepenuhnya di

empat lokasi. Dapat diperhatikan pertambahan pesakit adalah sebanyak 40.3% dalam masa tiga(3) tahun (4597 orang pesakit pada tahun 2017 kepada 6447 orang pada tahun 2019). Berbanding tahun sebelumnya, 2019 mencatat kenaikan sebanyak 17%.

Jenis-jenis rawatan yang ditawarkan oleh Unit Kepakaran Periodontik adalah rawatan permulaan (non-surgikal) yang merangkumi perundingan, penskaleran dan pendebridmen subgingiva. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan di dalam ketiga-tiga prosedur perundingan, penskaleran dan pendebridmen subgingiva. Terdapat sedikit penurunan pada 2017 di dalam kategori kes perundingan dan penskaleran sebagaimana ditunjukkan dalam **Rajah 6.11**.




Rajah 6.11: Bilangan Kes Perundingan dan Penskaleran / Pendebridmen Subgingiva Tahun 2015–2019

Jadual 6.27 : Pembedahan Yang Dijalankan Bagi Tahun 2015–2019


| JENIS PEMBEDAHAN | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|--|------|------|------|------|------|
| Flap | 122 | 118 | 114 | 140 | 211 |
| Gingivektomi | 75 | 70 | 144 | 79 | 160 |
| Graft (tisu lembut & tisu keras) | 39 | 33 | 42 | 72 | 78 |
| Implan | 23 | 46 | 30 | 39 | 36 |
| Terapi Regenerasi | 17 | 25 | 16 | 52 | 56 |
| Frenektomi | 31 | 23 | 39 | 19 | 25 |
| Amputasi/Hemiseksi | 12 | 7 | 7 | 1 | 9 |
| Peninggian Korona | 6 | 12 | 18 | 18 | 48 |

Jadual 6.27 di atas menunjukkan taburan pembedahan yang dijalankan di Unit Kepakaran Periodontik WPKL&P. Pembedahan yang dilakukan di Unit Pakar Periodontik adalah mengikut indikasi kes, kesedaran dan persetujuan daripada pesakit itu sendiri.




Rajah 6.12 : Bilangan Kes Fasa Pengekalan dan Kes Selesai Tahun 2015–2019


Berdasarkan graf-graf di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat peningkatan bilangan pesakit dari tahun ke setahun sekaligus lebih banyak prosedur rawatan diberikan kepada pesakit. Ini menggambarkan beban kerja pakar periodontik semakin bertambah, dengan limitasi yang sedia ada. Graf 4a-c di bawah menunjukkan beban kerja pakar di setiap unit:



Rajah 6.13 : Beban Kerja Pakar Periodontik JKWPKL&P Tahun 2015 – 2019, mengikut unit : Kedatangan Pesakit



Rajah 6.14 : Beban Kerja Pakar Pakar Periodontik JKWPKL&P Tahun 2015 – 2019, mengikut unit : Kes Non-surgikal (Perundingan, Penskaleran Dan Pendebridmen Subgingiva)



Rajah 6.15: Beban Kerja Pakar Pakar Periodontik JKWPKL&P Tahun 2015 – 2019, mengikut unit : Kes Pembedahan (termasuk prosedur pembedahan lain-lain)

Aktiviti

| | TARIKH | AKTIVITI |
|--------------------|---------------------------------|--|
| Kursus/ Bengkel | 16 April 2019 &18 April 2019 | <i>Revisiting Periodontal Disease: Detection & Early Treatment</i> |
| | 21 Ogos 2019 | Kursus Pemantapan Periodontik untuk anggota Perio Wilayah. |
| | 1 Oktober 2019 | Kursus Pengurusan Periodontik: Document Review juga untuk anggota Perio. |
| CDE | | CDE telah dilakukan di peringkat unit. |
| Journal Club | 8 Mac 2019 | [PERIO]: <i>Systematic effects of periodontitis treatment in patientst with 2 types of diabetes, a 12month, single- center, investigator masked, randomized trial.</i> Dr Izni Iwani. |
| | 26 Julai 2019 | [DPH]: <i>Oral Cancer: Awareness and knowledge among dental patients in Riyadh.</i> Dr Azura Abdullah. |
| | 11 Oktober 2019 | [RESTO]: <i>Instrument separation analysis of multi-used protaper universal rotary system during root canal therapy.</i> Dr Intan Azimah. |
| | 12 Disember 2019 | [ORTHO]: <i>Forced eruption time for palatally impacted canine treated with and without ostectomy-decortication technique.</i> Dr Lydia Suffani. |
| Combined clinic | | Kes-kes multidisiplin yang melibatkan kepakaran <i>non-hospital based</i> : Periodontik, Ortodontik dan Restoratif – bertempat di KP Cahaya Suria. |
| | | Kes-kes multidisiplin yang turut melibatkan kepakaran di hospital: i. Melibatkan juga Restoratif, Ortodontik, dan Periodontik. ii. <i>Orthognathic</i> : melibatkan Kepakaran Bedah Mulut dan Maksilofasial (OMFS), Ortodontik, Restodontik dan Periodontik. Dijalankan di Hospital Putrajaya, Hospital Kajang, Hospital Serdang dan Hospital Ampang. iii. Peadiatrik: melibatkan Kepakaran Pergigian Peadiatrik, Restodontik, Ortodontik dan Periodontik. Dijalankan di Hospital Kajang, Hospital Ampang, Hospital Serdang, KP Ortodontik Sri Kembangan dan KP Ortodontik Sg Chua. |

| | | |
|--------------------------------|----------------------|--|
| Khidmat Masyarakat/ Pameran | 14 - 17 Oktober 2019 | Pameran Kesihatan Pergigian dan Pemeriksaan Pergigian semasa Sidang Dewan Rakyat di Parlimen Malaysia, dianjurkan oleh Zon Cheras di bawah Datin Dr Zaliza Zain. |
| | 8 Oktober 2019 | Ceramah kepada Guru Kelab Doktor Muda Sekolah WPKL&P di Auditorium, Institut Kanser Negara, Putrajaya. Tajuk: Kesihatan Gusi & Periodontium |
| | 24 September 2019 | Ceramah di Jabatan Perkhidmatan Awam Putrajaya di Dewan Mezzanine, Putrajaya. Tajuk: Kenali gusi untuk kesihatan anda |

Cabaran Dan Tindakan Penambahbaikan

| CABARAN | TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|
| Kekangan Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP) di Perio KP Cahaya Suria dan Perio KP Kuala Lumpur. Perio KP P18 juga tidak mempunyai Pembantu Perubatan Kesihatan (PPK) untuk tugas-tugas pembersihan dan pensterilan. | Memaklumkan kepada pihak pentadbir dan atasan untuk menambah bilangan pelatih PPP dan PPK memandangkan masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh kepakaran Periodontik, malah unit-unit lain juga. |
| Tiada pegawai pergigian <i>attachment</i> tetap di Periodontik Cheras | Membuka peluang kepada pegawai pergigian yang berminat untuk melakukan <i>attachment</i> di Unit Pakar Periodontik untuk perkembangan kerjaya mereka dan lebih ramai pesakit dapat dirawat. |
| Fasiliti yang terhad, sering rosak atau tidak berfungsi dengan baik seperti <i>dental chair, suction, scaler handpiece, dan RVG x-ray.</i> | Memajukan permohonan aset dan pembaikan kepada pihak atasan. |
| Sistem pengendalian pesakit <i>online</i> (OHCIS) untuk KP P18 lembap dan semakin teruk. | Memantapkan sistem pengendalian pesakit <i>online</i> (OHCIS) supaya lebih efisien. |
| Pertumbuhan kulat di bilik rawatan Periodontik KP Cahaya Suria (bangunan Pudu Sentral) pada dinding dan <i>partition.</i> | Cat telah dilakukan walaubagaimanapun kulat tumbuh kembali. Jangkitan kulat semakin teruk dan rawatan ke atas pesakit telah dihentikan bermula Disember 2019 sehingga keadaan bebas kulat. |

6.4.4 Unit Kepekaran Pergigian Restoratif

Jadual 6.26: Senarai Nama Pakar Pergigian Restoratif Tahun 2019


| BIL | NAMA | | JAWATAN | GRED | TEMPAT BERTUGAS |
|-----|-----------------------------|--|--|-------------|--------------------|
| 1 | Dr Rohani Mahmood | | Pakar Perunding Pergigian Restoratif | Gred Khas C | KP Putrajaya Pr.18 |
| 2 | Dr Aswani Che Ahmad | | Pakar Pergigian Restoratif | UG56 | KP Putrajaya Pr.18 |
| 3 | Dr Roshima Mohd Sharif | | Ketua Kepekaran dan Pakar Perunding Pergigian Restoratif | Gred Khas C | KP Cahaya Suria |
| 4 | Dr Ithnaniah Abdul Wahab | | Pakar Pergigian Restoratif | UG56 | KP Tanglin |
| 5 | Dr Intan Azimah Azman | | Pakar Pergigian Restoratif | UG54 | KP Jinjang |
| 6 | Dr Balkis Ghazali | | Pakar Pergigian Restoratif | UG56 | KP Cheras |
| 7 | Dr Kamarul Hisham Kamarudin | | Ketua Pakar Negeri dan Pakar Pergigian Restoratif | UG56 | KP Kuala Lumpur |

Objektif

Perkidmatan kepekaran pergigian restoratif merangkumi pencegahan, promosi, pemulihan dan rawatan yang bertujuan untuk mengembalikan semula fungsi oral dan estetik dengan cara penggantian dan rehabilitasi struktur gigi, oral dan maksilofasial. Secara spesifiknya, antara kes-kes yang dirawat adalah seperti:

- a) Prostodontik tetap dan boleh tanggal yang kompleks – konvensional dan/ atau implan pergigian
- b) Prostesis untuk maksilofasial
- c) Kecacatan kongenital / diperolehi (bahagian kepala dan leher) - seperti rekahan langit dan bibir
- d) Endodontik yang kompleks (mikroskopik) – konvensional dan pembedahan, termasuk kes ulangan.

Statistik



Rajah 6.16: Kedatangan Pesakit Baru dan Ulangan ke Klinik Pakar Restoratif Tahun 2014–2019

Jadual 6.27: Rawatan Endodontik, Korona dan Jambatan Yang Dijalankan dan Kes Selesai Tahun 2014–2019

| TAHUN | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|-------------|------|------|------|------|------|------|
| Endodontik | 563 | 478 | 514 | 439 | 599 | 555 |
| Korona | 345 | 364 | 418 | 314 | 401 | 369 |
| Jambatan | 191 | 222 | 488 | 196 | 171 | 183 |
| Kes Selesai | 624 | 598 | 918 | 825 | 990 | 834 |

Aktiviti

| TARIKH | AKTIVITI |
|----------------------|---|
| 12 Mac 2019 | Bengkel Pengenalan dan Kalibrasi <i>Restorative Dentistry Index of Treatment Need (RDITN)</i> |
| 3 & 4 April 2019 | Kursus Restodontik: <i>Tooth Preparation for A Crown: Let's Make it Sound and Safe</i> |
| 4 & 5 September 2019 | Kursus Pemantapan Kepakaran Pergigian Restoratif |

Cabaran Dan Tindakan Penambahbaikan

| CABARAN | TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN |
|---|--|
| Kekurangan Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP) yang semakin kronik. | Menambah pengambilan bilangan pelatih PPP dari semasa ke semasa bagi membekalkan sumber tenaga yang cukup dalam membantu melancarkan perkhidmatan. |
| Masalah kekurangan kerusi pergigian. Pakar memerlukan sekurang-kurangnya dua(2) kerusi pergigian bagi membenarkan pegawai <i>attachment</i> menjalankan rawatan serentak bersama pakar. | Menyediakan unit pergigian yang lengkap dan mencukupi untuk semua kepakaran dan pesakit luar. |
| Tiada Juruterapi Pergigian Pos Basik Kepakaran Pergigian Restoratif. Sumber tenaga ini diperlukan dalam membantu pakar memberi rawatan seharian, memantau kebersihan dan keberkesanan rawatan dalam fasa pengekalan. | Sudah tiba masanya mewujudkan JTP pos basik untuk Kepakaran Pergigian Restoratif. |
| Bilangan Juruteknologi Pergigian (JT) terutamanya di Klinik Pergigian Kuala Lumpur perlu ditambah. | Mewujudkan JT pos basik untuk gunasama Kepakaran Pergigian Restoratif di klinik-klinik. |

6.4.4 Unit Kepakaran Pergigian Keperluan Khas

Perkhidmatan Kepakaran Pergigian Keperluan Khas (SND) dalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bermula sejak tahun 2011. Kepakaran Pergigian Keperluan Khas dalam KKM melibatkan golongan berkeperluan khas yang berumur 16 tahun dan ke atas, yang mempunyai kesihatan mulut yang terjejas akibat daripada masalah kurang upaya atau masalah kesihatan yang memerlukan modifikasi rawatan. Di Kuala Lumpur, perkhidmatan ini boleh didapati di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Rehabilitasi Cheras. Perkhidmatan SND di Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) hanya menerima 'in-house referral' sahaja berpandukan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak hospital.

Hospital Rehabilitasi Cheras telah memulakan operasinya pada tahun 2012. Walaubagaimanapun, perkhidmatan SND di HRC hanya dimulakan pada tahun 2015 sebagai salah satu perkhidmatan sokongan klinikal. Secara umumnya, perkhidmatan SND dalam KKM hanya merawat pesakit yang berumur 16 tahun ke atas sahaja, namun di HRC, pesakit yang berumur kurang dari 16 tahun turut dirawat. Mulai 15 Ogos 2019, seorang Pakar Pergigian Keperluan Khas telah ditempatkan di HRC.

Kategori pesakit yang dirawat oleh Pakar Pergigian Keperluan Khas:

1. Ketidakupayaan intelektual atau pertumbuhan pada tahap sederhana atau teruk seperti *Down's Syndrome*, *Autism Spectrum Disorder*, *Intellectual Disability*.



2. Ketidakupayaan fizikal yang menghadkan pergerakan harian seperti *Cerebral Palsy*, lumpuh disebabkan trauma, strok, amputi.



3. Masalah perubatan kompleks contohnya masalah pendarahan, warga emas yang menghidap pelbagai penyakit dan polifarmasi, rawatan untuk individu yang telah menjalankan rawatan radioterapi di bahagian kepala dan leher.




4. Ketidakupayaan dari segi psikologi dan psikiatri yang memberi impak kepada kebersihan mulut contohnya *depression, acquired brain injury*.




Objektif

Memberikan perkhidmatan kesihatan mulut yang bersesuaian, tepat dan menyeluruh kepada pesakit-pesakit dewasa yang mempunyai kesihatan pergigian yang terjejas disebabkan oleh kelainan upaya dan masalah perubatan kompleks dan memerlukan modifikasi semasa menerima rawatan pergigian.

Statistik




Rajah 6.17 : Kedatangan Pesakit Baru dan Ulangan Tahun 2015-2019




Rajah 6.18 : Jumlah Kedatangan Pesakit

Kategori Pesakit Dirawat di HRC Tahun 2019



Rajah 6.19 : Kategori Pesakit Dirawat Di HRC Tahun 2019



Rajah 6.20 : Jumlah Pesakit Yang Memerlukan Pengendalian Perlakuan

Aktiviti

- a) Penganjuran Perhimpunan Bulanan HRC (kolaborasi dengan Jabatan Kerja Sosial Perubatan dan Unit Psikologi Kaunseling) pada 22 Februari 2019
- b) Terlibat dengan Program Kolaborasi Kesihatan Pergigian Bersama Badan Keagamaan di Klinik Kesihatan Cheras pada 16 Mei 2019
- c) Ceramah pergigian berkala di Wad 2C (Wad Kanak-Kanak) di HRC
- d) Terlibat dengan *Clinical Audit* dan *Journal Club Meeting* Kepakaran Pergigian Keperluan Khas, Julai 2019

Cabaran Dan Tindakan Penambaihan

| CABARAN | TINDAKAN PENAMBAIKAN |
|--|---|
| Kekurangan Pembantu Pembedahan Pergigian | Permohonan penambahan Pembantu Pembedahan Pergigian atau Pembantu Sambilan Harian |
| Fasiliti: <ul style="list-style-type: none"> • Ketiadaan mesin radiograf intaoral dan ekstraoral • Ketiadaan makmal pergigian dan Juruteknologi Pergigian • Kerosakan salah satu 'dental unit' | Permohonan aset termasuklah perabot samada secara pembelian atau sewaan |
| Ruang yang terhad untuk penyimpanan fail dan bahan pergigian | Mengoptimalkan penggunaan ruang yang ada sebaiknya |

6.5 PERKEMBANGAN PROFESSION KESIHATAN PERGIGIAN

6.5.1 Pengenalan

Merancang, melaksana, mengurus dan memantau Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian BKP JKWPKL & P dalam bentuk latihan dan mengkoordinasi hala tuju laluan kerjaya untuk memperkasakan anggota kesihatan pergigian yang berkebolehan dan berkompentensi seperti berikut:

1. Menyelia dan memantau pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan selaras Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSA) melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan kepada semua anggota pergigian.
2. Menyelia dan memantau penyediaan pelaporan dan pemantauan secara berkala.
3. Menyelia dan memantau perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan inisiatif perkembangan profesion Pegawai Pergigian.
4. Menyelia dan memantau penyelarasan pembangunan profesion Pegawai Pergigian dan Aukiliari Pergigian melalui latihan dan pembelajaran berterusan.
5. Menyelaraskan penempatan / *attachment* klinikal pelajar ijazah doktor pergigian, penempatan / *attachment* pelajar kesihatan awam pergigian dan menyelaraskan lawatan sambil belajar pelajar pergigian ke Klinik-Klinik Pergigian di WP Kuala Lumpur & Putrajaya.

6.5.2 Keputusan Data


Jadual 6.28: Latihan Dalam Perkhidmatan Bagi Tahun 2019

| PENCAPAIAN | TAHUN 2019 | | | |
|--|----------------------|--------------------------|---------------|---------------------------------|
| | 2017 | 2018 | SASARAN | PENCAPAIAN |
| 1. Memantau pencapaian latihan anggota | | | | |
| a) Kumpulan JUSA | 100% | 100% (N=6) | 100% (N=6) | 100% (N=5) |
| b) Kumpulan P & P | 98.08% | 98.14% (317/323) | N=323 | 100% (N=367) |
| c) Kumpulan Sokongan | 97.18% | 95.67% (597/624) | N=624 | 100% (N=636) |
| 2. Memantau status perbelanjaan latihan untuk dilapor semasa Mesyuarat Kewangan | | | | |
| a) Jumlah Peruntukan | RM48000 | RM26000 | RM26000 | RM94500 |
| b) Jumlah Perbelanjaan | RM47918 (97.15%) | RM25996 (RM4 ditarik) | 100% | RM94499.80 (RM 0.20 ditarik) |
| 3. Memastikan 100% anggota Pergigian telah menjalani latihan 3 hari setahun | 75.8% | 96.53% (920/953) | 100% | 100% |
| 4. Memastikan laporan perbelanjaan LDP dihantar ke Unit Latihan, JKWPKL dan Program Kesihatan Pergigian KKM pada 10 hb setiap bulan | 100% (12 laporan) | 100% (12 laporan) | 100% | 100% |

Jadual 6.29 : Mempertingkatkan Perkembangan Sumber Manusia Kesihatan Pergigian

| PENCAPAIAN | | | TAHUN 2019 |
|--|---------------------|------------------------|--|
| | 2017 | 2018 | PENCAPAIAN |
| 1. Pendidikan Pasca Ijazah Pergigian | | | |
| – CBBP dengan atau tanpa HLP dan CBTG | 5 | 4 | 3 |
| 2. Latihan Pasca Asas Pergigian (Pos Basik) | | | |
| – Juruteknologi dan Juruterapi Pergigian | 3 JP Periodontik | 1 JP Orthodontik | 2 JP Orthodontik 1 Pakar (Restoratif) |
| 3. Advanced Competency Programme (ACP) | | | |
| | - | 1 Pakar Periodontik | |

6.5.3 Trending / Status



Rajah 6.21 : WPKL/Putrajaya - Laporan Pencapaian Kehadiran Latihan Tahun 2015 – 2019

6.5.4 Penemuan

1. Didapati pencapaian latihan tujuh (7) hari dan ke atas pada tahun 2019 meningkat dari tahun 2015 hingga 2017.
2. 1008 anggota (100%) daripada semua gred/kumpulan telah menghadiri latihan tiga (3) hari dan ke atas, 955 (94.7%) anggota telah menghadiri latihan lima (5) hari ke atas dan 620 anggota (61.5%) telah menghadiri latihan tujuh (7) hari dan ke atas pada tahun 2019 seterusnya mencapai sasaran yang ditetapkan dimana anggota menjalani latihan sebanyak tiga (3) hari setahun.
3. Kelulusan permohonan bagi pendidikan pasca ijazah pergigian adalah berkurangan pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 manakala dua (2) orang Juruterapi Pergigian menerima tawaran untuk mengikuti kursus pos basik Ortodontik bertambah berbanding tahun 2018.
4. Pada tahun 2019, seorang Pakar Pergigian Restoratif telah ditawarkan kursus *Advanced Competency Programme (ACP)* seperti pada tahun 2018.

6.5.5 Kelemahan

1. Memastikan keberkesanan kursus yang dilaksanakan kepada anggota.
2. Laporan pencapaian mata CPD yang dihantar ke unit latihan dan reten HIMS adalah berbeza-beza
3. Peningkatan mendadak kemasukan Pegawai Pergigian Kontrak meningkatkan keperluan latihan
4. Penempatan dan fasiliti yang terhad bagi Pegawai Latihan Pasca Siswazah

6.5.6 Cadangan Penambahbaikan / Pembetulan

1. *Training Needs Analysis* di peringkat Klinik perlu diadakan dengan baik yang mana mengambil kira perkara berikut:
 - Permohonan kursus/latihan dari setiap anggota berdasarkan Pelan Operasi Latihan yang telah diluluskan
 - Menyediakan senarai semak kursus / latihan yang perlu dihadiri

2. Pemantauan di buat secara berkala dan berterusan sepanjang tahun dan penyediaan laporan pencapaian CPD perlu tepat dengan melantik pegawai yang khas menjaga latihan bagi setiap kategori.
3. Memberi CDE diperingkat klinik secara berkala.
4. Pembangunan Profesional Pakar Pergigian – memperkasakan latihan pasca siswazah dalam bidang Ortodontik dan Maksilofasial kerjasama dengan Universiti Malaya. 'Pilot study' di KP Cahaya Suria (Ortodontik) dan Selangor (Ortodontik dan Maksilofasial).

6.6 CAWANGAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK KESIHATAN PERGIGIAN

6.6.1 MS ISO 9001:2015

Pengenalan

MS ISO 9001:2015 merupakan *standard* terkini *International Organisation for Standardisation* (ISO) yang memperkenalkan 'Pemikiran Berdasarkan Risiko' dan 'Fokus terhadap Pelanggan' ke dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Skop SPK juga merangkumi konteks luaran dan dalaman serta keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan. Pada tahun 2019, 20 daripada 20 buah klinik pergigian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah berjaya disijilkan dengan MS ISO 9001:2015.



Jadual 6.30 : Sejarah Audit Pensijilan ISO 9001:2000 hingga 9001: 2015

| Bil | Tahun | Jenis Audit |
|-----|-------------------|--|
| 1 | 15-16 Dis 2004 | <i>Certification</i> (Pensijilan) Pejabat TPK(G) Dan KP Bangsar |
| 2 | 23-25 Nov 2005 | <i>Surveillance</i> (Pemantauan) <i>Extension of Scope & Multisite</i> |
| 3 | 18-19 Dis 2006 | <i>Surveillance 2</i> (Pemantauan) |
| 4 | 26-29 Nov 2007 | <i>Re-Certification</i> (Pensijilan Semula) |
| 5 | 11-12 Dis 2008 | <i>Surveillance</i> |
| 6 | 27-30 Okt 2009 | <i>Surveillance 2</i> (Pemantauan) <i>Extension of Scope: Restorative Services</i> |
| 7 | 6-8 Okt 2010 | <i>Re-Certification</i> (Pensijilan Semula) Versi 9001:2008 |
| 8 | 15-17 Nov 2011 | <i>Surveillance</i> (Pemantauan) |
| 9 | 20-22 Nov 2012 | <i>Surveillance 2</i> (Pemantauan) |
| 10 | 29-31 Okt 2013 | <i>Re-Certification</i> (Persijilan Semula) Versi 9001:2008 |
| 11 | 5-7 Nov 2014 | <i>Surveillance</i> (Pemantauan) |
| 12 | 3-4 Nov 2015 | <i>Surveillance 2</i> (Pemantauan) |
| 13 | 30 Nov-2 Dis 2016 | <i>Re-Certification</i> (Persijilan Semula) Versi 9001:2008 |
| 14 | 9-11 Okt 2017 | <i>Surveillance & Upgrading Version</i> MS ISO 9001:2015 |
| 15 | 24-26 Sept 2018 | <i>Surveillance 2 & Extension of Scope & Multisite: KP Pusanitapuri</i> |
| 16 | 23-25 Sept 2019 | <i>Recertification</i> (Pensijilan Semula) Versi 9001:2015 |

Jadual 6.31 :Senarai Fasiliti yang Mendapat Pensijilan MS ISO 9001:2015 Tahun 2019

| BIL | SENARAI FASILITI YANG MENDAPAT PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 TAHUN 2019 | | |
|-----|---|---|--|
| 1 | Pejabat TPK(G) | | |
| 2 | PKP Lembah Pantai | <ul style="list-style-type: none"> • KP Cahaya Suria • Unit Periodontik KP Cahaya Suria • Unit Ortodontik KP Cahaya Suria • Unit Restoratif KP Cahaya Suria • KP Bangsar | <ul style="list-style-type: none"> • KP Petaling Bahagia • KP Tanglin • Unit Restoratif KP Tanglin • KP UTC Pudu Sentral • Unit Ortodontik KP Bangsar |
| 3 | PKP Kepong | <ul style="list-style-type: none"> • KP Jinjang • Unit Restoratif KP Jinjang • KP Sentul • KP Mukim Batu • KP Mini UTC Sentul | |

| | | | |
|---|-----------------------|---|---|
| 4 | PKP Titiwangsa | <ul style="list-style-type: none"> • KP Dato' Keramat • Unit Ortodontik KP Dato' Keramat • KP Setapak | <ul style="list-style-type: none"> • KP Kg Pandan • KP PULAPOL • KP Kuala Lumpur |
| 5 | PKP Cheras | <ul style="list-style-type: none"> • KP Cheras • Unit Periodontik KP Cheras • Unit Restoratif KP Cheras | <ul style="list-style-type: none"> • KP Bandar Tun Razak • KP Cheras Baru |
| 6 | PKP Putrajaya | <ul style="list-style-type: none"> • KP Putrajaya Presint 18 • KP Putrajaya Presint 9 • KP Puspanitapuri • Unit Periodontik KP Putrajaya Presint 18 • Unit Ortodontik KP Putrajaya Presint 18 • Unit Restoratif KP Putrajaya Presint 18 | |

Cabaran Dan Tindakan Penambahbaikan

Cabaran yang dialami pada tahun 2019 adalah mengekalkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti mematuhi kehendak MS ISO 9001:2015 adalah seperti menentukan indikator keberkesanan isu-isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan halatuju strategik Bahagian Kesihatan Pergigian (BKP), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P).

Pengurusan atasan perlu menentukan indikator keberkesanan yang digunakan untuk menilai isu-isu luaran dan dalaman yang merangkumi isu positif atau negatif dari aspek kesihatan awam, perundangan, teknologi dan sosial, sama ada di dalam atau luar negara yang memberi kesan kepada pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti. Walaubagaimanapun, indikator keberkesanan telah dipersetujui tidak relevan kerana ianya diluar kuasa yuridiksi BKP JKWPKL&P. Isu-isu ini akan dipantau dan dikaji semula mengikut kesesuaian semasa mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan pengurusan atasan dan ketua-ketua unit.

Jadual 6.32 : Isu-isu Luaran BKP JKWLPKL&P

| ISU | PERKARA |
|---------------------|--|
| Politik | Perubahan dasar/polisi berdasarkan keadaan/arahan semasa |
| Ekonomi | Caj rawatan yang murah menyebabkan lambakan pesakit Tiada pertambahan peruntukan Harga pasaran bahan yang meningkat |
| Sosial | Pelanggan yang berpengetahuan Populasi warga emas yang semakin meningkat |
| Teknologi | Transformasi sistem manual kepada sistem komputer/ digital seperti Sistem Pengurusan Kewangan, Sistem Pengurusan Stor, Sistem Pengurusan Aset 'Dunia dihujung jari' pelanggan mudah mendapatkan maklumat dan memberi maklumbalas/ aduan |
| Persekitaran | Kedudukan klinik di rumah kedai Tempat 'parking' terhad Fasiliti yang terhad berbanding keperluan <i>Urban (high population density and infrastructure with built environment)</i> |
| Perundangan | Penggubalan/ pindaan/ perwujudan akta/pekeliling yang baru seperti <i>Dental Act 2018 (Act 804)</i> |

Jadual 6.33: Isu-isu Dalaman BKP JKWPKL&P

| ISU | PERKARA |
|-----------------------|--|
| Sumber Manusia | Sikap anggota Pertukaran keluar masuk anggota Nisbah pengisian per jawatan (PP /NDO/JP/PT/JT/PPP/PPK tidak berdasarkan pejawatan yang ada) |
| Infrastruktur | Status/keperluan peralatan/aset Infrastruktur yang usang Kadar pusingan bahan Kenderaan yang terhad Peralatan yang terhad berbanding keperluan |
| Beban Penyakit | Prevalens karies, penyakit gusi, kanser yang meningkat |

Jadual 6.34: Pelan Tindakan MS ISO 9001:2015 BKP JKWPKL&P

| PELUANG | PELAN TINDAKAN | INDIKATOR KEBERKESANAN |
|---|--|------------------------|
| <i>Dedicated Promotion Team</i> (DPT) yang memfokuskan perkhidmatan promosi dan pencegahan kepada pelanggan | Membangunkan DPT yang terdiri daripada Pegawai Pergigian (PP) dan Juruterapi Pergigian (JP) Melatih anggota secara teori dan amali Melaksanakan aktiviti DPT di satu zon sebagai kajian rintis Memperluas aktiviti DPT di semua zon Penilaian pencapaian dan keberkesanan aktiviti DPT | Reten PG PRO |
| Penetapan slot rawatan/ temujanji dimana pelanggan diberi pilihan masa untuk mendapatkan perkhidmatan. Pelanggan tidak perlu menunggu lama di klinik. | Mewujudkan sistem bagi pelanggan untuk menetapkan/mendapatkan perkhidmatan Pelanggan perlu mengisi <i>self-diagnostic preliminary tool</i> Melaksanakan projek rintis Mengiklankan perubahan cara mendapatkan perkhidmatan pergigian | - |
| Lawatan pergigian (<i>home-visit</i>) di rumah pengasuh berdaftar. Melakukan rawatan mudah/ pencegahan kepada toddler & <i>Anticipatory Guidance (AG)</i> kepada pengasuh | Mewujudkan pasukan bergerak Makluman kepada pelanggan yang berkehendak Melaksanakan projek rintis Perluasan di semua zon | - |
| <i>Full paying patient (FPP) services</i> . Meningkatkan kutipan hasil, sekaligus menambah peruntukan. | Cadangan FPP kepakaran pergigian kepada pihak atasan Makluman pilihan FPP kepada pelanggan | - |
| Memberi pilihan untuk <i>Out-source</i> perkhidmatan makmal bagi pembuatan dentur ke makmal swasta dengan kos yang ditanggung oleh pelanggan. | Penyediaan kertas kerja Pembentangan cadangan kepada pihak atasan. Melaksanakan projek rintis Perluasan di semua zon | - |

Pelan Risiko MS ISO 9001:2015 BKP JKWPKL&P

Penilaian Keberkesanan Pelan Risiko MS ISO 9001:2015 BKP JKWPKL&P telah dilaksanakan pada 7-8 Ogos 2019. Sebanyak 10 risiko yang telah dikenalpasti untuk digugurkan dan 33 risiko masih dikekalkan dan telah berkuatkuasa pada 1 September 2019.

Jadual 6.35: Pelan Risiko MS ISO 9001:2015 BKP JKWPKL&P

| BIL | RISIKO | SEBAB DIGUGURKAN |
|-----|---|---|
| 1. | Aduan berasas daripada pelanggan menunggu lama | Telah dimasukkan ke dalam risiko aduan |
| 2. | Pelanggan tidak mengikut tarikh dan masa temujanji yang telah diberikan yang menjelaskan masa menunggu pelanggan lain | Masa menunggu temujanji 30 minit tercapai |
| 3. | Pelanggan membawa pulang kad rawatan | Telah dimasukkan ke dalam risiko kad rawatan hilang |
| 4. | Pelanggan <i>allergic</i> terhadap ubat yang diberi | Diluar kawalan sekiranya sejarah perubatan telah diambil dengan lengkap. Jika risiko berlaku disebabkan tidak mengambil sejarah perubatan yang lengkap, risiko pelanggan <i>allergic</i> terhadap ubat yang diberikan dimasukkan sebagai tersalah rawatan |
| 5. | Filem/ imej X-ray tidak dapat dikesan | Dimasukkan ke dalam risiko dokumen pelanggan tidak dapat dikesan |
| 6. | Peralatan tidak dapat dibaiki dengan segera sehingga menjejaskan perkhidmatan (PERALATAN SELAIN PENYELENGGARAAN QMS) | Telah dimasukkan ke dalam risiko peralatan rosak |
| 7. | Kecacatan pada produk (contoh : <i>porosity, distort impression</i>) | Telah dipantau melalui Pelan Tindakan Dentur |
| 8. | Anggota terdedah kepada habuk & bahan kimia sehingga menyebabkan masalah kesihatan dan mendapat pengesahan doktor | Termasuk risiko <i>Occupational Hazard</i> |
| 9. | Pelanggan tidak mengimbas kad pendaftaran (fisicien) | Tiada kejadian sepanjang 3 tahun |
| 10. | Tersilap <i>Charting</i> | Akan dipantau semasa Audit Klinikal |

6.6.2 Audit Dalaman

Objektif

1. Memastikan aktiviti berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) versi terkini iaitu MS ISO 9001:2015 dipatuhi dengan keperluan yang telah ditetapkan selaras dengan perubahan versi ISO yang terkini.
2. Menilai keberkesanan SPK yang diimplementasi disemua unit di Bahagian Kesihatan Pergigian (BKP), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) dilaksanakan dengan berkesan.
3. Memastikan langkah penambahbaikan adalah berterusan.

Skop Audit Dalaman

1. Meliputi semua aktiviti pengurusan Program Kesihatan Pergigian dan Penyampaian Perkhidmatan dan melibatkan semua Pejabat Kesihatan Pergigian, Klinik Pergigian Primer dan Unit Kepakaran Pergigian dibawah JKWPKL&P termasuk Pejabat TPKN(G).
2. Skop audit berpandukan versi terkini MS ISO 9001:2015 dimana menggunakan 10 klausa baru

Pelaksanaan Audit

1. Audit Dalaman 2019 telah dijalankan selama 8 hari dalam tempoh 17 Jun 2019 sehingga 27 Jun 2019.
2. Pasukan Audit Dalaman 2018 terdiri daripada 38 orang Juruaudit Dalaman termasuk beberapa auditor yang baru dilantik .
3. Proses pengauditan telah dilaksanakan secara *cross-auditing* bagi memastikan penemuan yang diperolehi adalah telus.
4. Perancangan Audit Dalaman 2019 adalah mengikut Gantt Chart perancangan audit.

Jadual 6.36: Ringkasan Penemuan Audit Dalaman 2019

| BIL | ZON | ZON / KLINIK | STATUS PENEMUAN | |
|---------------|---------------|----------------------------|-----------------|-----------|
| | | | NCR | OFI |
| 1 | PEJABAT | Pejabat | 1 | 1 |
| JUMLAH | | | 1 | 1 |
| 2 | PUTRAJAYA | PKP Putrajaya | 1 | 1 |
| 3 | | KP P9 | 5 | 2 |
| 4 | | KP PUSPANITAPURI | 3 | 0 |
| 5 | | KP P18 | 5 | 2 |
| 6 | | Unit Ortodontik KP P18 | 1 | 0 |
| 7 | | Unit Periodontik KP P18 | 0 | 0 |
| 8 | | Unit Restoratif KP P18 | 2 | 0 |
| JUMLAH | | | 17 | 5 |
| 9 | LEMBAH PANTAI | PKP Lembah Pantai | 1 | 0 |
| 10 | | KP Cahaya Suria | 7 | 2 |
| 11 | | Unit Ortodontik KP CS | 0 | 1 |
| 12 | | Unit Periodontik KP CS | 1 | 0 |
| 13 | | Unit Restoratif KP CS | 1 | 0 |
| 14 | | KP UTC Pudu | 5 | 3 |
| 15 | | KP Bangsar | 7 | 4 |
| 16 | | Unit Ortodontik KP Bangsar | 1 | 0 |
| 17 | | KP Tanglin | 6 | 3 |
| 18 | | Unit Restoratif KP Tanglin | 0 | 0 |
| 19 | | KP Petaling Bahagia | 6 | 3 |
| JUMLAH | | | 32 | 14 |
| 20 | TITIWANGSA | PKP Titiwangsa | 2 | 1 |
| 21 | | KP Kuala Lumpur | 5 | 0 |
| 22 | | Unit Ortodontik KP KL | 0 | 0 |
| 23 | | Unit Periodontik KP KL | 1 | 0 |
| 24 | | Unit Restoratif KP KL | 2 | 0 |
| 25 | | KP Dato' Keramat | 5 | 2 |
| 26 | | KP Setapak | 6 | 3 |
| 27 | | Unit Ortodontik KP Setapak | 1 | 0 |
| 28 | | KP Kg Pandan | 4 | 0 |
| 29 | | KP PULAPOL | 7 | 0 |
| JUMLAH | | | 33 | 8 |
| 30 | CHERAS | PKP Cheras | 0 | 0 |
| 31 | | KP Cheras | 5 | 2 |
| 32 | | Unit Restoratif KP Cheras | 1 | 0 |
| 33 | | Unit Periodontik KP Cheras | 2 | 0 |
| 34 | | KP Cheras baru | 3 | 2 |

| | | | | |
|---------------------------|--------|----------------------------|------------|-----------|
| 35 | | KP Bandar Tun Razak | 4 | 2 |
| JUMLAH | | | 15 | 6 |
| 36 | KEPONG | PKP Kepong | 0 | 0 |
| 37 | | KP Jinjang | 4 | 3 |
| 38 | | Unit Restoratif KP Jinjang | 2 | 0 |
| 39 | | KP Sentul | 6 | 1 |
| 40 | | KP Batu | 6 | 1 |
| 41 | | KP Mini UTC Sentul | 2 | 2 |
| JUMLAH | | | 20 | 7 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 118 | 41 |


Pelaksanaan Audit Dalaman 2019

Lawatan pasukan audit Dalaman pada 2018 telah menemui sebanyak 118 minor NCR (*Non Conformity Report*) dan 41 OFI (*Opportunity For Improvement*) berbanding dengan penemuan audit 2017 iaitu sebanyak 141 minor NCR dan 58 OFI. Didapati terdapat sedikit penurunan kepada bilangan NCR dan OFI kerana pihak klinik semakin memahami tentang SPK yang dijalankan dan mematuhi dengan baik kebanyakan prosedur yang telah ditetapkan.

Jadual 6.37: Rumusan Penemuan Audit Dalaman Mengikut Klausu 2019

| KLAUSA | TAJUK | NCR | OFI | JUMLAH |
|---------|-----------------------------------|-----|-----|--------|
| 7 | SOKONGAN | | | |
| 7.1.5.2 | Sumber Pemantauan dan Pengukuran | 0 | 2 | 2 |
| 7.1.3 | Infrastruktur | 2 | 1 | 3 |
| 7.1.4 | Persekitaran untuk operasi proses | 11 | 3 | 14 |
| 7.1.6 | Pengetahuan dalam Organisasi | 0 | 6 | 5 |
| 7.2 | Kompeten | 0 | 2 | 2 |
| 7.3 | Kesedaran | 0 | 4 | 4 |
| 7.5.3 | Kawalan maklumat didokumenkan | 2 | 2 | 4 |
| 8 | OPERASI | | | |
| 8.1 | Perancangan dan kawalan operasi | 0 | 3 | 3 |
| 8.2.1 | Komunikasi Pelanggan | 0 | 3 | 3 |

| | | | | |
|---------------|--|------------|-----------|------------|
| 8.2.2 | Menentukan Keperluan yang berkaitan keatas Produk dan Perkhidmatan | 14 | 1 | 15 |
| 8.2.3 | Samakan terhadap Keperluan yang berkaitan keatas Produk dan Perkhidmatan | 25 | 3 | 28 |
| 8.2.4 | Perubahan Terhadap Keperluan untuk Produk dan Perkhidmatan | 2 | 2 | 4 |
| 8.4.1 | Kawalan proses, produk dan perkhidmatan yang dibekalkan dari luar | | 1 | 1 |
| 8.5.1 | Kawalan Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan | 37 | 3 | 40 |
| 8.5.2 | Identifikasi dan Kemudahkesanan | 6 | 4 | 10 |
| 8.5.4 | Pemeliharaan | 3 | 0 | 3 |
| 8.5.5 | Aktiviti Selepas Penghantaran | 3 | 0 | 3 |
| 8.6 | Pelepasan Produk dan Perkhidmatan | 2 | 0 | 2 |
| 8.7 | Kawalan Output Yang tidak Akur | 2 | 1 | 3 |
| 10 | PENAMBAHBAIKAN | | | |
| 10.2.1 | Ketidakakuran dan tindakan pembetulan | 9 | 0 | 9 |
| JUMLAH | | 118 | 41 | 159 |



Rajah 6.22: Analisis Penemuan Audit Dalaman 2019

Audit Susulan 2019

Audit susulan telah dilaksanakan bermula 4 Oktober 2019 sehingga 15 November 2019. Walaupun audit susulan tidak diwajibkan, tetapi ianya perlu dilaksanakan dimana auditee diberikan tempoh masa sekurang-kurangnya 3 bulan untuk memastikan tindakan pembetulan dan tindakan penambahbaikan yang diambil adalah berkesan dan tidak berulang.

Rumusan Audit Dalaman 2019

1. Peningkatan dalam penemuan audit untuk NCR dan OFI semasa audit dalaman dijalankan adalah disebabkan perubahan skop audit versi baru dan auditor semakin teliti semasa pengauditan dijalankan bagi memastikan MS ISO 9001:2015 versi terbaru dipatuhi.
2. Tindakan susulan masih lagi dilaksanakan bagi menilai keberkesanan tindakan pembetulan yang diambil dan dilaksanakan dalam tempoh 2 ke 3 bulan. Ini adalah untuk memastikan ketakakuran yang dikenal pasti tidak berulang di masa hadapan.
3. Ketua Unit bersama anggota perlu mengenalpasti punca pada setiap masalah dan penemuan bagi memastikan kelemahan dapat diatasi dan masalah yang sama berulang.
4. Akauntabiliti serta komitmen anggota perlu terus dipertingkatkan bagi memastikan kepatuhan terhadap prosedur yang telah ditetapkan dipraktikkan dengan sebaiknya.
5. Pengetahuan tentang Pelan risiko dan pelaksanaannya perlu dimantapkan lagi memandangkan masih kurang kefahaman terhadap kemungkinan risiko yang boleh berlaku di klinik masing-masing.
6. Pihak klinik juga perlu memastikan ketakakuran yang telah berlaku ditempat lain tidak berlaku dilokasi masing-masing dengan mengikuti panduan dan prosedur yang telah disediakan.

Cadangan Penambahbaikan

1. Latihan berterusan kepada semua anggota sebagai usaha untuk meningkatkan kemahiran dan komitmen terhadap tugas harian.
2. Kemahiran Juruaudit Dalaman juga perlu dipertingkatkan dari masa ke masa melalui latihan berterusan bagi memantapkan lagi kemahiran di dalam melaksanakan pengauditan dimasa akan datang.
3. Kesedaran tentang MS ISO 9001:2015 terhadap semua anggota perlu diteruskan bagi memastikan pemahaman yang berterusan terutama dikalangan anggota baru.

6.6.3 Quality Assurance Project (Qa)

Program Kepastian Kualiti (QAP) bagi perkhidmatan kesihatan pergigian diperkenalkan bagi mencapai, mengekalkan dan mempertingkatkan kualiti kesihatan pergigian secara berterusan dan seterusnya menjamin pencapaian yang optimum bagi pesakit, keluarga, dan masyarakat.

Jadual 6.38: Aktiviti *Quality Assurance* (QA) 2019

| BIL | QUALITY ASSURANCE | | ANUGERAH/ PENGHARGAAN YANG DIPEROLEHI (CONTOH: ANUGERAH KEWANGAN DLL.) |
|-----|---|----------|---|
| | BILANGAN KURSUS YANG TELAH DIANJURKAN | SASARAN | |
| 1 | Bengkel Basic QA 1st Cycle Peringkat JKWPKL&P (23-25 April 2019) di Hotel Avillion Legacy Melaka | 10 orang | Tiada |
| 2 | BENGKEL QA: FROM ZERO TO CHAMPION (SESI 1-2019) (23-25 April 2019) di Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH) | 1 orang | Tiada |
| 3 | BENGKEL QA 2ND CYCLE : PREPARING PROJECT REPORTS (21- 23 Oktober 2019) di International Youth Center | 11 orang | Tiada |

| | | | |
|---|--|----------|---|
| 4 | MINI KONVENSYEN QA KE-5 PERINGKAT NEGERI JKWPKL&P (20 Mac 2019) di Auditorium Hospital Rehabilitasi Cheras | 40 orang | Memenangi tempat kedua dan ketiga |
| 5 | KONVENSYEN QA KE - 10 PERINGKAT KEBANGSAAN 2019 (14-17 Oktober 2019) di Bukit Gambang Resort City | 10 orang | Tiada |

Jadual 6.39: Status Projek *Quality Assurance* (Qa) 2019

| BILANGAN PROJEK TAHUN 2018 YANG DIBAWA KE TAHUN 2019 | BILANGAN PROJEK DIHASILKAN/ DIMULAKAN PADA 2019 | BIL. PROJEK SELESAI SEHINGGA JAN - DIS 2019 | SELESAI, STATUS SEHINGGA DIS 2019 (DISAMBUNG ATAU DIGUGURKAN) |
|--|---|---|---|
| 4 projek | 6 projek | 2 projek | 2 projek gugur 6 projek sambung |

Jadual 6.40: Senarai Projek *Quality Assurance* (QA) 2019

| BIL | SENARAI PROJEK | KLINIK | TAHUN MULA PROJEK | STATUS |
|-----|---|-------------------|-------------------|---|
| 1 | <i>Increasing The Percentage Of Toddlers For Fluoride Varnish Review at KP Setapak</i> | KP Setapak | 2015 | GUGUR |
| 2 | <i>Improving Referral rates of Interceptive Orthodontic Cases</i> | KP Dato Keramat | 2013 | Selesai 2017 (Penulisan Laporan utk QA e-Bulletin) |
| 3 | <i>To Improve The Treatability Of Tooth By Root Canal Treatment among patient in KP Batu</i> | Zon Kepong | 2017 | SELESAI (Penilaian semula 2nd Cycle) |
| 4 | <i>To Improve Reporting Of Anterior Teeth Injury Cases Among Primary School Children In Lembah Pantai</i> | Zon Lembah Pantai | 2016 | SELESAI (Penilaian semula 2nd Cycle) |
| 5 | <i>To Increase The Percentage Of Patients Receiving Dentures Within 3 Months In Cheras Government Dental Clinic</i> | Zon Cheras | 2018 | GUGUR |

| | | | | |
|---|---|---------------|------|---|
| 6 | <i>To Reduce High Percentage Of Repeated Patients Come For Pre Orthodontic Assessment Visits In Putrajaya</i> | Zon Putrajaya | 2017 | SELESAI |
| 7 | <i>To increase percentage of attendance of toddlers for every review visit of fluoride varnish (FV) application at KP Putrajaya Presint 9</i> | Zon Putrajaya | 2016 | GUGUR |
| 8 | <i>To reduce percentage of post-extraction complication in dental clinic in Zon Kepong</i> | Zon Kepong | 2016 | GUGUR |
| 9 | <i>To reduce the percentage of inappropriate referrals of endodontic cases to Restorative Specialist Clinic</i> | Zon Kepong | 2015 | Selesai 2017 (Penulisan Laporan utk QA e-Bulletin) |

Jadual 6.41: Senarai Pembentangan Mini Konvensyen QA ke 5 JKWPKL&P 2019 dan Konvensyen QA Peringkat Kebangsaan 2019

| BIL | SENARAI PROJEK | KLINIK | STATUS MINI KONVENSYEN | STATUS KONVENSYEN QA PERINGKAT KEBANGSAAN |
|------------|--|---------------|--------------------------------|--|
| 1 | <i>To Increase the number of teeth treated with root canal treatment among patients in Klinik Pergigian Batu</i> | Zon Kepong | Oral (Memenangi Tempat ketiga) | Poster (Penyertaan) |
| 2 | <i>To Reduce Percentage of Repeated Patients come for pre-orthodontic assessment visits in Putrajaya</i> | Zon Putrajaya | Oral (Memenangi Tempat Kedua) | Poster (Penyertaan) |

Jadual 6.42 : Pelan Tindakan Projek *Quality Assurance (QA) 2020*

| BIL | ZON | TAJUK | PENYELIDIK UTAMA |
|-----|---------------|---|---|
| 1. | Kepong | To reduce Early Childhood Care prevalence among kindergarten children at Taska Matrade | Dr. Salwa binti Razali, Dr. Nur Amirah binti Ishak, Dr. Dheren, Dr. Ainnur Aisyah binti Lahmudin JP Thulasi Devi, JP Zafirah |
| 2. | Putrajaya | i) Smoke-free Life | Dr Lor Yen Fang, Dr Nurul Jannah bt Ariffin. Pn Ezzati bt Romli |
| | | ii) To increase the percentage of maintaining orally-fit status among secondary schoolchildren in SMK Presint 18(1) Putrajaya | Dr. Nur Haziqah Binti Junaidi Dr. Nur Akmalina Mahadzir Dr. Fatin Aqilah Binti Abdul Khalid Dr. Shahera Binti Abdul Majid Dr. Beatrix Tan Hwe Ern Dr. Haifa Nasuha Binti Mohd Nazlan |
| 3. | Titivangsa | TO IMPROVE THE PERCENTAGE OF GINGIVITIS FREE MOUTH AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS | Dr Lynthia Wong, Dr Ng Ying Wei KJP Hasmifaliza, PPP Azreen Nadia, PPK Nurul Aminin |
| 4. | Cheras | To Increase the Percentage of fissure sealants provision to high caries risk secondary school students in the Cheras Zone | Dr. Aishah bt Noor Din, Dr. Low Mei Lin Dr. Tan Bee Ting, Dr. Ong Yan Yuan, Dr Lim Yu Chen Dr Abdullah Muiz Bin Mohd Mazri |
| 5. | Lembah Pantai | PUT A FULLSTOP TO FAKE BRACES! | Dr Ooi Hui Tieng, Dr Nazatul Husna Kamaruzaman, Dr Intan Nadia Zolkefli Dr Nur Azwina Ahmad Marzuki Dr Natrah Ahmad Fuad, Dr Alvena Ann Gomez Dr Chelsea Khor Wen Phing, Dr Ong Hui Jun |

Jadual 6.43 : Pelan Tindakan *Quality Assurance* (QA) 2020

| BIL | KURSUS | SASARAN | TARIKH |
|-----|--|--|-------------------|
| 1 | <i>Kursus TOT for QA peringkat JKWPKL&P</i> | PP, JP, JT, PPP | Mei 2020 |
| 2 | <i>Penulisan Manuskrip bagi Jemputan Sumbangan Artikel Untuk Penerbitan Dalam Jurnal E-Q Bulletin Kementerian Kesihatan Malaysia bagi projek QA yang telah selesai</i> | KP Jinjang (To reduce the percentage of Inappropriate referrals of endodontic cases to Restorative Specialist Clinic) KP Dato' Keramat (Improving Referral rates of Interceptive Orthodontic Cases) | 2020 |
| 3 | Mesyuarat Jawatankuasa QA peringkat JKWPKL&P | 2 x setahun | Januari, Julai |
| 4 | Mesyuarat Jawatankuasa QA peringkat BKP JKWPKL&P | 4 x setahun | Setiap suku tahun |
| 5 | Projek QA | Sekurang-kurangnya 1 projek setiap zon | 2020 |
| 6 | <i>Mini Konvensyen QA Peringkat JKWPKL&P 2021</i> | 1 kali setiap 2 tahun | Mac 2021 |

Penemuan

Terdapat beberapa projek QA yang telah siap diselesaikan dan telah dibentangkan di peringkat Mini Konvensyen QA ke 5 peringkat JKWPKL&P dan Konvensyen QA Peringkat Kebangsaan 2019. Namun terdapat juga projek yang masih belum selesai dan masih diteruskan.

Maklum Balas / Kelemahan

Projek-projek baru QA masih dalam perancangan dan telah dibentangkan di peringkat Jabatan. Namun projek perlu diperhalusi bersama Champion QA JKWPKL&P yang telah dikenalpasti.

Ulasan / Cadangan Penambahbaikan

Projek-projek baru QA perlu diperhalusi dengan mengadakan “Training of Trainers (TOT)” peringkat JKWPKL&P (Unit Kualiti, Bahagian Perubatan) bagi memperkasakan projek QA sebagai persediaan untuk bertanding di Konvensyen QA peringkat Negeri atau peringkat Kebangsaan.

6.6.4 Program Inovasi

Inovasi didefinisikan sebagai kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik samada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Hasil cetusan idea yang inovatif dalam mana-mana aspek kerja dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Mutu organisasi akan bertambah efisien, efektif dan produktif selari dengan sasaran dan matlamat untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Objektif

1. Meningkatkan kemahiran berfikir dan bertindak secara inovatif dalam kalangan peserta.
2. Memantapkan lagi idea-idea dalam penciptaan inovasi terhadap organisasi.
3. Menghasilkan inovasi yang diiktiraf serta bernilai dan berimpak tinggi kepada organisasi.

Bagi tahun 2019 Bengkel Inovasi telah diadakan pada 13 Oktober 2019 bertempat di Bilik Seminar Klinik Kesihatan Jinjang. Peserta terdiri dari Pegawai Pergigian, Pembantu Pembedahan Pergigian dan Pembantu Perawatan Kesihatan seramai 30 orang.



Jadual 6.44 : Senarai Projek Inovasi Mengikut Klinik Pergigian Dan Status

| ZON | TAJUK PROJEK INOVASI | STATUS PROJEK |
|---------------|---|---|
| Kepong | <i>Extra Hand</i> | Sedang digunakan |
| Titawangsa | <i>SMART IWR DRYER</i> (KP D Keramat) <i>PARUTGINATE</i> (KP Kg Pandan) <i>LUT'S BOX</i> (KP Setapak) | Penambahbaikan <i>prototype</i> sedia ada sedang dijalankan |
| Cheras | KOTAK INISIATIF | <i>Prototype</i> sedia ada sedang digunakan |
| Putrajaya | GG Kit | Penambahbaikan <i>prototype</i> |
| Pejabat TPKNG | MOLAROID | Penambahbaikan <i>prototype</i> |

6.6.5 Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (Kik)

Dalam konteks sektor awam, keupayaan berfikir secara kritis dan analitikal amatlah diperlukan bagi menterjemahkan idea kepada inisiatif bitara yang memberi manfaat kepada rakyat dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan. Salah satu pendekatan dalam memperkasakan inovasi dalam sektor awam adalah melalui pelaksanaan KIK secara komprehensif. Penambahbaikan ini sejajar dengan fokus Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMKe-11), iaitu pertumbuhan berpaksikan rakyat dan meletakkan inovasi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi melalui penambahbaikan atau pembaharuan proses, teknologi dan model perniagaan yang akan meningkatkan produktiviti melalui inovasi perusahaan dan inovasi sosial. Selaras dengan ini, KIK memberi penekanan kepada keberkesanan perkhidmatan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan bermatlamatkan kesejahteraan rakyat. Pelaksanaan KIK mampu memberi impak positif kepada prestasi penyampaian perkhidmatan sektor awam. Keberkesanan pelaksanaan KIK memerlukan mekanisme pemantauan yang efektif bagi mencapai objektif pelaksanaan KIK yang dihasratkan. Kerangka Pembudayaan dan Pemerksaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu KIK.

Objektif Umum

Untuk memperkenalkan atau menambah baik sistem dan cara kerja baru yang secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Jabatan dan Klinik Pergigian.

Objektif Khusus

1. Dapat meningkatkan kepuasan pelanggan.
2. Untuk memupuk kerjasama dalam kalangan warga Jabatan dan Klinik Pergigian.
3. Untuk melahirkan budaya kerja berpasukan dan mengeratkan perhubungan yang harmoni di antara pekerja dengan pihak pengurusan.

Aktiviti Dan Pencapaian

1. Kursus Pengenalan Horizon Baharu KIK.

Kursus ini telah diadakan di Kluster INOVASI, Jalan Ilmu , Kuala Lumpur pada 24-26 Jun 2019 dan bertujuan untuk memperkenalkan konsep Horizon Baharu dalam KIK. Kursus yang sangat bermanfaat ini telah disertai oleh 7 anggota pergigian JKWPKL&P yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan KIK dari setiap zon.

2. Kursus Persediaan Projek untuk Konvensyen 2019

Kursus ini telah diadakan di Hospital Rehabilitasi Cheras pada 25 hingga 26 April 2019 dan bertujuan untuk menyediakan projek-projek KIK yang akan menyertai Konvensyen pada tahun 2019. Kursus yang disertai oleh 27 orang anggota pergigian seluruh WPKL dan Putrajaya ini turut menjemput penceramah berpengalaman iaitu Puan Noor Diana Hayati binti Kamudin dari Kementerian Pertahanan Malaysia. Kursus yang dijalankan ini berjaya menghasilkan beberapa kumpulan dan projek berpotensi untuk dipertandingkan pada tahun 2019

3. KIK Peringkat Kementerian Kesihatan WPKL

Sebanyak 3 buah projek KIK dipertandingkan dalam Hari Kualiti JKWPKL&P pada bulan April 2019 Jabatan Kesihatan JKWPKL & P. Projek-projek yang tersebut adalah seperti Jadual di bawah:

Jadual 6.45 : Pertandingan KIK Peringkat JKWPKL&P

| PERTANDINGAN KIK PERINGKAT JKWPKL & P (APRIL 2019) | | | | | |
|--|---------------|---|---|--------------|------------------|
| NAMA PROJEK | NAMA KUMPULAN | FASILITI | MAKLUMAT KETUA KUMPULAN | KATEGORI | KEDUDUKAN TEMPAT |
| MOLAROID | ROBODENT | BKP , JKWPKL&P | Nama: Dr Siti Zuriana Bt Zamzuri | Penciptaan | Tempat ke-4 |
| MOMi | DManC | Klinik Pergigian Setapak | Nama: Dr Siti Hawa Binti Abdul Razak | Penciptaan | Tempat ke-3 |
| EDC (Electronic Dental consent) | CLOUDSKY | Klinik Pergigian Putrajaya Presint 9 & Presint 18 | Nama: Dr Nusaibah Mutmainah Bt Mohamad Azmi | Perkhidmatan | Tempat ke-3 |

4. KIK Peringkat Kebangsaan

Sebanyak 3 buah projek KIK dipertandingkan dalam pertandingan KIK peringkat kebangsaan yang di adakan di Mandarin Court Hotel , pada bulan Julai 2019 . Projek-projek yang tersebut adalah seperti berikut:



Jadual 6.46: Pertandingan KIK Peringkat Kebangsaan

| PERTANDINGAN KIK PERINGKAT KEBANGSAAN MANDARIN COURT HOTEL, JULAI 2019 | | | | | |
|---|---------------|---|---|--------------|-----------------------------------|
| NAMA PROJEK | NAMA KUMPULAN | FASILITI | MAKLUMAT KETUA KUMPULAN | KATEGORI | KEDUDUKAN TEMPAT |
| MOLAROID | ROBODENT | BKP , JKWPKL&P | Nama: DR SITI ZURIANA BT ZAMZURI | Penciptaan | Kumpulan Terbaik zon Tengah |
| MOMi | DManC | Klinik Pergigian Setapak | Nama: Dr Siti Hawa Binti Abdul Razak | Penciptaan | Penyertaan |
| EDC (Electronic Dental Consent) | CLOUDSKY | Klinik Pergigian Putrajaya Presint 9 & Presint 18 | Nama: Dr Nusaibah Mutmainah Bt Mohamad Azmi | Perkhidmatan | Penyertaan |

Kelemahan Dan Cabaran

Didapati kawal selia idea-idea baru adalah kurang memuaskan di mana idea-idea yang telah dijana semasa Bengkel Penyediaan Projek tidak diperkembangkan sewajarnya. Ahli-ahli Kumpulan Inovasi Kreatif yang baru menyertai program masih kurang mahir dan perlu bimbingan. Ada ahli yang terlatih, tetapi masih belum menghasilkan projek KIK.

Selain itu, ahli-ahli baru KIK perlu berkomunikasi dan berbincang mengenai kesulitan yang dialami dalam penyediaan dan pengembangan idea-idea baru projek dengan fasilitator di daerah masing masing.

Kumpulan KIK juga perlu didedahkan dengan penyaksian pertandingan KIK semasa hari Q supaya boleh menimba pengalaman.

Cabaran yang amat ketara adalah kekurangan peruntukan untuk menghasilkan projek yang lebih berimpak tinggi.

Tindakan Penambahbaikan

Dicadangkan sesi perbincangan anggota KIK seluruh JKWPKL&P diadakan setiap suku tahun untuk membincangkan masalah-masalah yang timbul di dalam proses penyediaan dan penghasilan projek-projek baru KIK. Bimbingan untuk penyediaan dokumentasi juga boleh dijalankan untuk memastikan setiap projek KIK mempunyai dokumentasi yang tersusun dan memenuhi kriteria yang diperlukan.

PPYM dan PPD juga perlu lebih berperanan untuk memantau pencapaian kumpulan KIK di klinik dan daerah masing-masing dan memberi ruang untuk ahli projek untuk bermesyuarat berkala untuk maju ke hadapan.

6.6.6 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman (Pengurusan Pejabat)

656 pelanggan yang terdiri daripada anggota pergigian di klinik-klinik pergigian di WPKL&P berbanding 711 responden pada tahun 2018 terlibat dalam kajian ini.

Kajian menggunakan *self administered questionnaire* dan data di perolehi melalui:- Borang Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman Terhadap Pengurusan Pejabat TPKN (G) menggunakan borang (WPKL-BKP (G)-BK44A).


Tahap kepuasan keseluruhan di nyatakan mengikut skala berikut.

| SKOR | TAHAP KEPUASAN |
|------|------------------------|
| 1 | Sangat Tidak Memuaskan |
| 2 | Tidak Memuaskan |
| 3 | Memuaskan |
| 4 | Sangat Memuaskan |


Keputusan

Jadual 6.47: Hasil Kajian Kepuasan Pelanggan Dalam Tahun 2019

| | TAHAP KEPUASAN | | | | | | | | | |
|---|---|---|---------------------|-----|---------------|------|----------------------|------|----|------|
| | SANGAT TIDAK MEMUASKAN (1) | | TIDAK MEMUASKAN (2) | | MEMUASKAN (3) | | SANGAT MEMUASKAN (4) | | | |
| | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | | |
| 1 | Layanan yang diberikan kepada anggota | | 7 | 1.1 | 17 | 2.6 | 563 | 85.8 | 69 | 10.5 |
| 2 | Tindakan susulan di atas perkara-perkara yang diajukan/dibangkitkan | | 9 | 1.4 | 53 | 8.1 | 539 | 82.2 | 55 | 8.4 |
| 3 | Urusan kebajikan untuk anggota dari segi | | | | | | | | | |
| | i. perkhidmatan | | 16 | 2.4 | 55 | 8.4 | 522 | 79.6 | 63 | 9.6 |
| | ii. fasiliti | | 15 | 2.3 | 72 | 11 | 517 | 78.8 | 52 | 7.9 |
| | iii. faedah-faedah | | 11 | 1.7 | 62 | 9.5 | 531 | 80.9 | 52 | 7.9 |
| 4 | Hubungan saya dengan bahagian pentadbiran pejabat | | 7 | 1.1 | 22 | 3.4 | 551 | 84.0 | 76 | 11.6 |
| 5 | Hubungan saya dengan bahagian stor pusat | | 11 | 1.7 | 44 | 6.7 | 537 | 81.9 | 64 | 9.8 |
| 6 | Sikap adil dan saksama pengurusan terhadap anggota | | 16 | 2.4 | 63 | 9.6 | 519 | 79.1 | 58 | 8.8 |
| 7 | Keberkesanan penyampaian maklumat ke peringkat bawahan | | 14 | 2.1 | 60 | 10.1 | 526 | 80.2 | 50 | 7.6 |
| 8 | Tindakan dan teguran yang diberikan bila anda melakukan kesilapan | | 10 | 1.5 | 26 | 4.0 | 562 | 85.7 | 58 | 8.8 |
| 9 | Tahap kepuasan keseluruhan anda sebagai anggota | | 7 | 1.1 | 34 | 5.2 | 557 | 84.9 | 58 | 8.8 |




Rajah 6.23: Peratus tahap kepuasan pelanggan dalaman mengikut perkara yang dinilai bagi tahun 2019



Rajah 6.24: Perbandingan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkara yang dinilai tahun 2017 – 2019

Jadual 6.48: Perbandingan tahap kepuasan anggota dari tahun 2014 – 2019

| JUMLAH SKOR | TAHAP KEPUASAN | | PERATUS (%) | | | | | | |
|-------------|------------------|---------------------------|-------------|------|------|------|------|------|------|
| | | | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | |
| 1 – 10 | 1- Sangat rendah | 1- Sangat tidak memuaskan | 0.6 | 0.2 | 0.3 | 0.1 | 0.4 | 1.1 | |
| 11 – 21 | 2- Rendah | 2 – Tidak memuaskan | 20.1 | 23.3 | 13.6 | 11.1 | 9.0 | 5.2 | |
| | | 3 – Memuaskan | | | | | | 84.9 | 93.7 |
| 22 – 32 | 3- Tinggi | 4 – Sangat Memuaskan | 79.3 | 85.1 | 86.1 | 88.8 | 90.6 | 8.8 | |



Rajah 6.25 : Peratus tahap kepuasan anggota dari tahun 2014 sehingga 2019

Maklum Balas Responden

Terdapat 326 (45.9%) responden yang telah memberi maklum balas seperti jadual berikut:

Jadual 6.49 : Maklumbalas yang diterima mengikut kategori

| KATEGORI MAKLUM BALAS | JUMLAH MAKLUM BALAS |
|-----------------------------------|---------------------|
| Pengurusan stor / Bahan pergigian | 18 |
| Komunikasi / Layanan | 15 |
| Sumber manusia | 3 |
| Fasiliti / Penyelenggaraan | 9 |
| Kebajikan / Elaun | 8 |
| Kursus / Latihan | 6 |
| Aduan pelanggan | 2 |
| Pengurusan / Lain-lain | 17 |
| Memuaskan | 50 |

Penemuan

- i. Majoriti responden menyatakan tahap kepuasan yang memuaskan (3) bagi semua item penilaian.
- ii. Didapati peratus adalah agak rendah untuk:
 - Urusan kebajikan untuk anggota dari segi fasiliti (78.8%, n=517)
 - Sikap adil dan saksama pengurusan terhadap anggota (79.1%, n=519)
 - Urusan kebajikan untuk anggota dari segi perkhidmatan (79.6%, n=522)

iii. Bagi maklum balas terbuka responden, sebanyak 78 (11.9%) responden memberi komen / cadangan penambahbaikan mengikut kategori seperti berikut:

- Pengurusan stor / Bahan pergigian (5.9%, n=18)
- Komunikasi / Layanan (2.7%, n=15)
- Sumber manusia (0.5%, n=3)
- Fasiliti / Penyelenggaraan (1.4%, n=9)
- Kebajikan / Elaun (1.2%, n=8)
- Kursus / Latihan (0.9%, n=6)
- Aduan pelanggan (0.3%, n=2)
- Pengurusan / Lain-lain (2.6 %, n=17)

Sebanyak 50 (7.6 %) responden pula memberi komen memuaskan bagi pengurusan Pejabat TPK(G), Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya.

Jadual 6.50: Maklumbalas Pengurusan Pejabat Hasil Kajian Tahun 2019

| MAKLUM BALAS / KELEMAHAN | ULASAN / CADANGAN PENAMBAHBAIKAN |
|--|--|
| Kekurangan bekalan bahan pergigian menyebabkan kelancaran perkhidmatan pergigian di klinik dan sekolah terjejas, serta mendatangkan aduan daripada pesakit. | Kekurangan bekalan bahan adalah disebabkan oleh kekangan peruntukan dan pihak stor perlu menjalankan proses sebut harga untuk pembelian barangan tertentu dan memakan masa yang agak panjang. Walau bagaimanapun, dicadangkan supaya pihak klinik menjalankan langkah penjimatan terhadap penggunaan bahan pergigian di kalangan semua anggota |
| Maklumat yang disampaikan di saat akhir menyebabkan perjalanan aktiviti di klinik terganggu. | Anggota di Pejabat TPKN(G) hendaklah memastikan segala maklumat / surat panggilan / surat jemputan disampaikan lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, maklumat / surat panggilan / surat jemputan yang lewat diterima oleh pihak TPKN(G) dari pihak luar adalah di luar kawalan pihak Pejabat TPKN(G). |

| | |
|--|--|
| Anggota Pejabat TPKN(G) kurang mesra semasa berkomunikasi dengan anggota-anggota klinik | Anggota di Pejabat TPKN(G) perlu meningkatkan komunikasi berkesan serta <i>soft skill</i> semasa berurusan dengan pihak lain. |
| Terdapat fasiliti yang sering mengalami kerosakan infrastruktur / peralatan sehingga menjejaskan perkhidmatan. | Kerja-kerja naik taraf di fasiliti yang telah dikenal pasti sering mengalami kerosakan infrastruktur, iaitu KP Bangsar, KP PULAPOL dan KP Kg Pandan telah selesai dijalankan pada Disember 2019. |
| Anggota sokongan kurang mendapat peluang kursus / latihan bagi melengkapkan keperluan kursus / latihan tahunan. | Pelan Operasi Latihan (POL) perlu menyediakan lebih banyak kursus bagi anggota sokongan kerana pegawai berpeluang menjalani kursus luar Bahagian seperti MIDEK dan lain-lain. |

Kesimpulan

Berdasarkan pengiraan jumlah skor, sebanyak 84.9% dari anggota telah memberi skor memuaskan (3) dan 8.8% anggota memeberikan skor sangat memuaskan (4) menjadikan total adalah 93.7% . Peratus ini diambil kira sebagai tahap Kepuasan Pelanggan Dalaman secara keseluruhan untuk jabatan ini. Terdapat peningkatan sebanyak 3.1 % jika dibandingkan dengan pencapaian pada tahun 2018.



Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran

Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran dijalankan untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap pengurusan dan perkhidmatan pergigian yang diberi agar penambahbaikan boleh diambil bagi memenuhi keperluan pelanggan serta perundangan yang ditetapkan.

Bagi tahun 2019, Kajian Kepuasan Pelanggan (Pembekal) telah dijalankan bagi menilai kecekapan BKP JKWPKL&P semasa berurusan dengan pembekal luar.

Kajian terbahagi kepada:

- A. Kajian Kepuasan Pelanggan terhadap Perkhidmatan Pesakit Luar
- B. Kajian Kepuasan Pihak Sekolah terhadap Perkhidmatan Pergigian Sekolah
- C. Kajian Kepuasan Murid Sekolah Rendah dan Menengah terhadap Perkhidmatan Pergigian Sekolah
- D. Kepuasan Pelanggan (Pembekal) Pejabat TPKN(G) Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL & Putrajaya

Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Pesakit Luar

Sebanyak dua puluh (20) buah Klinik Pergigian (KP) yang melibatkan lima (5) Zon iaitu iaitu Lembah Pantai, Titiwangsa, Cheras, Putrajaya dan Kepong telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini telah dijalankan dalam tempoh 1 Julai sehinggalah 31 Disember 2019. Kajian dijalankan ke atas pesakit luar yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas yang datang ke klinik pada hari pesakit luar (warganegara sahaja). Kajian dijalankan melalui *self administered questionnaires* ke atas pesakit yang bersetuju dan belum pernah mengambil bahagian dalam kajian pada tahun semasa. Pemilihan sampel dijalankan menggunakan teknik pensampelan secara sistematik (*systematic sampling*) setiap empat (4) pesakit seperti berikut:

- a. Sampel pertama dipilih secara rawak oleh petugas kaunter
- b. Sampel kedua dan berikutnya dipilih untuk setiap empat (4) pesakit selepas pilihan pertama

Saiz sampel adalah 190 orang pesakit luar bagi setiap klinik dalam tempoh kajian kecuali bagi tiga (3) Klinik Pergigian (KP) iaitu Klinik Pergigian UTC Pudu hanya 37 sampel, Klinik Pergigian Cheras 95 sampel dan Klinik Pergigian Cheras Baru juga 95 sampel menjadikan jumlah sampel bagi Kajian Kepuasan Pelanggan Pesakit Luar 3457 sampel. KP Cheras memberikan 95 sampel kerana data kajian kepuasan Julai hingga September yang dikumpul telah rosak dan tidak dapat dimuat turun. KP Cheras Baru pula hanya memberikan 95 sampel kerana kerja-kerja pengubahsuaian klinik sedang dijalankan sepanjang tempoh kajian (Julai hingga September). Bagi KP UTC Pudu hanya memberikan 37 sampel kerana mempunyai kekangan dalam melaksanakan kajian ini dengan penggunaan unit komputer yang terhad. Lima (5) bahagian yang diambil kira dalam kajian ini adalah sosio-demografik, fasiliti dan perkhidmatan, rawatan, keseluruhan dan maklum balas.

Keputusan


BAHAGIAN I: SOSIO-DEMOGRAFIK

Daripada kajian sosio-demografik didapati:

1. Majoriti pelanggan perempuan 54.9% (n=1898) > lelaki 45.1% (n=1559).
2. Majoriti pesakit adalah Melayu 70.7% (n=2446), diikuti Cina 17.5% (n=604) dan India 8.4% (n=289).
3. Majoriti responden berkelulusan SPM adalah 37.5% (n=1295), diikuti 27.4% (n=947) responden berkelulusan Diploma dan 27.1% (n=937) berkelulusan Ijazah.
4. Majoriti responden adalah berumur 30 hingga 59 tahun iaitu 60.8% (n=2101) diikuti 18 hingga 29 tahun 33.6% (n=1160). Hanya 5.7% (n = 196) daripada responden adalah berumur 60 tahun ke atas.
5. Responden telah berkahwin adalah 61.5% (n=2127) manakala 35.4% (n=1225) belum berkahwin. Seramai 3.1% (n=105) berstatus lain-lain (ibu tunggal/ janda/ balu/ bercerai).
6. Majoriti responden adalah pekerja swasta iaitu 39.7% (n=1373), diikuti oleh 26.5% (n=915) pekerja kerajaan.

7. Majoriti responden menggunakan kenderaan sendiri iaitu 88.6% (n=3062) diikuti responden yang menggunakan kenderaan awam 9.9% (n=343)
8. Majoriti responden tinggal kurang dalam jarak dari 5 km iaitu 41.6% (n=1438), responden tinggal dalam lingkungan jarak 5 – 10 km ialah 38.1% (n=1316), manakala tinggal melebihi 10 km dari klinik ialah 20.3% (n=703).


BAHAGIAN II: FASILITI DAN PERKHIDMATAN



Rajah 6.26 : Keputusan KKP bagi Fasiliti dan Perkhidmatan

Secara keseluruhan, majoriti responden berpuas hati dengan fasiliti dan perkhidmatan yang diberikan namun penambahbaikan boleh diambil bagi mengurangkan tempoh masa menunggu selepas didaftarkan dan papan tanda ke klinik.


BAHAGIAN III: RAWATAN




Rajah 6.27 : Keputusan KKP bagi Bahagian Rawatan

Secara keseluruhan, majoriti responden berpuas hati (>90% skor memuaskan bagi semua *item* yang dinilai) dengan rawatan yang diberikan namun penambahbaikan boleh diambil dari segi tahap kebersihan bilik rawatan.

BAHAGIAN IV: KESELURUHAN



Rajah 6.28 : Keputusan KKP Kajian Bahagian IV (i)




Rajah 6.29 : Keputusan Kajian Bahagian IV (ii)

Secara keseluruhannya pelanggan yang datang berpuas hati (98.4% (n=3401) dengan perkhidmatan pergigian yang diterima.

BAHAGIAN V: MAKLUMBALAS

Trdapat maklum balas seperti tempoh menunggu yang panjang (dua hingga tiga jam selepas pendaftaran), tempoh temujanji yang lama (dua hingga tiga bulan), komunikasi yang kurang berkesan antara pelanggan dengan anggota serta kemudahan fasiliti dan infrastruktur yang diminta untuk ditambahbaik.



Rajah 6.30 : Perbandingan pencapaian KPP (pesakit luar) 2015 - 2019

Cadangan Penambahbaikan

- a) Menaik taraf papan tanda arah klinik pergigian terutama klinik pergigian berada di tingkat atas.
- b) Menyediakan dan meletakkan carta alir perkhidmatan di klinik pergigian di pintu atau bahagian yang dapat dilihat dengan jelas.
- c) Anggota klinik perlu meningkatkan komunikasi berkesan dengan pelanggan agar pelanggan dapat memahami situasi di klinik.
- d) Mengamalkan budaya EKSA di fasiliti secara berterusan.
- e) Memberi pamplet rawatan kepada pelanggan/ menyediakan pamplet-pamplet di ruang menunggu sebagai bahan info tambahan.

Kesimpulan

Pada tahun 2019, secara keseluruhan mencatatkan peningkatan responden berpuashati terhadap Perkhidmatan Pergigian dengan skor 98.5% (memuaskan&amat memuaskan) berbanding pada tahun 2018 96.9% dan tahun 2017 dengan 93.3%. Ia mencapai sasaran yang ditetapkan (sasaran KPI 95%).

Kajian Kepuasan Pihak Sekolah Terhadap Perkhidmatan Pergigian Sekolah

Kajian Kepuasan Pelanggan bagi Guru HEM dan Murid-murid sekolah diwujudkan bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap pengurusan dan perkhidmatan pergigian yang diberi supaya penambahbaikan berterusan dapat dijalankan. Kajian ini dilaksanakan di seluruh sekolah yang menerima perkhidmatan pergigian daripada Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL & P.

Setelah maklumbalas diterima, pihak klinik diminta untuk menilai maklumbalas dan melakukan tindakan pembetulan, pencegahan dan penambahbaikan yang sepatutnya menggunakan borang kualiti.

Objektif Kualiti


- a) Memastikan sekurang-kurangnya 95% pihak sekolah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi.
- b) Memastikan sekurang-kurangnya 90% murid sekolah rendah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi.
- c) Memastikan sekurang-kurangnya 90% murid sekolah menengah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi.

Punca Data


- a) BK 45 (GURU HEM/Kesihatan)
- b) BK 46A (Murid Sekolah Rendah)
- c) BK 46B (Murid Sekolah Menengah)
- d) BK 39A
- e) BK 40A

Dimensi Kualiti Yang Diukur


Dimensi Kualiti yang Diukur di dalam Borang Kajian Kepuasan Pelanggan Guru HEM/ Kesihatan:

1. *Timeliness*
 2. *Responsiveness*
 3. *Tangibles – Facilities provided*
 4. *Intangibles – Soft skills*
 5. *Consistency of Services*
 6. *Communication*
 7. *Security*
 8. *Competency*
 9. *Avaiability & Accessibility*
- 

Kajian Keuasan Pelanggan Guru Hem/ Kesehatan Melalui Bk 45 Mengikut Klinik



Rajah 6.31 : Graf Kajian Keuasan Guru HEM/ Kesehatan Mengikut Klinik Pergigian



Rajah 6.32 : Peratus Mengikut Melalui Kriteria-Kriteria Yang Diukur

Perkara 1: Pihak sekolah dimaklumkan tentang lawatan pergigian

Perkara 2: Ruangan bilik rawatan yang bersih dan kemas

Perkara 3: Peralatan pergigian tersusun dengan rapi


Perkara 4: Anggota pergigian sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah

Perkara 5: Anggota pergigian sentiasa berkomunikasi dengan pihak sekolah


Secara kesimpulannya, maklum balas yang diterima melalui kajian kepada Guru HEM/ Guru Kesihatan adalah menyentuh aspek-aspek berikut:

| MAKLUM BALAS | TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|
| Bilik rawatan untuk pergigian yang khusus dan tidak berkongsi ruang dengan aktiviti lain. | Bilik rawatan pergigian disediakan oleh pihak sekolah sendiri mengikut kesesuaian masa dan tempat serta kebenaran dari pihak sekolah. |
| Pihak pergigian memberi info nama dan laporan murid yang terdedah kepada asap rokok supaya tindakan susulan dapat dilaksanakan. | Nama murid yang terlibat adalah sulit dan laporan akan diberikan kepada pegawai pergigian promosi supaya tindakan susulan dibuat. Intervensi lanjutan di sekolah dibuat dengan kerjasama guru bimbingan kaunseling sekolah. |
| Aturcara dan aktiviti dimaklumkan lebih awal supaya aktiviti dapat dijalankan dengan lancar. | Jadual perancangan dimaklumkan kepada pihak sekolah sekurang-kurangnya satu(1) minggu sebelum aktiviti diadakan. |
| Ceramah dilaksanakan untuk murid tingkatan yang lain dan perkhidmatan pergigian dilaksanakan untuk semua warga sekolah seperti guru, kerani dan pembantu makmal. | Ceramah pergigian diadakan dalam kumpulan kecil supaya mesej kesihatan pergigian yang disampaikan lebih berkualiti. Kekangan masa menyebabkan ceramah dan perkhidmatan pergigian tidak dapat diadakan untuk semua warga kakitangan sekolah. |
| Hubungan yang erat dipertingkatkan. Pegawai yang bertugas di sekolah juga perlu lebih bersabar dan mesra. | Pihak klinik akan sentiasa memastikan hubungan kerjasama yang baik. Pihak klinik juga dinasihatkan untuk lebih bersabar dan mesra. |

Kajian Keuasan Pelanggan Murid Sekolah Rendah Dan Menengah Mengikut Klinik



Rajah 6.33 : Graf Kajian Keuasan Pelanggan Murid-Murid Sekolah Rendah



Rajah 6.34: Kajian Keuasan Pelanggan Murid-Murid Sekolah Menengah

Sasaran: 90%
 WPKL&P: 94.2%

Berdasarkan graf tersebut, terdapat peningkatan peratus tahap kepuasan murid sekolah rendah dan menengah.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa maklum balas dari pihak sekolah:

| MAKLUM BALAS | TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|
| Ceramah yang diberikan adalah kurang menarik. | Teguran telah diberikan agar menjadikan sesi ceramah lebih menarik dan mudah difahami. |
| Komunikasi antara anggota pergigian dan murid sekolah lebih mesra | Anggota pergigian dinasihatkan untuk sentiasa berkomunikasi dan memberi layanan yang baik kepada murid sekolah. |
| Kualiti dan mutu perkhidmatan perlu dipertingkatkan dari segi kebersihan dan staf kesihatan | Pihak klinik akan memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik. Kerjasama pihak sekolah, guru dan ibu bapa dalam memastikan kesihatan murid semakin bagus. |
| Tidak setuju menggunakan alat yang sama untuk semua murid semasa rawatan gigi dan memohon agar kerusi baru dapat dibeli bagi mengelakkan kecederaan. | Semua peralatan dipastikan bersih dan steril sebelum digunakan ke atas pelajar. Pemohonan tambahan untuk aset kepada Jabatan juga telah dibuat. |

Kajian Kepuasan Pelanggan (Kpp) Pembekal Pejabat Tpk(G) Bahagian Kesihatan Pergigian Jkwpl & Putrajaya

Kajian Kepuasan Pelanggan (Pembekal) BKP JKPWKL&P telah dilaksanakan berikutan cadangan penambahbaikan dari Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM pada tahun 2018. Rasional pewujudan kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada pihak berkepentingan seperti pembekal selepas perkhidmatan selesai.

Terdapat dua (2) item penilaian iaitu:

- i. Pembayaran Diterima dalam Masa 14 Hari dari Tarikh Invois
- ii. Tahap Kepuasan Hati Secara Keseluruhan.


Kajian ini dijalankan sepanjang tahun kepada pembekal yang berurusan dengan BKP JKWPKL&P.

Keputusan Januari – Disember 2019

Pengedaran Borang Kajian Kepuasan Pelanggan Pembekal adalah seperti berikut :

Jadual 6.51: Pengedaran Borang Kajian Kepuasan Pelanggan Pembekal

| BIL | PENGEDARAN BORANG KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (PEMBEKAL) MENGIKUT ZON | JUMLAH RESPON DITERIMA |
|------------|--|-------------------------------|
| 1 | Pejabat TPK (G) | 31 respons |
| 2 | Zon Titiwangsa | 16 respons |
| 3 | Zon Putrajaya | 13 respons |
| 4 | Zon Kepong | 5 respons |
| 5 | Zon Cheras | 3 respons |
| 6 | Zon Lembah Pantai | 2 respons |
| | JUMLAH | 70 Respons |



Rajah 6.35 : Pengedaran Borang Kajian Kepuasan Pelanggan (Pembekal)

Sebanyak 70 respon telah diterima daripada 47 pembekal mengikut jenis perkhidmatan yang diterima oleh pihak bahagian/PTJ seperti berikut:

- a) Senarai 28 Pembekal Bahan Pergigian yang telah memberikan 46 respon seperti jadual di bawah:

| BIL | NAMA PEMBEKAL |
|-----|--------------------------------------|
| 1. | <i>Keng Yew Dental Suppliers</i> |
| 2. | <i>Medigate Sdn Bhd</i> |
| 3. | <i>Denta Medic Technology</i> |
| 4. | <i>Sinar Serambi Sdn.Bhd</i> |
| 5. | <i>Jubli Medik Sdn Bhd</i> |
| 6. | <i>Charismedic Sdn Bhd</i> |
| 7. | <i>Enhancedental Sdn Bhd</i> |
| 8. | <i>NTC Dental Suppliers Sdn Bhd</i> |
| 9. | <i>Vigilenz Medical Supplies</i> |
| 10. | <i>Myco MediC</i> |
| 11. | <i>Socius (M) Sdn Bhd</i> |
| 12. | <i>Kaldera Sdn Bhd</i> |
| 13. | <i>Tunas Warisan Synergy Sdn Bhd</i> |

| | |
|-----|--|
| 14. | <i>Medidis Supply Sdn Bhd</i> |
| 15. | <i>Alam Medik Sdn Bhd</i> |
| 16. | <i>Sk Meditec Sdn Bhd</i> |
| 17. | <i>QS Dental Supply Sdn Bhd</i> |
| 18. | <i>One Dental Supply & Marketing Sdn Bhd</i> |
| 19. | <i>Atlis-Pro Marketing Sdn Bhd</i> |
| 20. | <i>Syاهدunas Sdn Bhd</i> |
| 21. | <i>Teknomedik Enterprise</i> |
| 22. | <i>MJ Dental Supplies</i> |
| 23. | <i>Sejati Unggul Resources</i> |
| 24. | <i>Innowawasan Sdn Bhd</i> |
| 25. | <i>M.S. Ally Pharma Sdn Bhd</i> |
| 26. | <i>AR Dental Supplies Sdn Bhd</i> |
| 27. | <i>Chee Heng Dental Suppliers Sdn Bhd</i> |
| 28. | <i>Ariin Teguh Trading</i> |

b) 4 Syarikat Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan telah memberikan 6 respon:

| BIL | NAMA PEMBEKAL |
|------------|--------------------------------|
| 1. | <i>Ahlan Greenwood Sdn Bhd</i> |
| 2 | <i>Commects(M)Sdn Bhd</i> |
| 3. | <i>Anz Dinamik Services</i> |
| 4. | <i>Badanbas Sdn Bhd</i> |

c) 3 Syarikat Pembekal Penyelenggaraan Peralatan Pejabat telah memberikan 3 respon:

| BIL | NAMA PEMBEKAL |
|------------|----------------------------------|
| 1. | <i>Berkat Mulia Enterprise</i> |
| 2. | <i>Riezconts Enterprise</i> |
| 3. | <i>Remona Enterprise Sdn Bhd</i> |

- d) 7 Syarikat Pembekal Pembaikan Kecil dan Penyelenggaraan Peralatan Pergigian telah memberikan 10 respon:


| BIL | NAMA PEMBEKAL |
|------------|--|
| 1. | <i>OBP Resources</i> |
| 2. | <i>Bumi Dental Suppliers Sdn Bhd</i> |
| 3. | <i>Sk Meditec Sdn Bhd</i> |
| 4. | <i>Ultra Scientific Enterprise</i> |
| 5. | <i>Medik-Link Sales & Services Sdn Bhd</i> |
| 6. | <i>HG Medic Sdn Bhd</i> |
| 7. | <i>Teknomedik Enterprise</i> |

- e) 3 Pembekal Bekalan Pejabat memberikan 3 respon:

| BIL | NAMA PEMBEKAL |
|------------|---|
| 1. | <i>Budisoft Sdn Bhd</i> |
| 2. | <i>M & N Classic Ventures Sdn Bhd</i> |
| 3. | <i>Wengseng Oa Sales & Services</i> |

- f) 2 Pembekal Penyediaan Makanan memberikan 2 respon:

| BIL | NAMA PEMBEKAL |
|------------|-----------------------------------|
| 1. | <i>Jihadi Isa Enterprise</i> |
| 2. | <i>Nadita Food & Catering</i> |



Rajah 6.36 : Pecahan Pembekal mengikut jenis perkhidmatan yang diterima

Item penilaian:

a) Pembayaran diterima dalam masa 14 hari dari tarikh invoice:

59% (n=28) menyatakan sangat berpuas hati

74% (n=35) menyatakan memuaskan

4% (n=2) menyatakan tidak berpuas hati

10% (n=5) menyatakan sangat tidak berpuas hati


b) Tahap kepuasan hati secara keseluruhan:

68% (n=32) menyatakan sangat berpuas hati

65% (n=31) menyatakan memuaskan

4% (n=2) menyatakan tidak berpuas hati

10% (n=5) menyatakan sangat tidak berpuas hati



Rajah 6.37 : Peratus Kajian Kepuasan Pelanggan (Pembekal) 2019

Penemuan

Terdapat peningkatan respon dari Tahun 2018 kepada Tahun 2019 sebanyak 56 respon menjadikan respon pada Tahun 2019 adalah sebanyak 70 respon berbanding Tahun 2018 iaitu sebanyak 13 respons. Jumlah responden pada Tahun 2018 adalah 13 pembekal dan meningkat pada Tahun 2019 kepada 47 pihak pembekal.

90% (63 respon) daripada pihak pembekal menyatakan mereka berpuas hati bagi urusan pembayaran dalam 14 hari dan 90% (63 respon) oleh pihak pembekal berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan secara keseluruhannya. 10% daripada pembekal tidak berpuas hati kerana tidak mendapat bayaran dalam masa 14 hari dan menjejaskan tahap kepuasan hati secara keseluruhan. Keterangan responden adalah seperti berikut:

- Pembekal bahan pergigian (*MJ Dental Supplies*): Tidak dijemput untuk perlawanan sebut harga pada tahun 2019.
- Pembekal bahan pergigian (*Ariin Teguh Trading*): Tiada sokongan daripada pihak Pejabat TPKN(G).
- Pembekal bahan pergigian (*Kaldera*): Kelewatan dari Pihak PTJ membuat pengesahan penerimaan barang dalam ePerolehan. Oleh itu invoice tidak dapat dijana secara *online* oleh pembekal.

Terdapat satu penghargaan daripada syarikat yang memberikan khidmat pembaikan kecil dan penyelenggaraan peralatan pergigian menyatakan bahawa bayaran diterima dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh invoice dikeluarkan.

Kekuatan

- i. Kajian Kepuasan Pelanggan (Pembekal) dilakukan bagi memastikan kepuasan hati kedua-dua belah pihak yang berurusan sepanjang tahun yang dikaji.
- ii. Kajian ini membuka peluang bagi pertukaran pendapat antara pihak PTJ dan Pihak Pembekal bagi mempertingkatkan perkhidmatan berurusan bersama-sama kedua dua belah pihak.
- iii. Penambahbaikan kepada Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) BKP JKWPKL&P dapat dilaksanakan terutama dalam memberikan dan menyelesaikan pembayaran kepada pihak pembekal dalam masa 14 hari selari dengan Objektif Kualiti yang telah ditetapkan.
- iv. Hasil daripada maklumbalas ini dapat digunakan bagi meningkatkan SPK BKP JKWPKL&P.

| KELEMAHAN | CADANGAN PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|
| Respon dari pembekal hanya meningkat setelah peringatan yang diedarkan kepada penyelaras atau penerima kaji selidik ini sepanjang tempoh September hingga Disember 2019. | Tempoh kajian harus diteruskan sepanjang tahun. |
| Sebanyak 27.7% (18 responden) tidak memberi respon walau peringatan awal telah diberikan kepada penyelaras atau penerima kajiselidik ini. | Pemakluman awal secara berkala iaitu pada bulan Mei (bagi tempoh Januari hingga Jun) dan pada bulan November (bagi tempoh Julai hingga Disember) kepada penyelaras atau penerima akan |

| | |
|--|---|
| | kaji selidik – penyebaran kepada pembekal yang berurusan untuk mendapatkan keputusan yang lebih tepat. |
| Sebab utama pembayaran tidak dapat dilaksanakan dalam masa 14 hari adalah pihak PTJ tidak membuat pengesahan penerimaan barang dalam sistem ePerolehan. | Mengukuhkan komunikasi yang berkesan antara bahagian dan pembekal agar pengesahan dan penerimaan barang dalam sistem ePerolehan sentiasa dikemaskini. |

Kesimpulan

KKP (Pembekal) adalah bertujuan memastikan kepuasan hati kedua-dua belah pihak. Terdapat peningkatan dalam respon kaji selidik pada Tahun 2019 berbanding Tahun 2018. Walaubagaimanapun, penambahan pihak pembekal yang tidak berpuas hati dengan pembayaran dan perkhidmatan secara keseluruhannya juga meningkat pada tahun ini. Secara ringkasnya, kajian ini hanya akan berjaya jika semua pihak memberi kerjasama dalam memastikan perkhidmatan yang baik dikekalkan oleh kedua-dua belah pihak dan Kajian Kepuasan Pelanggan Pembekal ini perlu dilaksanakan setiap tahun supaya perkhidmatan yang diberikan semasa berurusan dengan pihak pembekal dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.



6.6.7 Aduan Dan Maklum Balas

Sistem Pengurusan Aduan Bersepadu (SISPAA) adalah merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan penyampaian dari masa ke semasa yang telah dimudahcara oleh teknologi terkini.

SISPAA merupakan kesinambungan daripada Sistem Integrated Pemantauan Aduan Agensi Awam (iSPAAA) yang telah dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) pada penghujung tahun 2007 dan mula digunakan oleh beberapa Agensi Kerajaan sejak tahun 2009. Setelah mendapat respon yang positif daripada Agensi Kerajaan yang menggunakan Sistem iSPAAA dan permintaan terhadap Sistem iSPAAA oleh Agensi-Agensi Kerajaan telah bertambah, BPA telah berkolaborasi bersama Kementerian Kewangan (MOF) dan MAMPU untuk menambahbaik Sistem iSPAAA dan dinamakan semula sebagai SPAB serta diperluaskan penggunaannya kepada Meja Bantuan Teknikal selain daripada Pengurusan Aduan.

SISPAA dapat mempercepatkan dan memudahkan proses penyampaian Maklum Balas kepada Agensi Kerajaan kerana ianya boleh dicapai oleh Pengguna pada bila-bila masa sekiranya terdapat capaian internet.

Kategori Maklumbalas

Maklumbalas adalah termasuk dalam kategori berikut

- Aduan – luaran dan dalaman
- Penghargaan
- Pertanyaan
- Cadangan

Pemantauan Pengurusan Aduan

1. KPI – Indeks Penyelesaian Aduan

Jumlah aduan mudah dan sederhana yang diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja

2. Objektif Kualiti


Memastikan aduan awam yang diterima sama ada secara lisan/ melalui telefon /akhbar /surat diambil tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja. Sasaran yang ditetapkan adalah 100%

Pencapaian


Jadual 6.52 : Jumlah Aduan/ Maklum Balas yang Diterima di Peringkat Negeri Tahun 2015 – 2019

| BI L | TAH UN | PENGHARG AAN | CADAN GAN | PERTANY AAN | ADUAN | | STATUS ADUAN | | JUMLAH MAKLU M BALAS |
|---------|-----------|-----------------|--------------|----------------|-------------|------------|--------------|----------------------|-------------------------------|
| | | | | | DALAM AN | LUAR AN | BERAS AS | TIDAK BERAS AS | |
| 1 | 2015 | 2 | - | 5 | 2 | 15 | 14 | 1 | 24 |
| 2 | 2016 | 9 | - | 2 | - | 23 | 21 | 2 | 34 |
| 3 | 2017 | 16 | - | 4 | - | 18 | 17 | 1 | 38 |
| 4 | 2018 | 16 | 1 | 1 | - | 33 | 28 | 5 | 51 |
| 5 | 2019 | 20 | - | 1 | - | 39 | 23 | 13 | 60 |

*3 aduan adalah tidak berkaitan kerana mengenai fake braces




Rajah 6.38 : Jumlah Aduan/ Maklum Balas Yang Diterima Di Peringkat Negeri Tahun 2015 - 2019




Rajah 6.39 : Jumlah Aduan/Maklumbalas Yang Di Terima Mengikut Bulan Januari - Disember 2019






Rajah 6.40 : Bilangan Aduan/Maklumbalas Yang Diterima Mengikut PKPD 2019



Rajah 6.41: Jumlah Aduan/Maklum Balas yang Diterima Mengikut Klinik 2019



Rajah 6.42: Sumber Aduan/Maklum Balas yang Diterima 2019

Rumusan

1. Terdapat peningkatan jumlah maklumbalas yang diterima dari tahun ke tahun kerana mengikut garis panduan Pengurusan Aduan Awam KKM yang terkini semua maklumbalas perlu didaftarkan didalam SisPAA untuk tujuan pemantauan.
2. Jumlah peningkatan maklumbalas sejajar dengan peningkatan jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di klinik pergigian setiap tahun.
3. Semua aduan yang diterima telah diambil tindakan sewajarnya sama ada berasas atau tidak. Ini adalah untuk tujuan tindakan penambahbaikan secara berterusan sejajar dengan Dasar Kualiti BKP, JKWPKL&P.

Isu Dan Cabaran

1. Pesakit/pengadu yang lebih berpengetahuan untuk menyalurkan aduan melalui pelbagai saluran media
2. Peningkatan jumlah pesakit mendapatkan rawatan di klinik pergigian kerajaan menyumbang kepas peningkatan jumlah maklumbalas

Tindakan Penambahbaikan

1. Kebanyakan aduan yang diterima adalah berkaitan *consistency of service, soft skill*, komunikasi dan *competency*. Tindakan penambahbaikan yang dirancang adalah dengan memberi penekanan kepada perkara yang dibangkitkan dengan mengadakan latihan, bengkel / *hands on*, serta pemantauan berterusan.

Kesimpulan

Kebanyakan aduan yang diterima adalah berkaitan layanan atau perkhidmatan yang tidak memuaskan. Ini adalah termasuk

1. Menolak pesakit dengan kaunter pendaftaran tutup awal
2. Pesakit tidak diperiksa dengan teliti dan tidak diberi rawatan awal sewajarnya
3. Terdapat juga aduan terhadap anggota yang tidak fokus semasa bertugas dan petugas kaunter, komunikasi oleh anggota yang tidak berkesan dan juga salah laku anggota sebagai penjawat awam.
4. Pengadu juga turut menyatakan tentang isu kelewatan menetapkan temujanji dan masa menunggu yang lama untuk rawatan.
5. Oleh itu, penekanan kepada perkara yang dibangkitkan perlu dipertingkatkan dengan mengambil tindakan penambahbaikan yang sewajarnya.

6.6.8 Ekosistem Kondusif Sektor Awam (Eksa)

EKSA telah diperkenalkan mulai Januari 2014 sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam dengan mengambil kira keperluan bagi mengetengahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif supaya lebih relevan kepada jabatan/agensi sektor awam di Malaysia. Langkah penjenamaan semula ini difikirkan sesuai dan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa untuk meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan lagi budaya dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi sektor awam.

Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA masih berteraskan Amalan 5S yang ditambahbaik disamping penambahan beberapa elemen baharu. EKSA bukan bertujuan untuk menggantikan konsep 5S yang diamalkan sebelum ini, sebaliknya menambah baik elemen 5S tersebut dengan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Amalan 5S ditambah baik dengan menambah lima elemen baharu, iaitu:

- **Imej korporat;**
- **Kreativiti dan Inovasi;**
- **Amalan Hijau**
- **Persekitaran Kondusif; dan**
- **Kepelbagaian Agensi**

Dasar Eksa Jkwpl & P

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti kerja, perkhidmatan dan produktiviti melalui persekitaran kerja yang mesra, bersih, sihat, kondusif dan selamat.

Slogan Eksa

”Persekitaran Kondusif, Warga Positif, Pekhidmatan Produktif ”

Objektif Eksa

- **Objektif Am**

Untuk mewujudkan persekitaran kerja yang sesuai dan mampu meningkatkan produktiviti serta kualiti dalam penyampaian perkhidmatan di kalangan anggota Pergigian, JKWPPL.

- **Objektif Khusus**

1. Meningkatkan imej korporat.
2. Mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, bersih, kemas dan selesa setiap masa.

3. Menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi selaras dengan tuntutan pihak yang berkepentingan.
4. Menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan Amalan Hijau.
5. Mewujudkan budaya kerja ceria dan efektif.
6. Membantu meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

Aktiviti- Aktiviti

Kesinambungan perjalanan aktiviti EKSA daripada tahun 2018, Tuan Pengarah JKWPKL & P telah mengarahkan Sekretariat Audit EKSA JKWPKL&P yang diwakili oleh TPK(G) untuk menjalankan audit simulasi EKSA di semua fasiliti kesihatan di bawah JKWPKL & P termasuklah Pejabat Kesihatan Daerah, Klinik Kesihatan, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, Klinik Pergigian, Klinik Komuniti dan Klinik UTC. Audit ini adalah persediaan bagi pengiktirafan EKSA daripada Ibupejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (*IKKM*).

Kursus Eksa


Kursus berkaitan EKSA di peringkat Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijalankan sebanyak dua kali pada tahun 2019. Pada 29 April 2019 sehingga 30 April 2019 Bengkel Pemantapan Amalan EKSA telah dijalankan di mana keterlibatan semua penyelaras bagi setiap zon telah menghadiri kursus tersebut. Pada 15 Julai 2019 sehingga 16 Julai 2019 Bengkel Juruaudit EKSA telah dijalankan dan dihadiri oleh Ketua Juruaudit di setiap zon termasuk zon pergigian dari 5 zon berbeza.

Audit Kendiri (Diy)

Perjalanan Audit Kendiri (DIY) telah dijalankan sebanyak dua (2) kali (*'Pre dan Post'*) pada tahun 2019 iaitu bermula 25 Februari 2019 sehingga 9 April 2019. Dimana jawatankuasa Auditor Zon akan mengaudit zon mereka bagi persediaan Audit Silang. Berikut merupakan keputusan markah Audit Kendiri (DIY) keseluruhan bagi setiap zon di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Jadual 6.53: Markah Audit EKSA di antara Bahagian di JKWPKL&P Tahun 2019

| BIL | ZON | MARKAH <i>PRE</i> | MARKAH <i>POST</i> | MARKAH (PURATA) |
|-----|---------------------------------|-------------------|--------------------|-----------------|
| 1 | Pengurusan | 93.53 | 93.53 | 93.53 |
| 2 | Perubatan | 85.60 | 93.37 | 89.49 |
| 3 | Pergigian | 93.70 | 95.10 | 94.40 |
| 4 | Farmasi | 81.81 | 89.45 | 85.63 |
| 5 | Keselamatan dan Kualiti Makanan | 83.30 | 86.60 | 84.95 |
| 6 | Kesihatan Awam | 87.20 | 91.01 | 89.11 |



Rajah 6.43 : Markah Audit EKSA Di Antara Bahagian Di JKWPKL&P Tahun 2019

Audit Silang

Audit Silang antara zon telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada telah 1 hingga 24 Julai 2019 dan 1 hingga 2 Oktober 2019. Pembahagian tugas audit silang adalah seperti Jadual di bawah:


Jadual 6.54: Pembahagian Tugas Audit Silang EKSA JKWPKL&P Tahun 2019

| ZON | AUDITOR |
|-------------------------------------|--------------------|
| Zon Pengurusan | Zon Perubatan |
| Zon Perubatan | Zon Farmasi |
| Zon Pergigian | Zon BKKM |
| Zon Farmasi | Zon Kesihatan Awam |
| Zon Keselamatan dan Kualiti Makanan | Zon Pengurusan |
| Zon Kesihatan Awam | Zon Pergigian |

Berikut merupakan keputusan markah Audit Silang keseluruhan bagi setiap zon di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Jadual 6.55: Markah Audit Silang EKSA di antara Bahagian di JKWPKL&P Tahun 2019

| BIL | ZON | MARKAH SILANG 1 | MARKAH SILANG 2 | MARKAH (PURATA) |
|-----|------------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| 1 | Pengurusan | 91.48 | 85.16 | 88.32 |
| 2 | Perubatan | 77.46 | 78.87 | 78.18 |
| 3 | Pergigian | 98.23 | 94.88 | 96.56 |
| 4 | Farmasi | 91.28 | 96.50 | 93.89 |
| 5 | Keselamatan dan Kualiti Makanan | 81.91 | 95.78 | 88.85 |
| 6 | Kesihatan Awam | 89.42 | 90.64 | 90.03 |



Rajah 6.44 : Keputusan bagi Audit Silang EKSA antara Bahagian JKWPKL&P

Audit Simulasi Eksa Di Fasilitas Jkwpl&P

Audit Simulasi fasiliti kesihatan JKWPKL&P telah diadakan bermula Julai hingga September 2019 dengan melibatkan 63 fasiliti kesihatan di bawah seliaan JKWPKL&P. Pencapaian fasiliti kesihatan adalah seperti di **Jadual 60**.

Jadual 6.56: Pencapaian Audit Simulasi di Fasilitas Seliaan JKWPKL&P Tahun 2019

| ZON | MARKAH AUDIT DAN ULASAN |
|-------------------|---|
| Zon Lembah Pantai | <p>Markah tertinggi: 96.9 (KP Tanglin) Markah terendah: 58.3 (KKOM Kerinchi) Purata markah: 83.15</p> <p>Semua fasiliti kesihatan di Zon Lembah Pantai telah diaudit.</p> |
| Zon Kepong | <p>Markah tertinggi: 97.02 (KP Mini UTC Sentul) Markah terendah: 76.3 (KKOM Batu Muda) Purata markah: 87.42</p> <p>Semua fasiliti kesihatan di Zon Kepong telah diaudit.</p> |
| Zon Putrajaya | <p>Markah tertinggi: 98.07 (Pejabat Kesihatan Putrajaya) Markah terendah: 86.17 (Pusat Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam, PPK PA)</p> |

| | |
|----------------|--|
| | <p>Purata markah: (90.51)</p> <p>Dua (2) fasiliti di Zon Putrajaya yang tidak dapat diaudit iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 11 kerana kekangan masa auditor. ii. PPKW Presint 10 kerana Bahagian Perkhidmatan Kesihatan telah diganti oleh Pusat Darah Negara. Hanya fasiliti pergigian (KP Puspanitapuri) terpakai selepas perubahan tersebut. Mesyuarat bersetuju, KP Puspanitapuri tersebut akan diaudit bersekali dengan KP Presint 9 pada masa akan datang. |
| Zon Cheras | <p>Markah tertinggi: 94.6 (KK Bdr. Tun Razak) Markah terendah: 50.45 (KKIA Cheras Makmur) Purata markah: 83.83</p> <p>Tiga (3) fasiliti di Zon Cheras yang tidak dapat diaudit adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. KP Cheras Baru; ii. dan KP Bdr. Tun Razak kerana kerja-kerja penyelenggaraan klinik sedang dijalankan semasa tempoh audit dilaksanakan. iii. Klinik Komuniti (KKOM) Raya Permai kerana kekangan masa auditor. |
| Zon Titiwangsa | <p>Markah tertinggi: 96.41 (KP Setapak) Markah terendah: 88.27 (Pejabat Kesihatan Daerah Titiwangsa) Purata markah: 92.17</p> <p>Beberapa fasiliti di Zon Titiwangsa yang tidak diaudit pada tahun 2019 adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. KK Kg Pandan + KKIA: dalam proses naiktaraf klinik ii. KK Dato' Keramat: dijangka akan berpindah ke tapak lain pada tahun 2019. iii. KKIA Pasar Moden Gombak: Masih tiada tapak khusus dan masih menumpang di bangunan KK Kuala Lumpur <p>Semua Klinik Komuniti (KKOM Sg. Mulia, Danau Kota, Taman Melati, Desa Rejang, Seri Semarak, Perkasa dan KK UTC Keramat Mall): Masih dalam proses penambahbaikan dari Klinik 1 Malaysia ke Klinik Komuniti/Klinik Kesihatan.</p> |

Penemuan

Penemuan ketika pengauditan EKSA dijalankan telah dirumuskan seperti jadual di bawah mengikut Komponen.

Jadual 6.57: Ulasan bagi setiap komponen pengauditan EKSA bagi Tahun 2019

| KOMPONEN | ULASAN |
|------------|--|
| Komponen A | <ol style="list-style-type: none"> i. Dokumentasi pelaksanaan EKSA tidak teratur dan dikemaskini ii. Tidak menyediakan analisis penjimatan |
| Komponen B | <ol style="list-style-type: none"> i. Tidak menyedia dan memaparkan pelan lantai di bilik/ruang gunasama yang mudah dilihat. ii. Lampu dan soket yang tidak berfungsi dan dibaiki iii. Susun atur peralatan di kawasan kerja yang tidak kemas iv. Alat tulis tidak disusun kemas di dalam laci v. Terdapat peralatan yang berdebu/ tersusun kemas vi. Terdapat ruang yang tiada PIC vii. Terdapat etika/ tatacara penggunaan bilik/ alatan gunasama tidak disediakan viii. Tidak inisiatif/ tindakan proaktif pembaikan jika berlaku kerosakan |
| Komponen C | <ol style="list-style-type: none"> i. Tidak Menyedia dan memaparkan carta aliran perkhidmatan yang dikemaskini di ruang menunggu. ii. Surau/ tempat solat yang berbau dan tidak menyediakan kemudahan berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Tanda arah kiblat • Rak menyimpan Al-Quran dan bahan bacaan • Tempat letak/ rak kasut • Selipar iii. Tidak memastikan peralatan berada dalam keadaan bersih, baik, tersusun dan boleh digunakan di tempat umum (pantri, tandas, bilik mesyaurat dll). |

| | |
|------------|--|
| Komponen D | <ul style="list-style-type: none"> i. Pelan tindakan keselamatan yang tidak dikemaskini ii. Pendawaian/ kabel yang tidak selamat iii. Peralatan pencegah kebakaran tidak menepati kriteria yang disyorkan iv. Keselamatan kunci yang tidak dipatuhi |
| Komponen E | <ul style="list-style-type: none"> i. Tidak menyediakan laluan kemudahan-kemudahan OKU seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Tanjakan • Kerusi Roda • Laluan OKU/Kuning • Tanda Arah OKU ii. Tidak semua lampu jalan berfungsi dan dalam keadaan baik. iii. Tidak semua tanaman pokok dijaga dengan rapi dan terdapat pokok rosak/mati |
| Komponen F | <ul style="list-style-type: none"> i. Tidak memastikan semua peralatan dilabel dengan betul, disusun dengan kemas dan berada dalam keadaan baik. ii. Tidak menyediakan sistem rekod bahan/peralatan yang jelas dan teratur bagi memudahkan capaian barangan dengan cepat dan pantas. |

Penilaian Prestasi Pemarkahan Audit EKSA

Penilaian prestasi bagi pemarkahan audit EKSA secara keseluruhan piawaian JKWPKL & P pada tahun 2019 adalah seperti berikut :

| PRESTASI | MARKAH |
|-----------|--------|
| Cemerlang | 90% |
| Baik | 80-89% |
| Memuaskan | 70-79% |
| Lemah | 70% |

Penghargaan

Sebagai persiapan menghadapi pengauditan EKSA IPKKM yang dirancang untuk dijalankan pada bulan Mac-April 2020, audit silang dan audit sendiri telah dilaksanakan. Dalam hal ini sebagai menghargai usaha yang dijalankan bagi pelaksanaan EKSA ini, pihak Jabatan telah memutuskan untuk menganugerahkan Sijil Penghargaan Auditor serta hadiah terbaik seperti senarai di bawah. Sekalung tahniah diucapkan kepada pemenang.

| PERINGKAT JABATAN | |
|--------------------------------------|--|
| Anugerah Go Green Terbaik | Bahagian Kesihatan Pergigian |
| Anugerah Workstation Terbaik | Bahagian Kesihatan Pergigian (Pn. Yeoh Bee Choo) |
| Anugerah Zon Terbaik | Bahagian Kesihatan Pergigian |
| PERINGKAT FASILITI KESIHATAN | |
| Anugerah Go Green Terbaik | Klinik Pergigian Jinjang |
| Anugerah Hasil Kreativiti Terbaik | Pejabat Kesihatan Putrajaya |
| Anugerah Tandas Terbaik | Klinik Pergigian Jinjang |
| Anugerah Workstation Terbaik | Pejabat Kesihatan Putrajaya |
| Anugerah Bilik Terbaik | Mini UTC Sentul |
| Anugerah Zon Terbaik | Pejabat Kesihatan Putrajaya |

6.7 UNIT PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

Unit Perundangan & Penguatkuasaan Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan WPKL & Putrajaya mempunyai tanggungjawab untuk:

- a) Mengesahkan permohonan dan mengesyorkan klinik pergigian swasta untuk pendaftaran di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Akta 586);
- b) Memastikan bahawa pemeriksaan pra dan pasca pendaftaran klinik pergigian swasta dilakukan;
- c) Menjalankan pemantauan terhadap klinik pergigian swasta bagi memastikan bahawa peruntukan pelbagai Akta di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dipatuhi oleh semua pengamal pergigian di semua klinik pergigian swasta;
- d) Menyiasat aduan terhadap klinik pergigian swasta dan pengamal pergigian; dan
- e) Menyelaras aktiviti penguatkuasaan berkaitan dengan amalan pergigian di WPKL dan Putrajaya.

Peraturan dan fungsi di atas adalah selaras dengan:

- a) Akta Pergigian 1971
- b) Akta Pergigian 2018
- c) Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586)
- d) Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006

Pada tahun 2019 terdapat 5 orang Pegawai Penguatkuasa Pergigian di WPKL & Putrajaya dan 9 orang Pegawai Penguatkuasa Pemantau. Terdapat 4 orang Pegawai Penguatkuasa Pergigian yang mempunyai kad kuasa manakala 1 orang masih dalam pemprosesan. (sila lihat jadual 62) Pegawai Penguatkuasa bertanggungjawab terhadap tugas dan fungsi Unit Penguatkuasaan negeri serta pendaftaran klinik di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta. Manakala Pegawai Penguatkuasa Pemantau membantu Pegawai Penguatkuasa dalam membuat lawatan pemantauan tahunan terhadap klinik pergigian swasta yang dikenalpasti bagi tahun semasa. Jika terdapat sebarang ketidakakuran maka pegawai pemantau perlu melaporkan kepada pegawai penguatkuasa bagi tindakan penguatkuasaan.

Jadual 6.58: Senarai Pegawai Penguatkuasa di Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL & Putrajaya

| NO. | NAMA | NO. KAD PENGUATKUASAAN | TARIKH PENYERTAAN UNIT PENGUATKUASAAN |
|-----|-------------------------------------|------------------------|---------------------------------------|
| 1 | Dr Noor Asilati Binti Abdul Raob | M0553 | 01.06.2017 |
| 2 | Dr Arfah Syaziyyah Binti Mohd Yasin | M0551 | 15.11.2016 |
| 3 | Dr Nur Syuhada Binti Sulaiman | - | 01.10.2018 |
| 4 | Dr Vivegan A/L Doraisamy | M0605 | 31.10.2018 |
| 5 | Dr Nur Farhana Binti Razali | M0604 | 31.10.2018 |

Jadual 6.59: Aktiviti yang telah dijalankan sepanjang 2019

| BIL | AKTIVITI | TEMPAT | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|-----|---|--|-----------------|------------------|
| 1. | Kursus Medikolegal Pergigian | Bilik Seminar, Klinik Kesihatan Cheras | 9- 10/4/2019 | 28 orang |
| 2. | Kursus Pemantapan Pegawai Penguatkuasa Pemantau Pergigian | Bilik Mesyuarat, Mahkamah Syariah Kuala Lumpur | 8/8/2019 | 28 orang |

6.7.1 Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta


Pendaftaran Klinik Pergigian Swasta

Pada tahun 2019, sebanyak 41 buah klinik pergigian swasta memohon untuk didaftarkan dan 30 buah klinik (73.2%) daripada permohonan itu telah diluluskan dan mendapat Perakuan Pendaftaran Klinik (COR – Certificate Of Registration) Status klinik pergigian swasta di negeri ini selama 7 tahun berturut-turut adalah seperti di Jadual 64.

Jadual 6.60: Bilangan Klinik Pergigian Swasta yang berdaftar Tahun 2013-2019

| BIL | BUTIRAN | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|-----|--|------|------|------|------|------|------|------|
| 1 | Bilangan klinik yang berdaftar (pada 1 Jan) tahun semasa | 293 | 296 | 321 | 315 | 333 | 343 | 378 |
| 2 | Bilangan klinik yang memohon untuk pendaftaran | 21 | 18 | 22 | 34 | 42 | 41 | 64 |
| 3 | Bilangan permohonan yang diluluskan | 11 | 21 | 14 | 23 | 28 | 48 | 45 |
| 4 | Bilangan klinik yang telah ditarik balik/dibatalkan Pendaftaran(tutup/lupus) | 8 | 9 | 0 | 18 | 18 | 13 | 6 |
| 5 | Bilangan klinik yang berdaftar (pada 31 Disember) tahun semasa | 296 | 321 | 315 | 333 | 343 | 378 | 417 |

Jadual 6.60 menunjukkan bilangan klinik pergigian swasta yang berdaftar dari tahun 2013-2019. Bilangan klinik pergigian swasta yang berdaftar menjelang akhir tahun 2019 adalah sebanyak 417 buah klinik. Jika dirujuk Rajah 43, akan dapat dilihat akan kenaikan jumlah pendaftaran klinik pergigian swasta yang semakin meningkat saban tahun.




Rajah 6.45 : Bilangan Klinik Pergigian Swasta Berdaftar Tahun 2013 hingga 2019

Jadual 6.61: Bilangan Klinik Pergigian Swasta Berdaftar di WPKL & Putrajaya Tahun 2018

| BIL. | ZON | BILANGAN KLINIK | PERATUS(%) |
|---------------|---------------|-----------------|------------|
| 1. | Lembah Pantai | 151 | 36.3 |
| 2. | Titiwangsa | 96 | 23.1 |
| 3. | Cheras | 92 | 22.1 |
| 4. | Kepong | 73 | 17.5 |
| 5. | Putrajaya | 5 | 1.2 |
| Jumlah | | 417 | 100 |

Melihat kepada pengagihan Klinik Pergigian Swasta ini di dalam [Jadual 6.61](#), peratusan bilangan klinik pergigian swasta yang berdaftar mengikut zon yang paling tinggi adalah di zon Lembah Pantai iaitu sebanyak 36.3%. Manakala yang paling rendah adalah di zon Putrajaya dimana hanya 1.2% sahaja klinik pergigian swasta yang berdaftar bagi tahun 2019. Boleh dilihat dari graf [Rajah 44](#), hampir semua daerah menunjukkan peningkatan dalam pendaftaran klinik pergigian swasta.



Rajah 6.46 : Bilangan Klinik Pergigian Swasta Berdaftar Mengikut Daerah

Pemeriksaan Klinik Pergigian Swasta

Pemeriksaan klinik pergigian swasta merangkumi pra dan pasca pendaftaran, pengawasan serta verifikasi dan pemeriksaan pemantauan. Bagi pemeriksaan pra dan pasca pendaftaran, semua klinik pergigian swasta perlu mematuhi senarai semak yang telah ditetapkan. Pada tahun 2018, pemeriksaan pemantauan Klinik Pergigian Swasta


telah dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Pengarah Kesihatan Negeri (PKN) dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (TPKN). Sejumlah 40% klinik pergigian swasta yang dikenalpasti dari jumlah keseluruhan klinik pergigian swasta yang berdaftar di WPKL&P perlu diperiksa 100% bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan. Pemeriksaan pemantauan klinik pergigian swasta yang berdaftar juga dijalankan bagi memastikan bahawa *standard* dikekalkan dan mematuhi semua akta-akta yang berkaitan.

Jadual 6.62: Bilangan Pemeriksaan Dijalankan

| NEGERI | BIL KLINIK YANG MENDAFTAR | PEMERIKSAAN | | | |
|--|---------------------------|-----------------|-------------------|--------------------|-----------|
| | | PRA PENDAFTARAN | PASCA PENDAFTARAN | PEMANTAUAN | |
| | | | | BILANGAN | PERATUSAN |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya | 378 | 50 | 56 | 162/378 (1 Jan) | 42.9% |

Jadual 6.63 : Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PKN dan TPKN 2019


| NEGERI | INDIKATOR | KPI | BILANGAN KLINIK YANG DIKENALPASTI | PEMANTAUAN YANG TELAH DIJALANKAN | PERATUSAN YANG DICAPAI |
|--|--|------|-----------------------------------|----------------------------------|------------------------|
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya | Peratus pemeriksaan pemantauan yang dijalankan ke atas klinik pergigian swasta | 100% | 162 | 162 | 100% |



Rajah 6.47 : Lawatan Pemeriksaan Klinik Pergigian Swasta Mengikut Tahun

Aduan Klinik Pergigian Swasta

Aduan merangkumi aduan terhadap klinik pergigian swasta yang berdaftar dan tidak berdaftar. Aduan yang diterima akan disiasat dan diambil tindakan sewajarnya. Pada tahun 2019, terdapat 30 aduan yang terdiri daripada 8 klinik pergigian berdaftar dan selebihnya tidak berdaftar. Dua kes telah dikenakan tindakan penguatkuasaan dimana serbuan telah dijalankan dan dikenakan tindakan undang-undang pada tahun 2018 dan 1 kes telah selesai dan didenda RM40 ribu. Namun terdapat 1 kes lagi masih tergantung kerana kes di bawah umur. Rajah 46 menunjukkan penurunan dalam aduan klinik pergigian swasta berdaftar dan terdapatnya peningkatan dalam aduan klinik pergigian tidak berdaftar. Antara sebab peningkatan aduan tidak berdaftar adalah disebabkan meningkatnya penggunaan media sosial dan aplikasi telefon bimbit dikalangan remaja yang menjalankan aktiviti pergigian haram “fakebraces”, “fakeveneers”, “fakedentures” dan “whitening”.



Rajah

6.48 : Bilangan Aduan Klinik Pergigian Swasta

Tindakan Penambahbaikan

Terdapat 3 isu utama yang dihadapi oleh Unit Perundangan & Penguatkuasaan Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan WPKL&P iaitu:

A) Isu-isu dalam pra dan pasca - pemeriksaan pendaftaran

- i. Penyimpanan sisa klinikal yang tidak menggunakan *freezer* bagi penyimpanan dalam tempoh masa yang lama (Pengambilan sisa klinik hanya dilaksanakan sebulan sekali sahaja)
- ii. Isu Klinik Pergigian Swasta yang tidak menyediakan asas kecemasan perubatan seperti tong oksigen, ambulatori bag dan peti asas kecemasan. Pemohon meminjam dari klinik lain hanya untuk pemeriksaan dan tiada lagi di klinik setelah pemeriksaan dilakukan.
- iii. Isu Klinik Pergigian Swasta yang tidak mengikut Akta dan Peraturan dimana pemohon hanya mengikut peraturan sewaktu pemeriksaan sahaja bagi mendapatkan perakuan pendaftaran.

B) Isu-isu dalam pemeriksaan pemantauan

- i. *Autoclave* tidak diluluskan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan - tiada Sijil Kelayakan (*CF*)
- ii. Pembuangan sisa klinikal yang tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- iii. Dokumen yang perlu dipaparkan kepada pesakit tidak dipaparkan, seperti senarai harga rawatan, polisi klinik, mekanisme aduan pesakit dan lain-lain.
- iv. *Certificate of Registration (COR)*, *Annual Practising Certificate (APC)* pengamal pergigian dan Pendaftaran dengan Majlis Pergigian Malaysia (MDC) tidak dipaparkan.
- v. Terdapat pengamal pergigian swasta yang kurang memberikan kerjasama kepada pegawai pemantau dan penguatkuasa.
- vi. Terdapat pengamal yang mengambil LOCUM tanpa APC (Sijil Amalan Tahunan).

C) Isu-isu dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan

- i. Kekurangan pegawai penguatkuasa yang memiliki kad kuasa.
- ii. Kekurangan sumber serta kerjasama dari pihak berkuasa lain.

Sehubungan itu, kedua isu pertama itu ditangani dengan memberi nasihat dan peringatan kepada pengamal pergigian swasta yang berkenaan. Seterusnya, pemantauan semula akan dilakukan bagi memastikan mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan. Manakala isu dalam aktiviti penguatkuasaan akan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi.

Pelan Tindakan Untuk 5 Tahun Akan Datang

- Memastikan semua PP/JP didedahkan dengan Akta Pergigian 2018.
- Menganjurkan Kursus Medikolegal dan berkaitan setiap tahun kepada semua PP/JP.
- Bekerjasama dengan CKAPS serta Jabatan lain yang berkaitan dalam membanteras perkhidmatan pergigian yang menyalahi undang-undang.
- Meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan pengamal pergigian palsu melalui promosi dan media sosial.

6.7.2 Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan Hospital memainkan peranan yang amat penting dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh. Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berasaskan kepada keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), Seksyen 16 yang mana menekankan beberapa perkara penting berkaitan dengan Dasar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan yang wajib dilaksanakan oleh majikan. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia menyedari kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan memandangkan kakitangan klinik/hospital sentiasa berdepan dengan pelbagai bahaya pekerjaan.

Sehubungan dengan itu dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini dapat memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjaanya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya.

Objektif

- Bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja
- Melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan aktiviti orang-orang yang bekerja
- Untuk menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan bagi orang-orang yang sedang bekerja yang disesuaikan dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka

Aktiviti

Jadual 6.64 : Aktiviti Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2019

| BIL | AKTIVITI | TEMPAT | TARIKH | BILANGAN PESERTA |
|-----|--|--------------------------|-----------|------------------|
| 1 | Taklimat Reten JKKP | Bilik Molar, JKWP&P | 14/2/2019 | 25 orang |
| 2 | Kursus Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan | Bilik Seminar, KP Cheras | 5/3/2019 | 40 orang |
| 3 | Kursus <i>Needle Stick Injury</i> (NSI) | Bilik Seminar, HRC | 18/6/2019 | 45 orang |
| 4 | Kursus Audit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan | Bilik Seminar, KKKL | 1/8/2019 | 30 orang |

Laporan Kes Kemalangan Dan Kesihatan Pekerjaan Jan-Dis 2019

Kemalangan Di Tempat Kerja

- Sebanyak lima (5) kes kemalangan di tempat kerja dilaporkan sepanjang Januari-Disember 2019 yang melibatkan anggota kesihatan.
- Satu (1) kemalangan melibatkan kebakaran di baju pegawai pergigian sewaktu *waxing denture*.
- Terdapat tiga (3) kes kekerasan ke atas anggota KKM yang melibatkan Pegawai Pergigian.
- Satu (1) kes kemalangan melibatkan serpihan gigi pesakit termasuk ke dalam mata anggota sewaktu cuba mencabut gigi pesakit.


Tercucuk Peralatan Tajam

- Sebanyak Sembilan belas (19) kes tercucuk peralatan tajam telah dilaporkan sepanjang Januari hingga Disember 2019 yang mana lapan (8) kes adalah melibatkan Pegawai Pergigian, lima (5) kes melibatkan Pembantu Pembedahan Pergigian, empat (4) kes melibatkan Pembantu Perawatan Kesihatan dan dua (2) kes melibatkan Pembantu Sambilan Harian (PSH)
- Jenis-jenis peralatan tajam yang digunakan terdiri daripada *hypodermic needle, periodontal probe, coupland, scaler tip, lecron carver dan elevator*
- Kemalangan tercucuk peralatan tajam berlaku semasa anggota mengendalikan jarum suntikan, semasa cabutan gigi menggunakan *elevator*, semasa menjalankan rawatan *endodontic* dan sewaktu mencuci peralatan tajam.


Langkah-Langkah Yang Diambil

- Risiko tercucuk peralatan tajam telah dimasukkan sebagai salah satu risiko dalam Pelan Tindakan Risiko bagi klinik-klinik pergigian supaya anggota lebih berhati-hati dan mengambil tindakan pencegahan awal terhadap risiko tersebut semasa mengendalikan peralatan tajam.
- Pihak klinik juga telah disarankan untuk mengambil tindakan penambahbaikan dengan memastikan taklimat/kursus/CDE dihadiri oleh anggota bagi meningkatkan kefahaman dalam pengendalian peralatan tajam.


- Pemantauan berkala perlu dilaksanakan dari masa ke semasa oleh Ketua Unit atau Penyelia bagi memastikan anggota-anggota sentiasa mengikut garis panduan dalam menjalankan tugas.




Rajah 6.49 : Bilangan Kes Tertusuk Peralatan Tajam Jan-Dis 2019 Mengikut Kategori




Rajah 6.50 : Perbandingan Bilangan Kes Tertusuk Peralatan Tajam Mengikut Tahun



Rajah 6.51 : Jenis Peralatan Tajam Yang Terlibat



Rajah 6.52 : Klinik yang terlibat



Rajah 6.53 : Tempoh Bekerja Anggota Terlibat

Laporan Imunisasi Hepatitis B


Imunisasi Hepatitis B adalah penting bagi memastikan pekerja kesihatan terlindung dari penyakit berjangkit. Oleh itu, program ini adalah untuk memastikan kesemua anggota kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berisiko untuk mendapat jangkitan ini adalah dilindungi dengan pemberian imunisasi Hepatitis B.

Strategi program ini adalah seperti berikut;

- Memberikan imunisasi Hepatitis B kepada anggota KKM yang belum pernah mendapat imunisasi atau yang telah mendapat imunisasi tetapi tidak lengkap.
- Menentukan status seroconversion bagi anggota KKM yang telah mendapat imunisasi yang lengkap.
- Memberikan imunisasi ulangan kepada anggota KKM yang telah mendapat seroconversion selepas mendapat imunisasi yang lengkap dalam kitaran pertama.
- Memastikan anggota KKM yang tidak mencapai seroconversion setelah melalui dua kitaran imunisasi yang lengkap untuk mendapatkan khidmat kaunseling atau pengurusan pekerjaan.
- Merujuk anggota KKM yang telah dikenalpasti mempunyai status HbsAg positif kepada pakar perubatan yang berkenaan untuk tujuan rawatan dan pengurusan lanjut.

Program ini adalah dibawah Unit Kesihatan Pekerjaan , Cawangan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KPAS), Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Pemantauan oleh Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P dilakukan secara bulanan dan berterusan bagi memastikan semua anggota kesihatan pergigian mendapat perlindungan sewajarnya. Berikut adalah laporan imunisasi di kalangan anggota kesihatan pergigian bagi tahun 2019.






Rajah 6.54 : Peratusan Tamat Program Imunisasi Mengikut Klinik Bagi Jan-Dis 2019

Laporan Saringan Tibi

Satu saringan dilakukan bagi kesemua anggota kesihatan pergigian yang terdedah kepada penyakit berjangkit ini. Program ini turut di bawah Unit Kesihatan Pekerjaan, Cawangan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KPAS), Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Pemantauan dilakukan secara berterusan bagi memastikan anggota kesihatan pergigian mendapat perlindungan sewajarnya.



Rajah 6.55 : Peratusan Tamat Program Saringan Tibi Mengikut Klinik Bagi Jan-Dis 2019

Laporan Pemeriksaan Kesehatan

Pemeriksaan kesihatan bagi setiap anggota kesihatan Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P dijalankan setiap tahun. Pemantauan berterusan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan tahap kesihatan yang optimum bagi setiap anggota kesihatan pergigian. Berikut adalah peratusan pemeriksaan kesihatan bagi setiap klinik bagi tahun 2019.




Rajah6.56 : Peratusan Pemeriksaan Kesihatan Mengikut Klinik Bagi Jan-Dis 2019


AUDIT KESELAMATAN

Audit keselamatan dan kesihatan adalah satu sistem pengurusan yang proaktif untuk membolehkan sesuatu organisasi menilai pelaksanaan tatacara amalan dan tahap keselamatan dan kesihatan di sebuah organisasi. Audit amalan klinikal terhadap fasiliti pergigian bertujuan mengenal pasti risiko serta meningkatkan dan memperbaiki amalan klinikal pergigian. Audit tersebut akan memastikan setiap fasiliti yang akan diaudit mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP). Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi Bahagian Kesihatan Pekerjaan telah dijalankan pada 19-30 Ogos 2019. Status pematuhan fasiliti bagi WPKL&P adalah 100% untuk tahun 2019. Ini dimana kesemua fasiliti mencapai skor yang ditetapkan iaitu melebihi 80%. Audit ini telah dijalankan keatas 62 daripada 147 fasiliti yang terdapat di WPKL&P. Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini terbahagi kepada 5 bahagian iaitu Pengurusan,

Kawalan Jangkitan Silang, Pengurusan Amalgam, Keselamatan Sinaran dan Makmal Pergigian.



Rajah 6.57 : Peratusan Skor Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Mengikut Daerah



Rajah 6.58 : Peratusan Skor Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Mengikut Bahagian

CAWANGAN PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN

6.8 PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN

6.8.1 Program Institut Pendidikan Guru (Ipg)

Guru merupakan agen penyampai utama maklumat yang berkaitan dengan kesihatan yang unggul bagi setiap individu. Kedudukan guru yang boleh berhubung terus dengan masyarakat setempat memudahkan maklumat yang disampaikan serta diterima oleh masyarakat. Oleh itu, wajarlah kiranya maklumat berkaitan kesihatan pergigian disampaikan kepada guru pelatih yang akan ditempatkan di sekolah untuk menerima maklumat tentang kesihatan pergigian melalui satu program khas.

Penyerapan komponen kesihatan pergigian ini ke dalam sukatan mata pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah berjaya dalam persetujuan antara Bahagian Pendidikan Guru dan Bahagian Kesihatan Pergigian pada tahun 1989. Justeru melalui persetujuan tersebut program kesihatan pergigian perlu dilaksanakan melalui penganjuran Kursus Kesihatan Pergigian.

Lantaran daripada itu, Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya telah bersetuju agar program kesihatan pergigian dilaksanakan di 3 buah Institut Pendidikan Guru (IPG) di Kuala Lumpur. Program dijalankan sebelum guru pelatih menjalani *Intership* Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) iaitu pada semester 5 dan 7.

Objektif Program

1. Mengalakkan penglibatan guru- guru dalam perkembangan pengetahuan kesihatan pergigian.
2. Membentuk keseimbangan antara pendidikan dan kesihatan pergigian.
3. Salah satu langkah melatih guru dalam menjayakan program perkhidmatan pergigian sekolah
4. Melahirkan guru yang berkemahiran dalam mengenal pasti keadaan kebersihan mulut, cara memberus dan membersih gigi dengan berkesan.

5. Guru yang mampu mengenal pasti murid- murid yang mempunyai masalah pergigian di peringkat awal untuk diberi nasihat atau dirujuk.

Aktiviti Program

1. Pendidikan Kesihatan Pergigian
2. Pemeriksaan Kesihatan Pergigian
3. Pameran
4. Demonstrasi Latihan Memberus Gigi (LMG)
5. Bengkel Rancangan Pelajaran Harian

Jadual 6.65 : Laporan Pelaksanaan Aktiviti di IPG Tahun 2019

| No . | IPG | ANJURAN | | | Tarikh Pelaksanaan Program | Maklumat Guru Pelatih | | | | | **Aktiviti-aktiviti yang dijalankan | Personel Pergigian Terlibat | |
|------|--|---------|-----|-----------|----------------------------|-----------------------|----------|-----------|----------|---------|---|---|-------------------------|
| | | PJK | HEP | Lain-lain | | Program | Semester | *Enrolmen | Bilangan | Peratus | | Pakar/ Pegawai Pergigian Kesihatan Awam | Pegawai Pergigian |
| 1 | IPG Kampus Bahasa Melayu | | √ | | 6-7 Nov 2019 | PI S M P | 3 dan 5 | 188 | 188 | 100 | Pemeriksaan Pergigian. Ceramah Pameran LMG Ujian Pre-Test dan Post-Test | Dr Azura Bt Abdullah | Dr Aini Norhaida Othman |
| | | | | | | K P LI | - | - | - | - | | | |
| 2 | IPG Kampus Bahasa Antarabangsa | | √ | | 17-19 April 2019 | PI S M P | 3 dan 5 | 64 | 64 | 100 | Ceramah Pemeriksaan mulut Pameran LMG Pembentangan RPH Ujian Pre-Test dan Post-Test | Dr Azura Bt Abdullah | Dr Lavanya Meyappan |
| | | | | | | K P LI | - | - | - | - | | | |
| 3 | Institut Pendidikan Guru Ilmu Khas, Cheras | | √ | | Tidak dapat dijalankan | PI S M P | 8 | 81 | 0 | 0 | Tiada | tiada | Dr Zaidah |
| | | | | | | K P LI | | | | | | | |

Cabaran

Kerjasama daripada semua pihak adalah sangat baik. Namun begitu, di sebabkan oleh faktor komunikasi yang kurang baik antara pihak IPG iaitu IPG Institut Pendidikan Guru Ilmu Khas, Cheras Kuala Lumpur menyebabkan pelaksanaan program di IPG tersebut pada tahun ini terjejas dan tidak dapat dijalankan di saat akhir persediaan yang telah di buat oleh pihak pergigian.

Secara keseluruhannya hal ini merupakan faktor penyebab yang mempengaruhi kemerosotan pemahaman guru bagi sesetengah topik walaupun secara umumnya menunjukkan pemahaman yang baik tentang kesihatan pergigian jelas menunjukkan kemahiran berkomunikasi adalah penting untuk mencapai komunikasi berkesan agar objektif program tercapai.

Tindakan Penambahbaikan

Perancangan awal perlu di laksanakan setiap awal tahun di mana pegawai yang bertanggungjawab perlu sentiasa berhubung baik antara pihak IPG bagi memastikan program berjalan lancar. Sebarang perubahan tarikh perancangan program perlu dimaklumkan dan dikemaskini kepada kedua-dua belah pihak.

Untuk membina komunikasi interpersonal yang berkesan bukanlah mudah jika tidak mengenalpasti terlebih dahulu faktor yang akan mempengaruhi komunikasi berkesan. Penghantar maklumat perlulah memahami isi kandungan maklumat sebaik mungkin dan memilih media dan saluran yang terbaik untuk menyebarkannya agar penyampaian maklumat kesihatan pergigian kepada para guru pelatih dapat dicapai.

Manakala para guru pelatih juga perlulah berusaha untuk menjadi pendengar yang baik agar pemahaman dua hala tercapai. Penyampaian maklumat secara lisan boleh diringkaskan atau dipersembahkan semula menggunakan media-media yang lebih menarik dan bersifat lebih dinamik supaya ia mampu merangsang minda pelajar selain dari faktor ia tidak membosankan.

6.8.2 IGG Bahagian Kesihatan Pergigian Jkwpl & P

Program ikon gigi (iGG) adalah program yang melibatkan komuniti sebagai medium perantara dalam penyampaian maklumat kesihatan pergigian dengan lebih berkesan. Pada 2019, seramai 10 fasilitator ikon gigi (iGG) telah dilantik dalam kalangan pegawai pergigian untuk membimbing ikon gigi (iGG). Seramai 13 orang awam telah dilantik sebagai ikon gigi (iGG) JKWPKL & Putrajaya.

Objektif

Objektif am program ikon gigi (iGG) adalah untuk meningkatkan status kesihatan pergigian rakyat melalui aktiviti-aktiviti kesukarelawan dan pemeraksanaan masyarakat.

Objektif khusus program ikon gigi (iGG) adalah seperti berikut:

- i. Untuk menggalakkan penglibatan individu dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan;
- ii. Untuk melatih iGG dalam menyampaikan maklumat berkaitan kesihatan pergigian;
- iii. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masyarakat dalam penjagaan kesihatan pergigian sendiri; dan
- iv. Untuk meningkatkan status kesihatan pergigian masyarakat.

Aktiviti


Bengkel untuk ikon gigi (iGG) telah berlangsung pada 20 April 2019 di Bilik Seminar, Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 9. Bengkel ini telah berjaya memantapkan pengetahuan ikon gigi (iGG) mengikut 4 modul yang dikeluarkan oleh BKP, KKM iaitu

- i. Kenali gigi anda
- ii. Ketahui masalah-masalah pergigian
- iii. Penjagaan pergigian dan pencegahan
- iv. Fasiliti dan perkhidmatan pergigian

Selepas menghadiri bengkel, ikon gigi (iGG) menjalankan aktiviti berpandukan modul bawah bimbingan fasilitator ikon gigi (iGG) masing-masing.


Sepanjang tahun 2019, para ikon gigi (iGG) bukan sahaja menjalankan aktiviti individu malah terlibat dalam aktiviti promosi kesihatan pergigian yang dianjurkan oleh BKP, JKWPKL & Putrajaya seperti Kembara Sihat pada bulan April dan perasmian minggu promosi yang bertema “Pastikan doktor gigi yang Ori” pada bulan September.

Pencapaian



Rajah 6.59 : Bilangan aktiviti yang dijalankan oleh iGG pada tahun 2019

Jumlah aktiviti yang dijalankan adalah sebanyak 150 kali aktiviti dalam setahun. Bulan Mac dan April mendapat paling banyak aktiviti dijalankan iaitu 26 kali. Bulan Disember adalah bulan yang paling kurang aktiviti dijalankan iaitu sebanyak 6 kali.



Rajah 6.60 : Bilangan aktiviti dijalankan oleh iGG dari 2018-2019

Cabaran/Isu-Isu

Terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaan program ikon gigi (iGG) di mana

- i. Pertukaran pegawai pergigian menyebabkan ikon gigi (iGG) yang bawah bimbangan tidak aktif
- ii. Kebanyakan ikon gigi tidak dapat menjalankan aktiviti seperti yang ditetapkan dalam KPI.
- iii. Kesukaran untuk mendapat reten dengan laporan pada masa yang ditetapkan.

Tindakan Penambahbaikan

Kursus pementapan fasilitator ikon Gigi (iGG) akan diadakan untuk semua pegawai pergigian yang telah dilantik sebagai fasilitator pada tahun 2020 supaya fasilitator ikon gigi (iGG) akan lebih memahami tugas dan tanggungjawab mereka. Selain itu, ketua zon fasilitator akan dilantik untuk setiap zon untuk memudahkan pemantauan aktiviti ikon gigi (iGG).

6.8.3 Program Pemfluoridaan Bekalan Air Awam

Pemfluoridaan bekalan air awam adalah aktiviti kemasyarakatan yang bertujuan untuk mencegah dan mengurangkan kerosakan gigi. Pemfluoridaan bekalan air awam di paras 0.4 – 0.6 ppm merupakan aktiviti pencegahan primer yang sangat berkesan bagi mencegah kejadian karies atau kerosakan gigi. Ianya telah diterima sebagai salah satu polisi kerajaan bermula pada tahun 1972. Semenjak itu, program tersebut telah diperluaskan kepada seluruh penduduk. Kementerian Kesihatan Malaysia dan pelbagai Pihak Berkuasa Air telah bekerjasama bagi menjayakan program pemfluoridaan ini.

Objektif

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memantau paras fluorida dalam bekalan air minuman dan memastikan kandungan fluorida sentiasa menepati paras optimum yang ditetapkan.

Objektif Khusus

1. Untuk memantau paras fluorida dalam bekalan air di 3 (tiga) buah pusat retikulasi.
2. Untuk memantau paras fluorida di 3 (tiga) buah loji air.

Jadual 6.66 : Jumlah bacaan paras fluorida di WPKL&P

| LOKAS I | LOJI | KAPASITI (MLD) | OUTPUT CAPACITY (MLD) | JUMLAH PENDUDUK TERIMA BEKALAN AIR FLUORIDA | JUMLAH BACAAN | 0.4 - 0.6 PPM | | < 0.4 PPM | | > 0.6 PPM | |
|-----------|------------------|----------------|-----------------------|---|---------------|---------------|-----|-----------|---|-----------|---|
| | | | | | | N O | % | N O | % | N O | % |
| WPKL | Loji Bukit Nanas | 45 | 45.45 | 141,534 | 48 | 48 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | Loji Wangsa Maju | 145 | 130.59 | 217,933 | 48 | 48 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Putrajaya | Loji Sg Semenyih | 120 | 146.3 | 1.34m | 46 | 46 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 310 | 322.34 | 1,856,000 | 142 | 142 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 |

Bekalan air awam bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kebanyakannya dibekalkan oleh loji-loji air dari Negeri Selangor. Hanya terdapat tiga buah loji air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (WPKL&P) iaitu Loji Bukit Nanas, Loji Wangsa Maju dan Loji Sungai Semenyih.

Penswastaan perkhidmatan air di Selangor telah bermula semenjak tahun 1994 dan secara sepenuhnya pada tahun 2004 yang melibatkan pemegang konsesi utama seperti Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB), Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) dan Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS).

Mulai 1 Januari 2016, pihak Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan WPKL&P dibenarkan mengambil bacaan sampel air dari tiga (3) loji berikut iaitu Loji Wangsa Maju, Bukit Nenas dan Sungai Semenyih, juga pengambilan sampel air dari lokasi retikulasi yang dikenalpasti dengan kerjasama dari Bahagian Kejuruteraan Jabatan Kesihatan WPKL&P.

Pihak Pegawai Persekitaran Daerah dan Jabatan Kesihatan Alam Sekitar, DBKL telah membantu Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan WPKL&P untuk mengambil sampel air tersebut.

Pegawai Pergigian Daerah Putrajaya dan Titiwangsa telah bekerjasama dengan pihak Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing, manakala Pegawai Pergigian Daerah Lembah Pantai bekerjasama dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menetapkan jadual pengambilan sampel air sekali seminggu dan pengenalpastian lokasi retikulasi yang telah dikenalpasti oleh Unit Kawalan Mutu Air Minum (KMAM).

Bagi setiap loji telah ditetapkan hanya satu lokasi retikulasi representatif sahaja yang perlu diambil bacaan fluorida. Sampel diambil sekurang-kurangnya empat (4) kali sebulan di lokasi retikulasi dan empat (4) kali sebulan di Loji Rawatan Air (LRA) seperti di Jadual 70.

Jadual 6.67 : Senarai Lokasi Retikulasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

| LOJI | BI L | LOKASI RETIKULASI | KLINIK PERGIGIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB | KEKERAPAN PENGAMBILAN BACAAN | | JUMLAH BACAAN SETIAP LOJI DAN LOKASI RETIKULASI |
|------------------|------|--|--|------------------------------|-------------------|---|
| | | | | LOJI | LOKASI RETIKULASI | |
| Loji Bukit Nenas | 1 | Jalan Galloway (Jalan Hang Isap), WPKL | Klinik Pergigian Cahaya Suria | 4x sebulan | 4x sebulan | 96 |
| Loji Wangsa Maju | 1 | Seksyen 5, Wangsa Maju, WPKL | Klinik Pergigian Setapak | 4x sebulan | 4x sebulan | 96 |
| Loji Sg Semenyih | 1 | Putrajaya Presint 9, WP Putrajaya | Klinik Pergigian Putrajaya Presint 9 | 4x sebulan | 4x sebulan | 96 |

Jadual 6.68: Aktiviti Latihan 2019 dan Perancangan Latihan 2019

| DAERAH / ZON | TARIKH | NAMA KURSUS / SEMINAR | JUMLAH PESERTA | TELAH DIADAKAN PADA 2019 | RANCANGAN 2020 |
|--------------|---------------|---|-------------------------------|--------------------------|-------------------|
| WPKL&P | 21 Mac 2019 | Taklimat Penggunaan dan Penjagaan <i>Pocket Colorimeter</i> | 20 PP, PPK, PPP | √ | √ (April 2020) |
| WPKL&P | 24 Julai 2019 | Lawatan sambil belajar ke Loji Rawatan Air Sungai Semenyih | 32 PP, JP, PPP, PK, 2 Pemandu | √ | √ (Julai 2020) |

Pengukuhan Latihan

Selain daripada taklimat penggunaan dan penjagaan *Pocket Colorimeter*, Seminar Pemfluoridaan Air Negeri WPKL&P dan sesi dialog bersama agensi air diadakan setiap tahun. Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan WPKL&P juga telah melaksanakan lawatan ke salah satu dari tiga (3) Loji Rawatan Air di WP Kuala Lumpur & Putrajaya.

Penemuan

Bagi tahun 2019, pemantauan paras fluorida yang diambil bacaan daripada tiga buah pusat retikulasi, kesemua bacaan menepati paras piawaian yang ditetapkan iaitu 0.4 – 0.6 ppm. Ini menepati *Key Performance Indicator* (KPI) ke 18 iaitu “Peratus penduduk yang menerima bekalan air berfluorida” dengan sasaran sama atau melebihi 75%. WPKL&P telah mencapai sasaran KPI tersebut dengan pencapaian 100% bagi tahun 2019. Bagi pemantauan *National Indicator Approach* (NIA) Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan WPKL&P, “Peratus tidak mencapai level optimal di pusat retikulasi” juga menepati sasaran yang ditetapkan iaitu $\leq 25\%$ bagi ‘level < 0.4 ppm’ dan $\leq 7\%$ bagi ‘level > 0.6 ppm’. Kesemua bacaan yang diambil mencapai level optimal yang ditetapkan (0.4 – 0.6 ppm).

Kelemahan

Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P tiada menghadapi masalah yang serius dalam memantau paras fluorida di loji dan pusat retikulasi kerana kerjasama yang baik diberikan oleh pihak loji, pihak pembekal *Pocket Colorimeter*, Jabatan Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) dan pihak klinik yang mengambil bacaan.

Cadangan Penambahbaikan

Latihan, lawatan sambil belajar dan seminar akan diteruskan setiap tahun bagi melengkapkan anggota pergigian dengan maklumat terkini. Taklimat daripada pembekal (*Cth Arachem*) berkenaan penggunaan dan penyelenggaraan *Pocket Colorimeter* harus

diteruskan bagi memberi pendedahan mengenai cara pengambilan data yang tepat mengikut tatacara pembekal.

Kesimpulan

Bacaan paras fluorida telah menepati paras fluorida yang ditetapkan pada tahun 2018 dan seratus peratus warga WP Kuala Lumpur & Putrajaya menerima bekalan air berfluorida. Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Mutu Air Minum diadakan 2 kali setahun bersama Bahagian Kesihatan Awam bagi laporan Kualiti Mutu Air Minum.

Sehubungan itu, adalah diharapkan program pemfluoridaan dalam mencegah penyakit karies gigi dapat sentiasa diperkukuhkan bagi meningkatkan kesihatan dan kualiti kehidupan rakyat.

6.8.4 program *Primary Prevention And Early Detection Of Oral Potentially Malignant Disorders And Oral Cancers*

Pada tahun 2018, Program Kesihatan Pergigian, KKM telah mengeluarkan Garispanduan *Primary Prevention and Early Detection of Oral Potentially Malignant Disorders and Oral Cancers* bagi memberi panduan meningkatkan tahap kesedaran dalam mengurangkan dan menghentikan tabiat risiko serta pengesanan awal kanser mulut.

Objektif Am

Untuk mengurangkan prevalens dan kejadian Gangguan Potensi Malignan Mulut (*Oral Potentially Malignant Disorders*, OPMD) di kalangan masyarakat.



Objektif Khusus


- i) Untuk melakukan saringan terhadap orang dewasa bagi pengesanan awal OPMD dan kanser mulut dalam komuniti berisiko tinggi yang dikenalpasti
- ii) Untuk menjalankan *opportunistic screening* bagi pengesanan awal OPMD dan kanser mulut di kalangan orang dewasa yang menghadiri program komuniti dan menghadiri klinik pergigian
- iii) Untuk mengesan kes-kes OPMD dan kanser mulut, membuat rujukan dan pemantauan komplians pesakit yang dirujuk
- iv) Untuk mendidik masyarakat umum dan komuniti berisiko tinggi mengenai faktor risiko, tanda-tanda awal kanser mulut dan pemeriksaan mulut sendiri (*Mouth Self Examination, MSE*).

Jadual 6.69: Laporan Am Aktiviti 2019


| DAERAH | JUMLAH PESAKIT ≥ 20 TAHUN YANG DISARING | | JUMLAH PESAKIT DISARING DENGAN TABIAT BERISIKO TINGGI | | | PESAKIT DENGAN TABIAT BERISIKO TINGGI | | | | | | JUMLAH PESAKIT DISARING YANG ADA LESI MULUT | PESAKIT DENGAN LESI MULUT | | | |
|-------------------|---|----------|---|----------|--------|---------------------------------------|--------|----------------------------|--------|-------------------------|--------|---|---------------------------|----------------------|--------|----------|
| | | | | | | JUMLAH DIRUJUK | | JUMLAH HADIR UNTUK RAWATAN | | JUMLAH BERJAYA BERHENTI | | | JUMLAH DIRUJUK | JUMLAH HADIR RUJUKAN | | |
| 1 | 2 | | 3 | | | 4 | | 5 | | 6 | | 7 | | 8 | | 9 |
| | Klinik | Komuniti | Klinik | Komuniti | Klinik | Komuniti | Klinik | Komuniti | Klinik | Komuniti | Klinik | Komuniti | Klinik | Komuniti | Klinik | Komuniti |
| PKP CHERAS | 741 | 34 | 739 | 34 | 17 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 | 0 | 5 | 0 | 4 | 0 |
| PKP KEPONG | 530 | 20 | 528 | 20 | 10 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 | 0 | 6 | 0 | 5 | 0 |
| PKP LEMBAH PANTAI | 831 | 67 | 825 | 67 | 128 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 18 | 0 | 16 | 0 | 11 | 0 |
| PKP PUTRAJAYA | 577 | 26 | 569 | 25 | 49 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 12 | 1 | 12 | 0 | 9 | 0 |
| PKP TITIWANGSA | 619 | 35 | 618 | 34 | 27 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 7 | 1 | 1 | 0 | 1 | 0 |
| JUMLAH | 3298 | 182 | 3279 | 180 | 231 | 5 | 4 | 0 | 0 | 0 | 49 | 2 | 40 | 0 | 30 | 0 |

6.8.4 Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2019

Kempen Minggu Kesedaran Kanser Mulut telah diadakan pada 17/11/2019-23/11/2019 di semua klinik pergigian di WPKL & Putrajaya. Majlis Pelancaran Minggu Kesedaran Kanser Mulut bagi tahun 2019 telah diadakan di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan tema *#FightMouthCancer*. Aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah *Walkathon* sejauh 3, 5, 7 KM, Zumba, booth pameran dan aktiviti “*Education, Awareness & Empower*”, booth cop tapak tangan di banner “*Pledge Against Oral Cancer*”, pertandingan melukis dan mewarna poster, Photobooth serta cabutan bertuah. Minggu Kesedaran Kanser Mulut ini dijalankan di seluruh Klinik Pergigian dengan aktiviti seperti pameran, ceramah, saringan mulut, demonstrasi pemeriksaan mulut sendiri (Mouth-Self Examination, MSE).



Rajah 6.61: Laporan Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2017, 2018, 2019



Rajah 6.62: Laporan Aktiviti Kesihatan Pergigian Sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2019

Jadual 6.70: Aktiviti Saringan dan Promosi Sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2019

| Bil | Tempat diadakan (KP) | Aktiviti Saringan Mulut | | | | Aktiviti Pendidikan Kesihatan | | | Aktiviti Promosi (Bilangan Diadakan) | | | | Aktiviti Nasihat / Kaunseling | Tandapan / Bilangan peserta | Catatan |
|-----|----------------------|-------------------------|----------------------------|-----------------------------|-----------------|-------------------------------|-------------|------------------|--------------------------------------|-------|---|----|-------------------------------|-----------------------------|---------|
| | | Jumlah disaring | Jumlah dengan risk habit** | Jumlah ada lesi pra kanker/ | Jumlah dirujuk* | Ceramah | | Ceramah di radio | Ceramah / Pameran | Video | | | | | |
| | | | | | | Berkumpulan | | | | | | | | | |
| | | | | | | Bil diadakan | Bil peserta | | | | | | | | |
| 1 | Cheras | 448 | 22 | 0 | 0 | 15 | 448 | 22 | 0 | 0 | 5 | 5 | 0 | ✓ | |
| 2 | Cheras Baru | 225 | 4 | 0 | 0 | 5 | 225 | 10 | 0 | 0 | 5 | 5 | 4 | ✓ | |
| 3 | Bandar Tun Razak | 91 | 21 | 0 | 0 | 5 | 205 | 21 | 0 | 0 | 5 | 5 | 21 | ✓ | |
| 4 | Cahaya Suria | 292 | 35 | 0 | 0 | 10 | 348 | 35 | 0 | 0 | 5 | 10 | 35 | ✓ | |
| 5 | Bangsar | 269 | 42 | 0 | 0 | 13 | 510 | 265 | 0 | 0 | 5 | 5 | 42 | ✓ | |
| 6 | Petalin g | 486 | 29 | 0 | 0 | 10 | 287 | 486 | 0 | 0 | 5 | 5 | 29 | ✓ | |

| | | | | | | | | | | | | | | | |
|--------|--------------------------------|----------|---------|---|---|-----|----------|------|---|---|----|--------|-----|---|--|
| | Bahagi a | | | | | | | | | | | | | | |
| 7 | Tangli n | 326 | 11 | 0 | 2 | 5 | 32 6 | 179 | 0 | 0 | 5 | 5 | 4 | √ | |
| 8 | UTC Pudu Sentral | 25 | 10 | 0 | 0 | 0 | 0 | 25 | 0 | 0 | 5 | 5 | 25 | √ | |
| 9 | Kuala Lumpu r | 610 | 31 | 0 | 0 | 6 | 35 4 | 31 | 0 | 0 | 5 | 5 | 31 | √ | |
| 1 0 | Dato Keram at | 252 | 25 | 0 | 0 | 7 | 29 3 | 252 | 0 | 0 | 5 | 5 | 25 | √ | |
| 1 1 | Setapa k | 257 | 26 | 1 | 0 | 5 | 13 0 | 66 | 0 | 0 | 5 | 5 | 66 | √ | |
| 1 2 | Kg Panda n | 28 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 36 | 0 | 0 | 1 | 1 | 4 | √ | KP Kg Pandan ditutup |
| 1 3 | Pulapo l | 130 | 1 | 0 | 0 | 4 | 13 0 | 69 | 0 | 0 | 4 | 4 | 69 | √ | |
| 1 4 | Jinjang | 313 | 37 | 0 | 3 | 9 | 31 3 | 37 | 0 | 0 | 5 | 5 | 37 | √ | |
| 1 5 | Batu | 248 | 33 | 0 | 0 | 5 | 14 0 | 248 | 0 | 0 | 6 | 5 | 248 | √ | |
| 1 6 | Sentul | 141 | 29 | 0 | 1 | 9 | 12 3 | 0 | 0 | 0 | 9 | 9 | 0 | √ | |
| 1 7 | UTC Mini Sentul | 230 | 37 | 0 | 0 | 5 | 18 0 | 50 | 0 | 0 | 5 | 5 | 180 | √ | |
| 1 8 | Putraja ya Presint 9 | 553 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 51 | 0 | 0 | 5 | 5 | 51 | √ | |
| 1 9 | Putraja ya Presint 18 | 378 | 12 | 1 | 1 | 5 | 81 | 13 | 0 | 0 | 5 | 5 | 13 | √ | |
| 2 0 | Puspan ita | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | Pesakit hanya wanita dan pada menjalankan MCAW |
| JUMLAH | | 53 02 | 41 8 | 2 | 7 | 118 | 40 93 | 1896 | 0 | 0 | 95 | 9 9 | 884 | | |

Jadual 6.71 : Aktiviti Latihan

| AKTIVITI/KURSUS | SASARAN | TARIKH | TRAINER | SASARAN 2020 |
|--|---|---------------------|--|----------------|
| Bengkel Peningkatan Bahan Promosi | 66 orang Pegawai Pergigian dan Juruterapi Pergigian | 23-25 April 2019 | Penceramah luar dan dalaman | April 2020 |
| Training of Trainers (TOT) for primary Prevention and early Detection of Oral Potentially Malignant Disorders and Oral Cancer (Database Access 2.0) | 25 Pegawai Pergigian | 22 Julai 2019 | Dr Azura Abdullah, Dr Nur Syazwani Che Husin | Jun 2020 |
| Seminar Calibration And Standardization Of Primary Prevention And Early Detection Of Oral Potentially Malignant Disorders And Oral Cancer | 32 Pegawai Pergigian | 30 Oktober 2019 | Dr Fadzira Maarof (OMFS HPJ) | September 2020 |
| Minggu Kesedaran Kanser Mulut | Kolaborasi KKM & OCRCC, UM | 17-23 November 2019 | - | November 2020 |

Pada Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2019, didapati jumlah disaring meningkat daripada 4194 pada tahun 2018 kepada 5302 pada tahun 2019. Manakala jumlah dengan tabiat berisiko pada tahun 2019 adalah seramai 418, seramai 7 orang dirujuk kepada Klinik Pakar Bedah Mulut.

Maklum Balas / Kelemahan

Didapati pesakit yang dirujuk dan dikesan di tahap 1 hanyalah 25% berbanding dengan Indikator *National Oral Health Goal (NOHG)* 2020 sebanyak 30%.

Ulasan / Cadangan Penambahbaikan

Pesakit-pesakit yang dirujuk perlu diwujudkan mekanisma bagaimana untuk memantau pesakit dirujuk hadir ke Klinik Pakar Bedah Mulut dengan meningkatkan kesedaran mengenai kanser mulut dan pengesanan awal serta tabiat berisiko tinggi di kalangan masyarakat. Peringatan seperti menggunakan aplikasi Sistem Pesanan Ringkas (SMS) adalah langkah penambahbaikan yang dicadangkan. Kesedaran berkaitan kepentingan pengesanan awal amatlah penting kerana langkah ini boleh dirawat di peringkat awal dan menyelamatkan nyawa.

6.8.4 Program Khidmat Masyarakat

Program Khidmat Masyarakat diberi sebagai perkhidmatan tambahan kepada masyarakat melibatkan Promosi Kesihatan Pergigian & Pemeriksaan Pergigian di tempat-tempat yang terpilih seperti:

- 1) Dewan Orang Ramai
- 2) Masjid
- 3) Balairaya
- 4) Tadika
- 5) Rumah Kebajikan; dan
- 6) Agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Objektif Am

Memastikan perkhidmatan pergigian dan pendidikan tentang kesihatan mulut dapat dinikmati oleh masyarakat setempat sekaligus meningkatkan kualiti kebersihan dan kesihatan mulut.



Objektif Khusus

- 1) Menggalakkan masyarakat mendapatkan pemeriksaan pergigian secara berkala melalui aktiviti pemeriksaan dan rawatan pergigian.
- 2) Memberi peluang kepada golongan kurang upaya untuk mendapatkan pemeriksaan, rawatan dan khidmat nasihat di institusi masing-masing.
- 3) Menggalakkan masyarakat di kawasan terpencil untuk mendapatkan pemeriksaan dan khidmat nasihat.
- 4) Meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan penjagaan kesihatan mulut melalui khidmat nasihat, kempen, ceramah, pameran dan sebagainya.


Strategi

- 1) Dijalankan secara berkala di tempat yang strategik dan terpilih.
- 2) Rawatan pergigian yang sesuai diberi kepada golongan kurang upaya di tempat mereka supaya status kesihatan mulut dapat dipertingkatkan sekaligus memperbaiki kualiti hidup.
- 3) Memastikan masyarakat mendapat pendedahan mengenai pendidikan kesihatan mulut melalui khidmat nasihat, ceramah, pameran dan aktiviti-aktiviti berkaitan.
- 4) Membolehkan pengesanan awal masalah kesihatan mulut dan pengendalian awal dapat dilakukan seperti program saringan kanser mulut.
- 5) Mewujudkan hubungan mesra antara pesakit dengan perawat dan kakitangan pergigian melalui aktiviti-aktiviti seperti kuiz dan pameran.
- 6) Menerapkan gaya hidup dan tabiat yang sihat di kalangan masyarakat seperti kempen anti merokok dan pemakanan seimbang.

Pencapaian

Jadual 6.72: Pencapaian Program Khidmat Masyarakat Mengikut Klinik 2019

| Klinik Pergigian | Khidmat Masyarakat | PPR | <i>Germ Buster</i> | <i>Kem iWANT</i> | <i>Doktor muda</i> | <i>Young Adult</i> |
|---------------------------|--------------------|----------|--------------------|------------------|--------------------|--------------------|
| Lembah Pantai | | | | | | |
| KP Bangsar | 9 | - | - | - | 1 | 1 |
| KP Cahaya Suria | 8 | - | 2 | - | 1 | 1 |
| KP Petaling Bahagia | 11 | 1 | 2 | - | 2 | 2 |
| KP Tanglin | 3 | - | - | - | - | 1 |
| Jumlah | 31 | 1 | 4 | - | 4 | 5 |
| Kepong | | | | | | |
| KP Jinjang | 14 | - | 3 | - | 5 | 2 |
| KP Sentul | 6 | - | 2 | - | 3 | |
| KP Batu | 3 | - | - | - | - | 1 |
| Jumlah | 23 | - | 5 | - | 8 | 3 |
| Titivangsa | | | | | | |
| KP Dato' Keramat | 12 | 1 | - | - | - | - |
| KP Setapak | 13 | 1 | 2 | - | 2 | 1 |
| KP Kg Pandan | 7 | 1 | 1 | - | 1 | 3 |
| KP PULAPOL | 11 | - | 1 | - | - | - |
| Jumlah | 43 | 3 | 4 | - | 3 | 4 |
| Cheras | | | | | | |
| KP Cheras | 11 | 1 | 1 | - | 3 | - |
| KP Bandar Tun Razak | 3 | - | 1 | - | 1 | - |
| KP Cheras Baru | 3 | - | - | - | 1 | 1 |
| Jumlah | 17 | 1 | 2 | - | 5 | 1 |
| Putrajaya | | | | | | |
| Presint 9 | 25 | - | - | - | 1 | 1 |
| Presint 18 | 23 | - | - | - | 1 | - |
| Jumlah | 48 | - | - | - | 2 | 1 |
| Jumlah Keseluruhan | 162 | 5 | 15 | - | 22 | 14 |



Rajah6. 6.63: Pencapaian Program Khidmat Masyarakat 2019 Mengikut PKP

Sebanyak 162 Khidmat Masyarakat telah dijalankan sepanjang tahun 2019 iaitu sebanyak 49 darinya iaitu 30.2% khidmat masyarakat adalah anjuran Bahagian Kesihatan Pergigian (BKP) Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) manakala 113 iaitu 69.8% adalah anjuran Agensi Luar.

Tindakan Penambahbaikan

1. Meneruskan kolaborasi dengan agensi lain di mana BKP JKWPKL&P perlu proaktif dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti kesihatan pergigian yang melibatkan agensi-agensi luar yang lain.
2. Memastikan aktiviti promosi pergigian yang kreatif dan inovatif dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat kesihatan pergigian kepada masyarakat
3. Membangunkan dan mempertingkatkan bilangan ikon Gigi (iGG) bagi masyarakat WPKL&P bagi memperkasakan masyarakat dalam menyampaikan maklumat kesihatan pergigian secara berkesan. Di samping itu golongan *young adult* dari kalangan pelajar kolej dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga akan diturut sertakan di dalam program ini.
4. Bagi membantu promosi pergigian dilaksanakan secara efektif dan efisien, BKP JKWPKL akan mempertingkatkan aktiviti yang di terajui oleh Jawatankuasa Promosi bagi memastikan penyampaian maklumat kesihatan pergigian diberikan kepada semua lapisan masyarakat.
5. Selain dari penyampaian maklumat kesihatan pergigian secara berkesan, BKP

JKWPKL & P telah mengambil inisiatif dengan merancang penubuhan *Wellness Dental Clinic*. Klinik ini merupakan sebuah klinik yang memberi fokus dalam aktiviti pencegahan penyakit pergigian dan akan diterajui oleh Pakar Pergigian Kesihatan Awam.

6. BKP JKWPKL&P mempunyai dua (2) buah Klinik Pergigian Bergerak (KPB) yang perlu dibuat secara berjadual bagi memastikan penggunaannya tidak *under/overutilized*.

Kesimpulan

Program khidmat masyarakat ini telah dapat memberikan perkhidmatan pergigian dan pendidikan tentang kesihatan mulut kepada masyarakat setempat untuk meningkatkan kualiti kebersihan dan kesihatan mulut.

Usaha mempertingkatkan kolaborasi bersama agensi kerajaan lain sejajar dengan matlamat Strategi Lautan Biru (*NBOS*) untuk melaksanakan program kerajaan menerusi pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif mampu mengoptimumkan sumber terkumpul bagi mencapai matlamat kesihatan pergigian yang lebih baik untuk masyarakat.

Aktiviti promosi kesihatan pergigian yang kreatif dan inovatif telah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penjagaan kesihatan pergigian contohnya seperti hasil pameran yang menarik minat masyarakat, bercerita secara kreatif kepada kanak-kanak dan sebagainya.



6.9 PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN PRIMER

6.9.1 program Kesihatan Pergigian Toddler

Penjagaan kesihatan pergigian telah didedahkan dalam beberapa fasa kehidupan melalui pendekatan yang berbeza. Penjagaan kesihatan pergigian untuk *toddler* telah mula dijalankan secara sistematik selepas pelancaran *Guidelines Early Childhood Oral Healthcare* pada tahun 2008. Objektif program ini adalah untuk mempromosi dan mengekalkan kesihatan pergigian kanak-kanak *toddler* bagi mengekalkan pertumbuhan yang optima. Bagi melancarkannya, program ini telah dijadikan sebagai pelan tindakan Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P.

Aktiviti kesihatan pergigian *toddler* telah dijalankan di beberapa lokasi seperti:

- Klinik Pergigian (KP)
- Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA)
- Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)
- Program Khidmat Masyarakat
- Program Si Cilikku Sihat

Seminar yang telah dianjurkan untuk program kesihatan pergigian *toddler* pula adalah:


- a) Seminar kesihatan pergigian *toddler* untuk jururawat pergigian
- b) Seminar kesihatan pergigian untuk guru-guru TASKA

Objektif utama seminar adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan pergigian *toddler* dan peningkatan kualiti perkhidmatan pergigian *toddler*. Selain itu juga, dapat meningkatkan kolaborasi antara pasukan pergigian dan pengusaha dan guru-guru TASKA.

Program Si Cilikku Sihat mula dijalankan pada tahun 2012 dengan pencapaian setiap zon yang menganjurkan sekurangnyanya satu aktiviti Si Cilikku Sihat. Program ini akan meningkatkan lagi kolaborasi yang baik dalam kalangan personel pergigian dan guru-guru TASKA.

Pencapaian


Bilangan Taska yang telah dilawati pada tahun 2019 ialah sebanyak 134.



Rajah 6.64: Peratus kanak-kanak Diperiksa dan Status MBK di TASKA (2015-2020)


Jadual 6.73: Peratus kanak-kanak yang perlu *Flouride Varnish* diberi (FV) di TASKA

| RAWATAN FV SETIAP 6 BULAN SELAMA 2 TAHUN | PENCAPAIAN (JAN - DIS 2019) |
|---|-----------------------------|
| % kedatangan baru <i>toddler</i> perlu rawatan FV diberi rawatan FV | 1070/2253 (47.5%) |
| % <i>toddler</i> diberi rawatan FV kali kedua: 50% | 770/1070 (71.8%) |
| % <i>toddler</i> diberi rawatan FV kali ketiga: 30% | 58/1070 (5.042%) |
| % <i>toddler</i> diberi rawatan FV kali keempat: 20% | 37/1070 (3.5%) |



Rajah 6.65 : Bilangan Kanak-kanak diperiksa Di KKIA JKWPKL & P (2015-2019)

Bilangan yang ketara pada tahun 2015 adalah disebabkan oleh sasaran yang telah ditetapkan kepada setiap juruterapi pergigian yang perlu memeriksa 100 pesakit. Pada tahun-tahun berikutnya sasaran ini telah diturunkan disebabkan oleh pelbagai faktor seperti sumber manusia, pengangkutan dan lain-lain faktor yang menyumbang kepada kegagalan lawatan dibuat di peringkat KKIA.



Rajah 6.66: Peratus Kanak-Kanak Mulut Bebas Karies Di KKIA (2015-2020)

Secara keseluruhannya dapat dilihat trend penurunan kadar MBK kanak-kanak ini. Faktor yang menyumbang adalah mungkin kekurangan di pihak perkhidmatan pergigian dalam menyampaikan maklumat dan juga kurang kesedaran ibu bapa kanak-kanak itu sendiri. Maklumat yang disampaikan hanya dalam tempoh yang singkat kerana kebanyakan ibu bapa mengejar temujanji di peringkat KKIA. Faktor ketiadaan ruang dalam memberikan kesedaran ini juga memainkan peranan.

Jadual 6.74: Peratus Kanak-Kanak Diperiksa Di KKIA Menerima Fluoride Varnish (FV)

| MENJALANKAN RAWATAN FV SETIAP 6 BULAN SELAMA 2 TAHUN | PENCAPAIAN (JAN - DIS 2019) |
|---|-----------------------------|
| % kedatangan baru <i>toddler</i> perlu rawatan FV diberi rawatan FV | 1120/2306 (48.5%) |
| % <i>toddler</i> diberi rawatan FV kali kedua | 636/2306 (27.6%) |
| % <i>toddler</i> diberi rawatan FV kali ketiga | 72/2306 (3.1%) |
| % <i>toddler</i> diberi rawatan FV kali keempat | 0/2306 (0%) |

Cabaran

Cabaran utama dalam penyampaian perkhidmatan ini adalah dalam penyampaian perkhidmatan di peringkat KKIA. Ini adalah kerana terdapat beberapa klinik yang mengalami kekurangan juruterapi pergigian yang berpunca daripada kenaikan pangkat dan melanjutkan pelajaran di peringkat pos-basik. Temujanji kanak-kanak ini di KKIA melibatkan sesi pagi dan petang dan sesi ini amat sukar dipenuhi kerana juruterapi pergigian terpaksa mengutamakan perkhidmatan pergigian sekolah dahulu.

6.9.1 program Kesihatan Pergigian Pra Sekolah

Program penjagaan kesihatan pergigian bagi kanak-kanak pra sekolah menggunakan pendekatan yang mesra dan penyayang di mana jururawat pergigian memperkenalkan rawatan pergigian tidak invasif kepada kanak-kanak melalui inisiatif promosi dan pencegahan.

Objektif

1. Memperkasakan peranan personel pergigian.
2. Meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan peranan guru tadika dengan memberi latihan kesedaran berikut kepada guru tadika.
3. Mendapatkan kerjasama guru tadika untuk aktiviti pencegahan.
4. Tadika melaksanakan latihan memberus gigi (LMG) dua (2) kali setiap minggu dalam sesi pembelajaran.
5. Memberi rawatan kepada murid yang memerlukan.
6. Tadika diberi tunjuk ajar pendidikan kesihatan pergigian (PKP).


Aktiviti/Pencapaian Program Pra Sekolah

1. Memberi latihan kesedaran program kesihatan pergigian prasekolah kepada juruterapi pergigian kanan & juruterapi pergigian sekali (1x) setahun.
2. Latihan kepada guru tadika yang dikendalikan oleh BKP, JKWPKL & P bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran juga diadakan sebagai acara tahunan .
3. Tadika melaksanakan LMG 2X setiap minggu dalam sesi pembelajaran.

Jadual 6.75: Pelaksanaan LMG Di Setiap Zon 2019

| ZON | BILANGAN | | |
|---------------|------------------------------|-----------|-----------|
| | 2017 (BELUM DIWUJUDKAN LAGI) | 2018 | 2019 |
| Lembah Pantai | - | 4 | 4 |
| Titiwangsa | - | 4 | 4 |
| Kepong | - | 4 | 4 |
| Cheras | - | 3 | 3 |
| Putrajaya | - | 3 | 3 |
| Jumlah | - | 18 | 18 |

Jadual 6.75 menunjukkan jumlah pelaksanaan LMG yang telah dijalankan di setiap zon sepanjang Januari – Disember 219. Jumlah adalah sama pada tahun 2018 dan 2019 iaitu 18, manakala tiada rekod bagi 2017 kerana LMG belum diwujudkan lagi pada tahun tersebut.



Rajah 6.67 : Peratus Kes Yang Diberi Rawatan ART Dan Yang Memerlukan ART

Jadual 6.76: Bilangan Tadika Yang Diberi Pendidikan Kesihatan Pergigian (PKP)

| TADIKA | BILANGAN | | |
|---------------|----------|------|------|
| | 2017 | 2018 | 2019 |
| Diberi PKP | 0 | 491 | 507 |
| Jumlah tadika | 0 | 491 | 507 |

Cabaran

1. Kerjasama kanak-kanak terutamanya dalam penerimaan rawatan.
2. Kekangan masa bagi melengkapkan rawatan pada murid yang terlepas menerima rawatan semasa lawatan diadakan.
3. Mengumpulkan guru-guru bagi menjalani kursus di peringkat jabatan kerana kebanyakan prasekolah mempunyai jumlah guru yang terhad dan komitmen lain guru-guru sekiranya bengkel/kursus diadakan pada hujung minggu.

Tindakan Penambahbaikan

Menggalakkan lebih banyak aktiviti promosi bergantung kepada klinik-klinik pergigian kerana penambahbaikan yang diambil bergantung kepada banyak faktor.

6.9.2program Kesihatan Pergigian Sekolah

Perkhidmatan Kesihatan Pergigian disampaikan kepada pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah melalui Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah berpandukan pendekatan *Incremental Dental Care*. Perkhidmatan ini disampaikan melalui perkhidmatan Klinik Pergigian Statik dan Pasukan Pergigian Bergerak kepada semua pelajar dari Tahun 1 hingga ke Tingkatan 5.

Program *Incremental Dental Care* telah mula dijalankan sejak tahun 1950an. Program berstruktur ini bertujuan untuk mencapai *orally-fit* murid-murid sekolah Status karies pergigian diukur melalui penggunaan indeks DMFT yang direka cipta oleh Klein, Palmer and Knutson pada tahun 1938. Walau bagaimanapun, indeks ini hanya mengukur gigi-gigi berkaviti yang telah merebak ke bahagian dentin. Hasil daripada bengkel

International Consensus Workshop on Caries Clinical Trials yang diadakan pada tahun 2002, telah memutuskan terdapat keperluan untuk mengukur karies gigi diperingkat awal yang masih belum mempunyai kaviti. Dengan itu, satu sistem baru yang dikenali sebagai *International Caries Detection and Assessment System (ICDAS)* telah dibangunkan bagi maksud tujuan tersebut.

ICDAS menggunakan pendekatan yang berasaskan bukti-bukti saintifik untuk mengelaskan peringkat-peringkat kejadian karies dan seterusnya mewujudkan sistem skor secara klinikal bagi tujuan pengelasan tersebut. *Modified MOH ICDAS* dipersetujui untuk digunakan di Malaysia.

Gingival Index Score (GIS) merupakan indeks yang diperkenalkan bagi mengenalpasti status gusi di kalangan murid sekolah. Garis panduan bagi "*Standardization and Calibration on Gingival Index for Schoolchildren*" telah diterbitkan pada tahun 2013 oleh Proram Kesihatan Pergigian KKM dan digunapakai sehingga kini. Index ini menggunakan 7 permukaan gigi dan 4 kriteria penskoran status gusi.

Objektif

1. Memberi rawatan pergigian kepada pelajar sehingga mencapai tahap *orally fit*.
2. Meningkatkan kesedaran dan memperkasa pelajar sekolah tentang tanggungjawab mereka dalam menjaga kesihatan mulut sendiri (konsep *self care ;self empowerment*).
3. Mengukuhkan inisiatif pencegahan klinikal di kalangan pelajar sekolah.
4. Mempertingkatkan peranan guru, ibubapa dan masyarakat dalam promosi kesihatan pergigian.

Aktiviti/Pencapaian Program Kesihatan Pergigian Sekolah

1. Pencegahan dan Promosi Kesihatan Pergigian

- a. Penyampaian ceramah atau pendidikan kesihatan pergigian (PKP) kepada semua pelajar yang memfokuskan kepada aspek kebersihan mulut.
- b. Nasihat amalan pemakanan khususnya amalan pengambilan gula, pemeriksaan mulut dan gigi berkala.
- c. Mengadakan pameran kesihatan pergigian, kempen dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti anjuran sekolah sihat di kantin sekolah dan persekitaran yang sihat dan selamat yang mencegah pelajar sekolah dari mengalami kecederaan pada gigi dan mulut.
- d. Menggalakkan kerjasama dengan pihak sekolah untuk memastikan persekitaran sekolah adalah kondusif supaya pelajar dapat mengamalkan gaya hidup yang baik/sihat untuk penjagaan kesihatan mulut.
- e. Aplikasi selan fisur kepada gigi kekal yang dikenalpasti berisiko untuk mengalami kerosakan
- f. Aplikasi *fluoride varnish* akan diberi kepada pelajar sekolah rendah yang mempunyai indikasi yang tertentu.

2. Aktiviti Klinikal

- a. Pemeriksaan gigi/mulut dan diagnosa.
- b. Rawatan yang disampaikan merangkumi rawatan tampalan, cabutan gigi dan pembersihan gigi. Rawatan hanya disampaikan kepada pelajar yang telah mendapat kebenaran untuk rawatan daripada ibubapa penjaga.

3. Modified ICDAS

- a. *Training of Trainers* (TOT) kalibrasi telah diadakan diperingkat kebangsaan manakala taklimat kesedaran dan kalibrasi ICDAS telah diadakan untuk Pegawai Pergigian dan Juruterapi Pergigian di peringkat negeri.
- b. Sebanyak dua sesi kalibrasi telah diadakan pada tahun 2019 bagi pelaksanaan ICDAS di 209 buah sekolah rendah dengan enrolmen 148344 murid.

Jadual 6.77: Sesi Kesedaran dan kalibrasi *Modified* ICDAS (2016-2019)

| Tahun | Sesi Kesedaran | | Sesi Kalibrasi | | |
|-------|-------------------|------------------|--------------------|-------------------|----------------------|
| | Bilangan Taklimat | Bilangan Peserta | Bilangan kalibrasi | Pegawai Pergigian | Juruterapi Pergigian |
| 2016 | 3 | 146 | 1 | 2 | 8 |
| 2017 | 3 | 113 | 4 | 20 | 40 |
| 2018 | 6 | 121 | 5 | 20 | 64 |
| 2019 | 22 | 561 | 4 | 41 | 11 |

Jadual 6.78 : Pencapaian *Gingival Index Score* (GIS) Sekolah Rendah (2015-2019)

| YEAR | ENROLMENT | NEW ATTENDANCES | NUMBER OF STUDENTS WITH GIS SCORE | | | |
|------|-----------|-----------------|-----------------------------------|------------------|-----------------|-----------------|
| | | | 0(MBG) | 1 | 2 | 3 |
| 2015 | 138930 | 138718 | 126835 (91.1%) | 7194 (5.2) | 2303 (1.7) | 2392 (1.7) |
| 2016 | 127197 | 127125 | 112174 (88.2%) | 8298 (6.5) | 3366 (2.6) | 3290 (1.9) |
| 2017 | 143713 | 135650 | 91716 (88.1%) | 7272 (5.4) | 2847 (2.1) | 2678 (2.0) |
| 2018 | 145318 | 145221 | 127798 (88%) | 11491 (7.91%) | 2824 (1.95%) | 3108 (2.14%) |
| 2019 | 150464 | 150221 | 132486 (88.2%) | 12216 (8.1%) | 2554 (1.8%) | 2965 (1.9%) |


Jadual 6.79: Pencapaian *Gingival Index Score* (GIS) Sekolah Menengah (2015-2019)

| TAHUN | ENROLMEN | KEDATANGAN BARU | BILANGAN MURID DENGAN SKOR GIS | | | |
|-------|----------|-----------------|--------------------------------|----------------|----------------|----------------|
| | | | 0(MBG) | 1 | 2 | 3 |
| 2015 | 100089 | 99220 | 90287 (90.9%) | 2830 | 2039 | 4064 |
| 2016 | 87927 | 87339 | 76360 (87.4%) | 2717 | 3642 | 4620 |
| 2017 | 97545 | 93522 | 61859 (82.2%) | 1879 | 2943 | 3750 |
| 2018 | 92952 | 91882 | 78706 (85.6%) | 3478 (3.8%) | 4759 (5.2%) | 4939 (5.4%) |
| 2019 | 91368 | 90114 | 75712 (84.0%) | 4144 (4.6%) | 5020 (5.6%) | 5238 (5.8%) |


Jadual 6.80: Pencapaian Program Sekolah Rendah dan Menengah Di Bawah Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P Tahun 2013-2019

| PERKAR A | KATEGO RI | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|-------------------|------------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|--------------------|
| Bilangan | Sek Rendah | 210 | 210 | 210 | 212 | 212 | 212 | 209 |
| | Sek Menenga h | 107 | 108 | 109 | 109 | 110 | 111 | 109 |
| Enrolmen | Sek Rendah | 13823 8 | 13869 4 | 13909 5 | 14317 5 | 14206 7 | 14533 3 | 15046 4 |
| | Sek Menenga h | 10741 0 | 10455 9 | 10100 8 | 98371 | 97244 | 92950 | 91368 |
| Kedatang an Baru | Sek Rendah | 13818 4 | 13854 4 | 13880 8 | 14159 5 | 14189 7 | 14522 1 | 15022 1 |
| | Sek Menenga h | 10706 2 | 10406 6 | 99145 | 97837 | 94604 | 91882 | 90114 |
| % Liputan Pelajar | Sek Rendah | 98.9 | 98.8 | 99.8 | 99.5 | 96.9 | 99.9 | 99.8 |
| | Sek Menenga h | 98.2 | 98.0 | 98.2 | 99.5 | 94.3 | 98.9 | 98.6 |
| % Tpr | Sek Rendah | 73.6 | 73.2 | 72.4 | 68.8 | 69.0 | 69.3 | 69.4 |
| | Sek Menenga h | 91.8 | 89.7 | 88.1 | 85.0 | 83.9 | 83.3 | 82.1 |
| X+M/100 | Pelajar 12 Tahun | 1.00 | 0.80 | 0.83 | 1.93 | 1.74 | 1.02 | 0.9 |
| | Pelajar 16 Tahun | 3.71 | 3.27 | 4.07 | 7.98 | 8.72 | 4.52 | 4.2 |
| Dmfx | Pelajar 12 Tahun | 0.33 | 0.26 | 0.25 | 0.24 | 0.23 | 0.23 | 0.23 |
| | Pelajar 16 Tahun | 0.56 | 0.52 | 0.52 | 0.49 | 0.51 | 0.52 | 0.52 |
| % Mbg | Sek Rendah | 99.6 | 94.8 | 91.9 | 87.2 | 88.3 | 88.0 | 88.2 |
| | Sek Menenga h | 98.4 | 92.8 | 92.2 | 83.4 | 86.7 | 85.7 | 84.0 |
| Perokok Semasa | Sek Rendah | Nil | Nil | Nil | 33 | 5 | 0 | 48 |
| | Sek Menenga h | NIL | NIL | NIL | 3189 | 2309 | 2107 | 2225 |

Secara keseluruhannya, pencapaian tahun 2019 sedikit menurun berbanding tahun 2018. Peratus pelajar sekolah rendah yang tidak memerlukan rawatan dan peratus pelajar yang bebas gingivitis meningkat sedikit manakala menurun sedikit bagi sekolah menengah. Pelaksanaan GIS pada tahun 2019 merupakan tahun keenam pelaksanaan program tersebut. Peratus Mulut Bebas Gingivitis (MBG) di kalangan pelajar sekolah perlu dipantau berterusan. Selain itu, X+M di kalangan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah terdapat penurunan pada tahun 2019. Indeks kehilangan gigi kekal adalah sama dan perlu dipantau dari masa kesemasa. Program KOTAK menunjukkan peningkatan dari segi bilangan murid yang merokok disekolah rendah dan menengah.




Rajah 6.68 : Peratus Liputan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah 2013 – 2019




Rajah 6.69: Peratus Pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Menerima Rawatan Tahun 2013 - 2019

Terdapat penurunan peratus pelajar yang menerima rawatan di kalangan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di WPKL&P iaitu 99.8% bagi sekolah menengah dan 98.6% bagi sekolah rendah.



Rajah 6.70: Bil Perokok Semasa bagi Pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Tahun 2016 - 2019

Bilangan perokok semasa pada tahun 2019 bagi WPKL & P meningkat dari 2107 pada tahun 2018 kepada 2273. Kesemua zon mampu mengesan perokok disekolah. Bilangan perokok bagi sekolah menengah mengikut zon adalah Zon Lembah Pantai (800), Zon Titiwangsa(597), Zon Kepong(227), Zon Cheras(248) dan Zon Putrajaya(353). Manakala bilangan perokok bagi sekolah rendah mengikut zon adalah Zon Lembah Pantai(42), Zon Kepong(6) dan tiada perokok dikesan dikalangan murid sekolah rendah bagi Zon Titiwangsa, Zon Kepong dan Zon Putrajaya. Juruterapi harus diberi latihan semula untuk meningkatkan kemahiran untuk saringan yang lebih berkesan.



Rajah 6.71: Bil Bukan Perokok Dan Perokok Pasif Bagi Pelajar Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah Tahun 2016 - 2019

Cabaran

1. Peralatan di bawah seliaan *QMS Sdn Bhd (Quantum Medical Solution Sdn Bhd)* yang rosak dan lewat dibaiki menjejaskan program kesihatan pergigian sekolah
2. Terlalu banyak aktiviti anjuran sekolah yang menjejaskan jadual rawatan di sekolah
3. Setengah ibu bapa memilih untuk mendapatkan rawatan dari klinik pergigian swasta.
4. Alat pengesan perokok amat diperlukan untuk saringan disekolah.

Tindakan Penambahbaikan


1. Memperkasakan ahli jawatankuasa sekolah agar penyampaian maklumat dapat diberi dengan lebih berkesan.
2. Penglibatan Team Promosi untuk meningkatkan aktiviti Promosi Pergigian.
3. Mengadakan perbincangan dengan AJK Sekolah bagi menjelaskan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan serta perbincangan mengenai isu-isu yang dihadapi semasa pelaksanaan aktiviti.
4. Memantapkan kolaborasi diantara pihak sekolah dan pergigian dalam melaksanakan program yang dijalankan.
5. Meningkatkan kemahiran Juruterapi dan Pegawai Pergigian dalam program KOTAK.

6.9.3 Program D/100 Untuk Murid Sekolah Rendah


D/100 adalah salah satu indicator pencapaian Progran Kesihatan Pergigian Sekolah. D/100 adalah kadar kerosakan gigi kekal murid sekolah rendah per kedatangan baru. Reten yang diukur adalah D (*decayed*) pada gigi kekal murid tahun 1 hingga Tahun 6. D/100 Juga merupakan salah satu komponen dalam *District Specific Approach (DSA)* Program *QUALITY ASSURANCE* Bahagian Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia.

Objektif

1. Memantau keberkesanan program kesihatan pergigian sekolah
2. Sebagai indicator bilangan kerosakan gigi kekal (D) dikalangan murid sekolah rendah
3. Mengadakan Latihan memberus gigi dan memantapkan lagi aktiviti promosi kepada sekolah rendah yang dikenalpasti kadar D/100 melebihi 6.5%
4. Memantapkan program pengapan fisur di sekolah rendah dengan D/100 melebihi 6.5%



Rajah 6.72: Pencapaian D/100 Bahagian pergigian 2015-2016



Rajah 6.73: Purata Pencapaian D/100 JKWPKL 2015-2019

6.9.4 program Kesihatan Pergigian Ibu Mengandung (Im)

Perubahan paras hormon ketika mengandung boleh mempengaruhi tabiat, emosi dan kesihatan ibu. Pada peringkat awal, lazimnya, ibu mengalami loya dan muntah-muntah yang boleh menyebabkan pembersihan gigi kurang berkesan. Sekiranya tidak dibersihkan dengan baik, akan mendedahkan ibu kepada masalah pergigian iaitu kerosakan gigi (karies gigi) dan penyakit gusi.

Masalah pergigian yang dihadapi oleh ibu juga boleh menjejaskan kesihatan anak dalam kandungan. Anak yang dilahirkan mungkin kurang berat badan dan tidak cukup bulan. Ibu juga harus mengambil makanan secara sihat kerana gigi anak mula terbentuk semasa minggu ke 5 hingga minggu ke 6 kehamilan. Pemeriksaan dan rawatan asas untuk ibu mengandung adalah percuma di klinik-klinik pergigian kerajaan sekiranya ibu membawa kad atau rekod pemeriksaan kesihatan kehamilan.

Jadual 6.81: Senarai Klinik-Klinik yang Memberikan Perkhidmatan Pergigian di KKIA

| Zon | Klinik Pergigian | KKIA |
|----------------------|---------------------|---|
| Lembah Pantai | KP Bangsar | <ul style="list-style-type: none"> • KKIA Taman Pantai Indah • KKIA Bukit Bangsar • KKIA Taman Tun Dr Ismail (K1M) |
| | KP Petaling Bahagia | <ul style="list-style-type: none"> • KKIA Kuchai Entrepreneurs (K1M) • KKIA Taman Sri Sentosa • K1M Muhibbah |
| | KP Tanglin | <ul style="list-style-type: none"> • KK Tanglin |
| | KP Cahaya Suria | <ul style="list-style-type: none"> • KKIA Jln. Hang Tuah (K1M) |
| Titiwangsa | KP Dato Keramat | <ul style="list-style-type: none"> • KK Dato Keramat |
| | KP Kg. Pandan | <ul style="list-style-type: none"> • KKIA Desa Pandan |
| | KP Setapak | <ul style="list-style-type: none"> • KKIA Jln. Gombak |
| | KP PULAPOL | <ul style="list-style-type: none"> • KKIA Seri Rampai |
| | KP Kuala Lumpur | <ul style="list-style-type: none"> • KK Kuala Lumpur |
| Kepong | KP Jinjang | <ul style="list-style-type: none"> • KK Jinjang • KKIA Segambut Jaya (K1M) • KKIA Metro Prima (K1M) |
| | KP Mukim Batu | <ul style="list-style-type: none"> • KK Batu • KKIA Koperasi Polis |
| | KP Sentul | <ul style="list-style-type: none"> • KK Sentul |
| Cheras | KP Cheras | <ul style="list-style-type: none"> • KK Cheras • KKIA Sungai Besi |
| | KP Cheras Baru | <ul style="list-style-type: none"> • KK Cheras Makmur • KKIA Desa Tun Razak |
| | KP Bandar Tun Razak | <ul style="list-style-type: none"> • KKIA BTR • KKIIA Bandar Tun Razak |

| | | |
|------------------|-------------------------|---|
| Putrajaya | KP Putrajaya Presint 9 | <ul style="list-style-type: none"> • KK Putrajaya Presint 9 • KK Putrajaya Presint 11 |
| | KP Putrajaya Presint 18 | <ul style="list-style-type: none"> • KK Putrajaya Presint 4 • KK Putrajaya Presint 18 |

Objektif

Matlamat utama program IM adalah untuk memberi pengetahuan kesihatan pergigian kepada ibu sebagai agen perubahan kesihatan pergigian di persekitaran rumah dengan mengubah tingkahlaku dalam kalangan ahli keluarga. Mereka diberikan rawatan pergigian secara percuma. IM yang mendapat rawatan di klinik kesihatan akan dirujuk ke klinik pergigian kerajaan terdekat bagi sesi promosi kesihatan pergigian, pemeriksaan dan rawatan pergigian. Temujanji lanjut akan ditetapkan, jika perlu.

Sasaran

1. % Liputan IM (PG 207) = Bilangan IM diperiksa baru
Kedatangan baru di KKIA


Sasaran yang ditetapkan = 41%

2. % Liputan IM diberi ceramah (PKP 201) = Bilangan IM diberi ceramah
Bil. IM diperiksa


Sasaran yang ditetapkan = 70%

3. % IM yang mencapai status orally fit = Bilangan IM selesai rawatan (Kes selesai)
Bil. IM yang hadir di klinik pergigian

Pencapaian



Rajah 6.74: Peratus Liputan IM Jan-Dis 2019 BKP JKWPKL&P mengikut klinik



Rajah 6.75: Peratus Liputan Ibu Mengandung diberi ceramah Jan-Dis 2017/2018 BKP JKWPKL & P mengikut klinik

Rumusan Masalah

1. Kurangnya kesedaran ibu mengandung terhadap kepentingan kesihatan pergigian, mereka tidak hadir walaupun dirujuk oleh pihak KKIA.
2. Pergerakan kenderaan klinik yang sibuk (perkhidmatan sekolah) dan jumlah kenderaan yang terhad membataskan perkhidmatan.
3. Jarak KKIA dari klinik dan kesesakan lalu lintas turut memainkan peranan.
4. Tempoh lawatan di KKIA yang singkat berpunca dari trafik yang sesak dan ketiadaan kenderaan menyebabkan pegawai tiba di KKIA agak lewat.
5. Tiada kerjasama daripada pihak KKIA dari segi penyerahan kes ibu mengandung di KKIA bagi pemeriksaan pergigian
6. Ruang untuk mengadakan ceramah terlalu kecil yang menyebabkan kesukaran mengadakan ceramah

Tindakan Penambahbaikan

1. Menambah kekerapan lawatan ke KKIA – dengan adanya pertambahan pegawai dan adanya '*dedicated promotion team*' (DPT), kunjungan diusahakan untuk dilakukan setiap hari.
2. Meneruskan program minggu kesedaran kesihatan pergigian untuk ibu-ibu mengandung di KKIA bagi setiap klinik.
3. Menekankan lagi kesedaran semasa nasihat (*chair side*) atau ceramah yang diberi di KKIA tentang kepentingan penjagaan kesihatan pergigian dan keperluan untuk menghadiri setiap temujanji yang diberi.
4. Memastikan lawatan dilakukan setiap hari.
5. Kolaborasi bersama KKIA semasa slot ceramah oleh pihak KKIA sendiri.

Masalah Berkenaan Pengumpulan Data

- Data Pesakit Baru daripada KKIA yang dikumpul pihak kesihatan lambat diperolehi (iaitu pada 7hb).
- Data Pesakit Baru Ibu Mengandung yang dihantar dari setiap KP kepada JKWPKL tidak sama dengan data KPI.
- Cara pengambilan data yang berbeza dari klinik ke klinik .
- Data denominator (jumlah pesakit KKIA) yang diberi adalah data kedatangan untuk setiap KKIA tetapi IM seringkali tidak pergi ke KP yang sepatutnya .

Cadangan Penambahbaikan Berkenaan Data

- Penyelarasan data di peringkat zon.
- Pengumpulan data ditutup pada 25 hb pada setiap bulan dan pada 31 hb disember untuk pengumpulan data setahun.
- Pastikan PG207 dari setiap zon adalah sama dengan reten pemantauan ibu mengandung untuk Jan-Mac, Jan-Jun , Jan-Sept dan Jan-Dis setiap tahun.

6.9.3 Sihatan Pergigian Golongan Keperluan Khas (Gkk)

Program kesihatan pergigian GKK telah dilancarkan secara rasmi oleh KKM pada tahun 1993. Ini untuk memastikan taraf kesihatan mulut yang optima untuk kumpulan ini dapat dicapai melalui promosi kesihatan pergigian, pencegahan klinikal dan rawatan pergigian. Perkhidmatan pergigian disampaikan kepada golongan ini di sekolah, institusi dan pusat dalam komuniti (PDK). Penglibatan bagi murid keperluan khas di sekolah pula dilakukan semasa lawatan pasukan pergigian bergerak (PPB). Pada tahun 2019, terdapat sejumlah 108 buah fasiliti kerajaan yang diliputi oleh Bahagian Kesihatan Pergigian.




Jadual 6.82: Jumlah Institusi Golongan Keperluan Khas (GKK) Kerajaan 2019

| JENIS INSTITU SI | SEKOLAH RENDAH | | SEKOLAH MENENGAH | | SEKOL AH RENDA H DENG AN KELAS PRA SEKOL AH | PD K | JUML AH |
|------------------------|---|------------------------|---|------------------------|--|-----------|------------|
| | DENGAN KELAS PENDIDI KAN KHAS | PENDIDI KAN KHAS | DENGAN KELAS PENDIDI KAN KHAS | PENDIDI KAN KHAS | | | |
| Lembah Pantai | 8 | 2 | 8 | - | 3 | 5 | 26 |
| Titiwan gsa | 9 | - | 6 | 1 | 3 | 3 | 22 |
| Kepong | 14 | - | 8 | - | 5 | 1 | 28 |
| Cheras | 7 | 1 | 5 | - | 1 | 1 | 15 |
| Putraja ya | 4 | - | 4 | - | 4 | 5 | 14 |
| Jumlah | 42 | 3 | 31 | 1 | 16 | 15 | 108 |

Objektif


1. Meningkatkan taraf kesihatan pergigian GKK demi peningkatan kualiti hidup mereka sepanjang hayat.
2. Menanamkan semangat amalan penjagaan kesihatan mulut yang baik bagi meningkatkan kesedaran *carers*, guru dan juga personel pergigian terhadap kesihatan mulut mereka.
3. Meningkatkan kompetensi personel pergigian dalam pengendalian GKK.

Aktiviti/Pencapaian Program Kesihatan Pergigian Gkk



Rajah 6.76: Kedatangan Baru Murid Kelas Intervensi Awal Tahun 2015 – 2019

Terdapat penurunan sebanyak 23.6% enrolmen murid pra sekolah dalam masa 2 tahun.(Tahun 2015-2016). Kedatangan baru juga menurun sebanyak 21.2% sepanjang tahun 2015 hingga tahun 2016. Hampir kesemuanya menjalani pemeriksaan pergigian pada tahun 2016. Terdapat penurunan sebanyak 28.8% kedatangan baru dari tahun 2015 hingga tahun 2017. Pada tahun 2018, peratus murid kelas intervensi awal diperiksa meningkat iaitu 96.1%. Manakala bagi tahun 2017, hanya 92.96% murid kelas intervensi awal diperiksa. Bagi tahun 2019, liputan adalah 100%.




Rajah 6.77 : Peratus TPR dan Kes Selesai Murid Kelas Intervensi Awal Tahun 2015-2019

Peratus Tidak Perlu Rawatan (TPR) di kalangan kanak-kanak pra sekolah adalah memuaskan dan meningkat sedikit pada tahun 2017 iaitu 87.9% berbanding 77.6% pada tahun 2016. Kes selesai pada tahun 2017 adalah 86.4%, sedikit menurun berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 6.1%. Bagi tahun 2018, peratus kes selesai meningkat iaitu 90.0%. Manakala bagi tahun 2019 menurun ke 88.8%. Peratus Tidak Perlu Rawatan (TPR) tahun 2019 meningkat sedikit iaitu 82.6% berbanding tahun 2018 80.0%.

Jadual 6.83: Enrolmen, Kedatangan Baru & Peratus Liputan GKK Sekolah Rendah & Menengah Tahun 2015 - 2019

| Sekolah | Perkara | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|-----------------|-----------------|-------|-------|-------|-------|-------|
| Rendah | Enrolmen | 1615 | 1716 | 1857 | 1616 | 1851 |
| | Kedatangan Baru | 1559 | 1635 | 1772 | 1546 | 1770 |
| | % Liputan | 96.5 | 95.2% | 95.4% | 95.7% | 95.6% |
| Menengah | Enrolmen | 1467 | 1433 | 1669 | 1570 | 1671 |
| | Kedatangan Baru | 1401 | 1363 | 1560 | 1477 | 1565 |
| | % Liputan | 95.5% | 95.1% | 93.5% | 94.1% | 93.7% |

Enrolmen murid sekolah rendah adalah meningkat pada tahun 2017 tetapi pada tahun 2018 adalah menurun sebanyak 13%. Begitu juga enrolmen murid sekolah menengah terdapat peningkatan pada tahun 2017 dan pada tahun 2018 menurun sebanyak 5.9%. Liputan murid sekolah rendah adalah lebih kurang sama dari tahun 2015 hingga tahun 2019 tetapi liputan sekolah menengah bagi tahun 2019 sedikit menurun berbanding tahun 2018.



Rajah 6.78 : Peratus Tidak Perlu Rawatan (TPR) dan Peratus Bebas Karies (BK) bagi GKK Sek Rendah (SR) & Menengah (SM) Tahun 2015 – 2019

Taraf kesihatan mulut dalam kalangan murid GKK ini menunjukkan tiada perubahan ketara dari sudut peratus TPR dalam tempoh 5 tahun. Bagaimanapun ianya agak tinggi iaitu melebihi 75% untuk kedua-dua murid SR dan SM. Walau bagaimanapun, pada tahun 2017 dan 2018 terdapat penurunan sedikit bagi TPR kedua-dua kategori sekolah rendah dan menengah. Bagi aspek bebas karies sekolah rendah, berlaku peningkatan sedikit dari tahun 2015 hingga tahun 2016. Namun begitu, dari tahun 2017 sehingga 2019 peratus bebas karies adalah lebih kurang sama. Bagi aspek bebas karies sekolah menengah tiada perubahan ketara sepanjang tempoh 5 tahun.

Jadual 6.84: Enrolmen, Kedatangan Baru, Peratus Liputan Dan Peratus Kes Selesai GKK Di Semua PDK Tahun 2015- 2019

| PERKARA | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|-----------------|------|------|------|------|-------|
| Enrolmen | 370 | 398 | 431 | 470 | 445 |
| Kedatangan Baru | 304 | 310 | 355 | 368 | 360 |
| % Liputan | 82.2 | 77.9 | 82.4 | 78.3 | 80.9% |
| % Kes Selesai | 68.4 | 66.6 | 66.7 | 79.5 | 73.1% |

Peratus liputan pelatih PDK pada tahun 2019 meningkat sedikit berbanding tahun 2018. Bagi peratus kes selesai GKK, berlaku peningkatan dari tahun 2015 sehingga 2018. Manakala, pada tahun 2019 terdapat penurunan iaitu 73.1% berbanding 79.5% bagi tahun 2018. Ini kerana terdapat pelatih yang tidak hadir semasa rawatan dijalankan & enggan memberi kerjasama.

Cabaran

1. Kurangnya kemahiran / minat di kalangan personal pergigian
2. *Man Power & time constraint* – tiada pasukan pergigian bergerak khusus untuk program ini. Pada tahun 2017 *Dedicated Promotion Team* telah berkerjasama dalam menjalankan aktiviti promosi di PDK dan juga di sekolah keperluan khas ini.
3. Keutamaan diberi kepada murid-murid arus perdana berbanding murid-murid GKK.
4. Murid-murid GKK yang tidak memberi kerjasama.
5. Kurang kesedaran di kalangan ibu/bapa/penjaga akan kepentingan kesihatan pergigian.

Tindakan Penambahbaikan

Taraf kesihatan mulut GKK akan terus dipertingkatkan dengan memastikan rawatan secara menyeluruh diberikan kepada golongan GKK. Rawatan pencegahan klinikal juga akan diberikan perhatian utama dan akan dipertingkatkan pada lawatan berikutnya. Selain itu, Pakar Pergigian Pediatrik / Pakar Pergigian Keperluan Khas akan dirujuk bagi murid-murid yang tidak memberi kerjasama. Lain - lain Institusi GKK / OKU di bawah kelolaan swasta serta berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat turut akan dikenalpasti untuk memperluaskan program kesihatan pergigian untuk golongan ini. Latihan kesedaran terhadap kesihatan pergigian yang melibatkan penyelia – penyelia di PDK dan Institusi Swasta juga akan dilaksanakan. Dengan penglibatan *Dedicated Promotion Team* diharap kesedaran GKK terhadap kepentingan penjagaan kesihatan pergigian akan meningkat.


6.9.4 Program Kesihatan Pergigian Warga Emas (We)

Penyampaian perkhidmatan pergigian WE terus dimantapkan dari tahun ke tahun. Perkhidmatan kepada kumpulan ini disampaikan di klinik dan di institusi WE. Dalam masa lima (5) tahun pencapaian menunjukkan peningkatan dari sudut kedatangan baru dan jumlah kedatangan. Setiap klinik sentiasa berusaha untuk mencapai sasaran perkhidmatan yang dikhususkan untuk WE. Penyaringan kesihatan mulut, rawatan dan pendidikan kesihatan pergigian (PKP) semuanya dijalankan di klinik pergigian dan institusi WE.

Objektif

Untuk memberikan perkhidmatan pergigian yang optima dan meningkatkan akses golongan WE kepada kesihatan pergigian yang berkualiti bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang sejahtera.


Aktiviti/Pencapaian Program Kesihatan Pergigian Warga Emas



Rajah 6.79: Kedatangan Warga Emas Tahun 2015 – 2019

Kedatangan baru warga emas meningkat pada setiap tahun dari tahun 2015 sehingga tahun 2019. Seramai 24761 warga emas yang mendapat pemeriksaan dan rawatan pergigian pada tahun 2019. Jumlah pesakit ulangan juga meningkat pada tahun ini iaitu seramai 36130 orang berbanding tahun 2018 seramai 25471 orang.

Ini menunjukkan peningkatan tahap kesedaran penjagaan kesihatan pergigian dikalangan warga emas.




Rajah 6.80: Jumlah Pesakit Baru Warga Emas Mengikut Umur Januari - Disember 2019 (PG 214)

Majoriti warga emas yang mendapat perkhidmatan kesihatan pergigian adalah dalam kalangan mereka yang berumur 61-64 tahun. Manakala, warga emas berumur 65 tahun adalah paling kurang mendapat perkhidmatan kesihatan pergigian.

Jadual 6.85: Kedatangan Warga Emas & Kes Selesai Mengikut Zon 2019 (PG 207)

| ZON | KEDATANGAN | | | KES SELESAI | |
|----------------------|--------------|--------------|--------------|-------------|-------------|
| | BARU | ULANGAN | JUMLAH | N | % |
| Lembah Pantai | 9101 | 14268 | 23369 | 1972 | 21.7 |
| Titivangsa | 4625 | 6248 | 10873 | 910 | 19.7 |
| Kepong | 5214 | 7692 | 12906 | 728 | 14.0 |
| Cheras | 4011 | 5479 | 9490 | 1205 | 30.0 |
| Putrajaya | 1810 | 2443 | 4253 | 367 | 20.3 |
| Jumlah | 24761 | 36130 | 60891 | 5182 | 20.9 |

Jumlah kedatangan warga emas adalah paling tinggi di Zon Lembah Pantai seramai 23369 orang. Didapati semua zon tidak mencapai sasaran kes selesai iaitu 35%. Peratus kes selesai paling tinggi adalah di Zon Cheras iaitu sebanyak 30.0%.



Rajah 6.81: Perbandingan Peratus Kes Selesai Warga Emas antara Zon 2019

Tiada zon yang mencapai sasaran peratus kes selesai warga emas yang ditetapkan iaitu 35%. Didapati Zon Cheras mencapai kes selesai Warga Emas yang tertinggi pada tahun 2019 iaitu 30.0%. Zon Cheras mempraktikkan temujanji yang diberikan kepada warga emas sehingga kes selesai. Kes Warga Emas turut diberi keutamaan semasa perkhidmatan pesakit luar dan rawatan stat juga dibuat jika masa mengizinkan. Pegawai Pergigian Yang Menjaga (PPYM) juga mengingatkan pembantu pembedahan pergigian (PPP) supaya tidak lupa untuk merekod kes selesai bagi semua kes WE.

Jadual 6.86: Pencapaian Perkhidmatan Pergigian Warga Emas Di Institusi / Pusat Komuniti / Persatuan 2019

| ZON | NAMA INSTITUSI | JUMLAH PENGHUNI | BARU | KES SELESAI | |
|----------------------|--------------------------------------|-----------------|------|-------------|------|
| | | | | N | % |
| Lembah Pantai | 1. Rumah Orang Tua Wesley | 9 | 9 | 1 | 11.1 |
| | 2. Pusat Aktiviti Warga Emas Seputeh | 24 | 24 | 4 | 16.7 |
| | 3. Pusat Pengajian Darul Ilmi | 8 | 8 | 2 | 25.0 |
| | 4. King George V | 37 | 35 | 0 | 0 |
| Titiwangsa | 5. Pusat Warga Tua NASCOM | 9 | 9 | 5 | 55.6 |

| | | | | | |
|---------------|--------------------------------------|----|----|----|------|
| | 6. Sevoy Nursing Home Setapak Indah | 19 | 19 | 10 | 52.6 |
| | 7. Sevoy Nursing Home Desa Melawati | 24 | 24 | 18 | 75.0 |
| Kepong | 8. Rumah WE Taman Wahyu | 20 | 20 | 8 | 40.0 |
| Cheras | 9. Pusat Jagaan Harian WE | 33 | 33 | 20 | 60.6 |
| | 10. Pusat Jagaan Kebajikan Ti-ratana | 8 | 8 | 0 | 0 |

Terdapat 10 buah institusi WE yang telah diliputi pada tahun 2019. Semua institusi ini dilawat lebih daripada sekali. Aktiviti yang dijalankan adalah pemeriksaan & rawatan pergigian serta aktiviti pendidikan kesihatan. Peratus kes selesai rendah disebabkan oleh banyak faktor. Antaranya adalah kurang kerjasama daripada pihak penghuni WE institusi tersebut.

Cabaran

1. Sikap WE yang kurang berminat untuk rawatan pergigian (hanya datang ke klinik bila terdapat '*sign & symptom*' sahaja)
2. Tempoh temujanji yang lama menyebabkan pesakit WE lupa & tidak hadir untuk rawatan
3. Pegawai & pembantu pembedahan pergigian (PPP) tidak / lupa '*claim*' kes selesai bagi pesakit WE yang telah selesai rawatan
4. Pesakit WE di institusi mempunyai pelbagai masalah kesihatan kronik / '*bed ridden*'-sukar untuk buat rawatan
5. Masalah pengangkutan untuk hadir ke klinik bagi rawatan pembuatan denture (memerlukan bantuan orang lain)
6. Tiada '*consent*' daripada pihak keluarga bagi WE yang tidak dapat beri '*consent*' sendiri (*Dementia, Alzheimer*)
7. Penjaga / jururawat di institusi tidak mahu mengambil risiko untuk memberi '*consent*' bagi sebarang rawatan pergigian.

Tindakan Penambahbaikan

1. Promosi kesihatan pergigian perlu dipertingkatkan lagi dengan cara yang lebih menarik dan mudah difahami oleh WE. Pada tahun 2019 lawatan ke institusi WE dijalankan dengan penglibatan '*dedicated promotion team*' (DPT). Diharap gandingan bersama bahagian promosi ini akan memberikan lebih kesedaran kepada WE tentang kepentingan kesihatan pergigian
2. Kursus untuk anggota pergigian dalam pengendalian WE akan diteruskan bagi memberikan pengetahuan dan maklumat terkini dalam Program kesihatan pergigian WE
3. Temujanji diberi kepada pesakit WE sehingga kes selesai
4. Keutamaan diberikan kepada pesakit WE semasa rawatan pesakit luar dan rawatan *stat* dibuat jika masa mengizinkan
5. Taklimat kepada pegawai & pembantu pembedahan pergigian (PPP) tentang keperluan merekod kes selesai bagi WE
6. Menghubungi pihak keluarga untuk mendapatkan '*consent*' rawatan bagi pesakit WE di institusi
7. Merujuk kepada Pakar Pergigian Keperluan Khas / Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial bagi pesakit yang mempunyai masalah kesihatan kronik

KESIMPULAN


Secara keseluruhan pencapaian perkhidmatan pergigian WE pada tahun 2019 adalah memuaskan. Namun masih banyak usaha yang perlu dijalankan bagi memastikan WE mencapai kesihatan pergigian yang optima memandangkan peningkatan populasi WE yang ketara dengan adanya kemudahan kesihatan yang baik.

Anggota Pergigian daripada pelbagai kategori jawatan memainkan peranan yang amat penting dalam penyampaian perkhidmatan pergigian kepada golongan WE. Hal ini bergantung kepada tugas hakiki mereka, terutamanya pegawai pergigian, juruterapi pergigian, pembantu pembedahan pergigian dan pembantu perawatan kesihatan yang bertanggungjawab sebagai '*clinician*', '*health promoter*' dan fasilitator.

6.9.5 Program Kesihatan Pergigian Warga Emas (WE)


Perkhidmatan pesakit luar adalah antara perkhidmatan utama yang diberikan oleh Bahagian Kesihatan Pergigian. Pelaksanaan program adalah bertujuan untuk memastikan kesihatan pergigian dalam kalangan penduduk dapat ditingkatkan serta kualiti dapat diberikan secara berterusan.

Pencapaian/Penemuan



Rajah 6.82: Jumlah Kedatangan Perkhidmatan Pesakit Luar : Januari-Disember 2019

Jumlah kedatangan pesakit luar adalah menurun pada tahun 2019 dengan 372,863 orang. Walaubagaimanapun, jumlah kedatangan pesakit baru meningkat pada tahun 2019 dengan sebanyak 214,715 orang berbanding tahun 2018.



Rajah 6.83 : Kedatangan Perkhidmatan Pesakit Luar (Mengikut Kategori) : Januari-Disember 2019

Kesemua kategori telah mendapatkan perkhidmatan pesakit luar pada tahun 2019. Kategori Orang Dewasa mencatatkan jumlah kedatangan pesakit luar yang paling tinggi pada tahun 2019 sebanyak 232921 orang pesakit. Namun begitu, jumlah ini berkurang berbanding pada tahun 2018.



Jadual 6.87: Kedatangan Perkhidmatan Pesakit Luar (Mengikut Klinik): Januari-Disember 2019

| BIL | KP | KEDATANGAN PESAKIT LUAR MENGIKUT KATEGORI JAN-DIS 2019 | | | | | | | | | |
|-----|--------------|--|---------|---------|---------|-------------------|--------|--------|----------|--------|------|
| | | PRA SEK | SEK REN | SEK MEN | KKI/OKU | IBU MENGANDUNG | DEWASA | W.EMAS | W. ASING | JUMLAH | UNIT |
| 1 | Cahaya Suria | 508 | 838 | 1101 | 415 | 56 | 17868 | 7672 | 236 | 28694 | 6 |
| 2 | Bangsar | 1080 | 1944 | 1191 | 380 | 133 | 22036 | 5817 | 400 | 32981 | 6 |
| 3 | P.Bahagia | 857 | 1290 | 657 | 1 | 57 | 13891 | 7731 | 71 | 24555 | 4 |
| 4 | Tanglin | 541 | 799 | 318 | 23 | 63 | 10278 | 4945 | 63 | 17030 | 4 |
| 5 | Cheras | 2198 | 2404 | 970 | 82 | 79 | 14540 | 5269 | 159 | 25701 | 4 |
| 6 | Cheras Baru | 176 | 375 | 236 | 15 | 36 | 3334 | 1448 | 13 | 5633 | 3 |
| 7 | B. Tun Razak | 976 | 1244 | 413 | 4 | 84 | 7576 | 1579 | 60 | 11936 | 2 |
| 8 | D. Keramat | 1371 | 1574 | 645 | 22 | 61 | 13660 | 2316 | 76 | 19725 | 4 |
| 9 | Setapak | 403 | 499 | 507 | 81 | 32 | 3541 | 1490 | 50 | 6603 | 3 |
| 10 | Kg Pandan | 612 | 887 | 458 | 52 | 65 | 5740 | 1979 | 42 | 9835 | 3 |
| 11 | PULAPOL | 237 | 450 | 1552 | 25 | 98 | 4690 | 890 | 6 | 7948 | 2 |
| 12 | KPKL | 2830 | 2838 | 1448 | 492 | 530 | 24208 | 5456 | 631 | 38430 | 5 |
| 13 | Jinjang | 1639 | 2065 | 1366 | 391 | 166 | 19479 | 8211 | 221 | 33538 | 5 |
| 14 | Batu | 813 | 986 | 443 | 87 | 100 | 7727 | 2358 | 167 | 12681 | 2 |
| 15 | Sentul | 316 | 473 | 406 | 19 | 15 | 7509 | 2456 | 78 | 11273 | 4 |

| | | | | | | | | | | | |
|-----------|-------------------------|--------------|--------------|--------------|-------------|-------------|---------------|--------------|-------------|---------------|-----------|
| 16 | Putrajaya | 2700 | 2982 | 1073 | 38 | 493 | 14620 | 1703 | 12 | 23621 | 3 |
| 17 | Putrajaya P18 | 4068 | 5105 | 1387 | 0 | 516 | 19088 | 2331 | 69 | 32564 | 4 |
| 18 | Puspanitapuri | 0 | 0 | 0 | 0 | 76 | 2645 | 81 | 0 | 2802 | 1 |
| 19 | KPPA | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1110 | 0 | 0 | 1110 | 1 |
| 20 | UTC Pudu Sentral | 215 | 381 | 115 | 0 | 17 | 5653 | 591 | 54 | 7026 | 2 |
| 21 | UTC Sentul | 1225 | 1767 | 429 | 153 | 165 | 13728 | 1596 | 114 | 19177 | 6 |
| 22 | WPKL & P | 22765 | 28901 | 14715 | 2280 | 2842 | 232921 | 65919 | 2522 | 372863 | 68 |

Berdasarkan jadual diatas, klinik pergigian yang mempunyai jumlah pesakit luar yang tertinggi pada tahun 2019 adalah Klinik Pergigian Kuala Lumpur dengan jumlah 38420 orang pesakit, diikuti oleh Klinik Pergigian Jinjang sebanyak 33538 orang pesakit kemudian Klinik Pergigian Bangsar sebanyak 32981 orang pesakit.



Jadual 6.88: Penunjuk Prestasi Utama (KPI) Pesakit Luar: Januari-Disember 2019

| KRA | KPI | SASARAN 2019 | SASARAN NEGERI 2019 (%) | N | D | PENCAPAIAN 2019 (%) | CATATAN |
|---|--|---|-------------------------|--------|--------|---------------------|-----------|
| Akses kepada perkhidmatan kesihatan pergigian | 1. Peratus klinik pergigian yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari | >84% (Tambah 15 KP pada tahun 2019 - Kumulatif 568) | 100 | 20 | 20 | 20 | 100 |
| Pemberian Perkhidmatan Dentur | 15. Peratus pesakit mendapat dentur dalam tempoh 3 bulan | ≥64% | ≥64% | 1999 | 3071 | 65.4 | 3 bulanan |
| | 16. Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu | ≥50% | ≥50% | 736 | 1808 | 40.7 | 3 bulanan |
| Indeks Pematuhan Piagam Pelanggan | 22. Peratus pesakit luar yang mendapat rawatan dalam masa 60 minit | ≥86% | ≥86% | 202798 | 265632 | 76.3 | 3 bulanan |
| Indeks Kepuasan Pelanggan | 23. Peratus pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan/ rawatan yang diterima | ≥95% | ≥95% | 940 | 950 | 98.9 | 3 bulanan |

Terdapat 5 Penunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Perkhidmatan Pesakit Luar. Kesemua penunjuk ini mencapai sasaran yang disasarkan pada tahun 2019 kecuali Penunjuk Prestasi Utama (KPI) peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam masa 8 minggu dan peratus pesakit luar yang mendapat rawatan dalam masa 60 minit. Penunjuk Prestasi Utama (KPI) peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam 8 minggu hanya mencapai 40.7% pada tahun 2019 (sasaran: ≥50%). Seterusnya, peratus pesakit luar yang mendapat rawatan dalam masa 60 minit tidak mencapai dengan 76.3% sahaja

Kelemahan

1. Penutupan sebahagian fasiliti pada tahun 2019 disebabkan oleh projek pembangunan yang dijalankan mengakibatkan lambakan pesakit di fasiliti lain. Bilangan kedatangan pesakit yang hadir secara serentak/ramai terutamanya pada satu- satu masa (contoh: 8 pagi) mengakibatkan proses pendaftaran mengambil masa yang lama (manual/sistem).
2. Satu rawatan STAT yang diberikan kepada pesakit tidak mengira tahap kesukaran rawatan tersebut, dimana terbahagi kepada rawatan STAT ringkas (*scaling*, tampalan, cabut gigi longgar) dan rawatan STAT kompleks (cabutan susah, tampalan besar, *pulp extirpation*). Terdapat pegawai yang mengambil masa yang lama dalam memberikan rawatan STAT.
3. Ratio diantara pegawai pergigian melebihi juruteknologi pergigian (JP) di setiap fasiliti dimana permintaan pembuatan dentur adalah tinggi.
4. Majoriti pesakit yang meminta dentur di fasiliti adalah dikalangan warga emas.

Cadangan Penambahbaikan/Pembetulan

1. Mewujudkan bilik saringan bagi pesakit yang hadir selepas setiap bilik surgery (25 pesakit/bilik surgery) telah dipenuhi dan didaftarkan. Mewujudkan inovasi dalam sistem pendaftaran di fasiliti agar lebih berkesan.
2. Meningkatkan kompetensi pegawai pergigian dengan memberikan latihan secara berterusan, menggalakkan pegawai yang mengalami kesukar supaya merujuk kes kepada *supervisor*/pegawai senior.
3. Saringan semula pesakit dentur dan mengutamakan/memberi slot khas warga emas pada setiap anggota setiap bulan.
4. Meningkatkan komunikasi dan kolaborasi antara pegawai dan juruteknologi dimana penggantian anggota dilakukan sekiranya anggota bertugas perlu menghadiri kursus, cuti rehat atau cuti sakit bagi mengelakkan penukaran tarikh temujanji pesakit dentur warga emas.

6.9.6 Pencapaian Pesakit Luar Dentur Bahagian Kesihatan Pergigian Jkwpl & P 2019

Program Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pesakit Luar diberi kepada semua lapisan masyarakat. Rawatan seperti tampalan, penskaleran, cabutan, dentur dan lain- lain rawatan pergigian disediakan mengikut keperluan dan permintaan pelanggan. Rawatan dentur merupakan rawatan yang mendapat permintaan yang tinggi di klinik kerajaan. Perkhidmatan pembuatan dentur merupakan rehabilitasi semula fungsi pergigian pesakit yang telah kehilangan gigi.


Kepuasan pelanggan diberi keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan. Kepuasan ini dipantau melalui maklumbalas pelanggan, kajian dan pencapaian prestasi. Di bawah pembuatan dentur, prestasi pencapaian di ukur melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Terdapat dua KPI berkaitan pemberian perkhidmatan dentur yang dipantau.

Pelan tindakan dentur telah di rangka berdasarkan '*Guide to management of long denture waiting time*' yang di keluarkan oleh Program Kesihatan Pergigian , Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2014.

Objektif

- i. Mengurangkan masa menunggu mendapatkan dentur di klinik pergigian primer kerajaan
- ii. Mengurangkan senarai menunggu dentur
- iii. Meningkatkan kepuasan pelanggan dengan memenuhi permintaan untuk rawatan dentur dan mengurangkan masa menunggu untuk menerima dentur.
- iv. Meningkatkan pencapaian KPI denture


Pencapaian Dentur



Rajah 6.84: Nisbah Hasil Kerja Dentur Juruteknologi Pergigian Mengikut Zon JKWPKL & P Tahun 2019

Hanya Zon Kepong mencapai sasaran 25 kes dentur sebulan bagi setiap Juruteknologi Pergigian .Pembaikan dentur tertinggi juga di Zon Kepong Penghasilan dentur tertinggi adalah di Klinik Pergigian Jinjang .Klinik ini juga mempunyai 422 pesakit didalam senarai menunggu mereka. Klinik lain yang mempunyai senarai menunggu dentur ialah Klinik Pergigian Kuala Lumpur iaitu sebanyak 208 pesakit.Ini menunjukkan permintaan perkhidmatan dentur yang sangat tinggi .

Zon Titiwangsa menunjukkan pencapaian terendah kerana Klinik Pergigian Pandan telah di tutup selama 4 bulan di samping masalah gangguan bekalan air yang sangat kerap.Begitu juga Klinik Pergigian Setapak hanya beroperasi selepas bulan Oktober 2019 bagi memberi laluan bagi pemasangan kerusi pergigian di bawah program MEET.



Rajah 6.85: Trend Pencapaian Nisbah Hasil Kerja Dentur Juruteknologi Pergigian Mengikut Zon JKWPKL & P dari tahun 2017 sehingga 2019

Trend penghasilan dentur bagi Zon Titiwangsa, Cheras dan Putrajaya menunjukkan peningkatan pada 2018 berbanding dari tahun 2017 tetapi menurun pada tahun 2019. Bagi Zon Lembah Pantai dan Kepong menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 selepas menurun pada tahun 2018.

Jadual 6.89: Hasil Dentur Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL & P 2017 sehingga 2019

| TAHUN | DENTUR | PEMBAIKAN DENTUR | NISBAH DENTUR BAGI SETIAP JT |
|-------|--------|------------------|------------------------------|
| 2017 | 8934 | 2680 | 19.9 |
| 2018 | 8082 | 2696 | 17.1 |
| 2019 | 8634 | 2631 | 17.1 |

Penghasilan dentur oleh setiap JT menunjukkan penurunan berbanding tahun 2017. Penghasilan hasil kerja JT juga perlu di lihat bersama hasil kerja lain termasuk aplians pakar terutamanya pakar ortodontik kerana ini juga penyumbang kepada hasil kerja dentur yang rendah seperti di Zon Lembah Pantai yang mempunyai bilangan pakar ortodontik paling ramai.

6.9.7 Pencapaian Pelan Tindakan Dentur Jkwpl & P 2019

Jadual 6.90: Ringkasan Pencapaian Pelan Tindakan Dentur JKWPKL & P 2019

| BIL | INDIKATOR | SASARAN | PENCAPAIAN |
|-----|---|-----------------------------|------------|
| 1. | Bil. temujanji setiap peringkat yang tempohnya ≤ 10 hari bekerja | 100% | 34.2%. |
| 2. | Bil PP diberi taklimat mengenai garis panduan MOGC | 100% | 98.9% |
| 3. | Bil klinik yang dibantu | 5 klinik peringkat WPKL & P | 1 |
| 4. | Jumlah JT mencapai sasaran 25 kes/bulan | 100% | 19% |
| 5. | Peratus JT kerja lebih masa | 30% | 33.3% |
| 6. | Kes ulangan peringkat pembuatan denture | 0% | 1.7% |
| 7. | Kes ulangan denture selepas diisu | 0% | 0.7% |
| 8. | <u>Bilangan PP dilatih</u> | 100% | 53.8% |
| 9. | <u>Bilangan JT dilatih</u> | 100% | 79.4% |

Indikator utama yang menyumbang kepada penurunan pencapaian KPI dentur adalah indikator bilangan 1,4,8 dan 9. Faktor penyumbang untuk indikator 1 adalah JT tidak dapat menyiapkan kes dan slot temujanji PP terhad. Pencapaian indikator 4 perlu di pantau kerana ia menunjukkan hasil kerja yang sangat rendah berbanding sasaran 100% 25 dentur bagi setiap JT. Bagi indikator 8 dan 9 kali terakhir Kursus Dentur dijalankan adalah pada tahun 2017. Ini juga disebabkan kemasukan 'New Dental Officer' yang ramai.

Jadual 6. 90: Pencapaian Sasaran 25 Kes/Bulan/JT Dari 2016 Sehingga 2019

| TAHUN | PENCAPAIAN (%) |
|-------|-----------------|
| 2016 | 61.1 |
| 2017 | 46.2 |
| 2018 | 24 |
| 2019 | 19 |

6.9.8 Pencapaian 'Key Performance Indicator' (Kpi) Dentur

Jadual 6.91: Pencapaian KPI Denture WPKL & P, Tahun 2015 hingga 2019

| KPI | INDIKATOR | SASAR AN | PENCAPAIAN | | | | |
|-----|--|-------------|------------|-------|-------|-------|--------------|
| | | | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| 15. | Peratus pesakit mendapat dentur dalam tempoh 3 bulan | ≥ 64.0% | 41.7% | 65.4% | 65.3% | 68.1% | 65.1% |
| 16. | Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu | ≥ 50% | 31.6% | 38.8% | 39.2% | 37.7% | 40.7% |

Trend pencapaian KPI dari tahun 2015 sehingga 2019 menunjukkan:

- ✓ KPI nombor 15 menunjukkan peningkatan dari 2015 hingga 2018 tetapi bagi 2019 menunjukkan sedikit penurunan tetapi masih lagi mencapai sasaran.
- ✓ KPI nombor 16 menunjukkan peningkatan dari 2015 hingga 2017, menurun pada 2018 tetapi menunjukkan sedikit peningkatan bagi tahun 2019 tetapi masih tidak mencapai sasaran.

Cabaran

Pembuatan gigi palsu di klinik pergigian mengambil masa yang agak lama disebabkan oleh permintaan yang banyak dan juga beban kerja di klinik yang tinggi. Masa menunggu untuk memulakan rawatan dentur sahaja mengambil masa yang lama dan ini belum mengambil kira masa untuk memproses dentur. Sebahagian Juruteknologi Pergigian di klinik yang mempunyai perkhidmatan kepakaran juga menjalankan kerja-kerja membuat prostesis untuk pakar pergigian. Beban kerja yang tinggi biasanya melibatkan kepakaran ortodontik. Ini dapat dilihat dari pencapaian dentur Zon Lembah Pantai yang rendah .

Selain dari faktor diatas, pada tahun 2019 berlaku isu bahan 'stone' yang rapuh dan mudah patah. Ini melambatkan proses pembuatan kerana perlu ulang peringkat pembuatan. Bekalan gigi akrilik dan bur yang terputus juga menyumbang kepada penghasilan dentur yang menurun. Beberapa klinik juga terlibat dengan pengubahsuaian fasiliti dan masalah gangguan bekalan air yang menyebabkan penurunan hasil dentur.

Cadangan Penambahbaikan

- i. Pematuhan kepada '*Guide to management of long denture waiting time*' dan kriteria '*fit for denture*'
- ii. Bekalan bahan dan peralatan yang berkualiti dan mencukupi .
- iii. Pemantauan yang teliti keatas pencapaian hasil kerja JT yang rendah berbanding sasaran 25 dentur bagi setiap JT di peringkat klinik dan zon.
- iv. Hasil kerja di peringkat klinik/zon perlu di analisa bagi memaksimumkan penghasilan dentur dan pembahagian tugas yang lebih saksama dengan '*redeploy*' Juruteknologi Pergigian atau klinik lain bantu klinik dengan beban kerja yang tinggi. .Ini boleh juga di jalankan jika sesuatu fasiliti dalam proses ubahsuai.
- v. Punca kelewatan yang disebabkan oleh Pegawai Pergigian juga perlu ditangani kerana kecekapan, kemahiran dan pemahaman berbeza oleh sebab latarbelakang pendidikan yang berbeza.

- vi. Kemahiran teknikal adalah penting untuk membuat dentur secara pantas dan berkualiti .Pegawai Pergigian dan Juruteknologi Pergigian adalah terdiri dari pelbagai latar belakang latihan/pengajian/pendedahan yang berbeza. Terdapat anggota lama yang memerlukan 'refresher course' .Oleh itu proses pembuatan dentur yang seragam dan menepati standard perlu disampaikan kepada mereka melalui latihan tertentu secara berterusan. Kali terakhir Kursus Dentur dijalankan pada 2017. Memandangkan peruntukan latihan yang terhad, latihan di peringkat klinik disarankan.

Kesimpulan

Pencapaian hasil dentur perlu di tangani secara menyeluruh .Isu yang dikatakan disebabkan kekurangan Juruteknologi Pergigian tidak dapat dipastikan kerana ia sepatutnya di tunjukkan dengan beban atau hasil dentur yang tinggi.

Pegawai Pergigian Daerah dan Pegawai Pergigian Yang Menjaga perlu mengadakan perbincangan bersama Juruteknologi Pergigian dan Pegawai Pergigian bagi menangani isu-isu atau masalah berkaitan penghasilan dentur di peringkat klinik dan zon.

Aktiviti pencegahan yang berkesan bagi program-program toddler, sekolah, ibu mengandung dan orang dewasa sepatutnya di pertingkatkan bagi meningkatkan status kesihatan mulut dan seterusnya mengurangkan permintaan dentur.



CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN KESIHTAN PERGIGIAN

6.10 PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN KESIHTAN PERGIGIAN

6.10.1 Laporan Projek Pembangunan 2019

Projek-projek pembangunan yang dikendalikan dan dipantau oleh Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (BKP JKWPKL&P) terbahagi kepada:

1. Projek Rancangan Malaysia Ke- 11(RMK)
2. Projek Bukan Rancangan Malaysia Ke- 11(Bukan RMK)
3. Projek BP00600
4. Pembaikan kecil dan penyelenggaraan klinik

1. PROJEK RMK

| BIL | NAMA PROJEK | STATUS |
|-----|---|--|
| a. | <p>Klinik Kesihatan (Jenis 2) Taman Batu Muda Kuala Lumpur</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lima (5) kerusi pergigian: <ul style="list-style-type: none"> • satu (1) Kepakaran Periodontik, • empat (4) Primer - Tarikh Milik Tapak: 03.07.2017 | <p>Projek tidak dapat disiapkan mengikut Tarikh Siap Asal pada 30.06.2019.</p> <p>Lanjutan masa (EOT) diluluskan sebanyak 2 kali iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> - sehingga 09.10.2019 - sehingga 16.12.2019 <p>Walau bagaimanapun, status Kemajuan Kerja Fizikal sebenar sehingga 11.12.2019 ialah 99.0% iaitu lewat 33 hari dari jadual.</p> <p>Pihak kontraktor menjangkakan kerja akan disiapkan pada 31.12.2019. Denda / gantirugi (LAD) akan dikenakan ke atas pihak kontraktor mulai 17.12.2019</p> |

| | | |
|-----------|--|---|
| | <p>- Tarikh Siap Asal 30.06.2019</p> | <p>sebanyak RM4,600.00 bagi setiap hari kelewatan.</p> |
| <p>b.</p> | <p>Pusat Pakar (Non Hospital) / KK Presint 6</p> <p>- Klinik Kesihatan (Jenis 3) dan Pusat Pakar Pergigian, Presint 6, Putrajaya</p> <p>- Lapan belas (18) kerusi pergigian asal:</p> <ul style="list-style-type: none"> • enam (6) Kepakaran Ortodontik, • lima (5) Kepakaran Periodontik, • lima (5) Kepakaran Restoratif • dua (2) Kepakaran <i>Public Health</i> <p>- Status Pusat Pakar ditukar kepada Klinik Pakar Pergigian dengan</p> | <p>Mesyuarat Semakan Semula Skop Projek telah diadakan di Ibu Pejabat JKR Malaysia pada 28.08.19 bagi membincangkan pengurangan skop projek kerana kos dianggarkan bernilai RM47 juta iaitu telah melebihi peruntukan asal RM40 juta.</p> <p>Antara skop bagi Pergigian yang dikurangkan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bilangan Surgeri Pergigian dikekalkan tiga belas (13) buah; (lapan (8) pakar + lima (5) primer) - Bilangan Kerusi Pergigian dibekalkan dalam projek adalah empat (4) buah; (dua (2) kerusi pakar dan dua (2) kerusi pegawai) + lima (5) primer - Jumlah sembilan (9) Kerusi Pergigian Sahaja. <p>Bilangan <i>Dental Technologist Workstation</i> (DTW) dikurangkan daripada enam (6) kepada empat (4) unit sahaja. Tetapi ruang dikekalkan untuk DTW pada masa hadapan.</p> <p>Aset <i>Group</i> 3 dan 4 juga dikurangkan supaya mencapai RM40 juta.</p> <p>Di peringkat memuktamadkan Susunatur Dalam Bil 2/2019 (mesyuarat terkini diadakan pada 19.12.2019).</p> <p>Beberapa pindaan yang disarankan akan dibetulkan</p> |

| | | |
|----|---|---|
| | lapan (8) kerusi (2018) | oleh Arkitek dan perlu disiapkan sebelum 15.01.2020. |
| c. | <p>Klinik Kesihatan (Jenis 2) dan Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai</p> <p><i>Rolling Plan</i> Ketiga (RP3) (2018 - 2019) RMK11</p> | <p>Keputusan Mesyuarat Pemantauan <i>Strategic Response Team</i> (STRIKE) yang telah diadakan pada 02.02.2018 di Pejabat Ketua Setiausaha Negara memutuskan projek Klinik Kesihatan (Jenis 2) dan Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai akan dilaksanakan di bawah <i>Rolling Plan</i> Ketiga (2018 - 2019) RMK 11 melalui butiran projek Kerja Awalan Fasiliti Kesihatan (Projek ini juga telah di pohon oleh JKWPKL&P di bawah <i>Rolling Plan</i> Keempat (2019 - 2020) RMK11).</p> <p>Bahagian Pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meminta penyediaan <i>Medical Brief of Requirements</i> (MBOR) pada 27.09.2019 kerana Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah meluluskan projek untuk dilaksanakan perancangan dan kerja-kerja awalan.</p> <p>MBOR yang telah disemak dan dikemaskini telah diserahkan kepada Bahagian Pembangunan KKM melalui Pejabat Kesihatan Lembah Pantai pada 02.12.2019</p> |



2. PROJEK BUKAN RMK

| BIL | NAMA PROJEK | STATUS |
|-----|---|--|
